APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

WILAYAH SABAH

SABAH | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN

2025

Jilid 5 (Wilayah Sabah)

Kompilasi Laporan
Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025
(Jilid 5: Wilayah Sabah)

Disunting Oleh:
Kezia Sim Kui Ting

Laporan Disediakan Oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx
Nor Amirul Pukin
Nurrul Fazlina Osman
Fatimah Mohd Yasin
Prof. Madya Dr. Ramli
Jamal Bin Gabir
Mohd Yusri Wahid
Nur Fadilah Mohamad

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:
Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1 Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

© Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari, 2025

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Pandangan dan pendapat yang diutarakan dalam buku ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan penerbit.

ISBN:

Sidang Editorial

Penyunting	Kezia Sim Kui Ting
Penulis	Mc Jeanet Lempisik @ Marx Nor Amirul Pukin Nurrul Fazlina Osman Fatimah Mohd Yasin Prof. Madya Dr. Ramli Jamal Bin Gabir Mohd Yusri Wahid Nur Fadilah Mohamad
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

ISI KANDUNGAN

II
Kata Aluan

III
Kata Pengantar

IV
Pengenalan

1
P.166 Labuan 1
A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 2 - 16
B) Laporan Pemetaan Isu 17- 93

2
P.170 Tuaran 94
A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 95 - 113
B) Laporan Pemetaan Isu 114 - 236

3
P.173 Putatan 237
A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 238 - 255
B) Laporan Pemetaan Isu 256 - 359

4
P.189 Semporna 360
A) Laporan Lawatan Pemetaan Isu 361 - 374
B) Laporan Pemetaan Isu 375 - 514

KATA ALUAN

YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BANDY
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Kalabakan (P.191)

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen – Wilayah Sabah 2025.* Usaha pemetaan ini bukan sekadar himpunan data; ia menzahirkan iltizam kita untuk benar-benar mendengar suara komuniti dari pesisir hingga pedalaman, dari bandar ke kampung dan menterjemahkannya menjadi tindakan.

Sabah memiliki kekuatan yang istimewa dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang harmoni, khazanah alam semula jadi yang luas, serta potensi ekonomi yang merentasi perikanan, pertanian, pelancongan, tenaga boleh baharu dan sumber semula jadi. Pada masa yang sama, kita berdepan pelbagai isu dan cabaran struktural yang memerlukan perhatian konsisten. Laporan ini mengangkat cabaran tersebut dengan telus, dan yang lebih penting, mengemukakannya sebagai agenda kerja yang boleh dilaksanakan.

Pendekatan libat urus komuniti yang digerakkan telah memperkukuhkan prinsip bahawa isu ditentukan oleh komuniti, keutamaan dipilih secara telus, dan cadangan diikat dengan peranan pelaksana yang jelas. Melalui kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kita menempatkan realiti tempatan sebagai pandu arah yang meletakkan SDG sebagai kompas, bukan beban birokrasi. Peningkatan kualiti prasarana dan perhubungan yang menyokong ekonomi wilayah (SDG 9), pengukuhan kesejahteraan penempatan bandar dan luar bandar yang menambah daya tahan komuniti (SDG 11), pemerkasaan pekerjaan dan keusahawanan yang memanjangkan nilai dalam rantaian ekonomi setempat (SDG 8), serta tadbir urus sumber air, pesisir dan hutan yang menjamin kesinambungan modal

semula jadi Sabah (SDG 13, 14 dan 15) dan semuanya digarap sebagai hala tuju yang praktikal.

Lebih daripada sebuah laporan, dokumen ini berfungsi sebagai kompas pelaksanaan: menetapkan sasaran hasil yang nyata, menyelaras peranan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, memperincikan keperluan kapasiti agensi pelaksana, serta memperluas ruang penglibatan komuniti dan rakan masyarakat sivil dalam pemantauan. Kejayaan kita tidak akan diukur pada bilangan halaman, tetapi pada air paip yang mengalir ke rumah yang memerlukan, jalan penghubung yang siap dan selamat, lesen perniagaan yang diluluskan secara telus dan cepat, serta peluang ekonomi yang terhasil di kampung dan pekan.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Sekretariat APPGM-SDG, para Pengarah, Ahli-ahli Parlimen di Sabah, kerajaan Wilayah dan Persekutuan serta agensi-agensinya, pihak berkuasa tempatan, rakan sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, serta seluruh komuniti yang menjadi nadi pemetaan ini. Semoga penerbitan ini menjadi asas yang kukuh untuk kita melangkah lebih jauh serta menjadikan Wilayah Sabah sebagai model pembangunan yang maju, makmur, dan mampan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ
Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif, APPGM SDG

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihimpunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

MC JEANET LEMPISIK @ MARX
Pemangku Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG

Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).

Rajah 1 : 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejituan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai

langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program perlaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI WILAYAH SABAH

Wilayah Sabah yang terdiri daripada Parlimen Tuaran, Putatan, Semporna dan Labuan memperlihatkan kepelbagaian demografi, sosioekonomi dan geografi yang menggambarkan corak pembangunan tidak sekata antara Sabah dan Wilayah Persekutuan. Tuaran menonjol dengan komposisi masyarakat Kadazandusun dan Bajau serta kekuatan dalam pelancongan budaya dan agro, disokong oleh tanah subur dan pesisir pantai yang produktif untuk pertanian serta perikanan. Putatan, sebagai daerah pesisir berhampiran Kota Kinabalu, berkembang pesat dengan ciri separa bandar dan menjadi tumpuan perdagangan kecil serta perkhidmatan, meskipun terdedah kepada tekanan urbanisasi. Semporna, bermajoriti Bajau Laut dan Suluk, mempunyai keunikan tersendiri melalui tarikan maritim seperti Taman Marin Tun Sakaran dan Pulau Sipadan, namun terus berdepan cabaran kemiskinan, kekangan akses pendidikan dan isu dokumentasi penduduk. Labuan, sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat kewangan luar pesisir, menampilkan komuniti kosmopolitan dengan ekonomi teras dalam minyak dan gas, logistik, perdagangan serta pelancongan. Di sebalik kelebihan tersendiri, kawasan-kawasan ini berkongsi corak isu rentas komuniti yang melibatkan keterhadapan infrastruktur asas, ketidakseimbangan peluang ekonomi, cabaran penyertaan belia dan wanita dalam pasaran kerja, serta tekanan ekologi akibat pembangunan pesisir dan ekonomi berasaskan sumber.

Salah satu isu yang paling menonjol ialah pengurusan sisa pepejal, yang jelas berkait rapat dengan kedudukan geografi pesisir, pertumbuhan penduduk, serta aktiviti pelancongan dan ekonomi berintensifkan sumber. Di Tuaran, pertambahan hasil sisa berpunca daripada pembangunan pelancongan dan pertanian yang kurang disokong sistem pengasingan dan kitar semula. Putatan pula berdepan lambakan sampah akibat kepadatan penduduk dan pembangunan komersial yang pesat. Di Semporna, pencemaran pesisir dan laut menjejaskan ekosistem marin serta reputasi pelancongan, manakala Labuan bergelut dengan kapasiti tapak pelupusan yang terhad serta pencemaran plastik marin, walaupun statusnya sebagai pusat perdagangan dan pelancongan antarabangsa. Corak sepunya ini mencerminkan kelemahan infrastruktur pengurusan sisa yang tidak seiring dengan kadar penghasilan sampah, sekali gus meletakkan tekanan tambahan kepada komuniti pesisir dan pulau. Hal ini menuntut pendekatan rentas daerah untuk membina sistem pengurusan sisa yang lebih mampan, inovatif, dan inklusif.

Selain itu, isu kebajikan dan penuaan penduduk semakin signifikan merentasi keempat-empat kawasan. Peningkatan populasi warga emas tanpa sokongan komuniti dan fasiliti penjagaan yang mencukupi bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan golongan tersebut tetapi turut membebankan keluarga berpendapatan rendah. Dari segi ekonomi, keterbatasan penglibatan warga emas dalam pasaran kerja menyumbang kepada penurunan produktiviti, sementara kos penjagaan terus meningkat tanpa sistem sokongan sosial yang kukuh. Implikasi terhadap alam sekitar muncul apabila tenaga kerja muda yang semakin berkurangan tidak mampu menampung keperluan sektor asas seperti pertanian, perikanan, dan pengurusan sumber, sekali gus melemahkan daya tahan ekosistem. Dari perspektif tadbir urus, cabaran ini menuntut dasar lebih inklusif yang menekankan kebajikan, kesihatan, akses perkhidmatan, dan infrastruktur mesra warga emas. Oleh itu, intervensi jangka pendek dan sederhana perlu dipandu kepada pengukuhan pusat komuniti warga emas, penyediaan latihan penjaga *(caregiver),* skim sokongan keluarga, serta penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial dan ekonomi ringan, bagi memastikan golongan ini terus menyumbang secara bermakna kepada kesejahteraan dan ketahanan komuniti.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
						Kuching Selatan (MBKS)	
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.166 Labuan

Fatimah Mohd Yasin
Nor Amirul Bin Pukin
Nurrul Fazlina Osman
Mc Jeanet Lempisik @ Marx

P.166 LABUAN

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 2 - 16

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 19 - 24
1.1 Geografi/Topografi 19
1.2 Komposisi Penduduk 20
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 20
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 22

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 25 – 28
2.1 Pendekatan Kajian 25
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 26
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 26
2.4 Keterbatasan Kajian 27

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 29 – 36

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 37 – 89
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 37
4.2 Pengutamaan Isu 76

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 89

6.0 RUJUKAN 91

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.166 Labuan

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN LABUAN, YB DATO' INDERA DR. SUHAILI ABDUL RAHMAN

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

26 Feb - 28 Feb 2025
(Rabu - Jumaat)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Kg. Lubuk Temiang
2. FGD 2: Komuniti Sungai Badaun
3. Lawatan Tapak 1: Penternakan Udang

HARI 2

4. FGD 3: Komuniti Kraf Tangan
5. FGD 4: Komuniti Ibu Tunggal
6. FGD 5: Komuniti Penjaja & Komuniti NGO
7. FGD 6: Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan
8. Lawatan Tapak 2: Koperasi Wanita Labuan Berhad
9. Lawatan Tapak 3: Tanjung Aru, Labuan

HARI 3

10. FGD 7: Komuniti Perbadanan Labuan (PL)
11. Lawatan Tapak 4: Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Labuan
12. Lawatan Tapak 5: Kg. Kiansam, Labuan

HARI 4 (12 Mac)

13. FGD 8: Komuniti Kg. Kiansam, Labuan
14. FGD 9: Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Labuan

HARI 5 (13 Mac)

15. FGD 10: Komuniti Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan

PASUKAN PENYELIDIK

FATIMAH MOHD YASIN
(Ketua Penyelidik)



PROF. DATUK DR. DENISON JAYASOORIA

NURRUL FAZLINA OSMAN

NOR AMIRUL PUKIN

ANTHONY TAN KEE HUAT

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 26-28 FEB 2025 (RABU - JUMAAT)

01

6 Februari 2025
Mesyuarat Awalan

02



18 Februari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

03

19 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

04

26 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Kg. Lubuk Temiang

05

26 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Sungai Badaun

06

26 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Penternakan Udang

07

27 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Kraf Tangan

08

27 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Wannita & Ibu Tunggal

09

27 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Koperasi Wanita Labuan Berhad

10

27 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Penjaja & NGO

11

27 Februari 2025
FGD 6: Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan

12

27 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Tanjung Aru, Labuan

13

27 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Perbadanan Labuan (PL)

14

28 Februari 2025
Lawatan Tapak 4: Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Labuan

15

28 Februari 2025
Lawatan Tapak 5: Kg. Kiansam, Labuan

16

12 Mac 2025
FGD 8: 4 Kg. Komuniti Kiansam, Labuan

18

12 Mac 2025
Lawatan Tapak 6: Kg. Kiansam, Labuan

19

12 Mac 2025
FGD 9: Kg. Patau-Patau 1

20

13 Mac 2025
FGD 10: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan

6 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan bagi Parlimen Labuan bersama Dato' Indera Suhaili Abdul Rahman telah diadakan di Parlimen Malaysia. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Prof. Datuk Dr. Denison, Rahmah Othman, James Raj, Dr. Teo Lee Ken, Karuppiah dan Mc Jeanet.

YB Dato' Indera Suhaili Abdul Rahman sangat menyokong akan inisiatif ini dan mencadangkan lawatan tapak pada 26-28 Februari.

18 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Pasukan Sabah telah mengadakan mesyuarat awal dengan pegawai Parlimen Labuan, En. Mohd Farizy. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada persiapan untuk latihan pemetaan isu di kawasan tersebut. Hasil daripada mesyuarat itu, lawatan tapak bagi pemetaan isu telah dijadualkan berlangsung dari 26 hingga 28 Februari 2025.

19 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Nurrul Fazlina dan Fatimah telah menghadiri mesyuarat pra-lawatan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Tn. Ibrahim Tambi beserta pegawai-pegawai teknikal dari pejabat perbandaran Labuan. Turut menghadiri mesyuarat ini adalah Tn. Mohd Rafizi, Pegawai Penyelaras Parlimen Labuan. Mesyuarat dimulakan dengan pengenalan APPGM-SDG dan pemakluman mengenai lawatan pemetaan isu Parlimen Labuan yang dijadualkan berlangsung pada 26 hingga 28 Feb 2025. Perbincangan turut merangkumi permasalahan isu-isu setempat yang dikenal pasti. Tuan Ibrahim menyambut baik dan menyatakan sokongan penuh terhadap usaha APPGM-SDG dalam menyetempatkan SDG di peringkat akar umbi. Hasil pemetaan isu nanti akan dibentangkan dalam sesi Dialog Antara Agensi bagi Parlimen Labuan yang telah ditetapkan pada 7 Mac 2025.

FGD 1: KOMUNITI KG. LUBUK TEMIANG

FGD 1 ini telah melibatkan Komuniti Kg. Lubuk Temiang. Sesi ini telah dihadiri oleh 13 orang Komuniti. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: **(1)** penggunaan bom ikan dari nelayan orang luar; **(2)** isu sempadan; **(3)** isu penyuludupan barang; **(4)** akses pasaran Brunei telah ditutup; **(5)** isu kesihatan; **(6)** perubahan cuaca (musim tengkujung); **(7)** isu penggunaan pukat tunda; **(8)** isu Infrastruktur kawasan penurunan perahu; (9) potensi produk belacan; **(10)** sistem percukaian yang tidak effektif; dan **(11)** isu gangguan monyet.

FGD 2: KOMUNITI SUNGAI BEDAUN

FGD 2 ini telah melibatkan Komuniti Sungai Bedaun. Sesi ini telah dihadiri oleh Ketua Kampung En. Rusmani dan 14 orang Komuniti. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: **(1)** masalah pemasaran hasil tani; **(2)** isu gangguan monyet; **(3)** isu pengangkutan (tiket feri); **(4)** isu kesihatan (keperluan pakar); **(5)** potensi tamu petani; **(6)** isu air; dan **(7)** isu penjualan minuman arak.

LAWATAN TAPAK 1: PENTERNAKAN UDANG

Satu lawatan tapak ke Penternakan Udang di Tanjung Aru telah diadakan. Lawatan ini bertujuan untuk melihat projek yang boleh di aplikasikan secara kecil-kecilan di peringkat Komuniti.

FGD 3: KOMUNITI KRAF TANGAN DAN WANITA

FGD 3 Komuniti kraftangan di VCU Geo Farm, Bukit Kuda. Sesi ini telah dihadiri oleh 12 orang wakil daripada Komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kos pembuatan Kraf tangan manik yang tinggi; **(2)** keperluan kursus pembuatan manik daripada plastik dan kemahiran lain yang boleh menambah nilai kraftangan; **(3)** keperluan pengetahuan dalam menghasilkan manik; **(4)** keperluan satu pusat latihan; dan **(5)** keperluan bangunan untuk memasarkan kraftangan. **(6)** kos sara hidup yang tinggi; **(7)** isu latihan kepimpinan bagi wanita; **(8)** isu kestabilan mental; **(9)** pembangunan sikap dan sahsiah; dan **(10)** keperluan kursus dan latihan penjanaan pendapatan ibu tunggal.

FGD 4: KOMUNITI WANITA DAN IBU TUNGGAL

FGD 4 Komuniti kraftangan di VCU Geo Farm, Bukit Kuda. Sesi ini telah dihadiri oleh 12 orang wakil daripada Wanita dan Ibu tunggal Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kos sara hidup yang tinggi; **(2)** isu latihan kepimpinan bagi wanita; **(3)** isu kestabilan mental; **(4)** pembangunan sikap dan sahsiah; dan **(5)** keperluan kursus dan latihan penjanaan pendapatan ibu tunggal.

FGD 5: KOMUNITI PENJAJA DAN NGO

FGD 5 bersama komuniti penjaja telah dihadiri oleh 15 orang wakil daripada komuniti. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: **(1)** kebergantungan tinggi terhadap bekalan sayur, buah, telur, dan ikan dari luar; **(2)** harga ayam daripada pembekal yang terlalu tinggi (monopoli oleh 1 syarikat pembekal ayam); **(3)** temu janji di klinik pergigian mengambil masa 4 hingga 5 bulan; **(4)** keperluan kursus berkaitan pertanian inovasi; **(5)** masalah sistem perparitan di kawasan UTC (Pasar Ikan); **(6)** keperluan pembinaan jambatan menghubungkan Labuan dan Sabah; dan **(7)** keperluan penyediaan lebih banyak tiket feri. **(8)** dana organisasi yang rendah; **(9)** keperluan fasiliti dan tempat untuk melaksanakan aktiviti kebudayaan; **(10)** kekurangan mendapat perhatian daripada pihak agensi; dan **(11)** kekurangan dari segi alatan muzik dan pakaian.

FGD 6: JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sesi FGD 6 ini telah dilaksanakan di Pejabat Jabatan Laut Malaysia yang dihadiri oleh Tn. Alimuddin, Pengarah Laut Wilayah, Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan. Antara Isu yang dibahaskan termasuklah: **(1)** impak pelabuhan kepada pertumbuhan ekonomi Labuan; **(2)** isu tiket feri dan senarai menunggu; **(3)** potensi pembangunan aktiviti pelancongan; **(4)** kursus yang ditawarkan untuk menarik minat belia untuk perkapalan; **(5)** perancangan untuk pembangunan ekonomi Labuan.

LAWATAN TAPAK 2: KOPERASI WANITA LABUAN BERHAD

Lawatan tapak ini disambut oleh Ketua Koperasi, Pn. Mimi, di Geo Farm Bukit Kuda, Labuan. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat potensi dan produk yang boleh dijadikan contoh dalam membangunkan komuniti lain.

Antara produk yang dihasilkan ialah minyak kelapa dara (virgin coconut oil). Proses pembuatan produk ini mengamalkan konsep *Cradle to Cradle*; di mana 100% bahagian kelapa isi buah, kulit, dan tempurung digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan produk hiliran.

LAWATAN TAPAK 3: TANJUNG ARU NELAYAN, LABUAN

Satu lawatan tapak telah dijalankan di Tanjung Aru. Lawatan ini dianggap penting kerana hakisan pantai di Tanjung Aru bukan sahaja memberi kesan kepada ekosistem semula jadi tetapi juga menjejaskan kehidupan harian penduduk, terutamanya mereka yang bergantung kepada kawasan pantai untuk aktiviti ekonomi dan rekreasi. Lawatan ini menjadi platform untuk memahami cabaran yang dihadapi dan melihat langkah-langkah mitigasi yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Labuan.

FGD 7: KOMUNITI PERBADANAN LABUAN (PL)

FGD 7 ini telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Perbadanan Labuan yang dihadiri oleh Tn. Lukman, Tn. Razwan dan Puan Syafika. Tujuan utama melihat cabaran dan isu yang dihadapi oleh PL dalam melaksanakan perubahan ke arah ekonomi berdaya saing dan manpan di Labuan. Antara Isu yang diutarakan adalah: **(1)** cabaran memajukan sektor pelancongan; **(2)** punca kuasa PL dalam melaksanakan pembangunan; **(3)** dasar pembangunan yang tidak sistematik; **(4)** kurangnya sokongan politik dalam melaksanakan perubahan; **(5)** populasi penduduk yang kecil; **(6)** kekurangan pelabur untuk pembangunan; dan **(7)** akses jalan darat ke Sabah.

LAWATAN TAPAK 4: KOMUNITI KG. PATAU-PATAU 2, LABUAN

Lawatan Tapak ini telah dilaksanakan bersama Kg. Patau-Patau 2 yang dihadiri oleh 4 wakil termasuk Ketua Kampung. Antara Isu yang diutarakan adalah: **(1)** isu mendapat lesen perahu; **(2)** isu jeti/jabatan; **(3)** isu kenaikan paras air laut; **(4)** status tanah kampung; dan (5) paip air yang bocor.

LAWATAN TAPAK 5: KG. KIANSAM, LABUAN

Lawatan tapak ke Kg. Kiansam telah bertujuan meninjau pengurusan dan keadaan penempatan komuniti di Kg. Kiansam, Wilayah Persekutuan Labuan, yang dikenali sebagai kawasan penempatan bagi komuniti pelarian di bawah perlindungan agensi antarabangsa. Pengurusan penempatan ini dilaksanakan dengan teratur dan sistematik, menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, dan infrastruktur jalan dengan baik. Selain itu, terdapat usaha memperkasa komuniti melalui program pendidikan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk. Pendekatan pengurusan dan pengawalan Kg. Kiansam ini wajar dijadikan model untuk kawasan penempatan setinggan lain di Malaysia.

FGD 8: KG. KIANSAM, LABUAN

Sesi FGD 8 ini dilaksanakan bersama empat kampung iaitu Kg. Kiansam Lama, Kg. Kiansam Idaman, Kg. Kiansam Permai, dan Kg. Wawasan. Sesi ini telah dihadiri oleh 10 orang wakil komuniti daripada keempat-empat kampung tersebut. Antara isu yang diutarakan: **(1)** Hala Tuju Penempatan; **(2)** Kadar Pembayaran Bil Air dan Elektrik yang tinggi; **(3)** Kenaikan Harga Barang dan Bahan Mentah; **(4)** Gangguan Haiwan Liar; **(5)** Masalah Sistem Pembentungan dan Kekurangan Kemudahan Sanitasi; **(6)** Kekurangan Infrastruktur dan Kemudahan Pendidikan.

LAWATAN TAPAK 6: PUSAT PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN KANAK-KANAK KIANSAM

Sesi lawatan tapak ini bertujuan untuk melihat keadaan persekitaran Pusat Pembangunan Kemanusiaan Kanak-Kanak. Pusat ini menjadi tempat bagi kanak-kanak pelarian untuk menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira).

Kebanyakan kanak-kanak yang berada di pusat ini mempunyai salah seorang ibu atau bapa yang berdokumen tetapi tidak mempunyai surat nikah. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak tersebut tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

Inisiatif ini adalah langkah yang baik untuk membangunkan golongan yang tercicir. Namun, keperluan seperti modul pembelajaran dan bahan bacaan untuk pusat sumber masih diperlukan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

FGD 9: KG. PATAU-PATAU 1, LABUAN

Sesi FGD 9 ini dilaksanakan bersama golongan wanita daripada Kampung Patau-patau 1 Sesi ini telah dihadiri oleh 13 orang komuniti yang hadir.
Antara Isu yang diutarakan: **(1)** Peningkatan harga barang sebanyak 30% di Labuan menyebabkan kos sara hidup penduduk meningkat; **(2)** Sistem percukaian yang tidak sistematik; **(3)** Keperluan kawasan baharu untuk pelancongan; **(4)** Potensi pertanian moden di kawasan perumahan; **(5)** Masalah sampah di kawasan kampung.; **(6)** Keperluan doktor pakar di hospital Labuan.

FGD 10: KG. PATAU-PATAU 1, LABUAN

Sesi FGD 10 ini dilaksanakan bersama 3 ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan. Tujuan perbincangan ini adalah untuk melihat cabaran dan pandangan daripada mereka dari sudut perniagaan.

Antara Isu yang diutarakan: **(1)** Kebergantungan kepada bahan mentah dari luar sangat tinggi bagi Labuan (Ayam, ikan, sayur, telur); **(2)** Pengurusan penghantaran kapal semasa pandemik telah mengubah laluan kapal akibat sekatan yang dikenakan; **(3)** Polisi tidak mengambil kira peranan industri dan NGO serta memenuhi keperluan penduduk; **(4)** Pemeriksaan kastam melibatkan bahan mentah daripada dalam negara; **(5)** Keperluan bekalan air tidak mampu menampung operasi industri berskala besar; **(6)** Sistem kawasan bebas cukai (duty free) yang tidak berfungsi dengan baik; **(7)** Kemudahan jeti yang tidak mencukupi; **(8)** Sektor pelancongan bergantung kepada tarikan kawasan bebas cukai (duty free); **(9)** Pengambilan pekerja asing dibekukan; **(10)** Proses membuat keputusan mengambil masa yang lama dan memerlukan kelulusan daripada kerajaan persekutuan; **(11)** Pemegang pas IMM13 menghadapi kesukaran untuk memasuki dan bekerja di Labuan; **(12)** Pemeriksaan imigresen tetap diperlukan walaupun datang dari Kuala Lumpur; **(13)** Isu perkhidmatan feri Labuan ke Kota Kinabalu masih belum diselesaikan; **(14)** Kekurangan doktor pakar di hospital Labuan; **(15)** Potensi Labuan sebagai Destinasi Pelancongan berasaskan Perubatan; **(16)** Kekurangan pelabur asing untuk membuat pelaburan di Labuan.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.166 Labuan

Senarai

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Labuan
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Labuan
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 17	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Labuan Liberty Wharf memainkan peranan penting dalam industri minyak dan gas
Rajah 2	Status Bebas Cukai terhad kepada beberapa barang sahaja
Rajah 3	Sokongan penuh agensi untuk memajukan sektor pelancongan di Labuan

Senarai Singkatan

IOFC	International Offshore Financial Centre
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SDG	*Sustainable Development Goals*
YB	Yang Berhormat
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

1.0 PENGENALAN

YB Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman

Pulau Labuan, yang terletak di pesisir barat Borneo, dengan nama "Labuan" berasal daripada perkataan Melayu "labuhan" yang membawa maksud tempat berlabuh, merujuk kepada peranan pulau ini sebagai lokasi persinggahan penting dalam laluan perdagangan maritim di Asia Tenggara. Apabila Sabah menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, Labuan turut menjadi sebahagian dari negeri Sabah dan pada 16 April 1984, Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Malaysia, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikannya sebagai sebuah pusat pembangunan yang dinamik dan strategik. Kemudiannya, pada tahun 1990, Labuan dilancarkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa *(International Offshore Financial Centre - IOFC)*, untuk memperkukuh peranannya dalam sektor kewangan dan pelaburan.

Pada pilihan raya umum ke-15 pada November 2022, Yang Berhormat Dato' Indera Suhaili bin Abdul Rahman bertanding di bawah Perikatan Nasional sebagai ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan mendapatkan kerusi parlimen pertama di wilayah tersebut bagi parti itu. Beliau juga merupakan Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia Wilayah Persekutuan.

1.1 Geografi/Topografi

Labuan terkenal sebagai "*The Pearl of Borneo*" dan mempunyai potensi yang tinggi sebagai destinasi pelancongan dengan keluasan tanah 93.99 kilometer persegi dan kepadatan penduduk seramai 1,080 orang per kilometer persegi. Labuan merangkumi satu pulau utama dan enam pulau kecil sekitarnya, menjadikannya wilayah terkecil di Malaysia. Kedudukannya yang strategik di perairan Laut China Selatan menjadikan Labuan sebagai salah satu lokasi penting daripada segi geografi, perdagangan, serta laluan pelayaran antarabangsa.

Labuan memainkan peranan yang signifikan sebagai pelabuhan bebas cukai, selain berfungsi sebagai pusat kewangan luar pesisir dan hab logistik maritim. Letaknya yang berhampiran dengan pelantar minyak dan gas di luar pantai Borneo turut menyumbang kepada pembangunan industri tenaga negara, menjadikan Labuan sebagai antara pusat perniagaan minyak dan gas yang utama di Malaysia.

Labuan mempunyai permukaan bumi yang umumnya berbukit rendah dan tanah pamah. Ketinggian purata kawasan berada di bawah 100 meter dari aras laut,

menjadikannya sesuai untuk pembangunan infrastruktur bandar dan pelabuhan. Kawasan pesisir pantainya pula terdiri daripada pantai berpasir dan bakau, yang bukan sahaja penting dari aspek alam sekitar tetapi juga menyumbang kepada tarikan ekopelancongan. Tanah Labuan secara keseluruhan adalah subur dan sesuai untuk tanaman tropika, meskipun aktiviti pertanian tidak lagi menjadi sektor utama sejak tumpuan diberikan kepada sektor perkhidmatan dan kewangan.

1.2 Komposisi Penduduk

Pada 2023, Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan jumlah penduduk dianggarkan seramai 99,000 orang, dengan 88.5 peratus merupakan warganegara dan 11.5 peratus bukan warganegara. Kadar pertumbuhan penduduk meningkat kepada 2.2 peratus berbanding 0.9 peratus pada 2022, dengan nisbah jantina 105 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Dari segi etnik, Bumiputera membentuk 86.5 peratus daripada populasi, diikuti Cina (11.1 peratus), India (1.0 peratus) dan lain-lain (1.4 peratus). Suku kaum utama di wilayah ini adalah Melayu Brunei dan Kedayan.

Jadual 1: Komposisi Penduduk di Parlimen Labuan

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera/Melayu	75,787	86.5
2.	Cina	9,725	11.1
3.	India	876	1.0
4.	Lain-Lain	1,227	1.4
JUMLAH KESELURUHAN		87,615	100

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kawasan Parlimen Labuan memiliki struktur ekonomi yang unik dan kompetitif, dipengaruhi oleh kedudukannya yang strategik di Laut China Selatan serta dasar pembangunan persekutuan yang menegaskan sektor perkhidmatan dan kewangan. Sejak diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1984 dan kemudiannya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada tahun 1990, Labuan telah beralih daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi moden yang berasaskan perkhidmatan, perdagangan, dan industri berkaitan tenaga. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama ekonomi kawasan ini, merangkumi 79.1 peratus daripada keseluruhan sumbangan sektor. Labuan turut berfungsi sebagai hab penting bagi logistik dan perkhidmatan sokongan kepada industri minyak dan gas luar pesisir Borneo. Pulau ini menempatkan pelbagai syarikat kejuruteraan dan penyedia perkhidmatan sokongan teknikal dalam sektor tenaga, manakala kedudukannya yang berhampiran pelantar minyak di perairan Sabah dan Sarawak memperkukuhkan lagi peranan Labuan sebagai pusat industri tenaga serantau.

Rajah 1: Labuan Liberty Wharf memainkan peranan penting dalam industri minyak dan gas

Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai status sebagai pelabuhan bebas cukai yang memainkan peranan penting dalam sektor logistik dan pengedaran barang. Aktiviti pelabuhan yang merangkumi import, eksport, dan pemindahan kargo telah menjadikan Labuan sebagai titik tumpuan bagi perdagangan serantau. Infrastruktur pelabuhan seperti Labuan Liberty Wharf dan kemudahan terminal minyak menyokong aktiviti komersial yang signifikan di rantau ini. Tetapi status pelabuhan bebas cukai ini mengalami masalah apabila hanya beberapa barang sahaja yang masih memegang status bebas cukai dan kajian lanjutan adalah penting untuk memahami menyelesaikan masalah ini.

Rajah 2: Status bebas cukai terhad kepada beberapa barang sahaja

Sektor pelancongan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan, terutamanya melalui produk pelancongan berasaskan alam semula jadi, sejarah dan aktiviti menyelam. Walaupun sumbangan sektor ini tidak sebesar kewangan dan minyak-gas, ia memberikan peluang kepada komuniti tempatan melalui perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kawasan Parlimen Labuan, yang meliputi keseluruhan Wilayah Persekutuan Labuan, merupakan sebuah kawasan yang unik daripada segi pentadbiran, geografi, dan ekonomi. Terletak di pesisir barat laut Borneo, Labuan berperanan sebagai hab kewangan luar pesisir, pusat logistik maritim, dan pelabuhan bebas cukai. Namun, di sebalik kedudukannya yang strategik dan kepesatan pembangunan sektor perkhidmatan, Labuan masih berdepan dengan pelbagai isu pembangunan yang berkaitan dengan kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar, dan pembangunan inklusif. Berikut ialah penghubungkaitan konteks tempatan Labuan dengan beberapa Matlamat dan Sasaran SDG yang relevan:

Lokasi Fizikal

Sebagai sebuah pulau kecil, Labuan terdedah kepada kesan perubahan iklim seperti kenaikan paras laut, hakisan pantai, dan banjir kilat. Ini memberi ancaman kepada ekosistem pesisir serta penempatan komuniti nelayan. Labuan juga bergantung kepada sumber laut untuk pelancongan, perikanan, dan ekosistem marin. Namun, aktiviti pembangunan pantai dan pencemaran laut mengancam kelestarian marin. Manakala Matlamat SDG dan sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

> **SDG 13:** Sasaran 13.1 dan 13.3 menggalakkan keupayaan menyesuaikan diri terhadap risiko iklim serta pendidikan iklim dalam kalangan masyarakat.
>
> **SDG 14:** Sasaran 14.2 dan 14.5 menyeru kepada pemuliharaan dan penggunaan lestari ekosistem marin, termasuk perlindungan kawasan marin yang berisiko.

Keadaan Ekonomi Tempatan yang Dominan

Labuan, sebagai sebuah hab ekonomi luar pesisir, menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor profesional seperti kewangan antarabangsa, perkhidmatan korporat, dan industri teknikal. Potensi ini seharusnya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk tempatan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Namun begitu, penglibatan tenaga kerja tempatan dalam sektor-sektor ini masih rendah. Antara faktor utama adalah kekurangan kemahiran teknikal dan profesional yang diperlukan oleh industri. Ini menunjukkan adanya jurang antara keperluan pasaran kerja dengan tahap kebolehan tenaga kerja tempatan. Oleh itu, usaha memperkukuh latihan

kemahiran, pendidikan teknikal dan program pembangunan kapasiti adalah penting untuk memastikan penduduk tempatan tidak hanya menjadi pemerhati, tetapi turut menikmati hasil pembangunan ekonomi yang sedang pesat berkembang di Labuan. Manakala Matlamat SDG dan sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

SDG 8: Sasaran 8.5 dan 8.6 menekankan keperluan memperluaskan peluang pekerjaan produktif dan melengkapkan belia dengan kemahiran yang relevan melalui pendidikan dan latihan teknikal.

Budaya (nilai masyarakat) Labuan

Labuan didiami oleh pelbagai kumpulan etnik termasuk Melayu Brunei, Kadayan, Kadazan-Dusun, Cina, India, serta komuniti migran dari Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian ini menjadikan Labuan sebuah wilayah yang kaya dengan warisan budaya, adat resam, dan amalan keagamaan yang harmoni. Walaupun bagaimanapun, terdapat keperluan yang semakin mendesak untuk memastikan bahawa budaya tempatan terus dipelihara, dimartabatkan dan disesuaikan dengan pembangunan moden. Manakala Matlamat SDG dan sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

SDG 4: Sasaran 4.7 menyeru agar semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk menghargai kepelbagaian budaya dan warisan.

SDG 8: Sasaran 8.9 menyeru pembangunan pelancongan mampan yang mempromosikan budaya dan produk tempatan.

SDG 10: Sasaran 10.2 menekankan kepentingan inklusiviti sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira latar belakang etnik atau budaya.

SDG 11: Sasaran 11.4 menekankan keperluan memelihara dan melindungi warisan budaya dan semula jadi dunia.

Nilai sejarah

Terdapat banyak nilai sejarah di Labuan selain daripada sebuah pulau strategis di Malaysia, iaitu pada abad ke-19 pulau ini telah dijajah oleh Inggeris. Terdapat Pangkalan militer dan pelabuhan penting, Wilayah perdagangan bebas (Free Trade Zone) dan kini dikenal sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Warisan penjajahan dan peranan geopolitik masa lalu mempengaruhi struktur ekonomi dan demografi Labuan masa kini. Labuan juga terkenal sebagai lokasi penting semasa Perang Dunia Kedua, termasuk adanya Makhamah Perang (War Cemetery) dan Peace Park. Ini

menjadikan Labuan sebagai destinasi bersejarah yang mempunyai nilai warisan dunia. Manakala Matlamat SDG dan sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

SDG 4: Sasaran 4.7 menyeru agar semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk menghargai kepelbagaian budaya dan warisan.

SDG 11: Sasaran 11.4 menekankan keperluan memelihara dan melindungi warisan budaya dan semula jadi dunia.

Keunikan Kawasan Parlimen Labuan

Labuan ialah Wilayah Persekutuan dan pulau bebas cukai dengan saiz kecil dan populasi terkawal. Keunikan Labuan memberi potensi besar untuk menjadi model perintis pelaksanaan SDG berasaskan pulau kecil. Labuan juga sangat sesuai dalam intervensi SDG dengan pendekatan tempatan dan boleh digunakan kekuatannya sebagai zon ekonomi dan pelancongan untuk menjana pembangunan mampan secara inklusif. Manakala Matlamat SDG dan sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

SDG 11: Sasaran 11.3 menyokong perancangan bandar yang inklusif dan mampan melalui pelaksanaan dasar tempatan.

SDG 12: Sasaran 12. B membangun dan melaksanakan alat untuk memantau impak pembangunan mampan dalam pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Data yang dikumpul dalam laporan ini adalah menerusi beberapa kaedah, iaitu mesyuarat awalan bersama YB Dato' Indera Dr Suhaili, perbincangan bersama pegawai Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen P.166 Labuan, mesyuarat pra-lawatan bersama pihak Perbadanan Labuan, kajian lapangan, dan dialog sesi inter-agensi. Seterusnya, untuk memetakan isu-isu tempatan berkaitan SDG, temu bual dan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan di Parlimen Labuan, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil dan masyarakat tempatan.

Mesyuarat awalan bagi pemetaan isu untuk Parlimen Labuan dijalankan pada 6 Februari 2025, iaitu bersama YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman yang telah diadakan di Parlimen Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh Professor Datuk Dr Denison, Puan Nur Rahmah, Encik James Ryan Raj, Dr Teo Lee Ken, Encik Karuppiah dan Cik Mc Jeanet. YB Dato' sangat menyokong inisiatif ini dan mencadangkan lawatan tapak pada 26 hingga 28 Februari 2025. Seterusnya ialah sesi pembentukan profil parlimen pada 15 Februari 2025 melalui sesi dalam talian melalui aplikasi *Zoom* dan perbincangan ini telah disertai oleh Encik Mohd Farizy. Mesyuarat susulan juga telah dijalankan pada 24 Februari 2025 untuk menetapkan persediaan sesi pemetaan isu, iaitu pada 26 Februari hingga 28 Februari 2025. Pengaturan lawatan tapak telah diatur dan dipersetujui melalui sesi dalam talian *(Zoom)* bersama Encik Mohd Farizy (Pegawai Khas Parlimen P.166 Labuan).

Lawatan tapak telah dijalankan dari 26 hingga 28 Februari 2025. Lawatan tapak ini dihadiri oleh Encik. Farizy (Pegawai Khas Ahli Parlimen P.166 Labuan) dan pegawai lain dari Pejabat Parlimen Labuan, wakil dari Perbadanan Labuan dan pegawai penyelidik APPGM-SDG telah melawat lima lokasi dan mengambil bahagian dalam sembilan sesi dialog dengan masyarakat, pihak berkepentingan tempatan, agensi bukan kerajaan dan agensi kerajaan. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Sabak Bernam adalah seperti berikut:

1.	Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria	:	Ketua Sekretariat APPGM-SDG
2.	Fatimah Mohd Yasin	:	Ketua Penyelidik
3.	Nurrul Fazlina Osman	:	Pembantu Penyelidik
4.	Nor Amirul Pukin	:	Pembantu Penyelidik
5.	Anthony Tan	:	Mantan Pengarah Kanan

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Labuan

TARIKH	PERKARA
26 Februari 2025, Rabu	• FGD 1: Komuniti Kg. Lubuk Temiang • FGD 2: Komuniti Sungai Badaun • Lawatan Tapak 1: Penternakan Udang
27 Februari 2025, Khamis	• FGD 3: Komuniti Kraf Tangan dan Komuniti Ibu Tunggal • FGD 4: Komuniti Penjaja & Komuniti NGO • FGD 5: Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan • Lawatan Tapak 2: Koperasi Wanita Labuan Berhad • Lawatan Tapak 3: Tanjung Aru, Labuan
28 Februari 2025, Jumaat	• FGD 6: Komuniti Perbadanan Labuan (PL) • Lawatan Tapak 4: Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Labuan • Lawatan Tapak 5: Kg. Kiansam, Labuan
12 Mac 2025, Rabu	• FGD 7: Komuniti Kg. Kiansam, Labuan • FGD 8: Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Labuan
13 Mac 2025, Khamis	• FGD 9: Komuniti Dewan Perniagaan dan • Perindustrian India Labuan

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Labuan, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Terdapat perubahan saat akhir untuk mengunjungi pejabat Perbadanan Labuan bagi mengetahui lebih lanjut tentang pelan pembangunan Labuan dan ini juga telah mendapat persetujuan daripada pegawai yang bertugas. Kumpulan penyelidik juga mendapat kebenaran untuk mendapatkan dokumen berkenaan pelan induk bagi pembangunan di Labuan yang akan dilampirkan bersama laporan ini.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian ini pada awalnya berasaskan garis dasar yang dibangunkan di wilayah Sabah. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut didapati tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam konteks Wilayah Persekutuan

disebabkan perbezaan ketara daripada segi demografi, status sosio-ekonomi, serta ciri persekitaran setempat. Ketidaksesuaian ini menimbulkan keperluan untuk menyesuaikan pendekatan kajian bagi memastikan kebolehgunaan dan ketepatan data yang dikumpulkan.

Menyedari akan keterbatasan tersebut, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mengubah kaedah pelaksanaan kajian pada hari berikutnya. Penyesuaian metodologi ini membolehkan data yang diperoleh lebih bersesuaian dengan objektif kajian asal. Selain itu, bagi menangani isu kekurangan data akibat ketidaktepatan pendekatan awal, satu lawatan tapak telah dijalankan. Langkah ini bertujuan mendapatkan dapatan yang lebih tepat dan kontekstual, selaras dengan keperluan kajian lapangan yang responsif terhadap variasi setempat.

Selain itu, terdapat perubahan tentatif daripada pihak Perbadanan Labuan, termasuk penyesuaian lokasi lawatan kajian. Perubahan ini dibuat berdasarkan faktor keselamatan dan keperluan mendapatkan kebenaran akses ke kawasan tertentu. Satu lokasi yang dirancang untuk melaksanakan lawatan pada awalnya terpaksa digantikan atas faktor keselamatan. Penyesuaian ini memerlukan penyelarasan semula daripada segi logistik, pengurusan masa, serta komunikasi dengan pihak berkepentingan tempatan.

Di peringkat pelaksanaan kajian, timbul cabaran dalam mengumpulkan penduduk sasaran memandangkan aktiviti dijalankan pada hari bekerja, sekali gus menjejaskan penglibatan dalam sesi-sesi yang dirancang. Bagi mengatasi kekangan ini, pendekatan kajian telah disesuaikan dengan menjadikan lokasi tersebut sebagai lawatan tapak, dan bukan sebagai sesi perbincangan kumpulan seperti yang dirancang pada asalnya. Maklumat dan pandangan komuniti diperoleh melalui kaedah alternatif seperti temubual bersemuka secara individu penduduk yang hadir dan pemerhatian lapangan bagi memastikan dapatan kajian tetap relevan dan menyeluruh.

2.4 Keterbatasan Kajian

Pelaksanaan sesi Focus Group Discussion (FGD) menghadapi cabaran daripada segi pemilihan masa yang sesuai. Terdapat kekangan masa dalam kalangan peserta, terutamanya mereka yang terlibat dalam pekerjaan harian atau komitmen keluarga, yang menjejaskan kehadiran dan penyertaan aktif. Justeru, penjadualan semula atau fleksibiliti masa amat diperlukan bagi memastikan penglibatan yang lebih menyeluruh serta kualiti perbincangan yang lebih baik.

Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan kajian ini ialah kesukaran untuk mengakses dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan. Meskipun pelbagai inisiatif telah diambil untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai latar

belakang, beberapa kumpulan tetap sukar didekati disebabkan oleh faktor seperti lokasi yang terpencil, kekangan masa, serta komitmen. Ini menyebabkan keterlibatan dalam kajian hanya terbatas kepada kumpulan yang berjaya ditemui, sekaligus mengehadkan kepelbagaian sumber maklumat yang dapat dikumpulkan.

Tambahan pula, tempoh lawatan lapangan yang terhad dan kesibukan harian penduduk kampung, terutamanya mereka yang bekerja, turut menjejaskan keupayaan untuk melibatkan semua pihak secara menyeluruh. Akibatnya, hasil kajian banyak bergantung kepada input daripada kumpulan terpilih yang bersetuju untuk menyertai sesi perbincangan. Kekangan ini secara tidak langsung telah menghadkan keluasan dan kepelbagaian perspektif yang dapat dianalisis, sekali gus memberi kesan kepada kebolehan kajian dalam mewakili keseluruhan pandangan komuniti secara menyeluruh.

3.0 Rangkuman Isu Rentas SDG

Berikut adalah sepuluh isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Perkhidmatan kesihatan yang tidak cekap	Temu janji klinik pergigian ambil masa 4-5 bulan Keperluan pakar kesihatan di Hospital Labuan, Dimana pesakit perlu ke Sabah sekiranya tiada kepakaran di Hospital Labuan.	Sosial	Penduduk Pulau Labuan	Pulau Labuan	**Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** **Sasaran 3.8** - Memberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu untuk semua. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** **Sasaran 10.3** - Memastikan kesaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan sosial.
2.	Akses jalan raya yang terhad	Keperluan akses jalan darat ke Sabah - penduduk bergantung kepada akses feri untuk sampai ke tanah besar Borneo (Sabah) dan semasa perayaan	Sosial/ Ekonomi	Penduduk Pulau Labuan	Pulau Labuan	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.2** - Memberikan akses yang selamat, mudah, dan berpatutan kepada sistem pengangkutan untuk semua.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		amat sukar untuk mendapatkan slot kosong disebabkan jumlah feri yang terhad				
3.	Masalah sistem paip dan bekalan air yang terhad	Paip air bocor di kawasan perumahan Kg. Patau-patau 2. Keperluan bekalan air juga terhad dan tidak mampu untuk menampung operasi industri skala besar	Sosial/ Ekonomi	Penduduk Pulau Labuan	Pulau Labuan	**Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** - Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minum yang selamat dan mampu milik untuk semua. **Sasaran 6.4** - Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air merentas semua sektor dan memastikan pembekalan air yang lestari untuk menangani kekurangan air.
4.	Kekangan dan cabaran nelayan di dalam aktiviti perikanan	Penggunaan bom ikan oleh nelayan luar masih berlaku menjejaskan nelayan tempatan.	Sosial/ Ekonomi	Nelayan	Lubok Temiang, Kg. Patau-Patau	**Matlamat 2: Tiada Kelaparan** **Sasaran 2.3** - Meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Isu sempadan - Nelayan Labuan tidak boleh keluar ke perairan Sabah, tetapi nelayan dari Sabah boleh memasuki perairan Labuan. Nelayan sukar untuk mendapatkan lesen perahu, nelayan yang tiada lesen tidak mendapat bantuan daripada LKIM.				**Matlamat 14: Hidupan di Laut** **Sasaran 14.4** - Mengatur secara berkesan aktiviti penangkapan ikan dan menghapuskan amalan penangkapan yang berlebihan dan merosakkan.
5.	Tanah pertanian yang terhad	Kawasan pertanian yang terhad di Pulau Labuan memerlukan teknologi khas bagi memenuhi permintaan tempatan. Teknologi moden untuk membantu pertanian bagi	Ekonomi	Petani	Pulau Labuan	**Matlamat 2: Tiada Kelaparan** **Sasaran 2.3** - Meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan. **Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.3** - Meningkatkan akses kepada modal untuk perusahaan kecil.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		memenuhi permintaan keperluan asas seperti sayuran, buah-buahan, ayam, telur, dan daging.				
6.	Kekurangan program pembangunan modal insan	Belia yang bergiat aktif dalam persatuan kurang mendapat perhatian daripada agensi. Kekurangan penyertaan wanita dalam institusi kepimpinan. Keperluan kursus pembangunan sahsiah untuk memperkasakan peranan wanita dalam kepimpinan. Kekurangan kursus dan latihan yang dapat	Sosial/ Ekonomi	Belia, Wanita, Ibu tunggal, belia	Pulau Labuan	**Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.6** - Meningkatkan kadar penyertaan belia dalam latihan kemahiran dan pekerjaan yang produktif. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** **Sasaran 10.2** - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		membantu ibu tunggal meningkatkan kemahiran serta menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf ekonomi mereka.				
7.	Kenaikan harga barang dan bahan mentah	Kos pengangkutan tinggi meningkatkan harga barang import di Labuan. Monopoli dalam pengeluaran ayam menyebabkan harga tinggi dan kurang persaingan. Pemeriksaan harga hanya tertumpu kepada peniaga, manakala pengeluar dan pembekal tidak dipantau.	Sosial/ Ekonomi	Penduduk Pulau Labuan	Pulau Labuan	**Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.1** - Meningkatkan ekonomi dengan pertumbuhan yang mampan. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** **Sasaran 10.2** - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
8.	Sektor pelancongan yang kurang berkembang	Sektor pelancongan Labuan yang terkait dengan pulau bebas cukai tetapi tidak menyeluruh - hanya beberapa barangan sahaja yang diberikan bebas cukai. Pelancongan kesihatan mempunyai potensi ekonomi kerana ramai pekerja di Labuan tergolong dalam kategori “high risk job,” termasuk dalam sektor industri minyak, kilang, TUDM, perkapalan, serta penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan industri.	Sosial/ Ekonomi	Penduduk Pulau Labuan	Pulau Labuan	**Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** **Sasaran 10.2** - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain **Matlamat 14: Hidupan di Laut** **Sasaran 14.7** - Mengembangkan sektor pelancongan yang mampan di negara pesisir.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
9.	Hakisan pantai dan perubahan cuaca	Hakisan pantai yang serius di kawasan pantai mengakibatkan beberapa struktur pembinaan musnah seperti tembok. Musim tengkujuh yang sukar diramal menjadi cabaran yang berat kepada nelayan dan ini menyebabkan pendapatan nelayan tidak stabil	Alam sekitar	Penduduk Pulau Labuan	Kawasan Tanjung Aru Nelayan, Penternakan udang, Pulau Labuan	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.5** - Meningkatkan ketahanan terhadap bencana alam. **Sasaran 11.B:** Meningkatkan perancangan dan pengurusan kawasan yang merespons kepada perubahan iklim **Matlamat 13: Tindakan Iklim** **Sasaran 13.1** - Meningkatkan ketahanan terhadap perubahan iklim. **Sasaran 13.3** - Meningkatkan pendidikan, kesedaran, dan kemampuan manusia dan institusi untuk mitigasi perubahan iklim, adaptasi, dan peramalan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
10.	Pengurusan sampah yang tidak sistematik	Masalah sampah yang terkumpul di persisiran pantai. Sampah dari luar kampung dihanyutkan oleh air dan terkumpul di persisiran pantai, mencemarkan dan menjejaskan keadaan persekitaran kampung.	Sosial/ Alam sekitar	Penduduk Pulau Labuan	Kawasan persisiran pantai, Patau-Patau 1 & 2, Sungai Bedaun dan Lubok Temiang	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.6** - Mengurangkan impak negatif daripada sampah dan pencemaran. **Sasaran 11.7** - Menjamin akses kepada ruang awam yang selamat, terbuka, dan hijau untuk semua, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kampung Lubuk Temiang **Tarikh:** 26 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi 2. Jabatan Air 3. Sabah Electricity 4. Jabatan Laut Malaysia 5. Jabatan Kebajikan
1.	Populasi anjing terbiar yang tinggi	Peserta FGD menyuarakan kebimbangan tentang jumlah anjing yang terlalu banyak di kampung mereka. Menurutnya, pihak perbadanan menetapkan kos RM50 untuk menangkap seekor anjing, kemungkinan melibatkan pihak berlesen atau organisasi pencinta haiwan. Namun, peserta risau keadaan ini boleh membawa risiko penyakit *rabies*, dengan merujuk kepada kes yang berlaku di Sarawak.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menerangkan tentang peranan Jabatan PERHILITAN dalam menangani isu hidupan liar, khususnya buaya, anjing, dan monyet di kawasan Labuan. PERHILITAN bukan berfungsi untuk membunuh haiwan tersebut, sebaliknya hanya menghalau atau memindahkan buaya agar tidak mengancam keselamatan orang ramai. Walaupun tiada kes serangan dilaporkan, ketakutan masyarakat terhadap buaya tetap wujud, dan itu menjadi cabaran untuk ditangani.
2.	Keperluan infrastruktur dan	Kemudahan tong sampah di kawasan kampung tidak mencukupi dan keadaan ini menimbulkan risiko kepada kesihatan penduduk.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Isu pengurusan sampah di Labuan sentiasa dipantau, dan terdapat kontraktor pembersihan yang dilantik. Namun,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	perkhidmatan awam		masalah sampah biasanya timbul apabila berlaku kekosongan kontraktor (tidak dilantik) atau kelewatan saluran peruntukan, menyebabkan kerja pembersihan terhenti buat sementara waktu.
		Bekalan air di Labuan bergantung kepada saluran paip utama dari Beaufort, Sabah, yang sering rosak akibat usia penggunaan puluhan tahun. Kerja pembaikan hanya dilakukan secara sementara tanpa menggantikan paip lama sepenuhnya, menyebabkan gangguan bekalan air berulang. Keadaan ini menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk yang menggesa kerajaan menggantikan sistem paip lama bagi memastikan bekalan air stabil dan berterusan.	**Jabatan Air:** Wakil Jabatan Air memaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan besar telah siap sejak 5 haribulan lalu. Setakat ini, tiada lagi penutupan bekalan air kerana pam utama telah diganti dan paip besar sudah disediakan. Hanya baki kerja penukaran paip kecil di tiga kampung masih menunggu pelaksanaan setelah mendapat kelulusan projek di bawah RMK
		Peserta FGD menjelaskan bahawa elektrik di kawasan mereka sering terputus (bukan kerana pemotongan bil, tetapi kerana gangguan atau penutupan bekalan)	**Sabah Electricity :** Wakil SESB menjelaskan penambahbaikan sistem pencawang di Labuan, di mana kini sudah dilengkapi suis. Hal ini membolehkan gangguan elektrik hanya menjejaskan kawasan tertentu tanpa melibatkan kawasan lain, berbeza dengan kaedah lama yang lebih berisiko. Kebanyakan gangguan berpunca daripada pokok atau haiwan, bukan masalah bekalan, kerana Labuan sebenarnya mampu menjana 150 megawatt sebulan tetapi hanya menggunakan sekitar 78 megawatt. Bakinya dijual kepada Sabah, menjadikan Labuan antara pembekal utama elektrik ke pedalaman Sabah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Keperluan sistem infrastruktur yang berdaya tahan terhadap iklim	Peserta FGD menjelaskan bahawa kawasan jalan simen yang digunakan untuk turun naik kapal sering tertimbus oleh pasir akibat ombak, terutama ketika musim tengkujuh. Keadaan ini menyebabkan kesukaran keluar masuk, baik ketika turun mahupun ketika balik. Apabila jalan atau laluan tersebut tertimbus, komuniti terpaksa menggali semula (membersihkan pasir) dengan kos sekitar RM300 setiap kali. Namun, masalah berulang kerana ombak akan kembali menimbus pasir pada keesokan harinya. Situasi ini menimbulkan beban kewangan dan kerja berulang tanpa penyelesaian jangka panjang. Peserta juga menyebut tentang kawasan lagun atau "tanjung tinjau" yang telah beberapa kali dibaik pulih oleh pihak berwajib (LKIA). Namun, kawasan itu sukar dipulihkan kerana setiap kali hujan turun, struktur kayu akan ditumbuhi rumput dan menjadi rosak.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Tanjung Aru dikenal pasti sebagai kawasan red zone (hakisan) di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun, keutamaan peruntukan biasanya diberikan kepada kawasan berpenduduk seperti Sungai Pagar dan Sungai Meri. Oleh kerana Tanjung Aru lebih kepada kawasan rekreasi, bukan penempatan, maka ia kurang mendapat peruntukan. Beliau mencadangkan supaya permohonan tambahan peruntukan dibuat atau kawasan ini turut diutamakan memandangkan kepentingannya sebagai kawasan rekreasi.
4.	Pengawalan sempadan perairan dan penguatkuasaan tidak seimbang	Peserta menjelaskan bahawa nelayan dari Sabah bebas memasuki perairan Labuan tanpa dihalau, malah ada yang menggunakan kaedah merosakkan seperti mengebom ikan, yang mengakibatkan hasil tangkapan nelayan Labuan terjejas. Sebaliknya, nelayan Labuan sering dihalau apabila memasuki	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat promosi mengenai sistem keselamatan laut sudah ada, namun kefahaman dalam kalangan nelayan dan pihak yang terlibat masih kurang. Oleh itu, dicadangkan agar lebih banyak kursus, taklimat, dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	antara nelayan Labuan dan Sabah	kawasan berdekatan Sabah, walaupun kedua-duanya berada dalam negara yang sama (Malaysia). Peserta turut menjelaskan perbezaan sistem lesen (LMF di Labuan dan MK di Sabah) yang menimbulkan kekeliruan, serta kelemahan penguatkuasaan maritim yang bersikap berat sebelah. Keadaan ini menimbulkan rasa ketidakadilan, menjejaskan sumber pendapatan nelayan Labuan, dan menunjukkan keperluan kepada penyelarasan yang lebih baik antara agensi maritim Sabah dan Labuan.	laporan diberikan serta usaha promosi digandakan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan.
5.	Keterbatasan kawasan tangkapan ikan untuk nelayan Labuan	Nelayan menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh nelayan tempatan berkaitan sekatan kawasan penangkapan ikan dan pencerobohan oleh kapal tunda besar. Nelayan hanya dibenarkan menangkap ikan dalam lingkungan tiga batu nautika dari pantai, dan sekiranya mereka melangkaui had tersebut, mereka berisiko ditangkap oleh pihak maritim. Pada masa yang sama, kapal tunda besar sering menceroboh masuk ke kawasan tangkapan nelayan kecil, terutamanya pada waktu malam, menyebabkan sumber ikan semakin berkurangan walaupun belum sampai ke jarak laut yang dibenarkan. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan nelayan kerana mereka terpaksa berhadapan dengan persaingan tidak adil serta kesukaran mendapatkan hasil	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat promosi tentang sistem keselamatan laut sudah ada, namun kefahaman dalam kalangan nelayan dan pihak yang terlibat masih kurang. Oleh itu, dicadangkan agar lebih banyak kursus, taklimat, dan laporan diberikan serta usaha promosi digandakan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tangkapan yang mencukupi untuk menyara kehidupan.	
6.	Ketidaksesuaian kawasan laut untuk aktiviti penternakan ikan	Hal ini menggambarkan keterbatasan sumber pendapatan alternatif komuniti pesisir kerana faktor cuaca dan tidak ketidakstabilan ekositem laut. .	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat cadangan supaya nelayan yang tidak turun ke laut dapat menjana pendapatan alternatif dengan membawa pelancong ke pulau-pulau. Namun, polisi sedia ada tidak membenarkan kerana lesen nelayan berbeza dengan lesen pelancongan. Sekiranya polisi ini dapat dilonggarkan atau diselaraskan, nelayan berpeluang menambah pendapatan melalui sektor pelancongan.
7.	Hakisan pantai	Peserta menyatakan bahawa di bahagian tanjung tertentu, keadaan hakisan semakin ketara dari tahun ke tahun sehingga menyebabkan runtuhan tanah. Kawasan tanjung ini dikenal pasti sebagai lokasi yang paling teruk terjejas, dan situasi ini memberi ancaman kepada keselamatan penduduk serta menjejaskan ekosistem pesisir.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Tanjung Aru dikenal pasti sebagai kawasan red zone (hakisan) di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun, keutamaan peruntukan biasanya diberikan kepada kawasan berpenduduk seperti Sungai Pagar dan Sungai Meri. Oleh kerana Tanjung Aru lebih kepada kawasan rekreasi, bukan penempatan, maka ia kurang mendapat peruntukan. Beliau mencadangkan supaya permohonan tambahan peruntukan dibuat atau kawasan ini turut diutamakan memandangkan kepentingannya sebagai kawasan rekreasi.
8.	Sistem dan proses tadbir urus yang kurang jelas dan responsif	Nelayan yang tidak mempunyai lesen tidak layak menerima bantuan. Ia menyebabkan mereka yang benar-benar memerlukan terus terpinggir.	**Jabatan Kebajikan:** Wakil daripada Jabatan Kebajikan menyatakan bahawa dalam tempoh hampir 5 tahun berkhidmat di Labuan, beliau mendapati konsep bantuan dan latihan di Labuan amat baik berbanding di beberapa tempat lain.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kedua, peserta menjelaskan keperluan untuk menganjurkan kursus pemantapan untuk belia nelayan, agar mereka mempunyai peluang membina kemahiran, meningkatkan kapasiti, dan tidak terjerumus dalam aktiviti negatif.	Bantuan ini merangkumi golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, dan lain-lain kumpulan sasar. Beliau meragui kenyataan bahawa terdapat kekurangan dalam aspek ini kerana berdasarkan pengalamannya, di Labuan banyak agensi telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan geran. Contohnya, MAWIB, Jabatan Sosio Ekonomi, dan JKM sendiri yang bukan sahaja menawarkan geran, tetapi juga program latihan pembangunan serta pemberian modal kepada penerima.
9.	Keterbatasan akses bantuan golongan nelayan	Nelayan yang tidak mempunyai lesen tidak layak menerima bantuan. Ia menyebabkan mereka yang benar-benar memerlukan terus terpinggir. Kedua, peserta menekankan keperluan untuk menganjurkan kursus pemantapan untuk belia nelayan, agar mereka mempunyai peluang membina kemahiran, meningkatkan kapasiti, dan tidak terjerumus ke arah aktiviti negatif seperti penyalahgunaan dadah.	**Jabatan Laut Malaysia:** Pegawai dari Jabatan Laut Malaysia menjelaskan bahawa bot nelayan dilesenkan khas untuk aktiviti menangkap ikan, hanya membawa kru dan peralatan berkaitan. Jika ingin digunakan untuk membawa pelancong, bot perlu memenuhi peraturan keselamatan tambahan seperti pelampung, jaket keselamatan, insurans, serta lesen khas. Perubahan ini melibatkan kos tinggi, sedangkan nelayan berdepan kekangan kewangan dan faktor bermusim seperti tengkujuh. Walaupun ada cadangan penyelesaian daripada jabatan, isu kos kekal sebagai halangan utama.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Pendapatan nelayan yang tidak menentu	Pendapatan nelayan kecil bergantung kepada keadaan musim dan keadaan cuaca. Peserta FGD menjelaskan bahawa purata pendapatan hanya sekitar RM30 sehari itu pun jika mereka dapat pergi ke laut. Jika cuaca tidak menentu atau laut bergelora, mereka langsung tidak memperoleh pendapatan.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat cadangan supaya nelayan yang tidak turun ke laut dapat menjana pendapatan alternatif dengan membawa pelancong ke pulau-pulau. Namun, polisi sedia ada tidak membenarkan kerana lesen nelayan berbeza dengan lesen pelancongan. Sekiranya polisi ini dapat dilonggarkan atau diselaraskan, nelayan berpeluang menambah pendapatan melalui sektor pelancongan.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kampung Sungai Bedaun **Tarikh:** 26 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2. Jabatan Sosio Ekonomi 3. Jabatan Air 4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
1.	Persaingan harga tidak seimbang	Peserta menjelaskan masalah persaingan harga hasil pertanian antara pekebun kecil di Labuan dengan pengusaha dari Sabah. Peserta FGD menyatakan bahawa pasaran di Labuan kini "dikuasai" oleh pihak luar, khususnya kumpulan yang bertindak seperti broker. Mereka membawa masuk hasil pertanian dalam jumlah besar dari Sabah, menyebabkan harga di Labuan jatuh mendadak. Contohnya, limau kasturi dari Sabah boleh dijual serendah RM0.50 sekilo, sedangkan pekebun kecil Labuan hanya mampu menjual pada harga RM4 sekilo kerana skala tanaman mereka kecil (sekitar 500 pokok sahaja berbanding ladang beribu pokok di Sabah). • Keadaan ini menyebabkan hasil pekebun tempatan sukar bersaing. Kesan ini mematahkan semangat mereka untuk terus menanam. Selanjutnya menjejaskan kelangsungan pertanian di Labuan.	**Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA):** Bekalan makanan di Labuan sangat bergantung kepada import dari luar, khususnya Sabah (90–95%), manakala hasil tempatan hanya sekitar 5%. Faktor cuaca, kos pengeluaran yang tinggi, serta kos pengangkutan dari Sabah ke Labuan menyebabkan harga makanan di Labuan lebih mahal berbanding tempat lain. Walaupun ada usaha menanam sayuran berdaun di Labuan (kerana jenis ini cepat rosak jika diimport), harga produk tempatan tetap sukar bersaing dengan harga produk luar. Isu lain ialah sebahagian pengusaha hanya menjual mengikut harga pasaran runcit tanpa menurunkan harga. Sebagai langkah penyelesaian, FAMA mencadangkan penjenamaan khas melalui pembungkusan produk "Keluaran Labuan" agar dapat membezakan produk tempatan dengan produk luar serta menjamin kualiti, di samping meningkatkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			keyakinan pengguna terhadap hasil pertanian Labuan.
2.	Keterbatasan akses kepada kemudahan dan perkhidmatan kesihatan	Peserta FGD menyebut kes seorang pesakit yang koma selama empat hari di hospital; nyawanya mungkin boleh diselamatkan sekiranya terdapat jalan darat atau akses cepat ke fasiliti kesihatan dengan pakar. Namun, pesakit hanya boleh dibawa keluar menggunakan feri (yang mengambil masa lama) atau kapal terbang besar yang tidak mudah diakses, menyebabkan rawatan segera tidak dapat diberikan. Tambahan pula, kekurangan pakar di hospital Labuan memperburuk keadaan kerana pesakit terpaksa menunggu lama sehingga bantuan pakar dari luar tiba dan kadang kala pakar tersebut tidak sempat hadir.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Sebelum ini Labuan mempunyai hospital kerajaan dan hospital swasta. Namun, hospital swasta terpaksa ditutup kerana jumlah pesakit tidak mencukupi untuk menampung operasinya. Malah, kepakaran perubatan juga sukar dikekalkan kerana doktor pakar memerlukan jumlah pesakit yang mencukupi untuk mengekalkan kemahiran mereka. Oleh itu, mereka akhirnya perlu kembali bertugas di hospital besar di tempat lain yang mempunyai lebih ramai pesakit.
3.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta FGD meluahkan kekecewaan terhadap masalah bekalan air di Labuan yang berlarutan sejak sekian lama sehingga dianggap “tidak perlu diceritakan lagi” kerana semua penduduk sudah maklum. Paip sering pecah di pelbagai lokasi setiap hari menyebabkan gangguan bekalan yang kerap, terutama di kawasan perumahan bertingkat di mana penghuni tingkat atas sering tidak mendapat air. Penduduk hanya menerima bekalan air sekitar	**Jabatan Air:** Wakil Jabatan Air memaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan besar telah siap sejak 5 haribulan lalu. Setakat ini, tiada lagi penutupan bekalan air kerana pam utama telah diganti dan paip besar sudah disediakan. Hanya baki kerja penukaran paip kecil di tiga kampung masih menunggu pelaksanaan setelah mendapat kelulusan projek di bawah RMK

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		seminggu dalam sebulan, manakala selebihnya terputus berhari-hari. Walaupun tangki air telah diagihkan oleh pihak Parlimen, perumahan bertingkat tidak mempunyai ruang sesuai untuk meletakkannya. Punca utama masalah dikenal pasti berpunca daripada sistem paip lama berusia lebih 30 tahun yang mudah pecah apabila tekanan air meningkat, dan proses pembaikan pula lambat, menyebabkan gangguan air berlaku hampir setiap bulan.	
		Peserta FGD menyatakan bahawa terdapat banyak jalan lama yang rosak dan tidak pernah dibaik pulih. Akibatnya, penduduk menghadapi kesukaran untuk keluar masuk kerana ada laluan yang "tidak tembus" (terputus atau tidak bersambung). Malah, ada jalan yang dilitupi akar hutan dan melalui kawasan rumah di pedalaman, menjadikannya lebih sukar digunakan.	*Tiada Maklum Balas*
		Peserta FGD menjelaskan bahawa untuk mendapatkan bekalan elektrik, penduduk perlu menanggung kos tiang elektrik yang sangat mahal, iaitu sekitar RM1,200 bagi satu tiang. Jika satu rumah memerlukan sehingga lima tiang, kosnya menjadi beban yang sangat besar untuk penduduk, terutama mereka yang berpendapatan rendah	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat keperluan pembinaan jambatan menghubungkan Labuan dengan tanah besar di Menumbok. Keperluan jambatan ini timbul kerana perkhidmatan feri yang ada sekarang tidak mencukupi, terutama dalam keadaan kecemasan atau ketika jumlah penumpang terlalu ramai. Ketiadaan doktor pakar di hospital Labuan menyebabkan pesakit sering perlu dirujuk ke Kota Kinabalu, tetapi proses ini terganggu oleh kekangan pengangkutan laut yang mengambil masa antara satu setengah hingga dua jam. Oleh itu, jambatan dianggap penting bukan sahaja untuk kecemasan perubatan, tetapi juga bagi mobiliti, ekonomi, dan kesejahteraan penduduk.	*Tiada Maklum Balas*
4.	Penyalahgunaan alkohol	Terdapat penyalahgunaan alkohol dan aktiviti tidak sihat di kawasan perumahan padat seperti di Taman Mutiara. Menurut peserta, jumlah penduduk yang ramai, khususnya golongan bujang, mendorong berlakunya aktiviti seperti minum minuman keras. Penggunaan berlebihan didorong oleh faktor harga yang murah. Kesannya, risiko gejala sosial seperti mabuk dan masalah keselamatan komuniti telah meningkat.	*Tiada Maklum Balas*
5.	Kekurangan sokongan dalam pelaksanaan Tamu	Wujudnya inisiatif komuniti melalui penganjuran tamu budaya sebulan sekali, yang berpotensi memperkukuh ekonomi tempatan dan memelihara warisan budaya. Namun, pelaksanaannya menghadapi cabaran dalaman seperti isu dengan	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta halangan berkaitan merentas kawasan	
6.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Terdapat gangguan hidupan liar seperti monyet yang mencuri hasil tanaman penduduk. Peserta menggambarkan keadaan ini secara sinis dengan menyatakan seolah-olah monyet lebih "bijak" kerana mereka mengambil sayur yang ditanam sehingga penduduk tidak sempat menjual hasil tersebut. Keadaan ini menjadikan penduduk seperti "pekerja kepada monyet", iaitu berusaha menanam tetapi hasilnya habis dimakan haiwan liar. Masalah monyet masuk ke kebun penduduk berpunca daripada kehilangan habitat asalnya. Peserta menyatakan bahawa dahulu monyet mempunyai hutan dan sumber makanan (buah-buahan) sendiri, tetapi apabila kawasan hutan dibuka untuk pembangunan dan perumahan, monyet terpaksa mencari makanan di kebun-kebun penduduk.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Peranan Jabatan PERHILITAN dalam menangani isu hidupan liar, khususnya buaya, anjing, dan monyet di kawasan Labuan perlu difahami oleh penduduk. PERHILITAN bukan berfungsi untuk membunuh haiwan tersebut, sebaliknya hanya menghalau atau memindahkan buaya agar tidak mengancam keselamatan orang ramai. Walaupun tiada kes serangan dilaporkan, ketakutan masyarakat terhadap buaya tetap wujud, dan itu menjadi cabaran untuk ditangani **Perbandaran Perbadanan Labuan:** Jabatan PERHILITAN hanya menangkap dan memindahkan monyet yang menimbulkan masalah, bukannya membunuhnya. Haiwan tersebut tidak dipindahkan di dalam kawasan Labuan, sebaliknya dihantar ke Sabah.
7.	Pengangguran belia tempatan	Terdapat masalah pengangguran belia tempatan di Labuan, khususnya mereka yang berkelulusan kemahiran (contoh: ILP, oil & gas) tetapi masih gagal mendapat pekerjaan walaupun memenuhi syarat akademik. Keadaan ini menyebabkan ramai belia	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		berhijrah ke luar Labuan untuk mencari peluang kerja atau terpaksa bekerja di sektor tidak formal.	
8.	Kekurangan dan kawalan bekalan barang keperluan asas	Peserta menjelaskan isu kawalan dan kekurangan bekalan barang keperluan asas seperti minyak masak dan gula di Labuan. Walaupun terdapat subsidi, pembelian dihadkan kepada kuantiti tertentu (contohnya satu orang hanya boleh beli satu), dan apabila stok subsidi tiada, harga di pasaran menjadi sangat mahal. Keadaan ini memaksa penduduk untuk membeli dari Sabah sebagai alternatif.	**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri:** Pegawai KPDN menerangkan bahawa isu utama yang dibangkitkan berkaitan Jualan Rahmah Madani adalah melibatkan penjaja kecil. KPDN sememangnya menyediakan pelbagai inisiatif untuk pengguna akhir, namun penjaja mengadu bahawa had pembelian yang ditetapkan (contohnya satu kotak telur atau dua botol minyak) tidak mencukupi untuk keperluan perniagaan mereka. Walaupun KPDN tidak pernah melarang penjaja kecil membeli, had kuantiti ini menjadi kekangan. Bagi mengatasi masalah tersebut, ada penjaja yang membeli secara berulang atau pergi ke beberapa pasar raya berbeza untuk mendapatkan bekalan lebih banyak. Hal ini menunjukkan bahawa masalah utama bukanlah larangan, tetapi jumlah kuantiti yang terhad dalam setiap pembelian.
9.	Kos sewaan premis yang tinggi	Terdapat cabaran kos sewaan premis perniagaan yang tinggi di Labuan, yang menyukarkan peniaga kecil untuk bertahan. Peserta FGD mencadangkan agar diwujudkan satu kawasan khas untuk peniaga kecil, bukan sekadar makanan tetapi juga perkhidmatan seperti	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		penghawa dingin, servis kereta, pencetakan dan lain-lain. Dengan adanya ruang sewaan pada kadar berpatutan, peniaga tempatan akan mendapat peluang lebih adil untuk berkembang tanpa terbeban dengan kos tinggi sehingga RM3,000 sebulan bagi ruang kecil.	
10.	Penyalahgunaan dadah	Terdapat kes penyalahgunaan dadah di Taman Mutiara khususnya penyalahgunaan syabu, walaupun terdapat usaha komuniti melalui SRS/KRT dan kerjasama dengan AADK.	*Tiada Maklum Balas*
11.	Kekangan dana dan sokongan untuk pembangunan pertanian	Petani menghadapi masalah kekangan modal dan sokongan bagi mengusahakan tanah pertanian di Labuan. Walaupun ada tanah yang berpotensi untuk dibangunkan, kekurangan dana serta ketiadaan bantuan menjadikan usaha pertanian tidak dapat dilaksanakan secara optimum.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menambah bahawa selain agensi seperti Jabatan Kebajikan, FAMA, dan MAWIB, KEMAS juga turut terlibat dalam menyediakan bantuan serta latihan kemahiran kepada masyarakat di Labuan.
12.	Kekangan pemasaran produk tradisional	Pengusaha menghadapi kekangan pemasaran produk tradisional komuniti, khususnya kuih-kuih tradisional yang dihasilkan oleh penduduk kampung. Walaupun terdapat potensi produk tempatan, usaha ini tidak berkembang kerana pengusaha tidak mempunyai saluran pemasaran yang jelas atau bimbingan untuk menjual hasil mereka. Akibatnya, aktiviti ekonomi kecil ini menjadi kurang aktif dan tidak berdaya saing.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat usaha promosi produk tempatan Labuan turut dilakukan melalui rombongan pelabur atau agensi kerajaan yang biasanya mengakhiri lawatan mereka dengan kunjungan ke UTC. Di pusat itu, pelbagai produk tempatan seperti mutiara, keropok, dan belacan dipamerkan dan dijual, sekali gus menjadi salah satu platform utama memperkenalkan hasil-hasil tempatan kepada pengunjung luar.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Persatuan kraftangan dan Wanita Ibu Tunggal di Geofarm Bukit Kuda **Tarikh:** 27 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi
1.	Cabaran pemasaran dan kos pengeluaran produk kraf manik	Peserta menyuarakan kesukaran usahawan tempatan di Labuan, khususnya golongan suri rumah, balu dan ibu tunggal, dalam memasarkan produk kraf manik mereka. Pasaran di Labuan kecil dan terhad, manakala permintaan lebih tinggi datang dari luar kawasan, namun kos untuk memasarkan produk ke luar terlalu besar. Selain itu, kos bahan mentah seperti manik berkualiti juga mahal — satu pek seberat 450 gram boleh mencecah RM120 bagi satu warna, sedangkan satu produk seperti lanyard memerlukan beberapa warna. Keadaan ini menyebabkan pengeluaran dan pemasaran produk menjadi beban kewangan utama kepada pengusaha kecil tempatan.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat usaha promosi produk tempatan Labuan turut dilakukan melalui rombongan pelabur atau agensi kerajaan yang biasanya mengakhiri lawatan mereka dengan kunjungan ke UTC. Di pusat itu, pelbagai produk tempatan seperti mutiara, keropok, dan belacan dipamerkan dan dijual, sekali gus menjadi salah satu platform utama memperkenalkan hasil-hasil tempatan kepada pengunjung luar.
2.	Ketiadaan tempat khusus untuk memasarkan produk komuniti	Peserta menyuarakan bahawa komuniti pengusaha tempatan sebenarnya berkeupayaan menghasilkan produk dalam jumlah besar, termasuk tempahan sehingga 200–300 unit. Namun, masalah utama yang dihadapi ialah ketiadaan tempat tetap untuk memasarkan dan menjual produk mereka. Walaupun kemampuan pengeluaran tidak menjadi	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		halangan, kekangan utama terletak pada aspek pemasaran, iaitu tiadanya ruang atau pusat jualan khusus yang boleh membantu komuniti ini menjana pendapatan secara berterusan.	
3.	Ketiadaan kemudahan pemprosesan sisa	Peserta menyuarakan masalah pengurusan sisa di kawasan tepi laut Labuan, di mana walaupun komuniti aktif menjalankan gotong-royong membersihkan sampah setiap bulan, masalah berulang kerana tiada kemudahan untuk memproses sisa, khususnya plastik. Semua sisa perlu dihantar ke Kota Kinabalu untuk diproses, menyebabkan kos dan logistik menjadi beban. Situasi ini menunjukkan keperluan mendesak untuk mewujudkan kemudahan pemprosesan sisa di Labuan bagi mengatasi isu pencemaran pantai secara mampan.	*Tiada Maklum Balas*
4.	Hakisan pantai yang semakin menekan	Peserta menyuarakan kebimbangan peserta terhadap masalah hakisan pantai yang semakin teruk di Labuan, di mana setiap tahun kawasan pulau dikatakan semakin mengecil sehingga lebih 10 kaki terhakis. Keadaan ini menunjukkan berlakunya kemerosotan serius terhadap garis pantai yang boleh menjejaskan keselamatan, ekosistem pesisir, serta penempatan penduduk jika tidak ditangani dengan segera melalui langkah mitigasi dan perlindungan pantai yang berkesan.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Tanjung Aru dikenal pasti sebagai kawasan red zone (hakisan) di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun, keutamaan peruntukan biasanya diberikan kepada kawasan berpenduduk seperti Sungai Pagar dan Sungai Meri. Oleh kerana Tanjung Aru lebih kepada kawasan rekreasi, bukan penempatan, maka ia kurang mendapat peruntukan. Beliau mencadangkan supaya permohonan tambahan peruntukan dibuat atau kawasan ini turut

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			diutamakan memandangkan kepentingannya sebagai kawasan rekreasi.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Persatuan Penjaja dan NGO **Tarikh:** 27 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 19 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi Labuan
1.	Cabaran proses permohonan dana yang rumit	Proses permohonan dana bagi persatuan di Labuan dianggap terlalu rumit dan membebankan, terutama bagi golongan atau persatuan yang kurang mahir dalam teknologi maklumat (IT). Prosedur yang terlalu banyak menyukarkan mereka untuk memohon bantuan kewangan. Selain itu, peserta turut menyatakan bahawa persatuan seperti ASWILA juga memerlukan bajet tambahan untuk keperluan asas seperti pakaian dan peralatan bagi melaksanakan aktiviti mereka**.**	**Jabatan Sosio Ekonomi Labuan:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menambah bahawa selain agensi seperti Jabatan Kebajikan, FAMA, dan MAWIB, KEMAS juga turut terlibat dalam menyediakan bantuan serta latihan kemahiran kepada masyarakat di Labuan.
2.	Kadar sewa tinggi menyukarkan akses ruang di Labuan	Para peniaga menyuarakan kesukaran mendapatkan tempat atau premis di Labuan kerana kadar sewa yang terlalu tinggi. Peserta menyatakan bahawa kos sewa di Labuan jauh melebihi jangkaan, menyebabkan komuniti atau usahawan kecil sukar untuk menyewa tempat bagi menjalankan aktiviti atau perniagaan mereka.	*Tiada Maklum Balas*
3.	Bayaran persembahan seni yang tidak setimpal dengan kos dan usaha	Wakil persatuan menyuarakan isu pembayaran tidak setimpal kepada kumpulan persembahan kebudayaan di Labuan. Peserta menyatakan bahawa selepas mereka menghantar sebut harga (quotation), pihak penganjur sering meminta supaya harga diturunkan, termasuk oleh agensi	*Tiada Maklum Balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kerajaan. Permintaan ini dianggap tidak berbaloi kerana mereka perlu menanggung pelbagai kos seperti pakaian, peralatan, pengangkutan, serta persiapan penari yang memerlukan pertukaran pakaian beberapa kali. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana bayaran yang ditawarkan tidak mencerminkan usaha dan kos sebenar yang dikeluarkan oleh kumpulan persembahan tempatan.	
4.	Kurang pengiktirafan terhadap bakat seni tempatan di Labuan	Peserta menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kurangnya pengiktirafan kepada bakat tempatan di Labuan. Peserta menyatakan bahawa dalam penganjuran sesuatu acara, pihak penganjur lebih cenderung mengambil pemuzik atau penghibur dari luar berbanding memberi peluang kepada artis tempatan. Mereka berpendapat sepatutnya bakat tempatan seperti penyanyi dan penari Labuan turut diketengahkan bagi menunjukkan identiti serta kemampuan komuniti seni tempatan.	*Tiada Maklum Balas*
5.	Keperluan infrastruktur dan perkhidmatan awam	Peserta menjelaskan bahawa kemudahan awam seperti balai raya sebenarnya boleh digunakan, tetapi penggunaannya bergantung pada kebenaran daripada ketua kampung. Kadang-kadang permohonan tidak diluluskan walaupun kemudahan itu sepatutnya dikongsi bersama. Peserta juga menekankan bahawa kemudahan awam perlu digunakan dengan penuh	**Jabatan Sosio Ekonomi Labuan:** Transkrip ini menjelaskan tentang isu penggunaan fasiliti sekolah dan kawasan awam yang terikat dengan bidang kuasa serta peraturan tertentu. Wakil agensi menerangkan bahawa sekolah berada di bawah kuasa Jabatan Pendidikan, justeru sebarang penggunaan fasiliti, khususnya selepas waktu rasmi, tidak boleh diputuskan sesuka hati tanpa kebenaran pihak

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tanggungjawab dan dijaga dengan baik oleh komuniti.	berwajib. Hal ini menunjukkan agensi lain tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam hal ehwal pendidikan. Sebagai perbandingan, wakil tersebut turut berkongsi pengalaman di Laman Victoria, Labuan, di mana aktiviti busking pernah dijalankan tetapi akhirnya dihentikan selepas mendapat aduan daripada penduduk setempat mengenai gangguan bunyi bising.
		Peserta menyuarakan masalah kemudahan dan penyelenggaran yang lemah di bangunan UTC Labuan. Peserta mengadu bahawa kemudahan seperti pendingin hawa dan lif sering rosak dan hanya dibaiki apabila ada aduan, bukan melalui penyelenggaraan berkala. Keadaan ini menyebabkan pengunjung enggan naik ke tingkat atas kerana suasana panas dan tidak selesa, sekali gus menjejaskan pendapatan para peniaga di situ. Mereka menegaskan bahawa masalah seperti ini perlu segera ditangani demi keselesaan pengunjung dan kelangsungan perniagaan di UTC.	*Tiada Maklum Balas.*
		Peserta menyuarakan isu kekurangan kemudahan tong sampah di dalam bangunan, khususnya di tingkat satu. Peserta menyatakan bahawa semua tong sampah diletakkan di luar bangunan, menyebabkan pelanggan yang membawa anak kecil sukar membuang sisa makanan atau minuman. Walaupun pernah meminta supaya tong	**Jabatan Sosio Ekonomi Labuan:** Isu pengurusan sampah di Labuan sentiasa dipantau, dan terdapat kontraktor pembersihan yang dilantik. Namun, masalah sampah biasanya timbul apabila berlaku kekosongan kontraktor (tidak dilantik) atau kelewatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sampah kecil disediakan di dalam bangunan, tindakan tersebut hanya sementara kerana tong akhirnya dipindahkan semula ke luar. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan kepada peniaga dan pengunjung, serta menjejaskan kebersihan kawasan tersebut.	saluran peruntukan, menyebabkan kerja pembersihan terhenti buat sementara waktu.
6.	Kebimbangan terhadap kepupusan seni muzik tradisional	Peserta menyatakan bahawa sebenarnya terdapat ramai bakat pelapis, namun mereka tidak diketengahkan. Yang membimbangkan adalah seni tradisional kerana kurang diberi perhatian. Jika tiada usaha untuk memelihara dan mengembangkan seni muzik tradisional, ia berisiko hilang ditelan zaman.	*Tiada Maklum Balas.*
7.	Kekurangan aktiviti promosi dan tarikan pelancong di UTC Labuan	Peserta menjelaskan bahawa sebagai wakil UTC, mereka ingin fokus pada pusat itu sendiri, bukan lokasi lain. Namun, UTC kurang mendapat perhatian pengunjung luar, sehingga pedagang di situ terjejas. Walaupun UTC dikatakan sebagai pusat pelancongan, ia tidak popular kerana beberapa masalah seperti promosi yang kurang. Contohnya, terdapat banyak kedai menjual mutiara, keropok, dan medan selera di UTC, tetapi ramai orang tidak tahu tentang kemudahan ini kerana promosi kurang berkesan. Ada usaha memaparkan aktiviti UTC di TV, tetapi masih belum mencukupi untuk menarik pelancong.	**Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat usaha promosi produk tempatan Labuan turut dilakukan melalui rombongan pelabur atau agensi kerajaan yang biasanya mengakhiri lawatan mereka dengan kunjungan ke UTC. Di pusat itu, pelbagai produk tempatan seperti mutiara, keropok, dan belacan dipamerkan dan dijual, sekali gus menjadi salah satu platform utama memperkenalkan hasil-hasil tempatan kepada pengunjung luar.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan **Tarikh:** 27 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 4 Orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Laut Labuan 2. Jabatan Sosio Ekonomi Labuan
1.	Kesesakan feri dan bot pada musim perayaan dan cuti sekolah	Peserta menyuarakan keadaan situasi perkhidmatan feri dan bot penumpang antara Menumbok dan Labuan. Terdapat enam feri beroperasi setiap hari dengan kira-kira sepuluh perjalanan, manakala 15 bot pengangkutan turut disediakan di bawah seliaan Jabatan Laut. Namun, jumlah penumpang meningkat mendadak hanya pada musim tertentu seperti cuti sekolah, perayaan Kaamatan dan Gawai, serta cuti hujung tahun, menyebabkan kesesakan dan rungutan daripada pengguna. Isu utama yang timbul ialah **senarai menunggu (waiting list)**, di mana ramai penumpang yang sudah mempunyai tiket tetap ingin menaiki feri lebih awal daripada jadual asal, sekali gus menimbulkan kesesakan dan persepsi kekurangan tempat duduk.	**Jabatan Laut Labuan:** Pegawai menerangkan isu berkaitan kuota tiket feri di Labuan. Tiket boleh dibeli secara dalam talian atau di kaunter, tetapi pihak operator mengehadkan jumlah tiket untuk kenderaan, khususnya lori, bagi memastikan bekalan bahan mentah tidak terjejas. Kuota lori perlu dikekalkan kerana jika dikurangkan, bekalan keperluan asas tidak dapat masuk dan harga barangan akan meningkat. Akibatnya, kuota kereta persendirian menjadi terhad dan ramai pengguna terpaksa masuk melalui laluan “standby” selepas tiket habis dijual. Masalah bertambah apabila ada pemilik tiket sah keluar lebih awal daripada jadual asal lalu masuk ke laluan standby, sekali gus menambah kesesakan. Tambahan pula, bilangan feri tidak boleh ditingkatkan kerana hanya terdapat satu ramp di Menumbok yang menghadkan kelancaran operasi.
2.	Isu pengurusan kuota tiket feri	Terdapat isu sistem tiket feri secara dalam talian. Walaupun tiket boleh dibeli secara dalam talian, kuotanya tidak dibuka sepenuhnya kerana	**Jabatan Laut Labuan:** Pegawai menerangkan isu berkaitan kuota tiket feri di Labuan. Tiket boleh dibeli secara dalam talian atau di

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sebahagian tempat perlu dikhaskan untuk lori (kenderaan barangan) bagi memastikan kelancaran pergerakan logistik dan bekalan ke Labuan. • Hanya kira-kira 60% tiket dibuka untuk jualan dalam talian, manakala baki bergantung pada kekosongan. Situasi ini turut menyumbang kepada masalah senarai menunggu. Selain itu, terdapat sikap sesetengah penumpang yang menganggap "waiting list" seperti satu kebiasaan atau cabaran, walaupun mereka sudah memiliki tiket pada masa lain, mereka tetap mahu menukar kepada masa perjalanan yang lebih sesuai untuk mereka.	kaunter, tetapi pihak operator mengehadkan jumlah tiket untuk kenderaan, khususnya lori, bagi memastikan bekalan bahan mentah tidak terjejas. Kuota lori perlu dikekalkan kerana jika dikurangkan, bekalan keperluan asas tidak dapat masuk dan harga barangan akan meningkat. Akibatnya, kuota kereta persendirian menjadi terhad dan ramai pengguna terpaksa masuk melalui laluan *"standby"* selepas tiket habis dijual. Masalah bertambah apabila ada pemilik tiket sah keluar lebih awal daripada jadual asal lalu masuk ke laluan standby, sekali gus menambah kesesakan. Tambahan pula, bilangan feri tidak boleh ditingkatkan kerana hanya terdapat satu *ramp* di Menumbok yang menghadkan kelancaran operasi.
3.	Kesan dasar kawalan COVID-19 terhadap aktiviti kapal dan ekonomi Labuan	Peserta menyuarakan bahawa semasa pandemik COVID-19, keputusan untuk mewajibkan kapal yang berlabuh di Labuan menjalani proses kuarantin produk dibuat bagi melindungi penduduk tempatan memandangkan jumlah penduduk yang kecil dan risiko kematian yang tinggi. Namun, langkah ini menyebabkan banyak kapal mengelak singgah di Labuan (bypass) kerana prosedur yang ketat dan kos operasi yang tinggi berbanding keuntungan yang diperoleh. Akibatnya, aktiviti perdagangan dan ekonomi maritim di Labuan turut terjejas.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menjelaskan bahawa sejak awal, Labuan direka bentuk sebagai pusat industri minyak dan gas serta aktiviti luar pesisir, manakala Langkawi pula dibangunkan khusus untuk pelancongan. Masyarakat Labuan sudah lama memahami konsep itu, dengan pelancongan hanya sebagai sektor sokongan. Namun, apabila industri minyak terganggu, potensi pelancongan mula diberi perhatian kerana infrastruktur semakin mudah diakses dan mampu menarik pelawat. Kini, Labuan sedang bekerjasama

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			dengan UMS untuk menyediakan blueprint pelancongan. Namun, terdapat kekeliruan hala tuju kerana banyak sektor ingin diketengahkan serentak seperti minyak dan gas, perbankan luar pesisir, pelancongan, dan pendidikan menyebabkan tanpa fokus yang jelas, tidak seperti Langkawi yang benar-benar menumpukan kepada pelancongan.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Perbadanan Labuan **Tarikh:** 28 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 3 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi 2. Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan
1.	Keterbatasankuasa dan bidang tadbir pihak berkuasa tempatan	Pihak Berkuasa Labuan (PL) hanya berperanan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dan tidak mempunyai kuasa penuh seperti majlis bandaraya atau kerajaan negeri. Segala urusan dan keputusan di Labuan perlu mematuhi dasar serta polisi pelbagai kementerian persekutuan seperti Kastam, Imigresen, dan Kementerian Kewangan. Oleh itu, PL berfungsi lebih kepada penyelarasan antara jabatan, bukan sebagai badan yang mempunyai autoriti untuk membuat keputusan pembangunan sendiri. Kuasa utama masih tertumpu di Putrajaya, menyebabkan PL terhad dalam melaksanakan program atau menentukan hala tuju pembangunan tempatan walaupun menjadi agensi utama di Labuan.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menjelaskan bahawa Perbadanan Labuan (PL) beroperasi dengan keterbatasan kerana Labuan tidak mempunyai kabinet negeri. Menteri Wilayah hanya membawa isu Labuan ke mesyuarat kabinet, manakala agensi-agensi seperti Jabatan Air atau Jabatan Laut tetap melapor ke ibu pejabat masing-masing. Peranan PL lebih kepada menyelaras melalui jawatankuasa, contohnya semasa insiden tumpahan minyak di Kian Sam, tetapi bukan berfungsi sebagai pejabat ketua menteri**.**
2.	Keterbatasan sistem pengangkutan	Sistem pengangkutan di Labuan hanya bergantung kepada dua laluan utama iaitu udara dan laut, kerana Labuan masih belum mempunyai jambatan penghubung ke tanah besar. Keadaan ini menunjukkan keterbatasan akses fizikal yang boleh menjejaskan pergerakan penduduk, logistik, serta pembangunan ekonomi tempatan.	*Tiada Maklum Balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Harga barangan tinggi di Labuan walaupun berstatus bebas cukai	Pegawai menyatakan bahawa meskipun semua barangan di Labuan berstatus bebas cukai (duty free), harga tetap lebih mahal berbanding kawasan lain kerana kos logistik dan proses import yang rumit. Disebabkan pasaran Labuan kecil dan permintaan rendah, pembekal perlu menampung kos penghantaran tambahan. Selain itu, banyak barangan tidak dihantar terus ke Labuan, sebaliknya melalui pelabuhan seperti Klang atau Sepanggar, menyebabkan barangan dikenakan cukai dua kali (double tax) dan menambah harga jualan, sekali gus mengurangkan kelebihan status bebas cukai tersebut.	**Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan:** Walaupun semua barangan yang dijual di Labuan dikategorikan sebagai bebas cukai, harga barangan masih dilihat lebih tinggi berbanding kawasan lain. Situasi ini berlaku disebabkan oleh faktor kos logistik dan jumlah permintaan pasaran yang rendah di Labuan. Pembekal terpaksa menampung kos tambahan kerana jumlah barangan yang diimport adalah dalam kuantiti kecil. Selain itu, kebanyakan barangan tidak dihantar terus ke Labuan, sebaliknya transit terlebih dahulu di pelabuhan seperti Klang atau Sepanggar sebelum dibawa masuk. Keadaan ini menyebabkan barangan berkenaan dikenakan cukai dua kali (double tax) serta menambah kos penghantaran. Akibatnya, kelebihan status bebas cukai Labuan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna tempatan kerana peningkatan harga yang berpunca daripada faktor rantaian bekalan dan pengangkutan.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kampung Patau-Patau 1 **Tarikh:** 12 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) 2. Jabatan Sosio Ekonomi
1.	Cabaran kos sara hidup	Transkrip ini membincangkan kos sara hidup minimum bagi seorang individu di Labuan, yang dianggarkan sekitar RM3,001 sebulan. Perbincangan merujuk kepada faktor seperti saiz rumah (square foot) dan harga barang tempatan, yang dilaporkan kira-kira 30% lebih tinggi daripada harga di Kota Kinabalu (KK). Jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, kos barang di KK lebih murah, dan di Labuan ia meningkat lagi 30%, menjadikan kos sara hidup di Labuan hampir 90% lebih tinggi berbanding Semenanjung Malaysia. Selain itu, harga bahan mentah juga dilaporkan tinggi, menambah tekanan kepada kos harian penduduk.	**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Labuan:** Pegawai KPDN memaklumkan bahawa pada tahun 2024 satu Kajian Penstabilan Harga Barang telah dijalankan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini memberi fokus kepada sembilan barangan utama seperti beras, ayam, telur, gula, daging, minyak masak, sayur, dan ikan. Hasil kajian menunjukkan harga barangan di Labuan jauh lebih tinggi berbanding Sabah, Sarawak, dan beberapa negeri di Semenanjung. Faktor utama kenaikan harga dikenal pasti ialah kos pengangkutan yang sangat tinggi, contohnya lori empat tan dari Kota Kinabalu ke Labuan memerlukan kos sekitar RM1,214 sehari termasuk tambang feri, deklarasi kastam, dermaga, diesel, dan upah pekerja. Berdasarkan dapatan tersebut, antara syor jangka panjang ialah pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dan tanah besar, manakala untuk jangka pendek dan sederhana terdapat cadangan lain yang lebih praktikal. Secara

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			keseluruhannya, KPDN mengakui bahawa harga barang di Labuan memang lebih mahal daripada kawasan lain.
2.	Kekangan penyelenggaran dan infrastruktur jambatan	Peserta menyuarakan cabaran dalam kerja-kerja penyelenggaraan jambatan di Labuan yang disebabkan oleh kekangan peruntukan kewangan dan faktor teknikal pembinaan atas air. Proses pembaikan jambatan memerlukan penggunaan bahan binaan khas seperti dry concrete serta tenaga kerja manual (manpower) kerana jentera tidak dapat digunakan di kawasan tersebut. Keadaan ini menyebabkan kos penyelenggaraan meningkat dan kerja pembaikan mengambil masa yang lama, sekali gus menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek infrastruktur tempatan. .	*Tiada Maklum Balas.*
3.	Ketiadaan pengurusan sisa pepejal dan ketiadaan kemudahan kitar semula	Peserta menyuarakan cabaran dalam pengurusan sisa pepejal di Labuan, khususnya berkaitan ketiadaan loji insinerator dan kemudahan kitar semula (recycling plant). Disebabkan kekangan tersebut, sisa seperti plastik terpaksa ditanam atau dieksport ke luar, termasuk ke Indonesia dan Sarawak. Namun, kos eksport tinggi (sekitar RM100 bagi setiap tan), dan Jabatan Alam Sekitar tidak membenarkan pembinaan loji kitar semula di Labuan kerana tidak memenuhi radius operasi minimum 8 kilometer. Akibatnya, hanya bahan seperti besi buruk dan kaca dapat dikitar semula	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menerangkan bahawa isu pengurusan sampah di Labuan sentiasa dipantau, dan terdapat kontraktor pembersihan yang dilantik. Namun, masalah sampah biasanya timbul apabila berlaku kekosongan kontraktor (tidak dilantik) atau kelewatan saluran peruntukan, menyebabkan kerja pembersihan terhenti buat sementara waktu. Terdapat keperluan penambahan pekerja pembersih sampah di kawasan perairan, khususnya di sekitar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		secara tempatan, manakala plastik menjadi masalah utama dalam pengurusan sisa.	pelabuhan Victoria. Beliau menyatakan bahawa sebuah perahu dengan satu pasukan pembersih tidak mencukupi, dan perlu ditambah menjadi dua atau tiga pasukan untuk menampung keperluan pembersihan kawasan tersebut.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kampung Kiansam **Tarikh:** 12 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi
1.	Isu dokumentasi perkahwinan dan kesan terhadap pendaftaran kelahiran	Peserta menyuarakan masalah berkaitan kekurangan dokumen perkahwinan sah (kad atau sijil nikah) dalam kalangan penduduk yang berkahwin secara tradisional atau "kahwin kampung". Keadaan ini menyebabkan anak-anak yang dilahirkan menghadapi kesukaran mendapatkan surat beranak asal walaupun mereka sebenarnya warganegara Malaysia. Kekangan birokrasi dan prosedur yang ketat turut menyukarkan generasi seterusnya, menyebabkan masalah dokumentasi ini berulang dari satu generasi ke generasi berikutnya.	*Tiada Maklum Balas.*
2.	Kebimbangan penempatan dan pemeliharaan komuniti setempat	Penduduk menyuarakan kebimbangan penduduk terhadap ketidakpastian tempat tinggal mereka sekiranya diarahkan berpindah. Peserta menzahirkan kerisauan tentang kemungkinan perpecahan komuniti yang telah hidup bersama dalam satu kawasan dan berkongsi budaya serta ikatan sosial yang sama sejak beberapa generasi. Mereka bukan menolak perubahan, tetapi lebih mengutamakan kekekalan hidup dalam kelompok	*Tiada Maklum Balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		yang sama demi menjaga keharmonian dan kesinambungan komuniti setempat.	
3.	Kos dan beban penggunaan elektrik	Peserta menyuarakan keluhan terhadap kadar bayaran elektrik yang dianggap tidak munasabah dan tidak telus. Peserta menjelaskan bahawa caj dikenakan secara tetap atau tidak sepadan dengan penggunaan sebenar, contohnya bayaran tetap dikenakan walaupun tiada peralatan digunakan seperti telefon atau kipas. Ini mencerminkan isu ketidakadilan dalam sistem caj elektrik di kawasan tersebut serta beban kewangan kepada penduduk berpendapatan rendah.	*Tiada Maklum Balas.*
4.	Kenaikan kos sara hidup dan harga barang	Peningkatan kos sara hidup di Labuan khususnya harga makanan dan barangan keperluan asas yang semakin mahal memberi kesan kepada penduduk. Peserta menekankan bahawa nilai wang semakin berkurang, di mana RM10 hanya cukup untuk membeli makanan ringan seperti roti kosong, manakala kos makan bersama keluarga boleh mencecah ratusan ringgit. Keadaan ini menunjukkan bahawa beban kewangan terhadap isi rumah semakin meningkat, terutama bagi golongan berpendapatan sederhana dan rendah di kawasan bandar.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Terdapat inisiatif untuk menurunkan harga barang di Labuan dengan memberikan subsidi tambang feri kepada lori pembawa barangan dari Sabah. Harapannya, subsidi itu dapat mengurangkan kos pengangkutan lalu menurunkan harga barang. Namun, walaupun subsidi yang diberi besar, harga barang tetap tidak turun dan kekal sama. Situasi ini menimbulkan persoalan sama ada peniaga yang mengambil kesempatan atau ada pihak lain yang terlibat. Akhirnya, subsidi tersebut dihentikan untuk lori dan dikekalkan hanya 50% bagi tambang penumpang sahaja**.**

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kekangan aktiviti pertanian dan penternakan di kawasan penempatan	Peserta menyuarakan sekatan yang dikenakan terhadap penduduk di kawasan penempatan tertentu di Labuan, di mana mereka tidak dibenarkan melakukan aktiviti seperti menanam tanaman, menternak haiwan, atau mengubah suai rumah. Hanya aktiviti kecil seperti menanam bunga dalam pasu dibenarkan. Peserta turut menyatakan bahawa sekatan ini telah dimaklumkan sejak awal melalui sumpah atau peraturan yang ditetapkan semasa mula berpindah masuk, menyebabkan penduduk terhad dalam usaha untuk berdikari melalui pertanian atau penternakan kecil.	*Tiada Maklum Balas.*
6.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Penduduk menyuarakan masalah haiwan liar dan haiwan domestik seperti anjing yang mengganggu kehidupan harian mereka. Populasi monyet semakin banyak sehingga masuk ke rumah dan merosakkan makanan. Selain itu, anjing dilihat sebagai bahaya utama kerana menyerang haiwan ternakan seperti kambing dan terdapat kes kanak-kanak digigit.	*Tiada Maklum Balas.*
7.	Kekurangan kemudahan tandas dan akses sanitasi	Penduduk menjelaskan keadaan kemudahan tandas yang tidak mencukupi di kawasan mereka. Ada tempat yang masih tiada tandas sejak dahulu, dan penduduk terpaksa membina tandas sendiri atau menggunakan tandas sementara di luar rumah. Hingga kini, ada keluarga yang masih tidak mempunyai tandas dalam rumah dan perlu ke luar untuk membuang air.	*Tiada Maklum Balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Kos pengangkutan dan akses pendidikan bagi keluarga berpendapatan rendah	Peserta menyuarakan cabaran kos pendidikan, khususnya tambang dan sewa asrama. Jika sekolah jauh, kos pengangkutan mencecah RM80–100 seorang murid sebulan, dan ini membebankan keluarga berpendapatan rendah, terutama yang mempunyai ramai anak. Walaupun yuran sekolah berpatutan, kos tambahan seperti tambang menjadi halangan besar untuk memastikan anak-anak terus bersekolah.	*Tiada Maklum Balas.*

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Labuan Indian Chamber of Commerce and Industry **Tarikh:** 13 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 3 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Jabatan Sosio Ekonomi 2. FAMA
1.	Kesan pandemik terhadap aktiviti perkapalan dan logistik	Transkrip ini menerangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap sektor perkapalan dan logistik di Labuan, di mana keputusan untuk menghentikan kemasukan kapal ke pelabuhan Labuan menyebabkan banyak pengusaha kapal memilih untuk berlabuh di Kota Kinabalu (KK). Keadaan ini menyebabkan penurunan jumlah kargo (volume) di Labuan, menjadikannya tidak berbaloi bagi kapal untuk terus datang kerana kos operasi tinggi berbanding muatan yang sedikit. Akibatnya, barang dari Port Klang kini dihantar ke KK terlebih dahulu sebelum dibawa ke Labuan menggunakan lori, yang sebenarnya lebih cepat dan murah. Keadaan ini menonjolkan cabaran utama sektor logistik Labuan iaitu kekurangan volume kargo dan kebergantungan kepada pelabuhan di KK selepas pandemik.	
2.	Peningkatan kos pengangkutan dan harga barang	Transkrip ini menjelaskan bahawa barang dari Kuala Lumpur (KL) perlu dihantar ke Kota Kinabalu (KK) terlebih dahulu sebelum sampai ke Labuan, walaupun Labuan merupakan kawasan pelabuhan bebas cukai. Sebelum ini, kargo boleh terus masuk ke Labuan dan seterusnya dihantar ke KK, tetapi	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kini aliran logistik telah berubah — barang dibongkar di KK dan kemudian dihantar ke Labuan menggunakan lori dan feri. Perubahan ini telah meningkatkan kos pengangkutan, yang seterusnya menyebabkan harga barangan asas seperti sayur-sayuran meningkat. Hal ini berlaku kerana bekalan utama Labuan datang sepenuhnya dari tanah besar Sabah, khususnya dari KK.	
3.	Perubahan status barangan bebas cukai di Labuan	Terdapat perubahan dalam status barangan bebas cukai di Labuan. Kini, hanya alkohol (bir dan wiski) serta coklat masih dikategorikan bebas cukai. Rokok tidak lagi bebas cukai dan kebanyakannya masuk melalui penyeludupan dari Sandakan. Barangan elektrik sudah lama tidak bebas cukai (hampir 10 tahun), manakala kenderaan masih mempunyai pengecualian tertentu, tetapi tidak sepenuhnya bebas cukai. Dahulu pegawai kerajaan yang berkhidmat di Labuan boleh membawa keluar sebuah kereta tanpa cukai selepas tamat tempoh perkhidmatan, namun keistimewaan itu juga telah dimansuhkan. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada status “duty free” di Labuan kini hanya tinggal pada nama semata-mata.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menjelaskan bahawa harga barang mahal di Labuan bukan disebabkan oleh status bebas cukai, sebaliknya berpunca daripada faktor lain. Beliau menegaskan bahawa barangan seperti rokok tetap dikenakan cukai di seluruh negara, termasuk Johor, sekali gus menafikan tanggapan bahawa status bebas cukai Labuan menyebabkan harga tinggi. Harga arak di Labuan juga meningkat, namun masih lebih rendah berbanding di Sabah. Pihak kastam telah beberapa kali memberi penerangan kepada penduduk bahawa status bebas cukai Labuan masih dikekalkan, dan sesi perbincangan seperti ini penting untuk menjelaskan salah faham masyarakat. Beliau turut menjelaskan bahawa semasa awal pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan kawasan bebas cukai pada 1984, harga barang sememangnya murah kerana

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			aktiviti pelabuhan dan perdagangan butter trade, yang menarik ramai pembeli dari Sabah dan Brunei.
4.	Kelewatan kelulusan dan kekangan kuasa tempatan dalam pembangunan Labuan	Cabaran birokrasi dan kelewatan membuat keputusan di Labuan. Semua kelulusan utama termasuk kadar cukai dan urusan tanah perlu diputuskan di Kuala Lumpur, menyebabkan pengarah jabatan yang ditempatkan di Labuan tidak mempunyai kuasa untuk bertindak. Proses mendapatkan kelulusan boleh mengambil masa 6 hingga 8 bulan, contohnya dalam urusan Jabatan Tanah apabila seseorang ingin membeli rumah bernilai lebih RM1 juta. Malah, selepas menunggu lama, permohonan juga berisiko ditolak. Situasi ini menimbulkan persoalan bagaimana pembangunan di Labuan dapat bergerak maju jika keputusan-keputusan penting tidak dapat dibuat di peringkat tempatan.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menjelaskan bahawa Perbadanan Labuan (PL) beroperasi dengan keterbatasan kerana Labuan tidak mempunyai kabinet negeri. Menteri Wilayah hanya membawa isu Labuan ke mesyuarat kabinet, manakala agensi-agensi seperti Jabatan Air atau Jabatan Laut tetap melapor ke ibu pejabat masing-masing. Peranan PL lebih kepada menyelaras melalui jawatankuasa, contohnya semasa insiden tumpahan minyak di Kian Sam, tetapi bukan berfungsi sebagai pejabat ketua menteri.
5.	Kekurangan tarikan pelancongan dan pergantungan kepada status bebas cukai di Labuan	Peserta FGD menyatakan kekecewaan terhadap keadaan pelancongan di Labuan. Menurut pandangan yang dikemukakan, Labuan hampir tidak mempunyai tarikan pelancongan selain daripada status bebas cukai sepenuhnya. Disebut bahawa Labuan boleh dijelajahi dalam tempoh dua jam kerana kekurangan tarikan semula jadi atau destinasi menarik. Kos barangan mahal dan pilihan makanan terhad menambah kelemahan daya tarikannya. Justeru, satu-satunya cara untuk menarik pengunjung ialah mengembalikan status	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Sektor pelancongan kesihatan (medical tourism) di Labuan bergantung kepada sokongan daripada sektor lain. Namun, terdapat cabaran kerana syarikat besar seperti Gleneagles tidak berminat membuka cawangan di Labuan memandangkan lokasinya sudah hampir dengan Kota Kinabalu (KK) yang mempunyai kemudahan perubatan swasta lengkap. Tambahan pula, Brunei juga memiliki hospital swasta,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bebas cukai penuh, termasuk rokok, kerana itulah identiti Labuan sebagai pulau bebas cukai.	menjadikan Labuan berada di tengah-tengah antara dua pusat perubatan yang lebih besar dan lengkap**.**
6.	Pembekuan permit pekerja asing	Terdapat isu tenaga kerja di Labuan, khususnya pekerja asing. Menurut pandangan yang dikemukakan, tidak ada masalah pendatang tanpa izin di Labuan kerana pekerja asing yang ada memiliki dokumen sah. Namun, apabila permit kerja mereka dibekukan oleh kerajaan, para majikan menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja walaupun hanya untuk keperluan kedai kecil (3–4 orang pekerja setiap kedai). Ahli Kamar Dagang India Labuan merasa kecewa kerana permintaan mereka tidak dilayan, sedangkan mereka tidak menyalahgunakan kuota besar seperti di tempat lain; sebaliknya hanya memohon kelulusan asas untuk menampung operasi perniagaan.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pegawai menjelaskan bahawa isu berkenaan berpunca daripada dasar dan polisi yang ditetapkan oleh pihak imigresen, manakala jabatan kastam dan imigresen di peringkat negeri hanya melaksanakan arahan tersebut. Pada awalnya, pegawai kastam lebih bertolak ansur dalam penguatkuasaan (contohnya membenarkan kuota barangan melebihi sedikit daripada had), namun selepas menerima aduan daripada pihak tertentu, mereka terpaksa menguatkuasakan peraturan dengan lebih ketat. Hal ini menyebabkan timbul salah faham dalam kalangan masyarakat yang menganggap ada undang-undang baru diperkenalkan, sedangkan sebenarnya undang-undang lama masih terpakai, cuma kini dilaksanakan dengan lebih tegas. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puas hati, khususnya apabila masyarakat beranggapan pihak kastam atau imigresen sengaja mengetatkan syarat.
7.	Kemerosotan sektor pertanian di Labuan akibat	Dahulu, kira-kira 30 tahun lalu, ramai penduduk bergantung kepada pertanian dan penternakan lembu. Namun, generasi kedua tidak berminat untuk meneruskan kerana kekurangan tenaga	**FAMA:** Pegawai menerangkan bahawa bekalan makanan di Labuan sangat bergantung kepada import dari luar, khususnya Sabah (90–95%), manakala hasil tempatan hanya sekitar 5%. Faktor

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kekurangan tenaga kerja	kerja. Dahulunya seorang petani boleh mengupah sehingga 20 pekerja asing, terutamanya dari Indonesia, Filipina, dan Timor. Apabila pekerja tersebut pulang atau menua, tiada pengganti dibenarkan. Kekangan dasar kerajaan persekutuan dalam menyediakan tenaga kerja asing menyebabkan sektor pertanian di Labuan merosot hampir kepada sifar.	cuaca, kos pengeluaran yang tinggi, serta kos pengangkutan dari Sabah ke Labuan menyebabkan harga makanan di Labuan lebih mahal berbanding tempat lain. Walaupun ada usaha menanam sayuran berdaun di Labuan (kerana jenis ini cepat rosak jika diimport), harga produk tempatan tetap sukar bersaing dengan harga produk luar. Isu lain ialah sebahagian pengusaha hanya menjual mengikut harga pasaran runcit tanpa menurunkan harga. Sebagai langkah penyelesaian, FAMA mencadangkan penjenamaan khas melalui pembungkusan produk "Keluaran Labuan" agar dapat membezakan produk tempatan dengan produk luar serta menjamin kualiti, di samping meningkatkan keyakinan pengguna terhadap hasil pertanian Labuan.
8.	Kekurangan kemudahan kesihatan lanjutan dan beban kos rawatan	Transkrip ini menggambarkan cabaran besar yang dihadapi penduduk Labuan dalam mendapatkan rawatan kesihatan lanjutan akibat kekurangan kemudahan perubatan di pulau tersebut. Contohnya, hospital di Labuan tidak mempunyai mesin MRI, menyebabkan pesakit perlu ke Kota Kinabalu untuk menjalani imbasan. Proses ini memerlukan tempahan awal sehingga tiga bulan serta kos perjalanan dan penginapan yang tinggi, mencecah sekitar RM1,000 bagi satu lawatan.	**Jabatan Sosio Ekonomi:** Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi menerangkan bahawa sebelum ini Labuan mempunyai hospital kerajaan dan hospital swasta. Namun, hospital swasta terpaksa ditutup kerana jumlah pesakit tidak mencukupi untuk menampung operasinya. Malah, kepakaran perubatan juga sukar dikekalkan kerana doktor pakar memerlukan jumlah pesakit yang mencukupi untuk mengekalkan kemahiran mereka. Oleh itu, mereka akhirnya perlu kembali bertugas di hospital besar di tempat lain yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Selain itu, masa menunggu keputusan ujian darah dan rawatan di Labuan sangat lama, ada yang mengambil masa hingga dua minggu atau sebulan berbanding hanya setengah jam di hospital swasta di Semenanjung (contohnya ASUNTA). Kekurangan sistem rekod perubatan berpusat dan rujukan yang perlahan turut menyebabkan pesakit sukar mendapat rawatan susulan tepat pada masanya, sekali gus menunjukkan keperluan mendesak untuk menambah baik fasiliti dan sistem kesihatan di Labuan.	mempunyai lebih ramai pesakit. Kini, hanya hospital kerajaan yang beroperasi di Labuan.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 *Pengutamaan Isu 1: Cabaran ekonomi dan pembangunan pertanian di komuniti*

Labuan, sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang strategik di pesisir barat laut Borneo, terkenal dengan statusnya sebagai hab kewangan luar pesisir, pelabuhan bebas cukai, dan pusat logistik maritim. Namun, dari segi pengeluaran makanan dan pembangunan pertanian tempatan, Labuan masih menghadapi cabaran yang ketara, terutama dalam usaha memenuhi keperluan penduduk melalui penghasilan pertanian setempat.

Keterbatasan tanah pertanian, kebergantungan kepada bekalan makanan dari luar, serta tahap penerimaan dan penggunaan teknologi yang rendah dalam kalangan pengusaha tempatan merupakan antara faktor yang melemahkan rantaian bekalan makanan domestik. Selain itu, kenaikan harga bahan mentah membebankan penduduk dan meningkatkan kos sara hidup, ketidakadilan dalam pasaran melemahkan peniaga kecil dan usahawan tani, manakala sektor pertanian tempatan masih banyak dijalankan secara kecil-kecilan dan tradisional.

Berdasarkan kajian lapangan, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti dalam usaha membangunkan ekonomi dan pertanian komuniti di Labuan. Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci tiga cabaran utama, iaitu kenaikan harga bahan mentah yang membebankan penduduk, ketidakadilan dalam pasaran yang melemahkan peniaga kecil dan usahawan tani, serta potensi kawasan perumahan untuk dimajukan sebagai contoh pertanian moden yang dapat memperkukuh ekonomi komuniti.

- **Kenaikan harga bahan mentah membebankan penduduk dan meningkatkan kos sara hidup**
  Salah satu cabaran utama yang dihadapi penduduk Labuan ialah kenaikan harga sayur-sayuran dan bahan mentah asas yang semakin membebankan. Hal ini berpunca daripada kebergantungan tinggi terhadap bekalan makanan yang diimport dari luar[1] seperti Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kos pengangkutan dan pengedaran yang tinggi turut menyumbang kepada harga jualan yang mahal

[1] Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, "Labuan Perlu Pendekatan Baharu Atasi Kebergantungan Makanan Import," BERNAMA, 28 Jun 2025, https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2439228

di peringkat pengguna akhir. Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan, Junaidah Arbain, Labuan memerlukan sekurang-kurangnya 120 tan gula setiap bulan untuk memenuhi keperluan sekitar 110,000 penduduknya. Walau bagaimanapun, bekalan gula sering tidak mencukupi disebabkan permintaan yang tinggi, terutamanya daripada pihak peniaga[2].

Secara tidak langsung ini membawa kepada peningkatan kos sara hidup di Labuan.

Isu peningkatan kos sara hidup di Labuan turut disuarakan oleh penduduk kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, semasa Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2025 WP Labuan pada 10 Ogos 2024[3]. Sebagai tindak balas, kerajaan telah melancarkan inisiatif MYGrocer@Wilayah yang juga di bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI), yang telah mula beroperasi sejak Jun 2024 di 26 kampung sekitar Labuan, bertujuan memudahkan akses penduduk kepada barangan keperluan pada harga lebih berpatutan.

Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri telah memberikan maklum balas mengenai isu harga barang tinggi semasa Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan. Beliau menjelaskan bahawa Program Jualan Rahmah Madani kini aktif dijalankan di Labuan bagi menangani isu tersebut. Program ini dilaksanakan setiap minggu di sekurang-kurangnya dua pasar raya, dan kadangkala melibatkan tiga atau lebih lokasi. Walaupun program ini tidak dapat menyelesaikan masalah harga sepenuhnya, ia memberikan pilihan kepada pengguna untuk memperoleh barang keperluan pada harga yang lebih munasabah. Mekanisme pelaksanaannya adalah melalui penyaluran subsidi terus kepada pasar raya, membolehkan harga jualan diturunkan. Sebagai contoh, barang yang bernilai RM15 dijual pada harga RM10 kerana RM5 ditanggung oleh subsidi kerajaan. Kaedah ini dianggap lebih berkesan kerana manfaat subsidi sampai terus kepada pengguna akhir, berbanding bentuk subsidi lain yang kesannya kurang jelas.

- **Ketidakadilan dalam pasaran bahan mentah melemahkan peniaga kecil dan usahawan tani**

[2] Bekalan Gula di Labuan Terkawal," Harian Metro, 2024, https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140794/bekalan-gula-di-labuan-terkawal#google_vignette
[3] Khairul Idin, "Labuan terus jadi perhatian kerajaan," WilayahKu, 16 Ogos 2024, https://www.wilayahku.com.my/labuan-terus-jadi-perhatian-kerajaan/

Dapatan menunjukkan bahawa peniaga kecil di Labuan menghadapi cabaran persaingan tidak adil dalam pasaran bahan mentah, seperti sayur-sayuran dan ayam, yang didakwa dimonopoli oleh beberapa organisasi tertentu. Organisasi ini membeli secara pukal dari luar Labuan dan menjual semula pada harga lebih rendah, menjadikan peniaga kecil dan pengusaha pertanian tempatan sukar bersaing. Ketidakseimbangan harga ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan peniaga kecil, tetapi juga melemahkan semangat usahawan tani untuk terus menanam dan memasarkan hasil tempatan.

Contoh ini menjelaskan bahawa hasil tanaman tempatan seperti limau kasturi dijual pada harga sekitar RM4 sekilogram, manakala hasil yang dibawa dari Sabah boleh dijual pada harga serendah 50 sen sekilogram. Perbezaan harga yang ketara ini menyebabkan pengusaha tempatan tidak mampu bersaing, terhad dari segi skala penanaman, dan akhirnya menghadkan pembangunan rantaian bekalan pertanian yang mampan di Labuan.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah memberi maklum balas mengenai isu ini dan menyatakan bahawa bekalan makanan di Labuan sangat bergantung kepada import, khususnya dari Sabah, yang menyumbang 90 hingga 95% daripada keseluruhan bekalan, manakala hasil tempatan hanya sekitar 5%. Faktor kos pengeluaran yang tinggi, kos pengangkutan dari Sabah ke Labuan, serta keadaan cuaca menjadikan harga produk tempatan sukar bersaing dengan produk luar. Pegawai FAMA menekankan bahawa Labuan sesuai untuk penanaman sayuran berdaun kerana jenis ini cepat rosak jika diimport, justeru memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk menanam dan menjual hasil pertanian segar. Namun, isu harga tetap menjadi cabaran kerana kos pengeluaran tempatan yang lebih tinggi.

Selain itu, sebahagian pengusaha menjual mengikut harga pasaran runcit tanpa menurunkan harga, menyebabkan daya saing produk tempatan terhad. Sebagai langkah penyelesaian, FAMA mencadangkan penjenamaan khas melalui pembungkusan produk “Keluaran Labuan” untuk membezakan hasil pertanian tempatan daripada produk luar. Ini bertujuan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kualiti produk tempatan dan membantu pengusaha Labuan bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran.

- **Sistem pertanian bandar dan alternatif berpotensi dimajukan**
  Di Labuan, hanya 0.22 peratus atau sekitar 154.45 hektar tanah dizonkan untuk pertanian, menjadikan pertanian tradisional sukar dikembangkan[4]. Pelaksanaan strategi bersepadu seperti kaedah seperti pertanian bandar, hidroponik, dan pertanian vertikal perlu dilaksanakan untuk mengurangkan kebergantungan ini. Dengan menggunakan kaedah ini boleh memanfaatkan ruang sempit seperti halaman rumah, bumbung bangunan atau tanah lapang di sekitar komuniti. Projek-projek seperti ini bukan sahaja boleh meningkatkan bekalan makanan segar untuk kegunaan sendiri atau dijual secara kecil-kecilan, malah berpotensi dijadikan model contoh kepada kawasan lain. Sebagai tanda sokongan terhadap strategi ini, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah meminta Perbadanan Labuan untuk mengenal pasti sebarang tanah yang berpotensi sesuai bagi tujuan pertanian dalam usaha memperkukuh keselamatan makanan di Labuan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kenaikan harga bahan mentah membebankan penduduk dan meningkatkan kos sara hidup 2. Ketidakadilan dalam pasaran bahan mentah melemahkan peniaga kecil dan usahawan tani 3. Sistem pertanian bandar dan alternatif berpotensi dimajukan
Cadangan	1. Menyediakan lot mikro pertanian bandar (hidroponik, aquaponik) di kawasan perumahan dan sekolah. 2. Penubuhan konsortium koperasi pembekal bahan mentah tempatan dengan sokongan logistik. 3. Pembangunan Pasar Komuniti Digital Labuan untuk memasarkan produk terus kepada pengguna tanpa orang tengah. 4. Insentif kepada restoran dan pasaraya yang membeli dari pembekal tempatan.
Kumpulan Terjejas	Suri rumah, golongan B40 ke bawah, petani, pengusaha tempatan

[4] Labuan Perlu Pendekatan Baharu Atasi Kebergantungan Makanan Import," BH Online, 2025, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1413527/labuan-perlu-pendekatan-baharu-atasi-kebergantungan-makanan-import

Kawasan	Komuniti Kg. Patau-Patau 2, Kampung Sungai Bedaun, Pulau Labuan secara menyeluruh
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 2: Tiada Kelaparan	Sasaran 2.3: Menggandakan produktiviti dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil Sasaran 2.4: Pengeluaran makanan yang mampan dan amalan pertanian yang berdaya tahan Sasaran 2.b.: Menghalang sekatan perdagangan pertanian, gangguan pasaran dan subsidi eksport Sasaran 2.c. Memastikan pasaran komoditi makanan yang stabil dan akses terkini kepada maklumat
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.2: Mempelbagaikan, berinovasi dan naik taraf untuk produktiviti ekonomi. Sasaran 8.4: Meningkatkan kecekapan sumber dalam penggunaan dan pengeluaran
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses kepada modal untuk perusahaan kecil.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kekangan peluang ekonomi dan sokongan dana

Labuan, sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang terletak di Laut China Selatan, terkenal dengan kedudukannya yang strategik serta peranannya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan hab perkhidmatan perdagangan. Walaupun ekonomi Labuan dilihat pesat berkembang dalam sektor kewangan, perkhidmatan, dan perdagangan, peluang ekonomi bagi kelompok belia, wanita, dan ibu tunggal masih terhad. Cabaran seperti kekurangan kemahiran khusus, kos sara hidup yang meningkat, dan akses yang terhad kepada sokongan sosial menyebabkan golongan ini sukar untuk memperoleh pendapatan stabil dan peluang pembangunan diri. Tambahan pula, struktur ekonomi yang lebih menumpu kepada sektor formal menjadikan penglibatan dalam perniagaan mikro dan ekonomi kreatif sebagai satu cabaran, sekaligus mengekang potensi mereka untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan sosial di Labuan.

- **Kurangnya peluang pekerjaan yang mapan untuk belia**

Isu kurangnya peluang pekerjaan yang mapan untuk belia di Labuan dapat dilihat melalui realiti pasaran kerja tempatan yang sangat terhad dan bergantung kepada sektor tertentu seperti minyak dan gas, perkhidmatan, serta kewangan luar pesisir. Majoriti peluang kerja yang wujud memerlukan kemahiran teknikal atau profesional yang khusus, sedangkan ramai belia tempatan tidak memiliki latihan atau akses kepada pendidikan yang sepadan dengan keperluan industri. Hal ini menyebabkan sebahagian besar belia hanya mampu bekerja dalam sektor tidak formal atau pekerjaan bergaji rendah yang tidak menjamin kestabilan masa depan. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila kos sara hidup semakin meningkat sedangkan peluang pekerjaan tetap dengan gaji berpatutan semakin mengecil. Akibatnya, ramai belia terpaksa berhijrah keluar dari Labuan untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, sekali gus memberi implikasi kepada pembangunan tenaga kerja tempatan dan masa depan sosio ekonomi wilayah ini.

- **Kadar sewa premis yang tinggi**

  Isu kadar sewa premis yang tinggi di Labuan jelas tergambar melalui keluhan peniaga kecil yang menyatakan bahawa kos sewa mencecah sehingga RM3,000 walaupun bagi ruang yang kecil. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada usahawan mikro dan peniaga kecil yang ingin menjalankan perniagaan bukan sahaja dalam sektor makanan, tetapi juga dalam bidang perkhidmatan seperti bengkel kereta, penghawa dingin, pencetak, dan lain-lain. Tingginya kadar sewa menjadikan mereka sukar mendapatkan premis yang sesuai dan berpatutan, sekali gus menghadkan peluang untuk berkembang. Tambahan pula, keadaan di Labuan dianggap terlalu rumit kerana kos sewa yang melampaui kemampuan peniaga tempatan, menyebabkan mereka tidak berdaya saing dan sukar untuk bertahan dalam pasaran. Hal ini secara langsung mengekang potensi ekonomi setempat serta menambah beban kepada belia, wanita, dan ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan sebagai sumber pendapatan alternatif.

- **Kekurangan sokongan dan birokrasi permohonan dana**

  Isu kekurangan sokongan dana dan birokrasi permohonan dana di Labuan dapat dilihat melalui pengalaman peserta FGD yang menyatakan walaupun ada tanah atau produk seperti sayur-sayuran dan kuih tradisional, mereka menghadapi kesukaran untuk memajukan atau memasarkan hasil tersebut kerana kekurangan dana. Proses permohonan dana dianggap terlalu rumit, dengan prosedur yang memerlukan pemahaman tertentu tentang teknologi dan pentadbiran, menyebabkan golongan belia, wanita, dan persatuan seperti ASWILA sukar untuk mengakses bantuan kewangan. Selain itu, persaingan dengan persatuan lain yang lebih berpengalaman atau golongan yang lebih dewasa juga menambah cabaran, sehingga sebahagian peluang pembangunan projek atau perniagaan mikro tidak

dapat dimanfaatkan. Keadaan ini mengekang potensi ekonomi setempat kerana kekangan dana dan birokrasi yang kompleks menyukarkan golongan rentan untuk memulakan atau mengembangkan usaha mereka.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kurangnya peluang pekerjaan yang mapan untuk belia 2. Kadar sewa premis yang tinggi 3. Kekurangan sokongan dan birokrasi permohonan dana
Cadangan	1. Menawarkan kursus dan bengkel kemahiran teknikal, digital, dan keusahawanan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia. Program ini juga menyediakan bimbingan dan mentor untuk membantu mereka memulakan perniagaan atau mendapatkan pekerjaan yang lebih mapan. 2. Menubuhkan pusat perniagaan dengan premis sewa berpatutan khas untuk peniaga kecil, wanita, dan ibu tunggal. Pusat ini memberi ruang untuk perniagaan makanan, perkhidmatan, dan produk kreatif berkembang dengan lebih stabil. 3. Menyediakan geran mikro atau dana khas dengan prosedur permohonan yang mudah dan mesra pengguna. Disertakan bimbingan teknikal untuk membantu pengurusan permohonan dan kewangan projek, mengurangkan halangan birokrasi. 4. Mewujudkan platform digital atau fizikal untuk memasarkan produk tempatan dan perkhidmatan komuniti. Inisiatif ini membantu memperluas pasaran, meningkatkan jualan, dan menggalakkan penglibatan ekonomi setempat.
Kumpulan Terjejas	Belia, wanita, ibu tunggal, pengusaha kecil
Kawasan	Pulau Labuan secara menyeluruh

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 5: Kesaksamaan Jantina	Sasaran 5.a: Hak sama rata kepada sumber ekonomi, pemilikan harta dan perkhidmatan kewangan Sasaran 5.b: Menggalakkan pemerkasaan wanita melalui teknologi
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.2: Mempelbagaikan, berinovasi dan naik taraf untuk produktiviti ekonomi Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang Sasaran 8.6: Menggalakkan pekerjaan, pendidikan dan latihan belia Sasaran 8.10: Akses sejagat kepada perkhidmatan perbankan, insurans dan kewangan Sasaran 8.b: Membangunkan strategi pekerjaan belia global
SDG 9: Industri, Inovasi, dan Prasaran	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan pasaran Sasaran 9.b: Menyokong pembangunan teknologi domestik dan kepelbagaian industri

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Sistem bebas cukai yang tidak efisien di Labuan

Sistem bebas cukai di Labuan merujuk kepada status atau rezim di mana pulau ini ditetapkan sebagai zon perdagangan dan kewangan khas yang membolehkan beberapa jenis barangan dan perkhidmatan dijual atau diimport tanpa dikenakan cukai jualan, cukai import, atau cukai tambahan lain. Tujuan utama sistem ini adalah untuk menarik pelaburan, merangsang perdagangan, dan menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa dan perdagangan bebas. Sistem bebas cukai di Labuan membolehkan pelbagai jenis barang dan perkhidmatan dijual atau diimport tanpa dikenakan cukai, bertujuan untuk merangsang ekonomi tempatan dan menarik pelaburan serta pelancong.

Antaranya, barang import untuk kegunaan perniagaan dan perdagangan, termasuk bahan mentah dan produk separuh siap yang digunakan untuk eksport semula, tidak dikenakan cukai. Selain itu, minuman keras dan tembakau yang diedarkan di kawasan bebas cukai juga dikecualikan daripada cukai, manakala barang elektronik, pakaian, dan barangan pengguna tertentu boleh dibeli oleh pelawat di kedai bebas cukai tanpa dikenakan cukai jualan. Kenderaan tertentu yang diimport oleh syarikat berdaftar di Labuan kadang-kadang turut dibebaskan cukai. Di samping itu, perkhidmatan kewangan dan pelaburan melalui entiti Labuan International Business and Financial Centre (Labuan IBFC) menikmati kadar cukai yang sangat rendah atau sifar cukai. Sistem bebas cukai di Labuan walaupun direka untuk merangsang ekonomi dan menarik pelaburan, menghadapi beberapa kekangan yang menjejaskan keberkesanannya, khususnya dalam konteks lokaliti pulau tersebut.

- **Ketidakseimbangan dalam skop bebas cukai menjejaskan kos sara hidup penduduk**

  Ketidakseimbangan dalam skop sistem bebas cukai di Labuan memberi kesan langsung kepada kos sara hidup penduduk tempatan. Walaupun beberapa barangan dan perkhidmatan tertentu dikecualikan daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST), harga bagi barangan keperluan asas seperti makanan, bahan mentah, dan utiliti tetap tinggi disebabkan oleh faktor-faktor seperti cukai tersembunyi, kos pengangkutan, dan pengurusan logistik yang meningkat. Hal ini menyebabkan penduduk tempatan terpaksa menanggung kos hidup yang lebih tinggi berbanding jangkaan bagi kawasan bebas cukai.

  Selain itu, pengkhususan sistem bebas cukai kepada barangan tertentu dan bukan semua keperluan harian menimbulkan ketidakseimbangan ekonomi, di mana keuntungan daripada pengecualian cukai lebih dirasai oleh pelabur dan pelancong, manakala komuniti tempatan kurang mendapat manfaat. Kekurangan infrastruktur dan aksesibiliti yang terhad ke tanah besar Malaysia turut menyumbang kepada peningkatan kos hidup di Labuan. Walaupun Labuan menikmati status bebas cukai, faktor-faktor tempatan seperti infrastruktur, kos hidup, dan persaingan serantau masih memberi kesan besar terhadap keberkesanan sistem ini.

  Sebagai contoh, kajian oleh Bridget Welsh pada tahun 2024 menunjukkan bahawa harga barangan di Labuan adalah sangat tinggi berbanding dengan Sabah, yang sudah pun membayar kos lebih tinggi disebabkan oleh import dan kos logistik

yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.[5][6] Kenaikan SST yang lebih tinggi juga menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi di Borneo, menjadikan kos sara hidup semakin membebankan penduduk tempatan. Selain itu, laporan oleh The Star pada tahun 2024 menyatakan bahawa ketidakseimbangan dalam dasar pentadbiran dan pembangunan infrastruktur di Labuan menyebabkan pulau tersebut menghadapi cabaran dalam menarik pelaburan dan meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan[7].

Secara keseluruhan, ketidakseimbangan dalam skop sistem bebas cukai di Labuan menekankan keperluan untuk dasar yang lebih menyeluruh dan inklusif supaya sistem bebas cukai dapat benar-benar menyokong kesejahteraan penduduk tempatan dan merangsang ekonomi secara keseluruhan.

- **Kelewatan dan kos tambahan akibat prosedur kastam yang rumit**
  Kelewatan dan kos tambahan akibat prosedur kastam merupakan cabaran utama yang menjejaskan kecekapan sistem bebas cukai di Labuan. Prosedur kastam yang ketat dan memakan masa dalam pemeriksaan barangan yang dihantar dari Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak menyebabkan kelewatan penghantaran, menambah kos logistik, dan mengganggu kelancaran operasi perniagaan, terutamanya bagi peniaga kecil. Kebergantungan Labuan kepada bekalan makanan dan barangan asas dari luar menjadikan isu kelewatan dan kos tambahan ini lebih kritikal, kerana ia secara langsung memberi kesan kepada ketersediaan barang dan harga pasaran.

  Kajian oleh Kanapathy (2020) menunjukkan bahawa prosedur kastam yang bergantung kepada masa deklarasi dan ketersediaan pegawai kastam boleh menyebabkan kelewatan lebih dari dua hari, terutamanya apabila terdapat kesilapan dalam dokumentasi atau keperluan untuk kelulusan tambahan[8]. Selain itu, kajian oleh TLI-Asia Pasifik (2019) menunjukkan bahawa prosedur kastam yang tidak efisien merupakan halangan utama dalam sektor logistik di ASEAN, termasuk Malaysia[9]. Kelewatan ini bukan sahaja meningkatkan kos penyimpanan

---

[5] Bridget Welsh, "Lost Opportunities in Labuan," Malaysiakini, 16 April 2024, https://www.malaysiakini.com/columns/702557

[6] Bridget Welsh, "Lost Opportunities in Labuan," Bridget Welsh, 16 April 2024, https://bridgetwelsh.com/articles/lost-opportunities-in-labuan/

[7] "Frustration over Labuan's future continues to mount," The Star, 13 April 2024, https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/13/frustration-over-labuans-future-continues-to-mount

[8] Kim Yoke Ong, Suhaiza Zailani, dan Kanagi Kanapathy, "Overview – Issues and Challenges for Freight Logistics Industry in Malaysia," Journal of Technology and Operations Management 15, no. 2 (2020): 1–11, https://doi.org/10.32890/jtom2020.15.2.1

[9] Robert de Souza, Mark Goh, Sumeet Gupta, dan Luo Lei, "Logistics Barriers in ASEAN," TLI – Asia Pacific White Papers Series, Volume 08-Jun-SCT03, The Logistics Institute – Asia Pacific, 2019, https://tliap.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2019/04/08-Jun-SCT03_Logistics-Barriers-in-ASEAN.pdf

dan pengendalian, tetapi juga menjejaskan aliran bekalan dan operasi perniagaan secara keseluruhan.

Bagi menangani isu kelewatan dan kos tambahan yang berpunca daripada prosedur kastam di Labuan, beberapa langkah kritikal boleh dilaksanakan dengan mengambil kira keunikan lokaliti Labuan. Pertama, penggunaan teknologi digital dalam proses kastam, seperti sistem pelepasan automatik dan e-deklarasi, perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan masa pemeriksaan dan meminimumkan kesilapan dokumentasi. Kedua, latihan dan pembangunan kapasiti pegawai kastam tempatan perlu diperhebatkan bagi memastikan prosedur yang kompleks dapat dijalankan dengan cekap tanpa menjejaskan aspek keselamatan dan pematuhan undang-undang. Ketiga, penambahbaikan koordinasi logistik antara Labuan dan tanah besar Malaysia perlu diberi perhatian, termasuk perancangan jadual penghantaran barangan keperluan asas dan makanan secara sistematik untuk memastikan kestabilan bekalan dan pengurangan kos tambahan. Keempat, penyederhanaan prosedur kastam bagi barangan bernilai rendah atau keperluan harian boleh dipertimbangkan bagi meringankan beban peniaga kecil dan komuniti tempatan. Pelaksanaan langkah-langkah ini dijangka dapat meningkatkan keberkesanan sistem kastam, mengekalkan kelebihan status bebas cukai Labuan, serta menyokong kesejahteraan penduduk tempatan dan daya saing ekonomi pulau secara menyeluruh.

- **Ketidaksaksamaan pasaran dan kesan terhadap peniaga tempatan**
  Ketidakefisienan sistem bebas cukai di Labuan turut menyumbang kepada ketidaksaksamaan dalam pasaran tempatan. Beberapa organisasi besar didakwa memonopoli pasaran bahan mentah, seperti ayam dan sayur-sayuran, dengan membeli secara pukal dari luar dan menjual semula pada harga yang lebih rendah berbanding peniaga kecil tempatan. Situasi ini menimbulkan ketidakadilan dan menyukarkan peniaga kecil untuk bersaing, terutamanya dalam persekitaran kos operasi yang tinggi. Sebagai contoh, dalam konteks sistem bebas cukai, masalah yang dinyatakan oleh penduduk menunjukkan bahawa walaupun Labuan mempunyai kelebihan sebagai zon bebas cukai, peniaga tempatan tetap sukar bersaing dengan pengimport atau *broker* dari Sabah yang mampu menjual barangan seperti limau kasturi pada harga jauh lebih rendah kerana mereka menanam dalam skala besar dan menguasai harga pasaran.

  Situasi ini menunjukkan bahawa peniaga tempatan tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada sistem bebas cukai, kerana dominasi pemain luar dan skala pengeluaran yang besar mengurangkan daya saing mereka. Keadaan ini menimbulkan risiko pengurangan pengeluaran dan potensi penutupan

perniagaan, sekaligus menjejaskan ekonomi setempat. Oleh itu, penstrukturan semula sistem bebas cukai serta sokongan khusus terhadap pengusaha kecil adalah kritikal bagi memastikan pengagihan manfaat yang lebih adil dan meningkatkan daya tahan serta kestabilan komuniti perniagaan tempatan di Labuan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Ketidakseimbangan dalam skop bebas cukai menjejaskan kos sara hidup penduduk 2. Kelewatan dan kos tambahan akibat prosedur kastam yang rumit 3. Ketidaksaksamaan pasaran dan kesan terhadap peniaga tempatan
Cadangan	1. Melaksanakan program subsidi atau insentif untuk barangan keperluan asas tempatan supaya harga lebih stabil untuk penduduk Labuan. Ini boleh digabungkan dengan penetapan had harga bagi barangan tertentu yang dibeli dari luar untuk mengurangkan kos sara hidup komuniti tempatan. 2. Memperkenalkan sistem pelepasan kastam digital dan automatik bagi barangan keperluan asas dan bahan mentah perniagaan kecil di Labuan. Di samping itu, latihan berterusan untuk pegawai kastam tempatan boleh memastikan proses lebih cekap tanpa menjejaskan keselamatan atau kepatuhan undang-undang. 3. Menubuhkan program sokongan peniaga kecil tempatan, termasuk akses kepada platform jualan bersama dan bantuan pemasaran. Selain itu, penstrukturan semula sistem bebas cukai boleh memberi keutamaan kepada pengusaha tempatan untuk menjual produk mereka pada harga kompetitif tanpa persaingan tidak adil daripada pengimport besar.
Kumpulan Terjejas	Penduduk B40, Peniaga kecil-kecilan
Kawasan	Pulau Labuan secara menyeluruh

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.1: Akses sejagat kepada makanan yang selamat dan berkhasiat Sasaran 2.3: Menggandakan produktiviti dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil Sasaran 2.b.: Menghalang sekatan perdagangan pertanian, gangguan pasaran dan subsidi eksport Sasaran 2.c. Memastikan pasaran komoditi makanan yang stabil dan akses terkini kepada maklumat
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.4: Meningkatkan kecekapan sumber dalam penggunaan dan pengeluaran.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh	Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus Sasaran 16.b: Mempromosikan dan menguatkuasakan undang-undang dan dasar tanpa diskriminasi
SDG 17: Kerjasama demi Matlamat	Sasaran 17.8: Memperkukuh kapasiti sains, teknologi dan inovasi untuk negara kurang membangun Sasaran 17.12: Menghapuskan halangan perdagangan bagi negara kurang membangun Sasaran 17.13: Meningkatkan kestabilan makroekonomi global Sasaran 17.14: Meningkatkan keselarasan dasar untuk pembangunan mampan Sasaran 17.17: Menggalakkan kerjasama berkesan

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2
Tajuk Projek	Agro muda Labuan: Pemacu Pertanian Pintar dan Produk Hiliran	Projek Memperkasakan Kemahiran Wanita Tani dan Ekonomi Homebased Industri
SDG Berkaitan	SDG 1, 8, 11, 12	SDG 1, 4, 5, 8
Objektif	• Meningkatkan kemahiran petani dan usahawan IMAT dalam pertanian moden, pemprosesan makanan, pembungkusan, pensijilan, dan pemasaran digital. • Memperkasa penerima manfaat untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, memperluas akses pasaran, dan menjana pendapatan lebih tinggi di WP Labuan.	• Memperkasa petani wanita (ibu tunggal, balu, dan wanita luar bandar berpendapatan rendah) untuk menghasilkan produk berasaskan pertanian yang berkualiti tinggi serta mengurus perniagaan mereka secara berkesan. • Mewujudkan ekosistem pertanian mampan di Labuan melalui pembangunan pusat pengumpulan produk dan peningkatan akses pasaran tempatan dan antarabangsa.
Hasil Jangkaan	• 25 penerima manfaat (10 petani dan 15 usahawan IMAT) lebih cekap dalam pengurusan pertanian, pemprosesan makanan, serta pemasaran digital, menghasilkan produk yang berdaya saing. • Peningkatan jumlah pengeluaran tempatan, pengurangan pergantungan terhadap import makanan, dan peningkatan pendapatan penerima	• 50 peserta lebih cekap dalam penghasilan sabun, minyak pati, kraf daun pandan, dan seni daun getah, serta mampu menguruskan perniagaan di rumah. • Peningkatan keterlihatan dan kemampanan produk komuniti melalui bimbingan, penjenamaan, pematuhan peraturan, pemasaran, dan acara pameran, seterusnya meningkatkan pendapatan dan peranan kepimpinan peserta.

	PROJEK 1	PROJEK 2
	manfaat melalui pasaran yang lebih luas dan berkesan.	
Organisasi	MYJAI Enterprise	Persatuan Wanita Tani Labuan
Aktiviti	• Perbincangan dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan program dan sokongan. • Sesi onboarding untuk menilai kemahiran peserta dan memilih produk yang sesuai. • Latihan hands-on dalam hidroponik, fertigasi, dan pemprosesan makanan. • Lawatan sambil belajar ke tapak pengeluaran makanan di Sabah. • Kursus mengenai amalan pertanian yang baik, pensijilan, pembungkusan, dan penjenamaan. • Latihan pemasaran digital melalui platform Agro Bazar Online.	• Latihan praktikal menghasilkan sabun, minyak pati, kraf daun pandan, dan seni daun getah • Perancangan perniagaan, penjenamaan, dan pematuhan peraturan • Latihan pemasaran dan strategi jualan • Acara pameran akhir produk
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Wilayah Persekutuan Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan
Tempoh	3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan	3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

Bridget Welsh. "Lost Opportunities in Labuan." *Malaysiakini*, April 16, 2024. https://www.malaysiakini.com/columns/702557

Bridget Welsh. "Lost Opportunities in Labuan." *Bridget Welsh*, April 16, 2024. https://bridgetwelsh.com/articles/lost-opportunities-in-labuan/

Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa. "Labuan Perlu Pendekatan Baharu Atasi Kebergantungan Makanan Import." *BERNAMA*, June 28, 2025. https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2439228.

Harakah Daily. "Bekalan Gula di Labuan Terkawal." *Harian Metro*, 2024. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140794/bekalan-gula-di-labuan-terkawal#google_vignette.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *My Local Stats W. P. Labuan 2023*, 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Statistik Subnasional Parlimen dan Dun: P.166 Labuan, Malaysia*, 2023.

Khairul Idin. "Labuan Terus Jadi Perhatian Kerajaan." *WilayahKu*, August 16, 2024. https://www.wilayahku.com.my/labuan-terus-jadi-perhatian-kerajaan/.

Labuan Perlu Pendekatan Baharu Atasi Kebergantungan Makanan Import." *BH Online*, 2025. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1413527/labuan-perlu-pendekatan-baharu-atasi-kebergantungan-makanan-import.

Parlimen Malaysia. "YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman." Accessed April 10, 2024. https://www.parlimen.gov.my/portal/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4205.

Robert de Souza, Mark Goh, Sumeet Gupta, and Luo Lei. "Logistics Barriers in ASEAN." *TLI – Asia Pacific White Papers Series*, Volume 08-Jun-SCT03. The Logistics Institute – Asia Pacific, 2019. https://tliap.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2019/04/08-Jun-SCT03_Logistics-Barriers-in-ASEAN.pdf.

The Star. "Frustration over Labuan's Future Continues to Mount." April 13, 2024. https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/13/frustration-over-labuans-future-continues-to-mount.

Kim Yoke Ong, Suhaiza Zailani, and Kanagi Kanapathy. "Overview – Issues and Challenges for Freight Logistics Industry in Malaysia." *Journal of Technology and Operations Management* 15, no. 2 (2020): 1–11. https://doi.org/10.32890/jtom2020.15.2.1

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.170 Tuaran

Disediakan oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx & Nur Fadilah Mohamad

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **94 - 113**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **117 - 122**
1.1 Geografi/Topografi 117
1.2 Komposisi Penduduk 118
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 118
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 122

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **123 – 126**
2.1 Pendekatan Kajian 123
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 125
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 125
2.4 Keterbatasan Kajian 126

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **127 – 144**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **145 – 231**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 145
4.2 Pengutamaan Isu 207

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **232**

6.0 RUJUKAN **235**

P.170 TUARAN

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.170 Tuaran

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN TUARAN, YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

15 - 18 Mac 2025
(Sabtu - Selasa)

HARI 1

1.FGD 1: Komuniti Kg. Sinansag
2. FGD 2: Komuniti Kg. Ratau
3. FGD 3: Komuniti Kg. Lubok

HARI 2

4. Lawatan Tapak 1: Asrama Transit Hidayah
5. Lawatan Tapak 2: Asrama Borombon
6. FGD 4: Komuniti Kg. Kindu
7. FGD 5: Komuniti Kg. Layan
8. FGD 6: Komuniti Giling Tengah

HARI 3

9. FGD 7: Mukim Tenghilan; Komuniti Kg. Linsuk
10. FGD 8: Komuniti Mukim Topokon
11. FGD 9: Komuniti Kg. Kouluan

HARI 4

12. FGD 10: Komuniti NGO/Persatuan
13. Lawatan Tapak 3 - tema alam sekitar

PASUKAN PENYELIDIK

MC JEANET LEMPISIK
(Ketua Penyelidik)

NURRUL FAZLINA OSMAN

ANTHONY TAN KEE HUAT

NOR AMIRUL PUKIN

NUR SYADHIRA MOHD RAZALI



NUR FADILAH MOHAMAD

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 15 - 18 MAC 2025 (SABTU - SELASA)

01

05 Februari 2025
Mesyuarat Awalan & Pemprofilan

02

13 Februari 2025
Mesyuarat Susulan 1

03

20 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah Tuaran)

04

21 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah kecil kiulu)

05

27 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah Kecil Tamparuli)

06

07 Mac 2025
Mesyuarat Susulan 2

07

15 Mac 2025
FGD 1: Komuniti Kg. Sinansag

08

15 Mac 2025
FGD 2: Komuniti Kg. Ratau

09

15 Mac 2025
FGD 3: Komuniti Kg. Lubok

10

16 Mac 2025
Lawatan Tapak 1: Asrama Transit Hidayah

11

16 Mac 2025
Lawatan Tapak 2: Asrama Borombon

12

16 Mac 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Kindu

13

16 Mac 2025
FGD 5: Komuniti Kg. Layan

14

16 Mac 2025
FGD 6: Komuniti Giling Tengah

15

17 Mac 2025
FGD 7: Mukim Tenghilan; Komuniti Kg. Linsuk

16

18 Mac 2025
FGD 10: Komuniti NGO/Persatuan

17

17 Mac 2025
FGD 9: Komuniti Kg. Kouluan

18

17 Mac 2025
FGD 8: Komuniti Mukim Topokon

19

18 Mac 2025
Lawatan tapak 3

05 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN & PEMPROFILAN

Mc Jeanet Lempisik dan Nurul Syaza Mazelan telah mengadakan mesyuarat awalan dan Pemprofilan bersama YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Ahli Parlimen Tuaran. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai khas, iaitu En. Baxter. Mesyuarat telah membincangkan tentatif program serta mengenal pasti lokasi lawatan akan diadakan pada 13 Februari 2025. Lawatan tapak dijadualkan berlangsung pada 13 - 16 Mac 2025.

13 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN

Satu mesyuarat susulan telah diadakan di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Tuaran, yang dihadiri oleh En. Kanil, En. Amandus, En. Esham, dan En. Syazwan, manakala wakil dari APPGM-SDG terdiri daripada Nurrul Fazlina Osman, Mc Jeanet Lempisik, Fatimah Mohd Yasin, dan Nor Amirul Pukin. Hasil perbincangan mesyuarat ini telah merangkumi beberapa cadangan lawatan tapak telah dikenal pasti dan akan dikemaskini dalam mesyuarat susulan yang akan datang. Tarikh lawatan tapak yang telah ditetapkan adalah dari 13 - 16 Mac 2025.

20 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN (PEJABAT DAERAH TUARAN)

Pejabat APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan Pra-Lawatan ke Pejabat Daerah Tuaran pada 20 Februari 2025. Mesyuarat ini dihadiri oleh ADO, En. Ali Khazrai, bersama En. Mohd Azmil dan Pn. Suhaila, manakala pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Fazlina, Janet, Fatimah, dan Amirul. Dalam mesyuarat ini, ADO menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif APPGM-SDG dan komited untuk bekerjasama dalam pelaksanaannya. Hasil perbincangan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan Interagensi Dialog (IAD) pada 26 Mac 2025.

21 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN (PEJABAT DAERAH KECIL KIULU)

Satu mesyuarat pra-lawatan ke Pejabat Daerah Kecil Kiulu telah diadakan dengan kehadiran En. Cassin Aguh, Penolong Pegawai Tadbir, dan En. Amandus Juanis, Pegawai Khas bagi DUN Kiulu. Pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah pula diwakili oleh Mc Jeanet Lempisik dan Amirul Pukin. Mesyuarat ini membincangkan dan menetapkan lokasi lawatan tapak di kawasan Kiulu sebagai sebahagian daripada perancangan lawatan tapak Tuaran pada 13-16 Mac 2025.

27 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN (PEJABAT DAERAH KECIL TAMPARULI)

Satu mesyuarat pra lawatan telah diadakan bersama Pejabat Daerah Kecil Tamparuli dengan kehadiran wakil dari APPGM-SDG Wilayah Sabah dan Pihak Pentadbiran Daerah Kecil Tamparuli. Wakil Pejabat Daerah Kecil Tamparuli yang hadir ialah Pn. Roslinah Patrick (Penolong Pegawai Tadbir), En. Mathew Gorudin (Penolong Tadbir), En. Rayner Francis Siun (Pegawai Jurutera), dan En. Browell Ginsawat (Pegawai Kesejahteraan Rakyat). Manakala, APPGM-SDG diwakili oleh Mc Janet dan Nur Fadilah Mohamad (Local Coordinator Kudat). Mesyuarat ini bertujuan untuk memperkenalkan APPGM-SDG serta menerangkan gerak kerja pemetaan isu di Parlimen Tuaran, termasuk daerah kecil Tamparuli. Perbincangan juga merangkumi pemetaan isu yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Tuaran dari 13-16 Mac 2025. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan penglibatan 9 agensi yang beroperasi di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Kecil Tamparuli dalam sesi interagensi dialog yang dijadualkan pada 26 Mac 2025.

07 MAC 2025 - MESYUARAT SUSULAN 2

Satu mesyuarat susulan telah diadakan di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran. Mesyuarat ini dihadiri oleh En. Kanil Dayou (Pegawai DUN N14 Tamparuli), En. Jinik Boriking (Ketua Pegawai Khas Parlimen Tuaran), En. Amandus Juani (Pegawai DUN N15 Kiulu), En. Esham Tarmizi (Pegawai DUN N13 Dalit), En. Syazwan (Pegawai DUN N12 Sulaman), Pn. Arni Salleh (Pegawai Tadbir), dan En. Ernest Gadion (Pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat, UPPM). Manakala pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Mc Jeanet Lempisik dan Amirul Pukin. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dan memperincikan perancangan serta jadual perjalanan sebagai persediaan bagi pelaksanaan Pemetaan Isu di Parlimen Tuaran, yang dijadualkan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac 2025.

FGD 1: KOMUNITI KG. SINANSAG

FGD 1 telah melibatkan komuniti Kg. Sinansag. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** isu jambatan *Low-Level Crossing.* Jambatan ini sering tenggelam ketika musim hujan, menyukarkan penduduk untuk keluar mendapatkan keperluan asas. Petani juga tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian, menyebabkan pembaziran sumber; **(2)** isu jalan tidak berturap dan curam. Keadaan jalan yang tidak berturap serta curam menyulitkan pergerakan kenderaan kecil. Pada musim hujan, laluan menjadi lebih berbahaya dan sukar dilalui; **(3)** Ketiadaan lampu jalan yang menyebabkan kesukaran bergerak pada waktu malam. Penduduk memerlukan sekurang-kurangnya 50 tiang lampu bagi keselamatan. Seterusnya, **(4)** tiada perkhidmatan klinik bergerak. Perkhidmatan klinik bergerak yang telah dihentikan, menyukarkan warga emas dan OKU mendapatkan rawatan. Jika paras air meningkat, penduduk tidak dapat keluar ke klinik pekan; **(5)** keperluan sistem bekalan air yang menyebabkan penduduk menghadapi masalah air keruh setiap kali hujan dan musim kemarau. Mereka perlu membeli sendiri peralatan seperti penapis air, tangki, dan paip. Selain itu, **(6)** ketiadaan kedai runcit atau koperasi - penduduk terpaksa membeli barangan keperluan di luar kampung, yang memerlukan kos pengangkutan tinggi. Ketiadaan kedai runcit membebankan golongan berpendapatan rendah; **(7)** penghentian bantuan kebajikan. Ramai warga emas tidak lagi menerima bantuan kebajikan kerana nama mereka dikeluarkan dari sistem. Walaupun mempunyai anak, mereka masih mempunyai tanggungan sendiri; **(8)** isu perumahan PPRT dan e-Kasih - Permohonan rumah PPRT dan bantuan e-Kasih masih belum mendapat kelulusan. Penduduk hanya diminta menunggu tanpa maklumat lanjut; **(9)** rangkaian telekomunikasi yang sangat terhad - hanya rangkaian Maxis boleh diakses. Ini menyukarkan komunikasi serta urusan pendidikan dan ekonomi digital; dan **(10)** Ekonomi dan Sumber Pendapatan - Penduduk bergantung kepada sektor pertanian seperti menoreh getah dan tanaman seperti nanas serta ubi kayu. Namun, mereka menghadapi kesukaran memasarkan hasil kerana akses pengangkutan yang terhad.

FGD 2: KOMUNITI KG. RATAU

FGD 2 telah melibatkan komuniti Kg. Ratau. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** ketiadaan liputan rangkaian telekomunikasi. Penduduk sukar mendapatkan maklumat terkini dan berkomunikasi kerana liputan rangkaian yang terhad. Hanya talian Maxis boleh digunakan, itupun di lokasi tertentu sahaja; **(2)** isu kekurangan akses ke kawasan pertanian. Kesukaran akses ke kawasan pertanian menyukarkan pengangkutan hasil tani. Keadaan ini memberi kesan kepada pengusaha pertanian dan menghalang perkembangan sektor ini; **(3)** keadaan jambatan gantung yang semakin reput. Dua jambatan gantung utama berada dalam keadaan uzur dan tidak selamat digunakan. Jambatan ini penting bagi penduduk menyeberangi sungai untuk aktiviti harian. Seterusnya **(4)** masalah bekalan air gravity. Sistem bekalan air gravity mengalami kerosakan tanpa penyelenggaraan menyeluruh. Penduduk terpaksa mengumpul dana sendiri untuk pembaikan dan pembelian peralatan gantian; **(5)** banjir di kawasan kampung kerana sistem perparitan yang tidak terancang. Parit yang kecil dan tersumbat menyumbang kepada masalah ini; **(6)** kekurangan saliran paip air ke sawah. Penduduk hanya bergantung kepada sistem pengairan parit yang dibuka secara bermusim. Tiada saliran paip khas yang dapat menyalurkan air secara langsung ke sawah; **(7)** isu kelulusan geran tanah yang belum dikeluarkan. Proses penyukatan tanah tergendala, dan kebanyakan penduduk hanya memiliki sijil Lembaga Adat (LA). Setakat ini, hanya 20 orang penduduk berjaya memperoleh geran tanah. Selain itu, **(8)** gangguan bekalan elektrik yang sering terputus hampir setiap hari dan mengambil masa lama untuk dipulihkan menjejaskan aktiviti harian serta perniagaan kecil; dan **(9)** ketiadaan kemudahan klinik kesihatan. Penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerana tiada klinik di kawasan ini. Klinik terdekat hanya terdapat di Kampung Pukak dan Pekan Kiulu.

FGD 3: KOMUNITI KG. LUBOK

FGD 3 telah melibatkan komuniti Kg. Lubok. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** pembuangan sampah di sepanjang laluan utama yang tidak terkawal di sepanjang laluan utama menyebabkan pencemaran dan mengganggu kebersihan kampung Lubok; **(2)** keadaan jambatan rendah *(Low-Level Bridge)* yang berbahaya. Jambatan rendah yang pembinaannya dihentikan dibiarkan dalam keadaan terhakis dan berbahaya kepada penduduk. Kerosakan jambatan ini menghalang penduduk dari 15 rumah di seberangnya untuk melintas dan menyukarkan pengangkutan hasil pertanian; **(3)** kekurangan maklumat dan pendedahan kepada program atau kursus komuniti. Penduduk kampung kurang mendapat akses kepada maklumat program atau kursus yang boleh membantu meningkatkan kemahiran dan taraf hidup mereka. Kekurangan inisiatif dan pemimpin dalam komuniti turut membantutkan pembangunan sektor pelancongan dan ekonomi tempatan; **(4)** gangguan bekalan elektrik yang kerap dan mengambil masa sehingga dua hingga tiga hari untuk dipulihkan; dan **(5)** kekurangan rangkaian telekomunikasi - Hanya rangkaian Maxis sahaja yang tersedia.

LAWATAN TAPAK 1: ASRAMA TRANSIT HIDAYAH

Lawatan ke Asrama Transit Hidayah mendapati bahawa asrama ini, yang ditubuhkan pada tahun 2016 dengan lima cawangan di Sabah, menampung 17 pelajar berumur 13 hingga 18 tahun dari kalangan mualaf, golongan kurang berkemampuan, dan anak yatim. Mereka dijaga oleh dua orang penjaga yang memastikan kebajikan mereka. Walau bagaimanapun, asrama ini menghadapi cabaran utama iaitu risiko banjir disebabkan lokasinya berhampiran tebing sungai, yang boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

LAWATAN TAPAK 2: ASRAMA BOROMBON

Lawatan ke Asrama Borombon mendapati bahawa asrama ini dibina untuk memudahkan pelajar dari Kampung Borombon berulang-alik ke sekolah berdekatan.

Asrama ini menempatkan seramai 20 pelajar dari sekolah rendah dan menengah, dengan kehadiran ibu bapa yang turut tinggal bagi menjaga anak mereka. Kemudahan ini penting dalam memastikan pelajar mendapat akses pendidikan tanpa perlu berdepan dengan kesukaran perjalanan jauh. Walau bagaimanapun, keadaan fizikal asrama ini tidak dalam keadaan yang baik, terutama kemudahan tandas yang daif dengan pintu yang rosak dan memerlukan pembaikan segera. Selain itu, lokasi asrama yang dibina di tebing bukit menimbulkan kebimbangan keselamatan penghuni, terutama dalam risiko tanah runtuh atau hakisan.

FGD 4: KOMUNITI KG. KINDU

FGD 4 telah melibatkan komuniti Kg. Kindu. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** Ancaman haiwan liar. Penduduk mengalami gangguan daripada monyet yang merosakkan kediaman dan anjing liar yang menyebarkan sampah, menjejaskan kebersihan persekitaran; **(2)** kekurangan tanah sesuai memaksa sebahagian penduduk mendirikan rumah di kawasan paya bakau, yang kurang sesuai untuk penempatan; **(3)** keciciran pendidikan – Kos pengangkutan yang tinggi (RM60 sebulan) menjadi beban kepada keluarga berpendapatan rendah, menyebabkan pelajar sekolah menengah atas tercicir; **(4)** isu kebersihan yang disebabkan oleh air pasang membawa masuk sampah ke kawasan kediaman atas air, memaksa penduduk bergantung kepada pasang surut untuk membersihkan persekitaran; **(5)** ketidakstabilan pendapatan nelayan yang tidak menentu, dengan purata hanya RM50 sehari, bergantung kepada musim, yang menjejaskan kestabilan ekonomi mereka; **(6)** isu dokumentasi, ketiadaan dokumen pengenalan diri dalam kalangan lima beradik akibat status kewarganegaraan ibu bapa menghalang akses mereka kepada pendidikan dan perkhidmatan asas; **(7)** keadaan kediaman daif. Rumah atas air yang usang dan tidak selamat semakin terjejas akibat banjir berulang, menimbulkan risiko kepada penduduk; dan **(8)** pengangguran graduan – Lepasan graduan sukar mendapatkan pekerjaan mengikut kelayakan mereka, menyebabkan mereka terpaksa bekerja dalam sektor yang tidak berkaitan dengan bidang pengajian.

FGD 5: KOMUNITI KG. LAYAN



FGD 5 telah melibatkan komuniti Kg. Layan yang merupakan sebuah perkampungan atas air yang terletak di kawasan paya bakau. Kampung ini terdiri daripada 44 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 219 orang. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** struktur kediaman yang tidak kukuh. Sebahagian besar rumah di Kampung Layan dibina di atas air menggunakan tiang kayu biasa yang tidak tahan lama. Ini menyebabkan rumah menjadi condong dan berisiko runtuh. Pada tahun 2021, sebanyak 20 buah rumah telah tenggelam akibat air pasang, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk; **(2)** isu jambatan yang menghubungkan rumah ke rumah berada dalam keadaan uzur dan jarang diselenggara. Penduduk terpaksa mengumpul dana sendiri dan mengupah tukang untuk membaiki jambatan dengan memotong kayu secara manual. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan proses penyelenggaraan tidak dapat dilakukan secara berkala; **(3)** isu ketiadaan bekalan elektrik. Kampung Layan masih belum menerima bekalan elektrik daripada grid utama. Penduduk bergantung sepenuhnya kepada tenaga solar untuk memenuhi keperluan harian mereka, yang sering kali tidak mencukupi, terutama pada hari mendung atau hujan; **(4)** akses terhad kepada bekalan air bersih. Hanya 9 buah rumah mampu memasang paip air kerana kos pemasangan yang tinggi, iaitu RM2,000 bagi setiap rumah, disebabkan paip perlu dipasang di bawah sungai. Sebelum ini, keseluruhan kampung hanya bergantung kepada satu meter air, menyebabkan bil air pernah mencecah RM10,000. **(5)** Isu pendapatan nelayan yang tidak menentu kerana hasil tangkapan bergantung kepada musim. Bantuan penternakan ikan siakap yang disalurkan oleh pihak Perikanan tidak berjaya disebabkan pencemaran sampah di perairan sekitar; **(6)** ancaman haiwan liar, terutamanya buaya dan monyet. Kehadiran buaya menyebabkan nelayan tidak dapat turun menjala pada waktu malam kerana faktor keselamatan. Selain itu, monyet sering mengganggu penduduk dengan merosakkan barangan serta mencetuskan ketidakselesaan; dan **(7)** cabaran dalam pendidikan. Walaupun jarak sekolah dengan kampung sangat dekat, kadar kehadiran murid adalah rendah. Kurangnya minat untuk ke sekolah dalam kalangan kanak-kanak menjadi isu utama. Selain itu, ketiadaan bot khusus untuk menghantar anak-anak ke sekolah turut menjadi faktor penghalang, kerana bot sedia ada digunakan oleh bapa mereka untuk keluar menangkap ikan.

FGD 6: KOMUNITI GILING TENGAH

FGD 6 telah melibatkan komuniti Giling Tengah. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik dan bersaiz sempit, menyebabkan aliran air kumbahan dari kawasan perumahan Sri Gading dan Taman Ria melalui kampung ini; **(2)** isu kemudahan lampu jalan yang tidak berfungsi yang menjejaskan keselamatan penduduk, terutamanya pada waktu malam; **(3)** isu paip utama bekalan air yang masih belum diganti. Setiap kali paip ditutup dan dibuka semula, air yang disalurkan menjadi keruh, menjejaskan kualiti air yang digunakan oleh penduduk; **(4)** isu ketiadaan jejantas. Projek Pan Borneo tidak menyediakan jejantas bagi kemudahan penduduk melintas jalan. Ketiadaan kemudahan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya; **(5)** sistem perparitan yang tidak sistematik. kawasan kampung yang terletak di tanah rendah sering mengalami banjir akibat ketiadaan sistem perparitan yang sistematik di bawah projek Pan Borneo. Hujan berterusan menyebabkan air bertakung dan mengalir ke kawasan perkampungan; **(6)** isu hakisan di kawasan tebing bukit berhampiran kediaman penduduk, yang menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan rumah-rumah yang terletak di bawah tebing tersebut; **(7)** isu keadaan jalan raya yang sempit - Jalan utama di kampung ini hanya terdiri daripada satu laluan, yang menyebabkan kesesakan jalan serta menyukarkan pergerakan kenderaan; dan **(8)** ancaman haiwan liar. Kehadiran buaya yang dilihat di kawasan sungai berhampiran kampung menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Walaupun tiada kejadian serangan yang dilaporkan setakat ini, ancaman tersebut masih menjadi isu keselamatan.

FGD 7: MUKIM TENGHILAN; KOMUNITI KG. LINSUK

FGD 7 telah melibatkan komuniti Kg. Linsuk. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu ketiadaan rangkaian telekomunikasi - Penduduk kampung menghadapi kesukaran untuk berhubung kerana tiada menara telekomunikasi yang dibina di kawasan ini; **(2)** jalan utama yang menjadi laluan ke sekolah-sekolah berdekatan masih belum diturap; **(3)** jambatan kayu yang menghubungkan kampung berada dalam keadaan usang dan berisiko tinggi untuk runtuh. Terdapat kejadian lori terjatuh ke gaung serta insiden pelajar sekolah yang terjatuh akibat keadaan jambatan yang tidak stabil; **(4)** sekolah di SMK St. James menghadapi kekurangan kemudahan asas, termasuk ketiadaan kawasan meletak kenderaan di luar sekolah serta padang untuk kegunaan aktiviti sukan dan kokurikulum pelajar; **(5)** beberapa kawasan kampung mengalami hakisan sungai, yang berpotensi menjejaskan struktur tanah serta menimbulkan risiko kepada kediaman penduduk yang terletak berhampiran tebing sungai; **(6)** penduduk kampung menggesa pembersihan sungai dilakukan semula, kerana pembersihan terakhir telah dijalankan pada tahun 2023; **(7)** keadaan kabel elektrik di kampung ini membimbangkan, kerana terdapat insiden ranting kayu jatuh ke atas kabel, dengan pembersihan terakhir direkodkan pada tahun 2020. Selain itu, sebahagian tiang elektrik sudah berkarat dan masih menggunakan bahan kayu, yang meningkatkan risiko kejadian litar pintas dan kemalangan elektrik; **(8)** golongan suri rumah di kampung ini bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami dan tidak mempunyai sebarang aktiviti ekonomi lain; dan **(9)** gangguan bekalan air sering berlaku, termasuk kejadian di mana penduduk tidak mendapat bekalan air selama tiga hari. Apabila bekalan pulih, air yang disalurkan adalah keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik tanpa rawatan lanjut.

FGD 8: KOMUNITI MUKIM TOPOKON

FGD 8 telah melibatkan Komuniti Mukim Topokon. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak sistematik - Sistem perparitan yang tidak terancang telah menyebabkan berlakunya banjir di kampung ini, terutama semasa hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk dengan aktiviti penanaman getah oleh RISDA, yang telah menyumbang kepada hakisan tanah dan mempercepatkan aliran air permukaan; **(2)** terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia; **(3)** keadaan jalan raya yang sempit - Jalan raya utama di kampung ini masih sempit dan tidak dapat menampung peningkatan jumlah kenderaan; **(4)** hakisan dan tanah runtuh di tepi jalan raya - Terdapat kejadian hakisan dan tanah runtuh di beberapa kawasan berhampiran jalan raya, yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan serta menjejaskan akses ke kampung; **(5)** lampu jalan tidak berfungsi - Banyak lampu jalan di kampung ini tidak berfungsi, menyebabkan keadaan menjadi gelap pada waktu malam; **(6)** gangguan bekalan air bersih - Penduduk sering menghadapi gangguan bekalan air bersih yang berulang. Selain itu, apabila bekalan pulih, air yang disalurkan sering kali berwarna keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik; **(7)** gangguan bekalan elektrik - Gangguan bekalan elektrik berlaku dengan kerap, yang menjejaskan aktiviti harian penduduk, termasuk sektor ekonomi kecil serta proses pembelajaran bagi pelajar; **(8)** penanaman padi sawah yang terbengkalai - Aktiviti penanaman padi sawah di kampung ini semakin berkurangan kerana kebanyakan petani tidak mampu mengusahakan tanaman secara manual. Kekurangan mesin membajak dan ketiadaan sistem saliran yang baik turut menjadi faktor yang menyebabkan sawah dibiarkan terbengkalai; dan **(9)** ketidakseimbangan demografi penduduk - Golongan belia semakin berkurangan di kampung ini kerana ramai yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Sebaliknya, majoriti penduduk yang masih tinggal di kampung terdiri daripada warga emas dan kanak-kanak.

FGD 8: KOMUNITI MUKIM TOPOKON

FGD 8 telah melibatkan Komuniti Mukim Topokon. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak sistematik - Sistem perparitan yang tidak terancang telah menyebabkan berlakunya banjir di kampung ini, terutama semasa hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk dengan aktiviti penanaman getah oleh RISDA, yang telah menyumbang kepada hakisan tanah dan mempercepatkan aliran air permukaan; **(2)** terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia; **(3)** keadaan jalan raya yang sempit - Jalan raya utama di kampung ini masih sempit dan tidak dapat menampung peningkatan jumlah kenderaan; **(4)** hakisan dan tanah runtuh di tepi jalan raya - Terdapat kejadian hakisan dan tanah runtuh di beberapa kawasan berhampiran jalan raya, yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan serta menjejaskan akses ke kampung; **(5)** lampu jalan tidak berfungsi - Banyak lampu jalan di kampung ini tidak berfungsi, menyebabkan keadaan menjadi gelap pada waktu malam; **(6)** gangguan bekalan air bersih - Penduduk sering menghadapi gangguan bekalan air bersih yang berulang. Selain itu, apabila bekalan pulih, air yang disalurkan sering kali berwarna keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik; **(7)** gangguan bekalan elektrik - Gangguan bekalan elektrik berlaku dengan kerap, yang menjejaskan aktiviti harian penduduk, termasuk sektor ekonomi kecil serta proses pembelajaran bagi pelajar; **(8)** penanaman padi sawah yang terbengkalai - Aktiviti penanaman padi sawah di kampung ini semakin berkurangan kerana kebanyakan petani tidak mampu mengusahakan tanaman secara manual. Kekurangan mesin membajak dan ketiadaan sistem saliran yang baik turut menjadi faktor yang menyebabkan sawah dibiarkan terbengkalai; dan **(9)** ketidakseimbangan demografi penduduk - Golongan belia semakin berkurangan di kampung ini kerana ramai yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Sebaliknya, majoriti penduduk yang masih tinggal di kampung terdiri daripada warga emas dan kanak-kanak.

FGD 9: KOMUNITI KG. KOULUAN

FGD 9 telah melibatkan Komuniti Kg. Kouluan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu banjir akibat limpahan air loji dan sistem perparitan yang tidak sistematik - Kampung ini sering dilanda banjir akibat limpahan air dari Loji Telibong 2 di Kg Tambalugu serta sistem perparitan yang tidak dibina dengan baik. Dalam kejadian terdahulu, sebanyak 10 buah rumah telah ditenggelami air, menyebabkan struktur rumah menjadi senget akibat tanah yang lembap dan tidak stabil; **(2)** jambatan pejalan kaki yang usang - Jambatan pejalan kaki di kampung ini berada dalam keadaan usang dan berbahaya untuk digunakan; **(3)** ketiadaan jalan perhubungan ke kawasan kebun - Tiada jalan perhubungan atau jalan pertanian yang menghubungkan kampung dengan kawasan kebun, menyebabkan banyak tanah terbiar dan tidak dapat diusahakan oleh penduduk; **(4)** ketiadaan balai raya - Kampung ini tidak mempunyai balai raya untuk kegunaan penduduk. Balai raya yang dibina sebelum ini telah didirikan di atas tanah milik individu, dan apabila pemilik tanah menarik balik persetujuan, bangunan tersebut terpaksa dirobohkan; **(5)** penyalahgunaan dadah - Terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di kampung ini, dengan laporan bahawa terdapat rumah tertentu yang dijadikan markas bagi aktiviti tersebut. Pihak berkaitan telah mengenal pasti lokasi markas ini, namun tindakan lanjut masih diperlukan untuk membanteras gejala ini dan memastikan keselamatan penduduk; **(6)** hubungan antara JKKK dan penduduk yang tidak harmoni - Terdapat ketegangan dalam hubungan antara Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dengan penduduk kampung, di mana terdapat aduan bahawa permohonan atau permintaan penduduk tidak dilayan dengan baik. Keadaan ini menyebabkan penduduk merasa diabaikan dan menjejaskan kerjasama dalam pembangunan kampung.

FGD 10: KOMUNITI NGO/PERSATUAN

FGD 10 telah melibatkan Komuniti NGO/Persatuan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kekangan dana – kesukaran mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan program dan aktiviti akibat sumber dana yang terhad serta kekurangan maklumat mengenai permohonan geran dan sumbangan; **(2)** kekurangan kepimpinan – kurangnya latihan dan pembangunan kapasiti untuk pemimpin NGO serta ketiadaan pelapis kepimpinan menyebabkan kelemahan dalam pengurusan organisasi dan kesinambungan program; **(3)** halangan pentadbiran & sokongan komuniti - proses birokrasi yang rumit melambatkan kelulusan dana, lesen, dan kerjasama dengan kerajaan. Dokumentasi yang ketat membebankan NGO, terutama yang kecil dan kurang sumber. Selain itu, sesetengah komuniti kurang mempercayai NGO kerana faktor budaya, pengalaman negatif, atau kurang kesedaran tentang manfaat program; **(4)** keberlanjutan & penyelarasan program - NGO bergantung kepada dana luar, menyebabkan projek sukar diteruskan selepas geran tamat. Tanpa pemindahan kepakaran kepada komuniti, program menjadi tidak mampan dan bergantung kepada NGO. Kurangnya koordinasi antara NGO juga menyebabkan pertindihan usaha, persaingan dana, dan keletihan komuniti; **(5)** keengganan menerima perubahan - sesetengah komuniti sukar menerima perubahan kerana sudah terbiasa dengan cara hidup tradisional. Kempen penggunaan tanpa plastik, seperti menggantikan beg plastik dengan beg guna semula, sering ditolak kerana dianggap menyusahkan dan tidak relevan. Selain itu, kurangnya kesedaran tentang pencemaran plastik serta kepercayaan bahawa “sampah akan diuruskan oleh pihak lain” menghalang mereka daripada mengamalkan perubahan ini.

LAWATAN TAPAK 3

Lawatan tapak telah dijalankan di beberapa tempat bagi melihat isu alam sekitar di kawasan terjejas. Beberapa masalah kritikal telah dikenalpasti, termasuk muara sungai yang cetek, hakisan tebing bukit, runtuhan tebing sungai, dan kesan banjir teruk. Selain itu, kawasan penanaman padi yang terbiar serta masalah bekalan air turut membimbangkan.

Isu-isu ini memberi kesan besar kepada komuniti setempat dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan impak yang lebih buruk pada masa hadapan.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.170 Tuaran

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Tuaran
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Tuaran
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 14	Ringkasan Isu 1
Jadual 15	Ringkasan Isu 2
Jadual 16	Ringkasan Isu 3
Jadual 17	Ringkasan Isu 4
Jadual 18	Ringkasan Isu 5
Jadual 19	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Jambatan rendah (low level crossing) yang menjadi laluan utama penduduk Kg. Sinansag
Rajah 2	Keadaan jambatan rendah (low level crossing) yang mengalami hakisan dan tidak selamat digunakan oleh penduduk Kg Lubok
Rajah 3	Keadaan parit di Kg. Giling Tengah yang menjadi laluan air kumbahan
Rajah 4	Parit utama di Kg. Rongolis yang mengalami mendapan tanah

Senarai Singkatan

SDG	Sustainable Development Goals
FGD	Focus Group Discussion
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahan Kecil dan Sederhana
BN	Barisan Nasional
UPKO	United Pasok Momogun Organization
JTU	Jabatan Tanah dan Ukur
JKR	Jabatan Kerja Raya
PANTAS	Program Penyukatan Tanah Anak Negeri
SE	Sabah Electricity

1.0 PENGENALAN

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau

Parlimen Tuaran merupakan salah satu daripada 25 kawasan parlimen yang terdapat di negeri Sabah, Malaysia. Terletak di pantai barat Sabah, kawasan ini meliputi beberapa daerah utama seperti Tuaran, Tamparuli, dan sebahagian daripada daerah Kota Kinabalu. Kawasan parlimen ini mempunyai kepelbagaian etnik, budaya dan geografi yang unik, dengan majoriti penduduk terdiri daripada suku kaum Kadazan-Dusun, Bajau, serta masyarakat Cina dan lain-lain.

Dari sudut sejarah, nama "Tuaran" dipercayai berasal daripada istilah tempatan "Tawaran", yang membawa maksud 'pertukaran' atau 'perdagangan', merujuk kepada peranan kawasan ini sebagai pusat pertukaran barang antara penduduk pedalaman dan pesisir pada zaman dahulu[10]. Tuaran telah melalui pelbagai transformasi sejak zaman pemerintahan British di Borneo Utara, dan berkembang menjadi pusat pentadbiran serta perdagangan utama di daerah pantai barat Sabah. Bandar Tuaran juga terkenal dengan beberapa ikon kebudayaan dan sejarah seperti Jambatan Tamparuli, Rumah Terbalik, dan Pagoda Ling San.

Parlimen Tuaran terdiri daripada empat Dewan Undangan Negeri (DUN), DUN Sulaman, DUN Pantai Dalit, DUN Tamparuli dan DUN Kiulu. Parlimen Tuaran ini telah dipertandingkan sejak tahun 1971. Pada peringkat awal, kawasan ini diwakili oleh ahli politik daripada Parti USNO seperti YBhg. Buja Gumbilai dan YBhg. Kalakau Untol. Seterusnya, kerusi Parlimen Tuaran bertukar tangan kepada wakil daripada parti-parti lain termasuk Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS), dan UPKO, selaras dengan perubahan landskap politik negeri Sabah. Antara tokoh politik yang pernah mewakili kawasan ini termasuk YBhg. James Peter Ongkili, YBhg. Monggoh Orow, dan YBhg. Yunof Edward Maringking.

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau merupakan tokoh politik yang berpengaruh dalam sejarah Parlimen Tuaran, Sabah. Beliau telah mewakili kawasan ini dalam beberapa penggal, iaitu pada tahun 1999 hingga 2008 dan kemudiannya dari tahun 2013 hingga kini. Beliau juga merupakan bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah dari tahun 2018 sehingga 26 September 2020. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun 2015 hingga 2018. Di samping itu, beliau turut memegang jawatan sebagai Presiden Kehormat Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu

[10] Department of Statistics Malaysia, *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia*, (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024)

(UPKO), sebuah parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH), mencerminkan peranan beliau yang signifikan dalam landskap politik Sabah.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Tuaran terletak di pantai barat negeri Sabah dan merangkumi sebahagian besar daerah Tuaran serta kawasan berhampiran sempadan daerah Kota Kinabalu dan daerah Ranau. Dari sudut geografi, kawasan ini mempunyai kepelbagaian bentuk muka bumi yang terdiri daripada kawasan pesisir pantai, dataran rendah, lembah sungai, kawasan berbukit serta pergunungan. Keadaan geografi ini menjadikan parlimen Tuaran unik daripada segi sumber semula jadi, guna tanah serta potensi pembangunan ekonomi.

Rajah 2 menunjukkan peta kawasan mengikut kedudukan DUN di mana kawasan pesisir seperti di DUN Sulaman terletak berdekatan dengan Laut China Selatan, merangkumi dataran rendah berpasir dan kawasan paya bakau yang sesuai untuk aktiviti perikanan, pelancongan pantai, dan pembangunan perumahan. Manakala kawasan tengah seperti DUN Tamparuli dan DUN Dalit menampilkan gabungan topografi berbukit serta kawasan pertanian tanah rendah yang subur, sesuai untuk kegiatan pertanian, penternakan, dan pembangunan desa. Bahagian pedalaman Parlimen ini, khususnya di DUN Kiulu, dikelilingi oleh perbukitan dan lembah dengan bentuk muka bumi bergunung-ganang serta dilalui oleh Sungai Kiulu yang mengalir deras, menjadikannya lokasi sesuai untuk aktiviti ekopelancongan dan pertanian tradisional.

Parlimen P.170 Tuaran meliputi keluasan keseluruhan sebanyak 1,126 km² dengan jumlah penduduk seramai 134,976 orang dan kepadatan penduduk 120 orang per km². DUN Kiulu merupakan kawasan paling luas (676 km²) namun mencatat kepadatan penduduk paling rendah iaitu 26 orang per km², menunjukkan ciri kawasan pedalaman. Sebaliknya, DUN Dalit yang paling kecil (48 km²) mencatat jumlah penduduk tertinggi (46,821 orang) dan kepadatan tertinggi (975 orang per km²), mencerminkan kawasan yang lebih padat dan berbentuk bandar. DUN Sulaman dan DUN Tamparuli pula mencatat kepadatan sederhana, masing-masing 266 dan 140 orang per km². Perbandingan ini menunjukkan kepelbagaian taburan penduduk dan geografi yang memerlukan pendekatan pembangunan yang bersesuaian mengikut ciri setiap kawasan.

1.2 Komposisi Penduduk

Pada tahun 2023, jumlah penduduk di parlimen Tuaran dianggarkan seramai 140,000 orang, yang merangkumi 71,100 lelaki dan 68,900 perempuan. Majoriti penduduk merupakan warganegara Malaysia, iaitu sebanyak 93.8 peratus, manakala bukan warganegara mencatatkan 6.2 peratus daripada keseluruhan populasi. Daripada segi komposisi etnik, kaum Bumiputera berjumlah tertinggi dalam struktur penduduk dengan peratusan sebanyak 96.9 peratus, diikuti oleh kaum Cina (2.2 peratus), India (0.1 peratus)

dan lain-lain etnik (0.8 peratus). Daripada segi kesihatan penduduk, purata jangka hayat ketika lahir bagi keseluruhan populasi adalah 70.1 tahun, dengan lelaki mencatatkan jangka hayat 67.6 tahun dan perempuan 73.0 tahun, menunjukkan jurang jangka hayat yang ketara antara jantina. Bagi aspek kelahiran, sebanyak 2,271 kelahiran hidup telah direkodkan dengan kadar kelahiran kasar sebanyak 16.2 per seribu penduduk. Manakala daripada aspek kematian, sejumlah 999 kes kematian direkodkan, dengan kadar kematian kasar 7.1 per seribu penduduk.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Tuaran

BIL	KAUM	BIL ('000)	BIL (%)
1.	Bumiputera	127.2	96.9
2.	Cina	2.9	2.2
3.	India	0.2	0.1
4.	Lain-lain	1.1	1.8
JUMLAH KESELURUHAN		131.4	100

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Tuaran yang merangkumi kawasan DUN Sulaman, Pantai Dalit, Tamparuli dan Kiulu mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai dan dipengaruhi oleh faktor geografi, sumber semula jadi, serta budaya tempatan. Kegiatan ekonomi utama di kawasan ini tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan, pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian merupakan penyumbang utama kepada ekonomi tempatan, terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar di DUN Kiulu dan Tamparuli. Tanaman seperti padi bukit, kelapa, getah, halia dan buah-buahan tempatan menjadi sumber pendapatan utama penduduk. Berdasarkan data keluasan tanaman mengikut daerah di Sabah untuk tahun 2022, daerah Tuaran mempunyai jumlah keluasan tanaman sebanyak 15,929.4 hektar, yang terdiri daripada beberapa kategori utama, dengan tanaman industri sebagai komponen terbesar (13,769.2 hektar), diikuti oleh tanaman buah-buahan (1,602.8 hektar), tanaman kontan (379.1 hektar), tanaman sayur-sayuran (156.9 hektar), dan tanaman rempah (21.4 hektar).[11]

Sektor perikanan dan akuakultur pula lebih utama di kawasan pesisir DUN Sulaman yang bersempadan dengan Laut China Selatan. Aktiviti perikanan seperti menangkap ikan, penternakan ikan dalam sangkar serta penangkapan hasil laut lain seperti udang dan ketam merupakan antara sumber utama rezeki nelayan tempatan. Pada tahun 2022, pengeluaran akuakultur daripada sistem ternakan air payau di daerah Tuaran mencatat

[11] Jabatan Pertanian Sabah, *Keluasan (Hektar) Tanaman Mengikut Daerah dan Kategori, Sabah, 2022* (Sabah: Jabatan Pertanian Sabah, 2022).

jumlah sebanyak 255.83 tan metrik, merangkumi pelbagai spesies seperti ikan, udang harimau, udang putih, tiram, ketam, lokan, balat, dan abalon. Jumlah tertinggi datang daripada udang putih (114.00 tan metrik), diikuti oleh ketam (109.34 tan metrik)[12]. Terdapat juga aktiviti pemprosesan hasil laut yang dijalankan secara kecil-kecilan, termasuk pembuatan keropok ikan dan produk makanan laut kering.

Pelancongan desa dan ekopelancongan semakin berkembang di kawasan berbukit dan pedalaman seperti di kawasan DUN Kiulu dan Tamparuli.[13] Kiulu terkenal sebagai destinasi pelancongan berasaskan sungai seperti aktiviti white water rafting dan kampung inap desa *(homestay).* Tamparuli pula dikenali melalui tarikan budaya seperti Jambatan Tamparuli, pasar tamu dan produk kraftangan tradisional. Pelancongan ini bukan sahaja menjana pendapatan kepada pengusaha tempatan, malah turut menggalakkan penglibatan belia dan wanita dalam bidang keusahawanan komuniti.

Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi tempatan. Aktiviti seperti pemprosesan makanan tradisional, hasil kraftangan, serta produk berasaskan pertanian seperti jem, serbuk minuman, dan kuih-muih tempatan telah membantu memperkasa golongan wanita, ibu tunggal dan usahawan muda.[4] Inisiatif seperti pembinaan inkubator keusahawanan luar bandar dan bengkel kemahiran turut disokong oleh agensi kerajaan dan NGO.

Akhir sekali, sektor perkhidmatan dan peruncitan seperti kedai runcit, bengkel kenderaan, kedai makan, serta khidmat gunting rambut dan spa tradisional turut menjadi penyumbang ekonomi, terutamanya di kawasan pinggir bandar seperti Dalit dan Tamparuli. Kewujudan jalan raya utama yang menghubungkan Tuaran ke Kota Kinabalu menjadikan kawasan ini berpotensi sebagai hab dagangan dan logistik kecil.[5]

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi di parlimen Tuaran berkembang secara bersepadu antara tradisi dan pemodenan. Dengan sokongan dasar pembangunan luar bandar, latihan kemahiran serta pengukuhan jaringan pemasaran, kawasan ini berpotensi untuk terus berkembang sebagai model ekonomi komuniti yang mampan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Parlimen Tuaran terletak di bahagian pantai barat Sabah, meliputi kawasan bandar, pekan kecil, kampung tradisional serta kawasan luar bandar yang berhampiran hutan

[12] Sabah Fisheries Department, *Anggaran Pengeluaran Akuakultur daripada Sistem Ternakan Air Payau Mengikut Daerah, 2022*, Jadual 14.2 (Sabah, Malaysia: Sabah Fisheries Department, 2022).
[13] Hasrul Wayne, "20 Aktiviti Tempat Menarik Di Tuaran Tamparuli Kiulu Sabah," *Melancong.my*, 2 September 2024, https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-tuaran-tamparuli-kiulu/

dan tanah tinggi. Kawasan ini mempunyai jaringan penempatan yang terpencar, termasuk kawasan pesisir pantai dan pedalaman, yang masing-masing menghadapi cabaran tersendiri dari segi kemudahan asas. Akses yang terhad kepada air bersih, elektrik dan jalan raya di kawasan pedalaman menjadikan**SDG 6:** Air Bersih dan Sanitasi, **SDG 7:** Tenaga Bersih dan Mampu Milik, serta **SDG 9:** Infrastruktur, Perindustrian dan Inovasi relevan dalam konteks pembangunan tempatan di Tuaran.

Keadaan Ekonomi Tempatan

Ekonomi tempatan di Tuaran masih banyak bergantung kepada pertanian sara diri, perikanan kecil, serta pekerjaan tidak formal, khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar. Walaupun terdapat peluang dalam sektor perkhidmatan dan perniagaan kecil, kadar kemiskinan relatif masih membimbangkan, terutamanya dalam kalangan ibu tunggal, warga emas dan golongan B40. Keterbatasan infrastruktur asas menghalang produktiviti sektor pertanian dan mengurangkan peluang inovasi ekonomi. Oleh itu, **SDG 1:** Tiada Kemiskinan dan **SDG 8:** Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi menjadi keutamaan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi setempat dan mengurangkan ketaksamaan pendapatan.

Budaya (Nilai Masyarakat)

Tuaran mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada etnik Dusun, Bajau, Brunei, Cina dan lain-lain, yang kaya dengan warisan budaya dan adat resam. Nilai kekeluargaan, gotong-royong, dan semangat kebersamaan masih diamalkan di kampung-kampung tradisional, sekali gus mewujudkan jaringan komuniti yang kukuh. Walau bagaimanapun, kemasukan migrasi luar menimbulkan cabaran kepada kesinambungan budaya setempat. Dalam hal ini, **SDG 4:** Pendidikan Berkualiti relevan untuk memastikan nilai budaya dapat dipelihara melalui pendidikan formal dan bukan formal yang mendukung pemerkasaan identiti masyarakat.

Sosial (Hubungan Masyarakat)

Hubungan sosial dalam kalangan penduduk kampung di Tuaran secara umum masih kuat, namun terdapat cabaran sosial seperti gejala remaja, ketagihan dadah, dan keterbatasan akses kepada pendidikan berkualiti. Komuniti bandar dan luar bandar berdepan pengalaman sosial yang berbeza, di mana jurang ini menjejaskan integrasi sosial. Tambahan pula, kekurangan ruang sosial yang inklusif dan tekanan akibat migrasi luar memberi kesan kepada keharmonian masyarakat. Justeru, keperluan untuk memperkukuh perpaduan sosial ini berkait rapat dengan **SDG 11:** Bandar dan Komuniti Mampan serta **SDG 16:** Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh, yang menekankan pembinaan komuniti berdaya tahan dan inklusif.

Nilai Sejarah

Tuaran mempunyai nilai sejarah yang penting, khususnya sebagai kawasan penempatan awal masyarakat pribumi Dusun dan Bajau. Selain itu, Tuaran dikenali dengan aktiviti pertanian tradisional serta warisan seni dan budaya tempatan seperti tarian, muzik dan adat resam. Nilai sejarah ini bukan sahaja mencerminkan identiti setempat, tetapi juga menjadi aset penting dalam pembangunan sosioekonomi berasaskan warisan dan pelancongan. Pemeliharaan warisan ini selaras dengan **SDG 11:** Bandar dan Komuniti Mampan, yang menegaskan kepentingan melindungi identiti sejarah dan budaya dalam arus pembangunan moden.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Tuaran terletak pada gabungan kawasan luar bandar yang kaya dengan budaya tradisi serta pembangunan bandar yang sedang berkembang pesat. Namun, kawasan ini turut berdepan cabaran alam sekitar seperti pencemaran sungai, pembalakan tidak terkawal, banjir kilat dan tanah runtuh yang memberi kesan besar kepada kehidupan masyarakat. Kejadian ini menuntut tindakan segera untuk memperkukuh daya tahan komuniti terhadap perubahan iklim. Oleh itu, **SDG 13**: Tindakan Iklim dan **SDG 15**: Kehidupan di Daratan amat relevan dalam memastikan kelestarian sumber semula jadi dan keselamatan masyarakat di Tuaran.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuk perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Pejabat Daerah, serta mesyuarat susulan bersama pegawai dari Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Tuaran. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat, meskipun terdapat batasan daripada segi kekinian dan keboleh capaian data pada peringkat mikro.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu bagi kawasan parlimen Tuaran telah dimulakan dengan satu mesyuarat awal bersama Ahli Parlimen Tuaran, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, yang telah diadakan pada 5 Februari 2025. Mesyuarat ini turut disertai oleh wakil daripada pihak APPGM-SDG, iaitu Mc Jeanet Lempisik @ Marx selaku Ketua Penyelidik Pemetaan Isu Parlimen Tuaran, dan Nurul Syaza Mazelan, Timbalan Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG. Pada tarikh yang sama, satu sesi pembentukan profil kawasan turut dilaksanakan bersama Encik Baxter, Pegawai Perhubungan Ahli Parlimen Tuaran, bagi mendapatkan maklumat profil kawasan serta data awalan yang diperlukan, di samping membincangkan cadangan mesyuarat susulan.

1. Mc Jeanet Lempisik @ Marx : Ketua Penyelidik
2. Nurrul Fazlina Osman : Pembantu Penyelidik
3. Anthony Tan Kee Huat : Mantan Pengarah Kanan
4. Nor Amirul Pukin : Pembantu Penyelidik
5. Nur Syadhira Mohd Razali : Pembantu Penyelidik
6. Nur Fadilah Mohamad : Pembantu Penyelidik

Bagi tujuan penyelarasan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, tiga mesyuarat pra lawatan telah diadakan bersama pihak pentadbiran daerah, melibatkan Penolong Pegawai Daerah Tuaran, En. Ali Kinazrai Randin Ali Udin; Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu, En. Cassin Aguh, dan Penolong Pegawai Daerah Kecil Tamparuli, Pn. Roslinah Patrick. Mesyuarat ini penting memandangkan DUN Kiulu dan DUN Tamparuli masing-masing terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Kecil Kiulu dan Tamparuli.

Selain itu, tiga mesyuarat susulan telah dilaksanakan bersama pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.170 Tuaran serta pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), masing-masing pada 13 Februari 2025, 7 Mac 2025, dan 14 Mac 2025. Tujuan utama mesyuarat ini adalah bagi menyelaras keperluan logistik dan perancangan perjalanan kajian lapangan.

Hasil daripada keseluruhan sesi mesyuarat ini, satu jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bersama bagi pelaksanaan kajian di peringkat lapangan.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Tuaran

TARIKH	PERKARA
15 Mac 2025, Ahad	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Sinansag • Sesi dialog bersama komuniti Kg Ratau • Sesi dialog bersama komuniti Kg Lubok • Lawatan tapak ke Asrama Borombon • Lawatan tapak ke Asrama Transit Hidayah
16 Mac 2025, Isnin	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Kindu • Sesi dialog bersama komuniti Kg Layan • Sesi dialog bersama komuniti Nongkolud • Lawatan tapak ke Kg Giling Tengah (Kawasan banjir)
17 Mac 2025, Selasa	• Sesi dialog bersama komuniti Mukim Tenghilan • Lawatan tapak ke Kg Bunga (Hakisan sungai) • Sesi dialog bersama komuniti Mukim Topokon • Sesi dialog bersama komuniti Kg Kouluan
18 Mac 2025, Rabu	• Lawatan tapak ke Kg Topokon (Penanaman padi yang terbiar) • Lawatan tapak ke Kg Rongolis (Kesan pembukaan tanah RISDA) • Lawatan tapak ke Pekan Tenghilan (Kesan banjir teruk) • Kg Menguwou (Hakisan sungai dan jambatan gantung yang rapuh)

	• Lawatan tapak ke Kg Kosusu (Penanaman padi yang terbiar) • Lawatan tapak ke Kg Sungai Damit (Kesan banjir teruk) • Lawatan tapak ke Kg Gaya Ratau (Masalah bekalan air bersih) • Sesi dialog bersama NGO/Persatuan

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Dalam menjalankan kajian lapangan di daerah Tuaran yang melibatkan sesi dialog berkumpulan bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepemimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan dimaklumkan diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Tuaran, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan laporan. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pelaksanaan kajian lapangan di kawasan parlimen Tuaran telah berdepan dengan beberapa kekangan yang memberi kesan terhadap kelancaran proses pengumpulan data di peringkat lapangan. Salah satu kekangan utama yang dihadapi semasa pelaksanaan kajian lapangan adalah berkaitan dengan pelaksanaannya yang berlangsung dalam bulan Ramadhan. Sepanjang tempoh ini, tahap penglibatan komuniti, khususnya di kawasan DUN Sulaman dan DUN Dalit, menjadi agak terhad. Hal ini

disebabkan sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dijalankan pada waktu siang, ditambah pula dengan keadaan cuaca yang panas yang sedikit sebanyak menjejaskan keselesaan peserta. Namun demikian, keadaan ini tidak menjejaskan sepenuhnya kelancaran pelaksanaan kajian, memandangkan kebanyakan sesi FGD masih berjaya mencapai bilangan peserta minimum, iaitu seramai lapan orang atau lebih. Malah, komuniti setempat menunjukkan sokongan yang positif terhadap inisiatif ini dan tetap hadir bagi menjayakan sesi FGD yang dijalankan.

Selain itu, satu lagi kekangan yang timbul adalah perubahan tarikh lawatan kajian lapangan yang pada asalnya dijadualkan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac 2025. Lawatan tersebut telah ditunda atas permintaan Ahli Parlimen Tuaran, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, bagi membolehkan pasukan penyelidik menghadiri terlebih dahulu Sesi Libat Urus bagi Laporan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs Roadmap) dan *Voluntary Local Review* (VLR) yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Tuaran. Sesi libat urus tersebut dianggap penting sebagai persediaan awal sebelum pasukan penyelidik pergi ke kawasan kajian.

Bagi menyelaraskan semula pelaksanaan kajian, pasukan penyelidik telah berhubung dengan pihak Pejabat Ahli Parlimen, termasuk Ketua Pegawai Khas, Encik Jinik, untuk menetapkan tarikh baharu serta melakukan rombakan terhadap cadangan pelaksanaan sesi FGD. Hasil penyelarasan ini, tarikh baharu lawatan kajian telah dipersetujui dan dilaksanakan pada 15 hingga 18 Mac 2025. Lawatan ini telah berjalan lancar dengan bantuan dan kerjasama pegawai-pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran serta Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM).

2.4 Keterbatasan Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa keterbatasan yang perlu diambil maklum, khususnya berkaitan pelaksanaan sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) di kawasan parlimen Tuaran. Antara kekangan utama adalah ketidakmampuan pasukan penyelidik untuk menjalankan sesi FGD secara menyeluruh di semua kampung dalam kawasan parlimen tersebut. Faktor seperti kekangan masa, sumber logistik yang terhad, serta jarak dan akses ke kawasan pedalaman telah menghadkan keupayaan pasukan untuk melibatkan semua komuniti secara langsung. Justeru, pemilihan lokasi FGD telah dilakukan secara strategik dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang sosioekonomi dan geografi sebagai wakil kepada keseluruhan populasi. Walaupun begitu, keterbatasan ini diakui sebagai satu cabaran yang perlu diatasi dalam kajian susulan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh dan inklusif terhadap isu-isu di peringkat akar umbi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah enam isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran kebolehpasaran hasil pertanian	Keadaan jambatan perhubungan *(low level crossing)* yang dinaiki air dan mengalami hakisan. Kekurangan jalan pertanian Kedudukan kampung yang jauh dari Tamu Ketiadaan kedai runcit di dalam kawasan kampung Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran	Ekonomi	Masyarakat setempat Petani	Kg Sinansag Kg Ratau Kg Lubok Kg Linsuk	**Matlamat 1**: Tiada Kemiskinan ***Sasaran 1.4***: Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro ***Sasaran 1.5:*** Menjelang 2030, bina daya tahan golongan miskin dan mereka yang berada dalam situasi terdedah dan kurangkan pendedahan dan kerentanan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mereka kepada peristiwa ekstrem berkaitan iklim serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain **Matlamat 2**: Kelaparan Sifar ***Sasaran 2.3:*** Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang peribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang **Matlamat 8:** Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh. ***Sasaran 8.3:*** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi **Matlamat 9:** Industri, Inovasi dan Infrastruktur ***Sasaran 9.1:*** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua **Matlamat 11:** Bandar dan Komuniti yang Mampan ***Sasaran 11.5:*** Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah **Matlamat 13:** Tindakan terhadap Perubahan Iklim ***Sasaran 13.1:*** Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
2.	Sistem pengurusan sampah yang tidak terancang dan ketiadaan kesedaran awam	Kawasan kampung yang tidak termasuk dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran Kurang kesedaran tentang impak pembuangan sampah Pembakaran terbuka	Alam sekitar	Masyarakat setempat	Kg Ratau Kg Kindu Kg Layan Kg Giling Tengah Kg Linsuk Mukim Topokon Kg Tambalugu	**Matlamat 3:** Kesihatan baik dan kesejahteraan ***Sasaran 3.9***: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit daripada bahan kimia berbahaya dan pencemaran dan pencemaran udara, air dan tanah **Matlamat 6:** Air bersih dan sanitasi ***Sasaran 6.3:*** Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						semula yang selamat dengan ketara secara global **Matlamat 11:** Bandar dan komuniti yang mampan ***Sasaran 11.1:*** Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan ***Sasaran 11.3:*** Menjelang 2030, tingkatkan pembandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab ***Sasaran 12.4:*** Menjelang 2020, capai pengurusan bahan kimia dan semua bahan buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, mengikut rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan dengan ketara mengurangkan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar ***Sasaran 12.5***: Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula
3.	Keterbatasan dalam akses pendidikan	Kawasan penempatan Kg Layan tidak mempunyai tempat perkumpulan	Sosial	Masyarakat setempat	Kg Layan Kg Kindu	**Matlamat 1:** Tiada kemiskinan ***Sasaran 1.4:*** Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang kondusif. Pelajar sekolah menghadapi cabaran pengangkutan apabila		Rumah atas air		khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. **Matlamat 4:** Pendidikan berkualiti ***Sasaran 4.1:*** Menjelang 2030, pastikan semua perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran yang berkaitan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, bagi pemerolehan pekerjaan, pekerjaan layak dan keusahawanan. ***Sasaran 4.5:*** Menjelang 2030, hapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan dan pastikan akses sama rata kepada semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan yang terdedah, termasuk orang kelainan upaya, orang asli dan kanak-kanak dalam situasi terdedah **Matlamat 10:** Mengurangkan ketidaksamaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain. **Matlamat 11:** Bandar dan komuniti yang mampan ***Sasaran 11.7:*** Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya
4	Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam	Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan Gangguan bekalan air dan elektrik Keadaan jalan raya yang tidak baik	Sosial	Masyarakat setempat	Kg Sinansag Kg Ratau Kg Lubok Kg Kindu	**Matlamat 3:** Kehidupan sihat dan sejahtera ***Sasaran 3.8:*** Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Komuniti komuniti yang tidak mencukupi Keadaan jambatan yang tidak kondusif			Kg Layan Kg Nongkolud Kg Topokon Kg Tenghilan Kg Kouluan	kesihatan penting yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua **Matlamat 6:** Air bersih dan sanitasi ***Sasaran 6.1:*** Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua ***Sasaran 6.4:*** Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 7: Tenaga bersih dan mampu milik ***Sasaran 7.1****:* Menjelang 2030, pastikan akses universal kepada perkhidmatan tenaga yang berpatutan, boleh dipercayai dan moden **Matlamat 9:** Industry, inovasi dan infrastruktur ***Sasaran 9.1***: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua **Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 11.7 - Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya
5.	Fenomena banjir	Sistem perparitan yang tidak sistematik dan tidak diselenggara Aliran sungai yang tersekat Pembukaan kawasan baru atau tanah	Alam sekitar	Penduduk kampung Penempatan rumah atas air	Kg Kindu Kg Layan Kg Topokon	**Matlamat 6:** Air bersih dan sanitasi ***Sasaran 6.3*** - Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global ***Sasaran 6.6*** - Menjelang 2020, lindungi dan pulihkan ekosistem

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						berkaitan air, termasuk di kawasan gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik **Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan** ***Sasaran 11.5*** - Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah **Matlamat 13: Tindakan terhadap perubahan iklim** ***Sasaran 13.1*** - Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara **Matlamat 15: Kehidupan di darat** ***Sasaran 15.2*** - Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutanan dan penghutanan semula dengan ketara secara global. ***Sasaran 15.3*** - Menjelang 2030, memerangi penggurunan, memulihkan tanah dan tanah yang terdegradasi, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia yang neutral degradasi tanah

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Pencemaran bau	Pencemaran bau melalui udara disebabkan oleh sisa najis (ternakan khinzir dan ayam). Pencemaran bau melalui air parit Sisa kumbahan dari kawasan perumahan yang dilepaskan melalui sistem perparitan di kawasan kampung	Alam sekitar	Penduduk kampung	Kg Giling Tengah Kg Kouluan Kg Bawang Sungai Mangkaladoi	**Matlamat 3: Kehidupan sihat dan sejahtera** ***Sasaran 3.9*** - Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit daripada bahan kimia berbahaya dan pencemaran dan pencemaran udara, air dan tanah. **Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi** ***Sasaran 6.3*** - Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan ***Sasaran 11.6*** - Menjelang 2030, kurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan lain-lain **Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab** ***Sasaran 12.4*** - Menjelang 2020, capai pengurusan bahan kimia dan semua bahan buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, mengikut rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan dengan ketara mengurangkan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar. ***Sasaran 12.5*** - Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Sinansag **Tarikh:** 15 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam lima kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran
1.	Cabaran infrastruktur jalan raya dan jambatan terhadap ekonomi dan akses perkhidmatan penduduk kampung.	Di kampung Sinansag, penduduk berdepan dengan pelbagai kesukaran yang berpunca daripada keadaan jalan raya dan infrastruktur pengangkutan yang tidak memuaskan. Walaupun terdapat sumber pendapatan daripada hasil pertanian, akses untuk membawa hasil dari kebun menjadi sangat mencabar kerana jalan pertanian yang tidak baik serta jarak kebun yang jauh, menyebabkan beban berat sukar diangkut. Masalah bertambah serius apabila penduduk jatuh sakit, kerana laluan utama yang melalui sungai memerlukan jambatan yang kukuh, namun ketika hujan lebat sungai melimpah dan menyukarkan mereka untuk ke bandar bagi mendapatkan rawatan. Keadaan ini pernah mengakibatkan kenderaan dihanyutkan kerana	**Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu:** Isu keperluan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu menekankan kepentingan infrastruktur asas dalam memastikan keterhubungan dan pembangunan seimbang antara pekan dan kawasan ulu. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan ke pedalaman, keadaan jalan tersebut masih bersifat putus-putus dan tidak membentuk satu rangkaian menyeluruh. Tambahan pula, meskipun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses masih berterusan sehingga kini. Justeru, cadangan yang dikemukakan termasuklah pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang lengkap dari pekan ke kawasan ulu serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terpaksa meredah jambatan dalam keadaan terdesak. Tambahan pula, jalan raya yang masih belum berturap, licin ketika hujan, dan curam menyukarkan pergerakan, terutama bagi kenderaan kecil yang tidak mampu mendaki. Keseluruhannya, kelemahan akses jalan raya bukan sahaja menghalang sumber ekonomi penduduk, tetapi juga mengancam keselamatan dan kesihatan mereka.	kilometer bagi melancarkan sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini diyakini mampu menyelesaikan masalah keterhubungan, meningkatkan ekonomi penduduk DUN Kiulu khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.
2.	Cabaran akses pendidikan di kampung	Sejumlah kecil sahaja anak-anak yang masih bersekolah di sekolah rendah di kawasan mereka. Walaupun ada ibu bapa yang menghantar dan mengambil anak-anak ke sekolah, mereka berdepan dengan kos minyak yang tinggi serta risiko kerosakan kenderaan. Keadaan ini menyukarkan anak-anak untuk hadir ke sekolah secara konsisten, sekali gus menyebabkan kadar kehadiran menjadi rendah. Sekolah rendah yang terdekat iaitu SK Lokub terletak kira-kira tiga kilometer dari kampung, manakala sekolah menengah pula tidak ada di kawasan tersebut.	**Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran:** Isu pendidikan luar bandar di Sabah, khususnya di daerah Tuaran, masih menjadi cabaran besar kerana kadar keciciran murid dan ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi. Punca kepada masalah ini berpunca daripada faktor infrastruktur pendidikan yang tidak memadai, jarak sekolah yang jauh dari penempatan luar bandar, serta kekangan sosioekonomi keluarga yang tidak mampu menampung kos pengangkutan atau keperluan sekolah. Ramai murid di luar bandar tidak dapat hadir secara konsisten ke sekolah, dan sebahagiannya akhirnya berhenti terus daripada meneruskan pelajaran. Ini menyebabkan wujudnya jurang pendidikan yang semakin melebar antara murid luar bandar dan bandar, sekali gus mewarisi kitaran kemiskinan apabila generasi muda gagal

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memperoleh kelayakan akademik yang boleh menjamin peluang pekerjaan lebih baik.
3.	Kekurangan akses kepada kursus kemahiran wanita di kampung	Kampung mereka belum pernah diadakan kursus-kursus kemahiran seperti yang terdapat di kampung lain. Antara contoh kursus yang dirasakan penting ialah kursus memasak atau menjahit yang boleh memberi peluang kepada wanita kampung untuk meningkatkan pendapatan. Walaupun ada yang cuba menghadiri kursus di kampung lain, mereka berasa kurang diberi tumpuan dan menghadapi kesukaran kerana ketiadaan bahan serta peralatan untuk mempraktikkan kemahiran selepas kursus. Keadaan ini menyebabkan wanita di kampung mereka jarang berpeluang mengembangkan kemahiran dan keusahawanan secara serius.	*Tiada maklum balas.*

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Ratau **Tarikh:**15 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 23 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Majlis Daerah Tuaran 2. Sabah Electricity 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran 4. Pejabat Daerah Tuaran
1.	Kekurangan prasarana pelancongan	Terdapat aktiviti ekonomi berasaskan pelancongan seperti Ratau Campsite namun mengalami kekurangan daripada segi dewan terbuka.	*Tiada maklum balas*
2.	Harga komoditi getah yang rendah	Penoreh getah menghadapi cabaran dalam meneruskan aktiviti menoreh getah kerana harga komoditi getah adalah RM4.30 untuk satu kilogram. Hal ini menyebabkan pendapatan penoreh getah tidak stabil dan ditambah dengan keadaan kenaikan harga barang.	*Tiada maklum balas*
3.	Kaedah pengurusan sisa domestik di kampung	Penduduk mengurus sisa domestik dengan mengumpul sampah di belakang rumah untuk dibakar. Bagi kawasan umum seperti dewan, sampah juga hanya dikumpul dan dibakar di situ. Jika tidak dibakar, sampah akan dibongkar oleh anjing atau kerbau yang berkeliaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa penduduk masih bergantung kepada kaedah pembakaran terbuka	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini adalah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kerana tiada sistem pengurusan sisa yang lebih teratur.	tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
4	Kesukaran akses jalan pertanian	Kesukaran akses ke kawasan pertanian menyukarkan pengangkutan hasil pertanian.	**Jabatan Kerja Raya Tuaran:** Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup –

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuk ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh.
5	Rangkaian telekomunikasi yang terhad	Liputan rangkaian telekomunikasi di kawasan kampung ini adalah terhad dan hanya rangkaian Maxis yang boleh digunakan namun pemancar terletak di kawasan Lukob. Walaupun terdapat rangkaian lain seperti Celcom dan Digi, liputannya tidak stabil, kadang-kadang tiada langsung. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk berhubung secara konsisten.	*Tiada maklum balas*
6	Masalah gangguan bekalan elektrik yang berpanjangan	Gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di Pekan Nabalu menyebabkan penduduk berdepan kesulitan dalam kehidupan seharian. Masalah ini	**Sabah Electricity:** Pembangunan bekalan elektrik di Sabah dilaksanakan secara radial, meliputi kawasan pedalaman termasuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		berpunca daripada pencawang yang tidak stabil sehingga menyebabkan ketiadaan elektrik berlaku berulang kali, kadang-kadang sehingga tiga hari dalam seminggu. Keadaan ini memaksa penduduk bergantung kepada generator sementara yang hanya membekalkan elektrik di sesetengah kawasan, manakala kawasan lain seperti Lubok masih tidak mendapat bekalan. Akibatnya, barangan mudah rosak seperti ikan yang dibeli di tamu tidak dapat disimpan lama dan cepat rosak, sekali gus menjejaskan ekonomi isi rumah. Masalah yang berlarutan sejak bertahun-tahun ini memberi kesan besar kepada kesejahteraan penduduk kerana ia menjejaskan aktiviti harian, keselamatan makanan, serta menambah kos perbelanjaan akibat terpaksa mencari alternatif tenaga lain.	kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun jalan yang ada hanya berupa laluan kecil, pihak mereka tetap menyalurkan bekalan elektrik. Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan akses ke kawasan-kawasan berkenaan dan juga keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Bagi kawasan-kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, terutamanya di kawasan seperti Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Apabila berlaku gangguan, ada setengahnya boleh dipulihkan secara kawalan jauh (remote switching), namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, dan hal ini mengambil masa, lebih-

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			lebih lagi jika lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan dengan cara itu, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh di sepanjang talian dan setiap cabang untuk mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya memakan masa yang panjang.
7.	Gangguan kerbau terhadap sawah padi penduduk	Masalah yang dihadapi penduduk berkaitan dengan kerosakan sawah padi sering terjadi akibat kerbau yang menceroboh kawasan tanaman walaupun pemilik ternakan sudah menyediakan pagar. Pagar yang dibuat, biasanya daripada duri, tidak cukup kukuh untuk menghalang kerbau daripada melanggar masuk ke sawah, sehingga padi yang baru ditanam dua bulan pun boleh rosak sekelip mata. Kejadian ini berlaku berulang kali dan menimbulkan ketegangan antara pemilik sawah dan pemilik kerbau. Bagi mengurangkan konflik, pemilik	**Penolong Pegawai Daerah Tuaran:** Pendekatan untuk menangani isu kerosakan sawah padi akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah rasmi, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ternakan biasanya dipanggil berbincang dan diwajibkan membayar ganti rugi berdasarkan kerosakan tanaman yang berlaku. Walaupun pampasan diberikan, masalah ini tetap berulang, menyebabkan penduduk menanggung kerugian dan hasil tanaman mereka terjejas.	termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Lubok **Tarikh:**15 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Sabah Electricity 3. Majlis Daerah Tuaran 4. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Kekangan petani menjalankan kegiatan pertanian	Penduduk menghadapi kesukaran daripada segi ekonomi kerana lokasi kebun dan tanah pertanian mereka jauh dari jalan raya utama, menjadikan pengangkutan hasil pertanian sukar dilakukan. Walaupun mereka berusaha menanam dan mengusahakan kebun, jarak jauh dan akses yang terhad memaksa mereka menggunakan jalan kecil atau jambatan gantung untuk mengangkut hasil tanaman. Hal ini menyebabkan pengangkutan hanya dapat dilakukan sedikit demi sedikit, menyukarkan proses penjualan atau pemasaran hasil tani serta membatasi potensi pendapatan mereka.	**Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu:** Isu keperluan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu menekankan kepentingan infrastruktur asas dalam memastikan keterhubungan dan pembangunan seimbang antara pekan dan kawasan ulu. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan ke pedalaman, keadaan jalan tersebut masih bersifat putus-putus dan tidak membentuk satu rangkaian menyeluruh. Tambahan pula, meskipun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses masih berterusan sehingga kini. Justeru, cadangan yang dikemukakan termasuklah pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang lengkap dari pekan ke kawasan ulu serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15 kilometer bagi melancarkan sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini diyakini mampu menyelesaikan masalah keterhubungan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			meningkatkan ekonomi penduduk DUN Kiulu khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.
2.	Kebergantungan kepada solar akibat gangguan bekalan elektrik	Kawasan ini menghadapi masalah bekalan elektrik yang tidak stabil walaupun sebahagian besar penduduk dan institusi, termasuk gereja, telah memasang panel solar sendiri. Walau bagaimanapun, setiap keluarga hanya mampu memiliki beberapa unit solar sahaja, yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan elektrik harian secara konsisten. Masalah ini berlaku kerana kawasan tersebut sering mengalami gangguan bekalan elektrik, menyebabkan kekerapan tiada elektrik yang tinggi. Akibatnya, penduduk menghadapi kesulitan dalam aktiviti harian, termasuk penggunaan peralatan elektrik untuk keperluan rumah dan perniagaan, serta mengurangkan keselesaan dan produktiviti masyarakat di kawasan tersebut.	**Sabah Electricity:** Pembangunan bekalan elektrik di Sabah dilaksanakan secara radial, meliputi kawasan pedalaman termasuk kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun jalan yang ada hanya berupa laluan kecil, pihak mereka tetap menyalurkan bekalan elektrik. Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan akses ke kawasan-kawasan berkenaan dan juga keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Talian lama tersebut tidak mempunyai penebat atau “kulit”, tetapi masih selamat digunakan kerana ia direka mengikut piawaian lama. Sebaliknya, talian baharu kini menggunakan kabel aerial grounded yang lebih selamat kerana jika terkena pokok atau buluh, ia tidak menyebabkan gangguan bekalan (tripping). Bagi kawasan-kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, terutamanya di kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			seperti Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Apabila berlaku gangguan, ada sesetengahnya boleh dipulihkan secara kawalan jauh (remote switching), namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, dan hal ini mengambil masa, lebih-lebih lagi jika lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan dengan cara itu, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh di sepanjang talian dan setiap cabang untuk mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya memakan masa yang panjang.
3.	Infrastruktur jalan raya tidak baik dan bebanan pengangkutan hasil pertanian	Kawasan ini menghadapi masalah infrastruktur jalan raya dan jambatan yang terjejas sejak beberapa tahun lalu, termasuk jalan raya low-level yang dibina sekitar 2016 hingga 2019 tetapi cepat rosak walaupun peruntukan telah diberikan beberapa kali untuk baik pulih. Keadaan ini menyukarkan penduduk, terutamanya ketika mengangkut barang berat dari kebun ke rumah atau ke pusat pengumpulan, kerana jambatan gantung menjadi satu-satunya laluan, manakala	**Jabatan Kerja Raya Tuaran:** Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran adalah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jalan raya sepanjang 1.5 km juga tidak memadai untuk memudahkan pengangkutan. Bagi warga emas dan keluarga mereka, keadaan ini menimbulkan beban fizikal yang besar kerana mereka perlu bergantung kepada anak-anak atau waris untuk mengangkut hasil pertanian, menjadikan aktiviti harian dan produktiviti ekonomi tempatan terjejas.	kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam isu ini adalah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut.
4.	Ketiadaan pusat ICT di kawasan kampung	Kampung ini tidak mempunyai pusat ICT, walaupun penduduk rata-rata berminat dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Pusat ICT yang paling dekat terletak di Kampung Melanggang, namun penggunaannya sangat	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sesak sehingga menyukarkan penduduk untuk mengakses kemudahan tersebut.	
5.	Keperluan pusat pelupusan sisa di kawasan kampung	Pengurusan sisa di kampung ini bergantung kepada kuantiti sampah. Jika jumlahnya sedikit, mereka akan membakarnya, namun jika terlalu banyak, mereka terpaksa membuangnya ke luar kampung. Setakat ini, belum ada pusat pelupusan khusus di kampung tersebut. Oleh itu, peserta mencadangkan supaya diwujudkan pusat pelupusan sendiri untuk memudahkan pengurusan sisa secara lebih teratur dan berkesan.	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini adalah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
6.	Masalah urusan tanah dan kelewatan proses di pejabat	Penduduk kampung menghadapi kesulitan dalam urusan pengukuran tanah kerana proses di pejabat tanah tidak lancar. Walaupun pegawai datang ke lapangan dan mengukur kawasan dengan lengkap, dokumen atau hasil ukur tidak diserahkan atau diproses sepenuhnya di pejabat, menyebabkan perkara itu tertangguh. Penduduk terpaksa melakukan perjalanan jauh ke Wisma Tanah di Kota Kinabalu untuk menguruskan hal ini, tetapi sering kali pegawai yang diperlukan tidak ada atau urusan tidak dapat diselesaikan pada hari yang sama. Keadaan ini menimbulkan kelewatan, membebankan penduduk dari segi masa dan tenaga, serta menghalang mereka daripada	**Penolong Pegawai Pejabat Daerah Kiulu:** Kekangan dalam pengukuran tanah di bawah Program PANTAS berpunca daripada keterbatasan sumber tenaga kerja di Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Pada masa ini, semua proses pengukuran dilaksanakan melalui JTU, namun kekurangan kakitangan, terutama akibat ramai pegawai yang bersara, menyebabkan proses berjalan perlahan dan banyak kes tanah tertangguh. Sehubungan itu, cadangan dikemukakan agar kerajaan persekutuan bekerjasama dengan JTU Sabah untuk melibatkan juru ukur swasta dalam pelaksanaan pengukuran tanah. Langkah ini dilihat sebagai strategi praktikal bagi mempercepatkan proses pengukuran, membolehkan lebih banyak tanah diukur dalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyelesaikan keperluan pentadbiran tanah dengan efektif.	tempoh singkat, sekaligus mengatasi kekangan sumber manusia di JTU.
7.	Kesesakan tempat perumahan dan ketiadaan ruang peribadi	Di kawasan ini, rumah yang didiami keluarga besar menimbulkan masalah ruang dan privasi apabila anak-anak membesar. Walaupun rumah tersebut mempunyai beberapa tingkat atau bahagian, bilangan anak yang ramai (terutama lelaki) membuatkan mereka sukar mempunyai ruang tersendiri. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dalam kehidupan harian, mengurangkan persendirian, dan boleh menimbulkan tekanan atau konflik dalam kalangan ahli keluarga apabila keperluan ruang individu tidak dipenuhi.	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*
8.	Hakisan sungai	Tebing sungai mengalami hakisan yang ketara sepanjang laluan dari simpang low-level hingga ke kawasan hulu, menyebabkan tanah di kiri dan kanan sungai terkikis. Kejadian ini turut memberi kesan kepada sawah padi penduduk kampung yang berada berhampiran tebing, mengakibatkan sebahagian tanah pertanian mereka hilang atau rosak.	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*
9.	Kejadian banjir dan keperluan	Di kawasan ini, hujan lebat selama beberapa jam menyebabkan paras air sungai naik dengan cepat, meningkatkan risiko banjir. Laluan air yang	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	infrastruktur penampan	asalnya rendah telah dinaikkan aras batunya semasa pembinaan low-level, menyebabkan aliran air tersumbat dan banjir menjadi lebih tinggi daripada sebelumnya. Penduduk tempatan mencadangkan pemasangan gabion sebagai penampan banjir untuk mengurangkan kesan air naik dan melindungi kawasan sekitar.	
10.	Sumber pendapatan yang terhad dan tidak stabil	Majoriti wanita di kampung merupakan suri rumah tangga yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami. Sebahagian kecil bekerja dalam sektor swasta, namun kebanyakan penduduk terlibat dalam pertanian, khususnya menoreh getah. Aktiviti ini sangat terikat dengan keadaan cuaca, di mana musim hujan menyukarkan mereka untuk bekerja dan memberi kesan langsung kepada pendapatan keluarga.	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Kindu **Tarikh:**16 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 21 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran
1.	Kurang keselamatan dan gangguan haiwan liar terhadap komuniti kampung	Di Kampung Kindu, populasi haiwan liar seperti anjing dan monyet menimbulkan pelbagai masalah keselamatan dan gangguan harian kepada penduduk. Anjing liar kerap menggigit penduduk, dengan sekurang-kurangnya sepuluh orang pernah dikejarkan ke hospital kerana bimbang dijangkiti rabies, manakala haiwan itu juga mengganggu aktiviti harian seperti membakar atau membuang sampah kerana mereka akan menarik sampah ke kawasan jiran, menimbulkan konflik. Monyet pula merosakkan tanaman dan harta benda, termasuk memijak bumbung zink dan mencuri buah durian yang baru tumbuh. Usaha untuk melaporkan kejadian sering terbatas kerana prosedur melibatkan persetujuan satu kampung, menyebabkan sebahagian penduduk enggan bertindak. Keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan, kerugian ekonomi, serta tekanan psikologi kepada penduduk, sambil menekankan perlunya	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pengurusan dan penguatkuasaan lebih berkesan terhadap haiwan liar di kawasan tersebut.	
2.	Ketiadaan akses kepada perumahan dan kekangan pemilikan tanah	Punca utama masalah ini adalah ketiadaan tapak tanah milik sendiri yang menjadi syarat untuk memohon rumah di bawah skim kerajaan seperti SMJ. Prosesnya bermula apabila penduduk yang berhasrat untuk memohon rumah berdepan dengan keperluan memiliki tanah, namun mereka tidak mempunyai hak milik atau tapak yang sesuai. Kesan daripada kekangan ini adalah ramai penduduk tidak dapat mengakses bantuan perumahan walaupun berada dalam keadaan memerlukan, sekali gus mengekalkan masalah tempat tinggal yang sempit, tidak selesa atau tidak selamat. Kelompok yang paling terkesan ialah golongan berpendapatan rendah, termasuk keluarga besar dan mereka yang tidak mempunyai tanah warisan.	*Tiada maklum balas*
3.	Ketiadaan akkses pendidikan dan beban kos sara hidup	Punca utama masalah ini adalah kos pendidikan tidak langsung yang tinggi seperti tambang kenderaan, belanja harian, dan perbelanjaan bulanan yang membebankan keluarga berpendapatan rendah. Prosesnya berlaku	**Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran:** Isu pendidikan luar bandar di Sabah, khususnya di daerah Tuaran, masih menjadi cabaran besar kerana kadar keciciran murid dan ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi. Punca kepada masalah ini berpunca

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		apabila pelajar di kawasan luar bandar perlu berulang alik ke sekolah yang jauh, memerlukan kos pengangkutan sehingga RM60 seorang sebulan, ditambah pula dengan perbelanjaan makan dan keperluan lain. Hal ini semakin membebankan apabila dalam satu keluarga terdapat dua atau tiga orang anak yang bersekolah, sedangkan pendapatan isi rumah tidak mencukupi, lebih-lebih lagi jika ketua keluarga tidak bekerja tetap. Kesan daripada kekangan ini ialah ramai remaja berhenti sekolah seawal Tingkatan 2 atau 3, menyebabkan mereka tidak melanjutkan pelajaran, seterusnya hanya bergantung kepada kerja sambilan atau kerja tidak formal. Kelompok yang paling terkesan ialah pelajar remaja di luar bandar serta keluarga B40 yang tidak mampu menampung kos pendidikan anak-anak mereka.	daripada faktor infrastruktur pendidikan yang tidak memadai, jarak sekolah yang jauh dari penempatan luar bandar, serta kekangan sosioekonomi keluarga yang tidak mampu menampung kos pengangkutan atau keperluan sekolah. Ramai murid di luar bandar tidak dapat hadir secara konsisten ke sekolah, dan sebahagiannya akhirnya berhenti terus daripada meneruskan pelajaran. Ini menyebabkan wujudnya jurang pendidikan yang semakin melebar antara murid luar bandar dan bandar, sekali gus mewarisi kitaran kemiskinan apabila generasi muda gagal memperoleh kelayakan akademik yang boleh menjamin peluang pekerjaan lebih baik.
4.	Pengurusan sisa dan kebersihan persekitaran yang tidak terurus	Punca utama masalah ini adalahh ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang teratur di kawasan penempatan atas air mahupun di darat. Masalah ini berlaku apabila setiap isi rumah menguruskan sampah mengikut cara masing-masing, seperti membakar atau menyimpan dalam baldi, manakala sebahagian lagi sampah	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		hanyut ke laut akibat pasang surut air. Hal ini menyebabkan sisa tidak terkawal, hanyut ke sekitar perkampungan dan kembali semula ketika air pasang, menjadikan masalah pencemaran berulang. Kesan yang timbul adalah pencemaran persekitaran, risiko kesihatan, dan imej kampung yang terjejas, lebih-lebih lagi kawasan penempatan atas air mudah dikaitkan dengan pembuangan sampah.	kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Ketiadaan dokumen dalam kalangan anak-anak dan kurangnya akses pendidikan	Punca masalah ini berpunca daripada status perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan pasangan luar negara yang tidak memiliki dokumen sah. Apabila anak-anak hasil perkahwinan ini tidak didaftarkan secara rasmi, menyebabkan mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Tanpa dokumen, mereka tidak layak mendaftar ke sekolah formal, sekali gus tercicir daripada sistem pendidikan. Kesan yang timbul adalah golongan ini membesar tanpa kemahiran membaca dan menulis, menjadikan mereka sukar memperoleh pekerjaan serta berisiko berdepan dengan kitaran kemiskinan.	**Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran:** Isu kewarganegaraan di Sabah, khususnya melibatkan golongan stateless (individu tanpa kewarganegaraan) dan stray child (kanak-kanak tanpa dokumen sah), masih berlarutan hingga hari ini tanpa penyelesaian tuntas. Punca utama masalah ini ialah kegagalan dalam proses pengurusan dokumen pengenalan diri serta kelemahan dalam sistem verifikasi yang menyebabkan sebahagian masyarakat tidak diiktiraf sebagai warganegara. Proses penyelesaian yang perlahan dan berlapis menjadikan ramai penduduk terpinggir daripada akses kepada hak asasi seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan rasmi, dan bantuan kebajikan. Kesan langsungnya bukan sahaja menimbulkan ancaman sosial, malah mengekalkan kelompok ini dalam kitaran kemiskinan, sekali gus menyumbang kepada data kemiskinan tegar di Sabah. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan ialah menambah peruntukan ahli parlimen, memandangkan keluasan kawasan parlimen di Sabah terlalu besar untuk diurus dengan sumber sedia ada. Langkah ini dijangka dapat mengukuhkan kapasiti pentadbiran tempatan dalam menangani isu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kewarganegaraan, sekali gus mempercepat usaha mengurangkan kadar kemiskinan tegar di negeri ini.
6.	Pengangguran graduan dan kekurangan akses pekerjaan berkualiti	Di kampung ini, walaupun ramai anak muda berjaya menamatkan pengajian tinggi sehingga ke peringkat universiti, realitinya mereka masih bekerja di kilang kerana kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Keadaan ini menimbulkan kekecewaan dalam kalangan ibu bapa yang telah berusaha bersungguh-sungguh membiayai pendidikan anak-anak mereka, kerana penat lelah dan kos yang ditanggung tidak memberi pulangan dalam bentuk pekerjaan yang setimpal. Fenomena ini menjejaskan motivasi generasi muda, di mana mereka berpendidikan tinggi tetapi masih terbatas kepada pekerjaan berkemahiran rendah, seterusnya menimbulkan rasa sedih dan risau di kalangan keluarga yang berharap pendidikan dapat meningkatkan taraf hidup anak-anak mereka.	*Tiada maklum balas*
7.	Keterbatasan sumber ekonomi dan ketiadaan akses kepada makanan	Di kampung ini, kehidupan penduduk banyak bergantung kepada sumber semula jadi seperti menangkap ikan, menanam sayur, dan mencari hasil hutan. Namun, hasil daripada aktiviti ini sangat terhad; nelayan hanya memperoleh sedikit	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	oleh komuniti luar bandar	tangkapan untuk keluarga, manakala tanaman sayur pula biasanya sekadar pucuk-pucuk, dan hasil ternakan seperti ayam jarang diperoleh. Keadaan ini menuntut penduduk untuk bekerja keras dan rajin meneroka hutan demi menampung keperluan harian, menunjukkan kebergantungan mereka kepada sumber semula jadi yang tidak stabil dan mencabar dari segi ekonomi keluarga.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kg Layan **Tarikh:**16 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 22 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Air Daerah Tuaran 2. Sabah Electricity 3. UPPM Pantai Dalit
1.	Kerentanan penempatan dan risiko bencana banjir terhadap komuniti	Keadaan penempatan di Kg Layan adalah tidak selamat, dengan struktur tanah yang lemah dan kawasan yang mudah terdedah kepada pasang surut air. Apabila hujan lebat atau air pasang melanda, keadaan tanah licak menyebabkan rumah menjadi condong dan akhirnya ditenggelami air. Peristiwa banjir besar pada Disember 2021 telah menenggelamkan lebih 20 buah rumah, dan sehingga kini masih terdapat lima buah rumah yang tidak dapat dibina semula. Ini menyebabkan terdapat beberapa penduduk kampung terdedah kepada kehilangan tempat tinggal yang selamat, hidup dalam keadaan tidak stabil, serta berisiko tinggi terhadap bencana berulang. Golongan yang paling terkesan adalah keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan penempatan ini kerana mereka tidak mempunyai pilihan atau kemampuan untuk berpindah ke kawasan yang lebih selamat.	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penempatan berisiko tinggi dan gangguan hidup akibat air pasang	Kedudukan penempatan Kg Layan yang di atas air terdedah kepada air pasang besar. Apabila paras air naik sehingga menenggelamkan kawasan jambatan dan rumah berdekatan, kadangkala setinggi paras pinggang. Situasi ini sering berlaku pada waktu malam, di mana penduduk terpaksa berjaga hingga awal pagi untuk menunggu air surut sebelum boleh membersihkan rumah mereka. Keadaan ini menjejaskan kualiti hidup penduduk di mana mereka mengalami keletihan fizikal, gangguan tidur, kerosakan harta benda, serta tekanan emosi akibat rutin berulang setiap kali air pasang berlaku.	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.*
3.	Kegagalan infrastruktur elektrik	Kg Layan menghadapi infrastruktur elektrik yang tidak lengkap dan tidak selamat, khususnya sistem pendawaian (wiring) dari rumah ke rumah yang tidak pernah disiapkan dengan baik sejak lebih 20 tahun lalu. Walaupun terdapat tiang elektrik yang sudah dipacak, tetapi kabel yang dipasang telah dicabut semula disebabkan keadaan kabeli yang tergantung merentangi sungai tanpa sokongan kukuh. Lama-kelamaan, wayar semakin menurun dan tergantung rendah, berisiko besar apabila arus elektrik dialirkan. Ini menyebabkan penduduk terus hidup tanpa	**Sabah Electricity:** Bagi kawasan tertentu seperti Kampung Layan yang penduduknya masih bergantung kepada tenaga solar yang tidak mencukupi, wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa kawasan tersebut memang belum menerima bekalan daripada mereka. Untuk cadangan penyaluran elektrik di kawasan seperti ini, pihak yang lebih sesuai untuk dirujuk ialah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui program bekalan elektrik luar bandar, memandangkan kementerian tersebut mempunyai

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bekalan elektrik stabil, hanya mampu bergantung kepada alternatif lain, dan akhirnya kehilangan keyakinan terhadap janji projek kerajaan. Malah, isu ini menjejaskan harapan penduduk sehingga ada yang merasakan mungkin hanya generasi anak cucu mereka akan mendapat manfaat elektrik yang sepatutnya dinikmati sejak lama.	dana khusus untuk tujuan elektrifikasi di kawasan pedalaman.
4.	Krisis bekalan air dan beban kos infrastruktur	Pada awalnya, kerajaan membekalkan satu meter untuk satu kampung, tetapi bil yang tinggi mencecah lebih RM10,000 menyebabkan bekalan dipotong kerana tiada persetujuan atau kemampuan untuk melunaskan bayaran. Akibatnya, penduduk terpaksa mencari alternatif dengan membeli air dari kawasan berdekatan. Hanya 9 daripada 44 rumah mampu memasang meter individu kerana kos pemasangan terlalu tinggi (sekitar RM2,000 termasuk meter, hos, paip, dan kos kontraktor). Namun, bekalan air daripada 9 rumah tersebut tidak dapat menampung keperluan keseluruhan kampung. Penduduk lain terpaksa menumpang, menyebabkan keadaan berkongsi air menjadi sukar dimana ada yang hanya mendapat giliran mengambil air pada jam 1 atau 2 pagi. Tambahan	**Jabatan Air Daerah Tuaran:** Punca utama masalah bekalan air di daerah Tuaran, khususnya kawasan luar bandar, ialah dua faktor: (i) loji rawatan air terpaksa dihentikan operasi ketika musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan (ii) banyak kampung masih berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Hal ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten. Proses penyelesaian yang sedang dijalankan oleh Jabatan Air termasuk pelaksanaan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) seperti di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, dan projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Projek Upper Kiulu misalnya masih di peringkat perolehan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pula, masalah teknikal sering berlaku, termasuk gangguan air berminggu-minggu lamanya, menjadikan isu ini semakin kritikal kerana air adalah keperluan asas harian.	manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil pada Ogos selepas ujian teknikal selesai. Kesan projek ini apabila siap kelak ialah dapat menstabilkan bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya yang sebelum ini sering mengalami gangguan kerana berkongsi sumber dengan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Namun, untuk jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam atau projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu termasuk Papar, Kota Kinabalu dan Tuaran.
5.	Keterhadan pendapatan dan beban kewangan nelayan kecil	Pada tahun 1990-an, pernah wujud inisiatif penternakan ikan siakap melalui sangkar yang diberikan kepada penduduk kampung. Namun, masalah pencemaran air, sampah, dan kematian ikan menyebabkan program tersebut dihentikan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		oleh pihak berkenaan. Selepas itu, bantuan sara hidup dalam bentuk elaun sebanyak RM300 sebulan diperkenalkan kepada nelayan. Elaun ini kemudiannya boleh dijadikan cagaran di Agro Bank untuk mendapatkan peralatan seperti bot dan enjin, dengan bayaran dipotong terus daripada elaun tersebut. Walaupun langkah ini membantu nelayan mendapatkan aset, ia tetap membebankan kerana hasil tangkapan tidak menentu, terutama ketika musim tengkujuh, dan tiada bantuan khusus disediakan pada musim tersebut. Persatuan nelayan dahulu pernah aktif tetapi terhenti tanpa sebab yang jelas. Kini, terdapat Ko-Nelayan yang menyediakan pinjaman untuk peralatan, namun dengan komitmen bayaran bulanan yang agak tinggi (sekitar RM200–RM278). Ramai nelayan gagal melunaskan hutang tepat waktu kerana pendapatan tidak tetap, menyebabkan mereka dianggap muflis dan tidak lagi layak memohon pinjaman baharu. Ada juga yang bergantung kepada Amanah Ikhtiar untuk membeli peralatan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Di samping itu, kos operasi harian seperti minyak turut menjadi beban. Ada subsidi 20 liter minyak disediakan melalui persatuan nelayan bagi mereka yang berdaftar, tetapi bagi yang tidak berdaftar, kos boleh mencecah RM30–RM50 sehari, bergantung kepada penggunaan. Situasi ini menambah lagi tekanan kewangan kepada nelayan kecil.	
6.	Ancaman keselamatan dan risiko hidup akibat gangguan hidupan liar	Penduduk kampung berdepan ancaman haiwan liar, khususnya buaya. Ada kes di mana penduduk digigit, walaupun punca serangan tidak jelas sama ada kerana buaya lapar atau faktor lain. Situasi ini menimbulkan rasa takut dan kebimbangan kerana pihak berkuasa (perhilitan) tidak dapat mengambil tindakan tuntas. Akibatnya, aktiviti menangkap udang pada waktu malam yang dahulunya menjadi salah satu sumber rezeki semakin terhenti kerana penduduk enggan mengambil risiko.	**UPPM Pantai Dalit:** Di kawasan Pantai Dalit, masalah utama yang dibangkitkan ialah kewujudan haiwan liar, khususnya buaya. Kehadiran buaya di kawasan perairan ini menimbulkan ancaman berterusan kepada penduduk. Isu ini berulang kali dilaporkan kepada pihak berwajib, di mana aduan tentang kehadiran buaya kerap diterima daripada komuniti setempat. Kejadian melibatkan buaya telah pun berlaku, menunjukkan masalah ini bukan sekadar potensi bahaya tetapi ancaman nyata.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kg Nongkolud dan Kg Giling Tengah **Tarikh:**16 Mac 2025 **Bilangan peserta:**10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Tanah dan Ukur 2. Majlis Daerah Tuaran 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran 4. Sabah Electricity
1.	Kekangan tanah rizab kampung dan keterpinggiran pembangunan perumahan	Kesan utama yang dihadapi penduduk Kampung Nongkolud ialah kesesakan penempatan dan ketiadaan tapak rumah baharu. Walau pun Ketua Kampung dan JKK telah berulang kali memohon penambahan rizab kampung kepada Jabatan Tanah, namun sehingga kini tiada kelulusan diberikan kerana tanah sekitar merupakan tanah kerajaan dan kampung pula dikelilingi air, membataskan ruang penempatan. Akibatnya, penduduk tidak layak menerima manfaat daripada skim perumahan kerajaan seperti Rumah Sabah Maju Jaya (SMJ) kerana syarat utama ialah memiliki tapak. Kesan ini menyebabkan mereka rasa tertindas dan semakin tertinggal daripada segi pembangunan berbanding komuniti lain.	**Pejabat Tanah dan Ukur:** Untuk permohonan tanah, Ketua Kampung atau pihak pemohon perlu mengenal pasti kawasan sesuai, kemudian mengemukakan permohonan lengkap beserta pelan lokasi kepada Pejabat Tanah. Permohonan ini akan diproses dan dibawa ke ibu pejabat untuk mendapatkan komen. Jika kawasan tersebut tersedia, ia akan dibincangkan dalam mesyuarat Land Use Committee (LUC) untuk kelulusan lanjut.
2.	Risiko tanah runtuh dan kekangan tapak	Penduduk menghadapi risiko tanah runtuh di kawasan perbukitan kampung. Keadaan ini berlaku apabila kerja-kerja meratakan tanah di	*Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	selamat untuk penempatan	kawasan bukit dilakukan oleh pemilik tanah untuk membina tempat kediaman, yang kemudian meningkatkan risiko tanah runtuh. Keadaan ini menjejaskan keselamatan penduduk kerana beberapa rumah berada di kawasan berisiko tinggi. Kesan lanjut ialah penduduk memerlukan penempatan baharu yang lebih selamat, namun kekangan rizab tanah menghalang usaha pemindahan.	
3.	Pengurusan sisa pepejal terhad akibat status rizab kampung	Kesan yang timbul di Kampung Nongkolud, Seranda, dan juga Giling ialah masalah pembuangan sampah tidak teratur yang menjejaskan kebersihan kampung. Situasi ini berlaku kerana kampung ini berstatus rizab, menyebabkan penduduk tidak dikenakan cukai pintu dan seterusnya tidak mendapat kemudahan tong sampah atau kutipan sampah daripada pihak majlis daerah. Akibatnya, sebahagian penduduk membuang sampah secara sembarangan seperti mengikat dan membuang terus, manakala segelintir yang lebih sedar mengumpul dan membuang di tapak pelupusan ketika ke pekan secara tidak rasmi.	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
4	Kesan pembangunan tidak terancang terhadap habitat dan keselamatan penduduk pesisir	Pembangunan tidak terancang di sekitar Kampung Nongkolud yang menjejaskan habitat semula jadi. Prosesnya berlaku apabila kawasan pesisiran pantai dan sungai dibangunkan secara tidak sesuai sehingga mengubah ekosistem, mengurangkan populasi ikan dan ketam, serta menjejaskan saliran air. Kesan langsungnya, fenomena banjir pasang surut semakin kerap berlaku, mengakibatkan rumah-rumah di	*Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pesisiran runtuh atau rosak teruk, malah ada penduduk yang terkejut mendapati air naik sehingga ke bawah katil ketika tidur malam. Hal ini bukan sahaja merosakkan kediaman tetapi juga meningkatkan kerentanan hidup masyarakat.	
5.	Kesesakan infrastruktur jalan akibat kepadatan penempatan yang tidak terancang	Keadaan jalan yang sempit di kawasan kampung ini berpunca daripada penempatan rumah yang tidak teratur dan semakin padat. Keadaan ini berlaku apabila rumah-rumah dibina rapat antara satu sama lain tanpa perancangan infrastruktur yang rapi, menyebabkan laluan jalan semakin mengecil. Kesan langsungnya, akses keluar masuk penduduk menjadi sukar, termasuk untuk keperluan harian, kecemasan, dan kenderaan besar. Hal ini menjejaskan keselamatan, mobiliti, serta kualiti hidup masyarakat setempat.	**Jabatan Kerja Raya Tuaran:** Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam isu ini ialah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut.
6.	Keselamatan infrastruktur telekomunikasi yang tidak terurus	Punca isu ini adalah pemasangan talian telekomunikasi yang tidak teratur dan terlalu rendah. Keadaan berlaku apabila kabel ditarik tanpa standard keselamatan yang jelas, sehingga melintang rendah di kawasan jalan kampung. Akibatnya, kenderaan tinggi seperti lori sering tersangkut pada kabel, menimbulkan risiko kemalangan, kerosakan harta benda, serta membahayakan pengguna jalan raya. Walaupun aduan telah banyak kali dibuat kepada pihak berkaitan, tiada tindakan susulan yang jelas diambil.	*Tiada maklum balas*
7.	Keselamatan komuniti dan kegagalan pengurusan isu anjing liar	Punca masalah ialah populasi anjing liar yang tidak terkawal di kawasan kampung. Prosesnya bermula apabila penduduk membuat aduan kepada pihak berkuasa, termasuk Majlis Daerah dan polis, tetapi tiada tindakan susulan diambil kerana anjing dianggap di bawah jagaan habitat	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		binatang terkawal dan penduduk pula dilarang mengambil tindakan sendiri. Keadaan ini menyebabkan kes penduduk, termasuk orang tua, digigit anjing liar semakin kerap berlaku, menimbulkan kebimbangan keselamatan dan kesihatan seperti risiko rabies.	
8.	Kelewatan tindakan pihak berwajib terhadap isu bekalan elektrik dan keselamatan penduduk	Punca utama isu ini ialah kelewatan dan kegagalan pihak berwajib unuk mengambil tindakan terhadap masalah bekalan elektrik dan infrastruktur sokongan di kampung. Prosesnya bermula apabila penduduk dan wakil kampung telah berulang kali membuat aduan bertulis serta melampirkan bukti gambar, namun hanya menerima jawapan tanpa tindakan susulan. Kesan daripada kelewatan ini adalah risiko keselamatan kepada penduduk, termasuk bahaya kayu sokongan jatuh ke rumah, serta ketiadaan akses elektrik yang stabil untuk kegunaan harian.	**Sabah Electricity:** Bagi keadaan tiang elektrik yang berkarat dan tidak kukuh, maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Setelah menerima aduan, tindakan segera akan diambil termasuk kerja-kerja penukaran tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis spun concrete yang lebih tahan lama.
9.	Kesan negatif pembangunan infrastruktur terhadap sistem saliran dan kualiti hidup penduduk kampung	Punca masalah ini ialah kesan pembangunan Pan Borneo yang mengubah laluan asal saliran air dan parit kampung. Prosesnya berlaku apabila projek pembinaan membuang tanah dan menutup laluan parit, menyebabkan aliran air tersumbat. Kesan daripada itu, jalan kampung mudah tenggelam setiap kali hujan, berlaku banjir kilat,	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bau busuk dari parit tersumbat, serta pencemaran alam sekitar.	

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kampung Bahab dan Kampung Kimondou **Tarikh:**17 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 21 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Sabah Electricity 2. Majlis Daerah Tuaran 3. Pejabat Daerah Tuaran
1.	Ketiadaan penyelenggaran sungai yang menjejaskan pencarian rezeki dan mobiliti komuniti (Kg. Linsuk, Kg. Kimondou, Kg. Bahab)	Punca masalah adalah kegagalan penyelenggaraan berkala sungai oleh pihak berwajib. Jika dahulu kerajaan melakukan kerja-kerja pembersihan sungai setiap 2 tahun, kini sudah lebih 5 tahun tidak dilakukan. Ini menyebabkan sungai dibiarkan tanpa rawatan sehingga dipenuhi dengan batang kayu besar dan pokok bakau tumbang. Kesan daripada itu, laluan sungai menjadi sempit dan sukar digunakan. Hal ini menjejaskan penduduk kampung yang bergantung pada sungai sebagai sumber pencarian rezeki (nelayan), laluan utama ke laut, dan juga laluan adat seperti ke tanah perkuburan.	*Tiada maklum balas*
2.	Infrastruktur elektrik usang dan tindakan lambat pihak berwajib	Punca masalah ini berpunca daripada tiang elektrik yang sudah uzur, reput dan berada terlalu dekat dengan kawasan rumah penduduk. Walaupun SESB pernah turun padang melakukan tinjauan selepas aduan dibuat, tiada tindakan	**Sabah Electricity:** Bagi keadaan tiang elektrik yang berkarat dan tidak kukuh, maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Setelah menerima aduan, tindakan segera

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	(Kg. Linsuk, Kg. Kimondou)	susulan diambil. Tiang elektrik yang lama tidak diganti menyebabkan wayar tergantung rendah hingga mencecah pokok mangga dan berada terlalu hampir dengan kenderaan yang melalui kawasan tersebut.	akan diambil termasuk kerja-kerja penukaran tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis spun concrete yang lebih tahan lama.
3.	Ketiadaan Ketua Kampung dan JKKK menyebabkan kekosongan pentadbiran serta masalah sosial-adat (Kg. Kimondou, Kg. Bahab)	Kg Kimondou dan Kg Bahab berdepan dengan masalah besar apabila sehingga kini masih tidak mempunyai ketua kampung dan JKKK yang rasmi walaupun permintaan telah dibuat sejak zaman kerajaan PBS lagi. Ketiadaan pentadbir menyebabkan penduduk terpaksa meminjam khidmat ketua kampung dari kampung bersebelahan, seperti di Tinuhan, setiap kali ada urusan rasmi atau hal berkaitan adat istiadat. Namun keadaan ini menyulitkan kerana ketua kampung dari kampung lain juga mempunyai tanggungjawab terhadap komuniti mereka sendiri. Akibatnya, urusan adat seperti meminang menjadi rumit, penduduk merasa terpinggir daripada struktur pentadbiran rasmi, dan kampung tidak mempunyai wakil sah dalam hal pembangunan atau mendapatkan bantuan kerajaan.	*Tiada maklum balas*
4.	Ketiadaan pengiktirafan rasmi	Isu yang dikemukakan oleh penduduk Kampung Bahab menekankan kepentingan pengiktirafan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kampung dan tanah adat yang menjejaskan struktur pentadbiran serta hak pembangunan masyarakat. (Kg. Bahab)	rasmi terhadap tanah dan pentadbiran kampung. Mereka telah memohon pewartaan Tanah Simpanan Perumahan Anak Negeri bagi menjamin keperluan penempatan generasi penduduk setempat serta Tanah Simpanan Perkuburan Anak Negeri untuk tujuan pengurusan jenazah masyarakat kampung. Selain itu, mereka turut menuntut agar Kampung Bahab diwartakan sebagai sebuah jajahan perkampungan rasmi. Pewartaan ini penting kerana ia melayakkan kampung mempunyai Ketua Kampung dan JKKK, sekaligus membolehkan urusan pentadbiran serta pembangunan diuruskan sendiri oleh penduduk. Pada masa ini, ketiadaan pengiktirafan menyebabkan mereka bergantung kepada Jawatan Kuasa Dalam Bandar (JKDB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun, dengan ketiadaan pengerusi JKDB selama dua penggal, segala urusan dan keperluan penduduk menjadi terbengkalai. Situasi ini telah mengakibatkan kampung berasa terpinggir serta tidak mendapat manfaat sewajarnya daripada saluran pentadbiran rasmi.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Pengurusan sisa pepejal tidak teratur di peringkat kampung	Kaedah yang diamalkan ialah dengan membakar sampah di kawasan kampung atau mengangkut sendiri ke Pekan Tenghilan untuk dilupuskan. Hal ini menunjukkan ketiadaan sistem pengurusan sisa yang tersusun, sekaligus berpotensi menjejaskan kebersihan serta kesihatan penduduk.	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
6.	Gangguan haiwan ternakan (kerbau) yang merosakkan tanaman dan membahayakan keselamatan penduduk.	Masalah kerbau yang dibiarkan berkeliaran menimbulkan kesan besar kepada penduduk kampung. Setiap kali kerbau masuk ke kawasan penempatan, tanaman penduduk habis rosak dan usaha bercucuk tanam menjadi sia-sia. Proses gangguan ini berlaku kerana haiwan tersebut bebas keluar masuk ke kawasan kampung tanpa kawalan, meskipun sudah ada undang-undang yang melarang kerbau berkeliaran. Kesan lain yang turut dirasai ialah ancaman terhadap keselamatan penduduk, kerana kerbau yang berada di jalan raya sering menjadi punca kemalangan, sama ada pada siang atau malam. Keadaan ini menekan kehidupan penduduk kampung yang bergantung kepada pertanian untuk sumber makanan dan pendapatan, selain meletakkan mereka dalam situasi tidak selamat ketika bergerak di sekitar kampung.	**Pejabat Daerah Tuaran:** Pendekatan untuk menangani isu kerosakan sawah padi akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah formal, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan, termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Mukim Topokon **Tarikh:**17 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 22 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Daerah Tuaran 2. Jabatan Air Daerah Tuaran
1.	Hakisan tanah akibat pembangunan bukit yang tidak terkawal	Akibat daripada kerja-kerja meratakan bukit oleh pemilik tanah di bahagian ulu, struktur tanah berubah sehingga menyebabkan hakisan yang serius. Proses hakisan ini menjadi lebih parah apabila hujan lebat, di mana tanah runtuh terbawa masuk ke sungai lalu mendap di dasarnya. Kedalaman sungai yang dahulunya mencecah 8 hingga 10 kaki kini semakin cetek, menjadikan sungai mudah melimpah walaupun hujan tidak terlalu lebat. Kesan langsungnya ialah rumah-rumah penduduk kampung sering dinaiki air, manakala sawah yang menjadi sumber pertanian turut terbiar akibat kerap ditenggelami banjir. Kelompok yang paling terkesan ialah penduduk kampung yang tinggal berhampiran tebing sungai dan bergantung pada tanah sawah sebagai sumber kehidupan.	*Tiada maklum balas*
2.	Kegagalan sistem saliran menyebabkan	Masalah utama yang dihadapi ialah pesawah tidak dapat lagi mengusahakan sawah padi mereka. Proses ini berlaku kerana aliran air sudah tidak	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sawah tidak boleh diusahakan	mengalir seperti sepatutnya ke hilir, sebaliknya bertakung dan melimpah balik ke kawasan sawah. Kesan langsungnya, tanah sawah menjadi terlalu basah dan tidak sesuai untuk ditanam, sekali gus menjejaskan hasil pertanian. Kelompok yang paling terkesan ialah pesawah yang bergantung hidup kepada penanaman padi sebagai sumber makanan dan pendapatan.	
3.	Ketiadaan pengurusan ternakan bersepadu menyebabkan kerosakan tanaman serta konflik antara komuniti.	Isu utama yang dibangkitkan peserta ialah ternakan kerbau yang dibiarkan berkeliaran tanpa kawalan. Dahulu, penduduk kampung mampu mengatasi masalah ini melalui gotong-royong untuk membina pagar, namun kini tenaga kerja semakin berkurangan kerana golongan muda sudah bersekolah atau bekerja di luar. Tinggal hanya penduduk tua yang tidak lagi mampu melakukan kerja berat. Situasi ini menyebabkan pagar tidak terurus, dan kerbau bebas meragut di sawah padi. Masalah menjadi lebih rumit kerana kerbau bukan sahaja milik penduduk kampung tersebut, tetapi juga datang dari kampung-kampung berhampiran. Akibatnya, tanaman padi rosak, dan isu ganti rugi sering tidak dapat diselesaikan. Penduduk berharap agar pihak berkuasa dapat menyediakan kawasan ragutan	**Penolong Pegawai Daerah Tuaran:** Pendekatan untuk menangani isu kerosakan tanaman akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah formal, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan, termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		khas atau mewajibkan pemilik mengurung ternakan mereka untuk mengelakkan kerosakan berulang.	
4.	Penyelenggaraan perparitan yang tidak berkesan dan halangan laluan parit menyebabkan banjir berulang	Penduduk kampung berdepan masalah perparitan yang tersumbat, menyebabkan air lambat surut setiap kali hujan lebat atau banjir. Keadaan ini lebih rumit apabila terdapat isu laluan parit yang melalui tanah persendirian, yang menimbulkan risiko konflik dengan pemilik tanah. Selain itu, penduduk menyatakan bahawa dahulu parit dibersihkan secara berkala, tetapi kini kerja penyelenggaraan tidak lagi dilakukan dengan baik oleh kontraktor. Hanya pemotongan rumput dibuat tanpa tindakan korekan untuk melancarkan aliran air. Akibatnya, parit kecil yang sepatutnya mengalirkan air kini bertukar seperti sungai kecil yang tidak dapat menampung limpahan, mengakibatkan air bertakung berhari-hari di kawasan kampung.	*Tiada maklum balas*
5.	Kegagalan sistem saliran sungai akibat tiada pembersihan dan faktor pasang surut	Masalah ini berpunca daripada sungai yang semakin cetek, tidak diselenggara, serta aliran tersumbat akibat timbunan bambu. Apabila musim hujan dan air sungai naik, ditambah dengan keadaan air laut pasang, aliran air menjadi	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	laut meningkatkan risiko banjir kampung	perlahan dan tidak dapat keluar dengan lancar. Sebaliknya, air dari sungai besar masuk semula ke kawasan kampung, menyebabkan banjir semakin buruk berbanding dahulu. Kesan daripada keadaan ini ialah banjir lebih kerap dan lebih tinggi, yang menjejaskan kawasan penempatan, sawah, serta infrastruktur penduduk. Selain itu, ia menimbulkan kebimbangan kerana banjir kini sudah melimpah ke kawasan yang sebelum ini selamat. Cadangan yang pernah dikemukakan termasuk pembinaan pintu mitigasi di muara sungai untuk mengawal aliran masuk dan keluar air.	
6.	Aktiviti pengambilan pasir berhampiran loji air menimbulkan keresahan masyarakat	Masalah ini berpunca daripada aktiviti pengambilan pasir berhampiran loji air yang dijalankan secara kerap. Pasir disedut terlalu dekat dengan kawasan loji kerana keperluan operasi pam air. Namun, pengambilan yang berlebihan atau tidak mengikut tempoh yang ditetapkan (sepatutnya setiap 3 bulan, tetapi dilanjutkan hingga 4 bulan) menimbulkan kesan negatif.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Keadaan ini menimbulkan kerisauan dan salah faham dalam kalangan penduduk kampung, kerana mereka melihat aktiviti tersebut menjejaskan aliran sungai serta memberi implikasi kepada persekitaran. Situasi ini menimbulkan ketegangan antara penduduk dengan pihak pengendali loji, dan kepimpinan kampung berasa sukar untuk memberi penjelasan yang jelas kepada masyarakat.	
7.	Ketiadaan penyerahan rasmi dan penyelenggaraan padang kampung menyebabkan keselamatan dan fungsi kemudahan awam terabai.	Masalah ini berpunca daripada padang Topokan yang tidak diselenggara dengan baik serta ketiadaan penyerahan rasmi kepada JPKK atau ketua kampung. Padang tersebut sering menjadi licin dan berbahaya apabila hujan, selain terdapat serpihan tajam seperti kaca serta gangguan kerbau yang merosakkan rumput. Oleh kerana tiada penyerahan rasmi, pihak kepimpinan kampung tidak mempunyai kuasa atau panduan jelas untuk menguruskan kemudahan tersebut.	*Tiada maklum balas*
8.	Ketiadaan saluran paip utama menyebabkan penduduk Kg Kepayan terpaksa bergantung pada	Penduduk Kg Kepayan pada asalnya bergantung kepada sumber air graviti. Namun, selepas berlaku pembukaan tanah di kawasan hulu, sumber air graviti menjadi kering dan tidak lagi mencukupi. Kini, penduduk berharap agar bekalan air bersih dari loji dapat disalurkan ke	**Jabatan Air Daerah Tuaran:** Punca utama masalah bekalan air di daerah Tuaran, khususnya kawasan luar bandar, ialah dua faktor: (i) loji rawatan air terpaksa dihentikan operasi ketika musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan (ii) banyak kampung masih

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sistem air graviti yang tidak stabil dan mudah terjejas.	kampung. Namun, penyambungan ini sukar dibuat kerana tiada saluran paip utama bersaiz besar (6 inci) yang membolehkan pemasangan meter air dilakukan. Akibatnya, penduduk terus bergantung kepada sistem graviti yang sering menghadapi masalah, terutama ketika musim hujan yang menyebabkan tadahan mudah pecah dan tersumbat.	berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Hal ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten. Proses penyelesaian yang sedang dijalankan oleh Jabatan Air termasuk pelaksanaan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) seperti di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, dan projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Projek Upper Kiulu misalnya masih di peringkat perolehan, manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil pada Ogos selepas ujian teknikal selesai. Kesan projek ini apabila siap kelak ialah dapat menstabilkan bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya yang sebelum ini sering mengalami gangguan kerana berkongsi sumber dengan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Namun, untuk jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam atau projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu termasuk Papar, Kota Kinabalu dan Tuaran.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kg Kouluan **Tarikh:**17 Mac 2025 **Bilangan peserta:**13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran 2. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Pencemaran alam sekitar akibat operasi kandang ayam besar (milik syarikat Seri Tawau)	Isu yang dibangkitkan oleh peserta FGD berkaitan dengan kegiatan operasi kandang ayam milik syarikat besar Seri Tawau yang menimbulkan pelbagai kesan kepada alam sekitar dan masyarakat di Tuaran. Pembukaan tanah dan pembesaran kawasan kandang ayam telah menyebabkan pencemaran air, bau, dan bunyi, selain mengakibatkan berlakunya banjir kilat kerana sistem perparitan yang tidak tersusun dan semakin sempit. Kampung Kouluan dikenal pasti sebagai kawasan paling teruk terkesan kerana setiap kali hujan lebat, kawasan rendahnya akan ditenggelami air deras. Penduduk bersama JKK telah beberapa kali mengajukan isu ini di peringkat daerah sejak tahun 2021, termasuk membincangkannya dalam mesyuarat rasmi yang turut melibatkan pihak syarikat. Walau bagaimanapun, sehingga kini masalah berlarutan kerana kes telah meningkat ke tahap perundangan dan hanya ditangani oleh pihak	**Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran:** Isu pencemaran sungai di Tuaran memperlihatkan peranan Unit Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar (BAKAS) yang terhad kepada aspek pemantauan sahaja. BAKAS bertanggungjawab menjalankan persampelan air khususnya di kawasan luar bandar dengan fokus kepada pemantauan kualiti air. Namun, unit ini tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang mencemarkan sungai. Sebarang tindakan lanjut, khususnya yang melibatkan sisa haiwan atau pencemaran industri, perlu dirujuk kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Hal ini menunjukkan bahawa fungsi BAKAS hanya tertumpu kepada pemantauan dan persampelan, manakala kuasa penguatkuasaan serta tindakan tegas terhadap pencemar sungai terletak pada agensi lain yang mempunyai bidang kuasa khusus.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pejabat Daerah, ADO, Jabatan Alam Sekitar, jabatan perparitan, perlesenan serta jurutera daerah. Malah, pencemaran amonia yang berpunca daripada operasi kandang ayam tersebut pernah menjejaskan bekalan air hingga ke Kota Kinabalu, termasuk kawasan Tuaran.	
2.	Masalah banjir berulang akibat sistem perparitan tidak teratur dan kelemahan pengurusan bantuan di kawasan Kouluan, Tuaran.	Isu yang diketengahkan oleh peserta FGD ini merujuk kepada masalah banjir berulang di kawasan Kouluan, Tuaran yang berpunca daripada timbunan tanah sekitar kawasan operasi kandang ayam sehingga menyebabkan aliran air tersekat dan bertakung lama. Keadaan ini menjadikan kawasan kampung seolah-olah lautan apabila hujan lebat, manakala kawasan kandang ayam bersebelahan tetap kering. Penduduk mendakwa bantuan banjir juga tidak sampai dengan adil, meskipun mereka sering membuat laporan, mengambil gambar, dan menyerahkan bukti. Hal ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penduduk kerana mereka dituduh tidak menjalankan tanggungjawab, sedangkan bantuan kewangan hanya diumumkan tetapi tidak diterima.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bagi penyelesaian, penduduk mencadangkan supaya parit dan sungai di belakang kawasan diperbesarkan, kalbut (saluran kecil) yang ada ditambah baik atau diperluas, serta diwujudkan parit khas di sempadan tanah kampung dengan tanah milik Seri Tawau bagi mempercepatkan aliran air keluar ketika banjir. Kegagalan menyediakan sistem perparitan yang sesuai menyebabkan rumah-rumah penduduk ditenggelami air, perabot rosak, tilam dan kusyen musnah, serta jalan raya dipenuhi air sehingga menyukarkan pergerakan. Mereka juga berharap pihak kerajaan dapat menyediakan kalbut bersaiz standard kerana penduduk tidak mampu membinanya sendiri.	
3.	Infrastruktur lampu jalan rosak menyebabkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk terjejas.	Isu yang dibangkitkan peserta FGD ini merujuk kepada masalah lampu jalan yang rosak dan tidak berfungsi di kawasan Kouluan. Walaupun tiang dan lampu jalan telah dipasang, kebanyakannya sudah rosak ("sot") dan tidak pernah dibaiki meskipun penduduk pernah membuat aduan melalui surat. Keadaan jalan yang gelap pada waktu malam menimbulkan rasa tidak selamat kerana risiko kecurian, termasuk kes kecurian kerbau, menjadi semakin tinggi.	**Jabatan Kerja Raya Tuaran:** Punca utama isu lampu jalan di daerah Tuaran berpunca daripada dua faktor: pertama, kos pemasangan lampu jalan yang tinggi menyebabkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mampu memasang lampu di sepanjang jalan bawah seliaan mereka, khususnya jalan gravel seperti di Kampung Sinansag. Kedua, terdapat kekeliruan dalam bidang kuasa antara JKR, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB/SE), dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			mengenai penyediaan dan penyelenggaraan lampu jalan di kampung. Proses yang berlaku ialah JKR setiap tahun membuat penilaian dan menyediakan sebut harga untuk mengenal pasti lokasi gelap yang memerlukan lampu jalan, namun pemasangan hanya dapat dibuat di kawasan tertentu kerana kekangan kos. Sementara itu, untuk lampu jalan kampung, tanggungjawab pembaikan dikendalikan oleh SE dengan rujukan daripada Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Manakala pemasangan baharu tertakluk kepada program di bawah KKDW yang dijalankan secara berkala mengikut pakej tender tertentu.

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama NGO dan Persatuan **Tarikh:**18 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Majlis Daerah Tuaran 2. Jabatan Pertanian Tuaran 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Kekangan dana persatuan dan koperasi menjejaskan kelangsungan aktiviti serta penglibatan ahli.	Beberapa persatuan dan koperasi di Tuaran menghadapi kekangan dana yang menjejaskan kelancaran aktiviti dan peranan mereka dalam komuniti. Walaupun penjaja pasar mempunyai pendapatan, kutipan yuran dianggap mahal oleh ahli, menyebabkan persatuan sukar mengumpul dana. Situasi ini menghalang pelaksanaan aktiviti, malah menimbulkan persepsi bahawa persatuan tidak aktif. Selain itu, koperasi pelancongan yang baru berdaftar pada tahun 2024 juga berdepan cabaran sama kerana ahli kampung masih sukar membayar yuran dan syer walaupun jumlahnya kecil. Kesan daripada kekangan kewangan ini termasuklah ketiadaan pejabat tetap, terhadnya aktiviti pembangunan komuniti, serta kurangnya penglibatan ahli yang mengharapkan sokongan percuma. Golongan yang paling terkesan ialah ahli persatuan, koperasi, dan komuniti setempat yang tidak mendapat manfaat penuh daripada organisasi ini..	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penggunaan plastik tidak terkawal menjejaskan kelestarian alam sekitar dan pendapatan penjaja.	Penggunaan plastik di Tuaran menjadi cabaran besar kepada penjaja, pengguna, dan alam sekitar. Persatuan Penjaja Pasar Tuaran pada awalnya berjaya mengurangkan penggunaan beg plastik sehingga 70%, namun kesedaran itu semakin menurun kerana pelanggan lebih memilih penjaja yang menyediakan plastik percuma. Hal ini memberi tekanan kepada peniaga untuk kembali menggunakan plastik bagi mengekalkan pelanggan. Keadaan ini turut memburukkan pencemaran, termasuk peningkatan mikroplastik yang kini telah menjejaskan hasil laut. Selain itu, tiada dasar atau polisi yang jelas di peringkat daerah untuk mengawal penggunaan plastik sekali guna, menyebabkan isu pencemaran plastik berterusan tanpa kawalan. Golongan yang paling terkesan ialah komuniti penjaja, pengguna, serta nelayan dan penduduk yang bergantung pada hasil laut yang tercemar.	*Tiada maklum balas*
3.	Amalan pertanian tradisional tanpa bimbingan teknikal mengekang produktiviti petani.	Sebahagian besar petani di kawasan tersebut masih mengamalkan pertanian secara tradisional, bergantung kepada pengalaman turun-temurun tanpa mendapat pendidikan atau bimbingan teknikal yang betul. Keadaan ini menyebabkan	**Jabatan Pertanian:** Terdapat cabaran pelaksanaan projek pembangunan pertanian di beberapa kampung di Tuaran yang bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kewangan. Punca utama ialah keterikatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		amalan pertanian kurang berkesan dan menjejaskan produktiviti hasil. Golongan yang terkesan ialah petani sendiri yang berdepan kesukaran meningkatkan pendapatan serta menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sektor pertanian moden.	pelaksanaan dengan dana yang diterima, contohnya pada tahun sebelumnya peruntukan daripada Kementerian Pertanian Semenanjung hanya dapat digunakan di kampung-kampung tertentu kerana wujud masalah kelengkapan dokumen permohonan. Proses yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian termasuk mengadakan dialog bersama penduduk kampung seperti Telibung dan Nohirot serta meminta mereka mengemukakan permohonan lengkap. Namun, sehingga tarikh akhir, dokumen serta data penting seperti lokasi tanah dan bilangan peserta tidak lengkap, menyebabkan pelaksanaan hanya berjaya dilakukan di Kampung Batangan, Pendamai, Dungang, Tampurangoh dan Limbungan melibatkan kawasan seluas 110 hektar. Kesan daripada situasi ini ialah terdapat kampung yang berpotensi menyertai pembangunan tanah sawah tetapi gagal terlibat akibat kelemahan penyertaan masyarakat, selain isu jalan akses yang juga terikat dengan kelulusan peruntukan. Kelompok fokus melibatkan Jabatan Pertanian sebagai pelaksana, kampung-kampung yang dilibatkan dalam program, serta komuniti yang sepatutnya menjadi penerima manfaat. Tambahan pula, bermula tahun hadapan, tanggungjawab untuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pembangunan tanaman padi akan beralih kepada Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPDBS).
4.	Infrastruktur jalan ladang yang tidak baik menyukarkan pengangkutan hasil pertanian.	Petani berdepan kesukaran untuk mengangkut hasil pertanian dari rumah ke ladang kerana keadaan jalan raya yang rosak dan hanya boleh dilalui kenderaan pacuan 4 roda. Ramai petani tidak memiliki kenderaan jenis ini, menyebabkan mereka terpaksa memikul hasil menggunakan wakid, yang memenatkan dan membataskan kecekapan kerja. Keadaan ini menjejaskan produktiviti serta pendapatan petani di kawasan terlibat.	**Jabatan Kerja Raya Tuaran:** Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			isu ini ialah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut
5.	Kekangan kapasiti pengurusan dan ketiadaan kemudahan asas bagi persatuan kecil di kampung.	Di peringkat kampung, terdapat persatuan kecil seperti kumpulan wanita yang dikenali sebagai *wanita maju*. Namun, mereka berdepan dengan cabaran dari segi pengurusan kerana kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus persatuan dengan baik. Hal ini menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli. Selain itu, kekangan lain termasuklah ketiadaan kemudahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti – mereka hanya menggunakan *sulap* (pondok kecil) yang kurang memadai. Ketiadaan ruang atau gerai yang standard turut menyekat kelancaran aktiviti mereka.	*Tiada maklum balas*
6.	Kekurangan kemudahan asas menjejaskan pembangunan pelancongan komuniti.	Aktiviti pelancongan yang wujud di kawasan ini ialah tagal (fish-feeding) dan trekking. Walaupun berpotensi menarik pelancong, kedua-duanya masih berdepan kekurangan kemudahan asas seperti pondok rehat dan fasiliti sokongan lain. Keadaan ini mengehadkan pengalaman pelawat	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		serta menjejaskan perkembangan pelancongan komuniti.	
7.	Cabaran NGO dalam mengurus kebergantungan masyarakat dan kekurangan penglibatan sukarela.	Lion Club Tuaran berkongsi cabaran dalam melaksanakan misi mereka untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Menurut mereka, ada sebahagian masyarakat yang terlalu bergantung kepada NGO, walaupun dalam keadaan yang tidak begitu mendesak. Contohnya, ada yang meminta bantuan walaupun hanya mengalami masalah kesihatan ringan, atau anak-anak enggan menjaga ibu bapa lalu menyerahkan tanggungjawab kepada NGO. Selain itu, apabila NGO mengajak masyarakat terlibat secara sukarela dalam program bantuan, sambutan sangat kurang. Kebanyakan hanya mengharapkan bantuan diterima, tetapi enggan sama-sama menyumbang tenaga. Situasi ini menimbulkan dilema kepada NGO kerana dana juga terhad, manakala mindset masyarakat masih kuat bergantung kepada bantuan luar.	*Tiada maklum balas*
8.	Kekangan kemahiran dan kepakaran dalam	Wakil Persatuan Komuniti Dalai menyatakan bahawa mereka menghadapi kekurangan kepakaran dalam menghasilkan produk akhir. Walaupun komuniti mempunyai sumber asas dan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penghasilan produk bernilai tambah.	potensi untuk menghasilkan sesuatu, keterbatasan dalam kemahiran teknikal, pengetahuan pemprosesan, serta inovasi produk menjadi halangan utama untuk meningkatkan nilai tambah hasil mereka.	
9.	Kegagalan sistem pengurusan sampah dan kesan pembakaran terbuka terhadap kesihatan serta alam sekitar.	Isu pengurusan sampah di Tuaran menjadi masalah serius apabila jumlah sampah yang dihasilkan terlalu banyak, khususnya di kawasan seperti Pantai Syabandar. Walaupun ada usaha daripada NGO yang turun setiap minggu untuk membersihkan kawasan, ia masih tidak sebanding dengan kadar pembuangan sampah. Tambahan pula, ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah oleh Majlis Daerah menyebabkan penduduk mengambil inisiatif membakar sampah sendiri di halaman rumah. Amalan ini menimbulkan pencemaran udara dan risiko kesihatan kerana asap daripada pembakaran plastik mengandungi toksin berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit serius seperti kanser dan asma.	**Majlis Daerah Tuaran:** Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Proses yang berlaku ialah apabila terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			secara *ad hoc*, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Kesan daripada kekangan ini termasuk timbunan sampah yang tidak terurus di kampung-kampung, pencemaran persekitaran, serta ketidakpuasan hati masyarakat kerana menganggap isu sampah tidak ditangani dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan. Kelompok fokus yang terkesan secara langsung ialah penduduk kampung di luar kawasan operasi MDT, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan atau akses untuk mengurus sampah sendiri, manakala pihak MDT dan Pejabat Daerah pula berdepan dengan cabaran aduan masyarakat serta keterbatasan mandat dan sumber.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Cabaran kebolehpasaran hasil pertanian

Kawasan Parlimen Tuaran merupakan antara kawasan yang kaya dengan kegiatan pertanian berskala kecil dan sederhana, terutamanya dalam kalangan komuniti luar bandar. Namun begitu, para petani di kawasan ini sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan kebolehpasaran hasil pertanian mereka. Salah satu isu utama ialah keadaan infrastruktur asas yang kurang memuaskan, termasuk jambatan perhubungan jenis *low level crossing* yang mudah dinaiki air dan mengalami hakisan, sekali gus menyukarkan pengangkutan hasil ke kawasan pasaran. Tambahan pula, kekurangan jalan pertanian yang sesuai mengakibatkan akses ke kebun menjadi terhad, terutama semasa musim hujan. Lokasi kampung-kampung yang terpencil dan jauh dari pusat jualan seperti tamu mingguan turut membataskan peluang pemasaran secara langsung. Selain itu, ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung menyukarkan penjualan hasil secara tempatan, manakala kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam mencipta inovasi produk hiliran mengehadkan keupayaan petani untuk menambah nilai kepada hasil pertanian mereka. Kesemua faktor ini menyumbang kepada rantaian masalah yang menjejaskan kecekapan pasaran dan pendapatan para petani di kawasan Parlimen Tuaran.

- **Keadaan jambatan perhubungan**
  Kedudukan kampung-kampung seperti Kg Sinansag dan Kg Lubok yang terletak jauh di pedalaman telah menjadi salah satu faktor utama yang menyukarkan penduduk untuk membawa keluar hasil pertanian ke kawasan pasaran. Jarak yang jauh dari pusat pengumpulan atau tamu menyebabkan penduduk terpaksa menempuh perjalanan yang panjang dan mencabar, terutamanya ketika musim hujan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kewujudan jambatan perhubungan jenis *low level crossing* yang sering ditenggelami air, mengakibatkan laluan utama tidak dapat digunakan untuk tempoh tertentu. Malahan, terdapat jambatan yang mengalami hakisan serius hingga menjejaskan struktur dan keselamatan, menyebabkan ia tidak boleh dilalui oleh kenderaan ataupun pejalan kaki. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan urusan logistik dan pengangkutan hasil pertanian, malah turut menjejaskan pendapatan harian penduduk kampung yang bergantung kepada hasil jualan tersebut. Ketiadaan infrastruktur yang kukuh dan

selamat secara langsung memberi kesan negatif terhadap kebolehpasaran produk pertanian di kawasan ini.

Rajah 3: Jambatan rendah (low level crossing) yang menjadi laluan utama penduduk Kg Sinansag *Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet pada 15 Mac 2025*

Rajah 4: Keadaan jambatan rendah (low level crossing) yang mengalami hakisan dan tidak selamat digunakan oleh penduduk Kg Lubok
Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet pada 15 Mac 2025

- **Kekurangan jalan pertanian**
  Salah satu cabaran yang dihadapi oleh penduduk di Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, dan Kg Linsuk ialah kekurangan jalan pertanian yang sesuai dari kampung ke kawasan kebun pertanian. Walaupun terdapat laluan sedia ada, namun jalan tersebut hanya boleh dilalui dengan berjalan kaki dan tidak dapat digunakan oleh kenderaan seperti motosikal atau kenderaan pengangkut. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengalami kesukaran untuk membawa keluar hasil pertanian dalam kuantiti yang banyak ke jalan utama, seterusnya menyukarkan proses pemasaran hasil mereka. Tambahan pula, kebanyakan penduduk tidak

mempunyai kapasiti kewangan untuk mengupah jentera atau kontraktor bagi membina atau membesarkan jalan tersebut agar sesuai untuk kegunaan pertanian berskala kecil. Akibatnya, aktiviti pertanian terhad kepada keupayaan fizikal dan sumber yang terhad, sekali gus menjejaskan produktiviti dan pendapatan isi rumah. Kekurangan infrastruktur jalan pertanian yang memadai ini menjadi antara penghalang utama dalam usaha memperkukuh ekonomi luar bandar dan meningkatkan kebolehpasaran hasil pertanian di kawasan Parlimen Tuaran.

Isu ini telah mendapat perhatian daripada Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu, yang menekankan keperluan penambahbaikan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu. Beliau menegaskan bahawa infrastruktur asas merupakan elemen penting dalam memastikan keterhubungan yang efektif serta pembangunan yang seimbang antara pekan dan kawasan pedalaman. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan dengan kawasan ulu, keadaan jalan tersebut masih bersifat tidak berterusan dan tidak membentuk satu rangkaian lengkap. Selain itu, walaupun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses tetap berlanjutan sehingga kini.

Sehubungan itu, cadangan yang dikemukakan merangkumi pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang menyeluruh dari pekan ke kawasan ulu, serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15 kilometer bagi memperkemas sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini dijangka dapat menyelesaikan masalah keterhubungan, meningkatkan aktiviti ekonomi penduduk DUN Kiulu, khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.

- **Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran**
  Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk Kg Sinansag. Kekangan infrastruktur seperti jambatan rendah yang sering dinaiki air telah menyebabkan penduduk kampung tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian mereka ke pasaran, terutamanya semasa musim hujan. Akibatnya, hasil seperti nanas dan ubi kayu tidak dapat dijual dan terpaksa dibiarkan rosak begitu sahaja. Keadaan ini mencerminkan satu pembaziran sumber yang ketara. Tambahan pula, ketiadaan pengetahuan dalam bidang pemprosesan dan inovasi produk hiliran menghalang penduduk daripada mempelbagaikan kegunaan hasil pertanian mereka, seperti menghasilkan kerepek ubi, jem nanas, atau produk bernilai tambah lain. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan petani, malah

mengehadkan potensi ekonomi komuniti kampung secara keseluruhan. Justeru, peningkatan kemahiran dan latihan dalam inovasi produk hiliran amat diperlukan bagi mengurangkan pembaziran, meningkatkan nilai tambah hasil pertanian, serta memperkukuh daya tahan ekonomi luar bandar.

- **Ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung**
  Ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung turut menjadi antara isu yang membebankan penduduk luar bandar. Di beberapa kampung seperti di Kg Sinansag, penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan barangan keperluan asas harian seperti beras, gula, minyak masak, dan barang dapur lain kerana terpaksa keluar ke pekan yang jauh dengan keadaan jalan yang sukar dilalui. Situasi ini menyukarkan kehidupan harian, terutamanya bagi golongan warga emas, ibu tunggal, dan mereka yang tidak memiliki kenderaan sendiri. Selain itu, sekiranya terdapat kedai runcit di dalam kampung, ia bukan sahaja memudahkan akses kepada barangan keperluan, malah boleh menjadi ruang alternatif bagi penduduk untuk meletakkan dan menjual lebihan hasil pertanian mereka secara kecil-kecilan. Ini secara tidak langsung dapat menjana pendapatan tambahan kepada penduduk serta mengurangkan kebergantungan kepada pasaran luar. Oleh itu, penubuhan kedai runcit komuniti berpotensi untuk meningkatkan kelestarian ekonomi kampung dan menyokong kebolehpasaran hasil pertanian tempatan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Keadaan jambatan perhubungan 2. Kekurangan jalan pertanian 3. Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran 4. Ketiadaan kedai runcit di kampung
Cadangan	1. Berkerjasama dengan pihak berkaitan untuk menyediakan pelan laluan alternatif untuk kegunaan semasa banjir. 2. Memohon bantuan jentera asas melalui program tanggungjawab sosial (CSR) agensi tempatan atau syarikat swasta. 3. Menganjurkan bengkel asas pemprosesan hasil pertanian dengan kerjasama agensi seperti FAMA, Jabatan Pertanian atau NGO tempatan.

	4. Menggunakan ruang rumah atau balai raya sebagai lokasi jualan sementara untuk barangan keperluan dan hasil kampung.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat, komuniti luar bandar
Kawasan	Kg. Sinansag, Kg. Ratau, Kg. Lubok, Mukim Topokon
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi. Sasaran 1.5: Membina daya tahan terhadap bencana alam sekitar, ekonomi dan sosial
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.3: Menggandakan produktiviti dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil
Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.2: Mempelbagaikan, berinovasi dan naik taraf untuk produktiviti ekonomi. Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Isu sampah dan kebersihan

Isu pengurusan sampah dan kebersihan di kawasan Parlimen Tuaran, khususnya di kampung-kampung yang tidak termasuk dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran, merupakan satu cabaran yang semakin membimbangkan. Ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah yang sistematik telah mendorong sesetengah penduduk untuk membuang sampah secara sembarangan atau melakukan pembakaran terbuka, sekali gus menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesihatan awam. Tambahan pula, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat mengenai impak negatif pembuangan sampah yang tidak terkawal menyukarkan usaha pemuliharaan dan kelestarian kawasan luar bandar ini.

- **Kawasan kampung yang di luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran**
  Di kawasan Parlimen Tuaran, terdapat beberapa kampung yang terletak di luar kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran, sekali gus tidak menerima

perkhidmatan kutipan sampah yang sistematik. Ketiadaan kemudahan ini menyebabkan penduduk terpaksa melupuskan sampah secara tidak terkawal, antaranya melalui pembakaran terbuka atau membuang sampah di tepi jalan. Amalan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah memberi kesan negatif terhadap kesihatan dan keselamatan penduduk. Ironinya, terdapat kampung seperti Kampung Bahab yang membayar cukai kadaran kepada pihak berkuasa tempatan, namun masih tidak menikmati perkhidmatan kutipan sampah secara berjadual. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan hak mereka sebagai pembayar cukai tidak dipenuhi. Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif dan kesedaran dalam kalangan penduduk kampung yang mengambil langkah proaktif dengan membawa sampah ke pekan berhampiran seperti Pekan Kiulu dan Pekan Tamparuli untuk dibuang di rumah sampah yang disediakan. Usaha sebegini mencerminkan sikap tanggungjawab masyarakat, namun ia bukanlah penyelesaian jangka panjang terhadap isu pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar Tuaran.

Isu pengurusan sisa dan kebersihan ini juga mendapat maklum balas daripada pihak Majlis Daerah Tuaran di mana menyatakan permasalahan ini berpunca bahawa kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Proses yang berlaku ialah apabila terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada.

Kesan daripada kekangan ini termasuk timbunan sampah yang tidak terurus di kampung-kampung, pencemaran persekitaran, serta ketidakpuasan hati masyarakat kerana menganggap isu sampah tidak ditangani dengan baik. Walau bagaimanapun, menurut Penolong Pegawai Daerah Tuaran terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat

dilaksanakan. Kelompok fokus yang terkesan secara langsung ialah penduduk kampung di luar kawasan operasi MDT, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan atau akses untuk mengurus sampah sendiri, manakala pihak MDT dan Pejabat Daerah pula berdepan dengan cabaran aduan masyarakat serta keterbatasan mandat dan sumber.

- **Kurang kesedaran tentang pengurusan sampah yang baik**
  Salah satu isu utama yang menyumbang kepada masalah kebersihan di kawasan Parlimen Tuaran ialah kurangnya kesedaran dalam kalangan penduduk mengenai pengurusan sisa pepejal yang baik. Walaupun terdapat kefahaman asas bahawa pembuangan sampah secara sembarangan adalah perbuatan yang tidak wajar, namun dalam realiti harian, ramai penduduk masih mengamalkan pembakaran terbuka atau membuang sampah di kawasan lapang kerana dianggap lebih mudah dan praktikal. Kekurangan kemudahan pelupusan sampah yang sistematik turut menyumbang kepada situasi ini, menjadikan penduduk tidak mempunyai pilihan lain yang lebih lestari. Ketiadaan pendidikan berterusan dan pendedahan kepada kaedah pengurusan sisa yang betul menjadikan amalan-amalan ini terus berleluasa, sekaligus menjejaskan usaha menjaga kebersihan persekitaran dan kesihatan awam.

- **Pembakaran terbuka**
  Pembakaran terbuka merupakan amalan yang lazim dilakukan oleh kebanyakan penduduk di kawasan Parlimen Tuaran sebagai kaedah pelupusan sampah yang mudah dan cepat. Namun begitu, pembakaran ini dilakukan tanpa pengasingan bahan yang sesuai untuk dibakar dan yang tidak boleh dibakar, menyebabkan pencemaran udara dan risiko kesihatan kepada penduduk sekitar. Selain itu, terdapat juga kes di mana pembakaran sampah dilakukan di tepi jalan dan kawasan berhampiran rumah, yang bukan sahaja mengganggu keselesaan penduduk tetapi juga berpotensi menimbulkan kebakaran yang tidak terkawal. Amalan pembakaran terbuka yang tidak terkawal ini memberi kesan negatif terhadap kualiti alam sekitar dan menuntut perhatian serta tindakan segera daripada pihak berkuasa dan masyarakat.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kawasan kampung yang berada di luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran 2. Kurang kesedaran tentang pengurusan sampah yang baik 3. Pembakaran terbuka

Cadangan	1. Perkhidmatan kutipan sampah perlu diperluas ke kampung-kampung luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran bagi memastikan pengurusan sisa lebih sistematik. 2. Program kesedaran dan pendidikan komuniti tentang kaedah pelupusan sisa yang lestari perlu digiatkan untuk mengubah sikap masyarakat. 3. Inisiatif seperti pengasingan sisa, kitar semula, dan penyediaan pusat pelupusan kecil di peringkat kampung wajar dilaksanakan untuk mengurangkan amalan pembakaran terbuka.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg Giling Tengah, Kg Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
Matlamat 3: Kesihatan baik dan kesejahteraan	Sasaran 3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian akibat bahan kimia berbahaya dan pencemaran
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.7:Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif
Matlamat 12:	Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Banjir

Fenomena banjir di kawasan Parlimen Tuaran merupakan isu berulang yang semakin membimbangkan, khususnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Terletak di barat laut Sabah, kawasan ini sering dilanda hujan lebat yang menyebabkan limpahan air

sungai utama seperti Sungai Tamparuli dan Sungai Tuaran, seterusnya mengakibatkan banjir kilat di kawasan rendah dan penempatan berhampiran sungai. Sebagai contoh, menurut laporan media tempatan, beberapa kejadian banjir besar telah berlaku pada tahun 2021[14] hingga 2025[15] menyebabkan gangguan kepada aktiviti harian, kerosakan harta benda, serta ancaman keselamatan kepada penduduk termasuk kehilangan tempat tinggal sementara bagi sesetengah keluarga. Masalah ini turut diburukkan oleh keadaan geografi dan struktur tanah yang mudah terjejas apabila hujan berpanjangan berlaku.

- **Sistem perparitan yang tidak sistematik**
  Isu sistem perparitan yang tidak sistematik terus menimbulkan kesan negatif terhadap penduduk kampung, khususnya yang tinggal di kawasan rendah. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, yang bertujuan mempertingkatkan jaringan infrastruktur di Sabah. Ketiadaan saliran yang sesuai di sepanjang jalan yang dibina telah menyebabkan air hujan mengalir tanpa kawalan ke kawasan perumahan berdekatan, mengakibatkan kejadian banjir yang semakin kerap berlaku. Situasi ini turut disuarakan oleh penduduk melalui media tempatan yang menyatakan salah satu kawasan di parlimen Tuaran tidak pernah mengalami banjir sebelum ini. Namun, keadaan berubah apabila projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dimulakan sekitar dua hingga tiga tahun yang lalu. Hasil pemerhatiannya, sistem perparitan dan saliran mula tersumbat selepas projek tersebut dilaksanakan, selain kerja penyelenggaraan perparitan yang tidak dilakukan dengan betul telah memburukkan lagi keadaan[16].

  Tambahan pula, kebanyakan parit sedia ada tidak diselenggara secara berkala oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab, mengakibatkan saluran air tersumbat dengan sampah sarap, mendapan tanah, serta tumbuhan liar. Keadaan ini menjejaskan kelancaran aliran air dan meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat di kawasan kampung. Sebagai contoh, di Kampung Nongkolud dan Kampung Giling Tengah, parit utama yang terdapat di kawasan ini jarang menerima penyelenggaraan. Parit berkenaan juga berfungsi sebagai laluan air kumbahan dari kawasan perumahan Sri Gading dan Taman Ria, menyebabkan kedua-dua kampung tersebut kerap dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat.

---

[14] "Sinar Harian," *Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran dilanda banjir kilat*, November 6, 2021. https://www.sinarharian.com.my/article/162526/edisi/kota-kinabalu-penampang-tuaran-dilanda-banjir-kilat.

[15] "Banjir kilat di Tuaran: 12 penduduk dipindahkan," Berita Harian, June 8, 2024. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1254721/banjir-kilat-di-tuaran-12-penduduk-dipindahkan.

[16] Penduduk mohon projek Lebuh Raya Pan Borneo dipantau elak jadi punca banjir," Media Permata, June 5, 2024. https://mediapermata.com.bn/penduduk-mohon-projek-lebuh-raya-pan-borneo-dipantau-elak-jadi-punca-banjir/.

Situasi ini bukan sahaja mengganggu rutin harian penduduk, malah turut menimbulkan ancaman terhadap kesihatan awam apabila air bertakung menjadi tempat pembiakan nyamuk dan haiwan perosak.

Rajah 5: Keadaan parit di Kg Giling Tengah yang menjadi laluan air kumbahan dari perumahan Sri Gading dan Taman Ria dan melimpah ke kawasan kampung apabila hujan lebat

Sumber: Mc Jeanet, pada 16 Mac 2025

Rajah 6: Parit utama di Kampung Rongolis yang mengalami mendapan tanah dan sisa organik yang menghalang aliran air.

Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet, pada 18 Mac 2025

- **Pembukaan tanah baru**

  Aktiviti pembukaan tanah secara besar-besaran bagi tujuan penanaman getah oleh RISDA di kawasan seperti Mukim Topokon dan beberapa lokasi lain dalam

parlimen Tuaran berpotensi menyumbang kepada peningkatan risiko banjir, terutamanya ketika musim hujan yang tidak menentu. Penebangan pokok dan penghapusan litupan hutan semula jadi bagi membuka laluan kepada tanaman monokultur seperti getah menyebabkan tanah menjadi terdedah kepada hakisan. Tanpa sistem akar pokok hutan yang padat untuk menahan tanah dan menyerap air hujan, kadar aliran air permukaan meningkat dengan ketara, seterusnya mengakibatkan limpahan air ke kawasan rendah dan perkampungan berhampiran. Keadaan ini diperburuk lagi apabila saliran semula jadi terganggu akibat jentera berat dan kerja tanah yang merosakkan struktur tanah serta sungai kecil. Dalam beberapa kes, komuniti tempatan melaporkan bahawa kawasan yang dahulunya jarang dinaiki air kini mula mengalami banjir kilat selepas tanah sekitar dibersihkan untuk projek penanaman getah. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun matlamat projek ialah untuk meningkatkan pendapatan penduduk melalui hasil pertanian, pelaksanaannya yang tidak mengambil kira faktor ekologi boleh mendatangkan impak negatif kepada keselamatan dan kesejahteraan komuniti[17].

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Sistem perparitan yang tidak sistematik 2. Pembukaan tanah baru
Cadangan	1. Sebarang projek pembukaan tanah dan pembinaan infrastruktur besar perlu menjalani penilaian impak alam sekitar yang teliti sebelum diluluskan bagi mengenal pasti potensi risiko banjir dan gangguan ekologi. 2. Penyelenggaraan rutin seperti pembersihan parit, pengalihan mendapan, dan pemangkasan tumbuhan liar perlu dijalankan secara berkala oleh pihak berwajib dengan penglibatan komuniti setempat. 3. Zon penampan hijau perlu diwujudkan semula di kawasan yang telah dibuka untuk mengurangkan hakisan dan memperlahankan aliran air permukaan.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat

[17] Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." Malaysian Journal of Environmental Management 22, no. 1 (2021)

Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg Giling Tengah, Kg Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
SDG 9: Industry, inovasi dan infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif Sasaran 9.4: Menaik taraf semua industri dan infrastruktur untuk kemapanan
SDG 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Pencemaran bau

Pencemaran bau merupakan satu bentuk pencemaran alam sekitar yang memberi kesan langsung terhadap kualiti hidup masyarakat. Di peringkat Malaysia, pencemaran bau semakin mendapat perhatian khususnya apabila melibatkan sumber seperti sisa ternakan, pelepasan bahan buangan industri, dan sistem kumbahan yang tidak sempurna. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan hidup, malah boleh menimbulkan implikasi kesihatan dan konflik sosial dalam kalangan penduduk. Di Sabah, isu pencemaran bau menjadi semakin ketara terutama di kawasan luar bandar yang terdedah kepada amalan penternakan tanpa kawalan, serta sistem kumbahan yang tidak sistematik. Di Parlimen Tuaran khususnya, masalah pencemaran bau telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk kampung yang terkesan dengan bau busuk yang berpunca daripada najis ternakan seperti khinzir dan ayam. Selain itu, pelepasan

sisa kumbahan dari kawasan perumahan terus ke dalam sistem perparitan tanpa rawatan turut menyumbang kepada pencemaran bau melalui aliran air parit. Isu ini bukan sahaja memberi tekanan terhadap kesihatan penduduk, malah mencemarkan imej kawasan dan menjejaskan keharmonian komuniti setempat.

- **Pelepasan sisa kumbahan ternakan**

  Pelepasan sisa kumbahan ternakan, khususnya daripada penternakan khinzir di Kampung Bawang telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan penduduk tempatan. Sisa kumbahan ini dipercayai dilepaskan terus ke dalam sistem pengairan yang bersambung dengan parit kampung dan seterusnya mengalir ke Sungai Mangkaladoi di Tamparuli[18]. Sungai ini bukan sahaja penting kepada ekosistem setempat, malah digunakan secara langsung oleh penduduk sebagai sumber air harian. Lebih membimbangkan, air sungai yang tercemar ini turut mengalir ke Loji Rawatan Air Telibong, iaitu salah satu loji utama yang membekalkan air terawat kepada ribuan pengguna di kawasan Tuaran, Tamparuli dan juga sebahagian Kota Kinabalu. Isu pencemaran ini memberi implikasi besar terhadap kesihatan awam, kualiti alam sekitar serta keselamatan bekalan air. Keadaan ini juga berpotensi menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap sistem bekalan air dan menimbulkan tekanan sosial dalam kalangan komuniti terkesan. Tambahan pula, pencemaran bau dan air akibat sisa kumbahan ini turut mengganggu ketenteraman penduduk di sekitar Kampung Bawang dan kawasan berhampiran.

  Susulan daripada isu ini Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) telah mengambil tindakan segera dengan menjalankan siasatan terhadap dakwaan pencemaran Sungai Tuaran akibat pelepasan sisa ternakan, khususnya dari ladang khinzir di Tamparuli[19]. Melalui tindakan ini, JPAS menjalankan pemantauan di lokasi terjejas, mengambil sampel air untuk analisis lanjut, serta mengenal pasti sumber utama pencemaran termasuk sistem saliran sisa ladang yang tidak terkawal. Tindakan siasatan ini membuka laluan kepada pengilang dan penternak untuk memperbaiki pengurusan sisa mereka dan mematuhi garis panduan alam sekitar yang ditetapkan. Input daripada tindakan tersebut menunjukkan kesediaan pihak berkuasa untuk memperketatkan penguatkuasaan dan meningkatkan kawalan terhadap punca sisa bagi memastikan keselamatan bekalan air di Sungai Mangkaladoi, Kampung Bawang dan kawasan sekitar.

[18] "Najis ternakan babi cemar sungai Tamparuli," Harian Metro, April 4, 2024. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076392/najis-ternakan-babi-cemar-sungai-tamparuli.

[19] "JPAS siasat dakwaan Sungai Tuaran tercemar," Media Permata, April 8, 2024. https://mediapermata.com.bn/jpas-siasat-dakwaan-sungai-tuaran-tercemar/

Jurutera lingkungan dan petani tempatan telah menerima nasihat mengenai amalan pengurusan sisa yang lebih baik. Selain itu, siasatan ini turut menyuntik kesedaran komuniti setempat supaya berkolaborasi dengan agensi kerajaan dalam memantau dan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran yang mencurigakan.

Pelepasan sisa kumbahan ternakan dari kandang ayam besar milik syarikat Sri Tawau di kawasan Kouluan juga menimbulkan kesan kepada alam sekitar dan masyarakat di Tuaran. Pembukaan tanah dan pembesaran kawasan kandang ayam telah menyebabkan pencemaran air, bau, dan bunyi, selain mengakibatkan berlakunya banjir kilat kerana sistem perparitan yang tidak tersusun dan semakin sempit.

Menurut kepimpinan kampung di Kampung Kouluan ini terdapat tindakan peringkat awal telah dibuat untuk mengatasi isu ini namun masalah masih berterusan sehingga kini. Terdapat mesyuarat peringkat daerah sebanyak tiga kali telah dijalankan dan sehingga kini telah melibatkan tindakan undang-undang.

Permasalahan ini telah mendapat perhatian daripada Pejabat Kesihatan Tuaran, di mana Unit Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar (BAKAS) telah melaksanakan pengambilan sampel air dengan fokus kepada pemantauan kualiti air. Walau bagaimanapun, unit tersebut tidak memiliki kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang mencemarkan sungai. Sebarang tindakan lanjut, terutamanya berkaitan sisa haiwan atau pencemaran industri, perlu dirujuk kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Keadaan ini menunjukkan bahawa fungsi BAKAS terhad kepada pemantauan dan pengambilan sampel sahaja, manakala kuasa penguatkuasaan serta tindakan tegas terhadap pencemar sungai berada di bawah bidang kuasa agensi lain yang mempunyai mandat khusus.

- **Pelepasan sisa kumbahan dari perumahan**
  Isu pelepasan sisa kumbahan dari kawasan perumahan ke kawasan kampung semakin membimbangkan, khususnya di kawasan sekitar Taman Sri Rugading dan Taman Telipok Ria yang terletak berhampiran dengan Kampung Giling Tengah dan Kampung Nongkolud. Sisa kumbahan dari perumahan ini telah disalurkan ke dalam sistem perparitan kampung, yang bukan sahaja menjejaskan kualiti persekitaran, malah menyebabkan parit tersumbat dan mengeluarkan bau busuk yang mengganggu keselesaan penduduk setempat. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan harian, malah boleh mencetuskan risiko kesihatan seperti jangkitan bawaan air atau pernafasan akibat pencemaran udara. Melalui

maklum balas oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran juga menyatakan pelepasan sisa kumbahan dari kawasan perumahan ini menyebabkan kes denggi tinggi di kawasan ini sehingga mendapat perhatian di peringkat mesyuarat.

Jadual 16. Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Pelepasan sisa kumbahan ternakan 2. Pelepasan sisa kumbahan dari perumahan
Cadangan	1. Sebarang projek pembukaan tanah dan pembinaan infrastruktur besar perlu menjalani penilaian impak alam sekitar yang teliti sebelum diluluskan bagi mengenal pasti potensi risiko banjir dan gangguan ekologi. 2. Penyelenggaraan rutin seperti pembersihan parit, pengalihan mendapan, dan pemangkasan tumbuhan liar perlu dijalankan secara berkala oleh pihak berwajib dengan penglibatan komuniti setempat. 3. Zon penampan hijau perlu diwujudkan semula di kawasan yang telah dibuka untuk mengurangkan hakisan dan memperlahankan aliran air permukaan.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg. Giling Tengah, Kg. Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam

	Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"
Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara

- **Pengutamaan Isu 5: Keterbatasan infrastruktur dan kemudahan awam**
  Infrastruktur dan kemudahan awam merupakan asas penting dalam pembangunan sesebuah kawasan, khususnya dalam menjamin kesejahteraan hidup penduduk dan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Infrastruktur merujuk kepada sistem asas yang diperlukan untuk operasi ekonomi dan sosial masyarakat, termasuk jalan raya, bekalan air bersih, sistem pembetungan, bekalan elektrik, dan telekomunikasi. Sementara itu, kemudahan awam merangkumi perkhidmatan atau prasarana yang disediakan untuk kepentingan umum seperti sekolah, klinik kesihatan, balai polis, pusat komuniti dan kemudahan pengangkutan awam.

  Namun demikian, di kawasan Parlimen Tuaran, yang merangkumi daerah Tuaran, Tamparuli dan Kiulu, masih terdapat banyak kekangan dari segi penyediaan dan kualiti infrastruktur serta kemudahan awam. Kawasan pedalaman dan luar bandar di parlimen ini sering berhadapan dengan isu seperti jalan tidak berturap, bekalan air yang tidak konsisten, liputan internet yang lemah, serta kekurangan fasiliti kesihatan dan pendidikan yang mencukupi. Keterbatasan ini memberi kesan langsung kepada akses penduduk terhadap perkhidmatan asas dan peluang pembangunan yang setara.

- **Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan**
  Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan merupakan satu masalah yang berpanjangan dan memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan penduduk di beberapa kawasan, khususnya di Mukim Tenghilan dan Mukim Topokon. Penduduk di kawasan ini sering berdepan dengan gangguan bekalan air paip yang berlaku secara berulang, dan apa yang lebih membimbangkan ialah gangguan ini sering berlaku tanpa sebarang notis awal. Situasi ini menyukarkan penduduk untuk merancang penggunaan air harian dan menjejaskan aktiviti asas seperti memasak, mencuci serta keperluan kebersihan.

  Di samping itu, masih terdapat beberapa kampung yang belum menikmati kemudahan bekalan air paip dari kerajaan. Antara kampung yang terlibat

termasuk Kampung Gaya Ratau dan Kampung Kapa, di mana penduduknya hanya bergantung kepada sumber air alternatif seperti sistem air graviti dan *tubewell*. Walaupun sumber ini penting dalam memastikan kelangsungan bekalan air, ia tidak menjamin kualiti dan kebolehpercayaan jangka panjang. Misalnya, penduduk Kampung Ratau yang menggunakan sistem air graviti sering berhadapan dengan isu kerosakan paip dan beban kos penyelenggaraan yang tinggi. Hal ini menimbulkan tekanan kepada komuniti kampung yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, di Kampung Kepayan Topokon, penduduk turut menghadapi masalah sistem paip utama yang sudah usang dan perlu diganti. Keadaan paip yang lama menyebabkan kualiti air yang diterima menjadi terjejas, terutamanya apabila sistem paip ditutup dan dibuka semula. Air yang disalurkan akan menjadi keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan harian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan keraguan terhadap aspek kesihatan dan keselamatan air, malah menambah beban kepada penduduk yang perlu mencari alternatif lain seperti air gravity yang sering pecah dan tersumbat pada musim hujan.

Permasalahan bekalan air di daerah Tuaran telah mendapat perhatian daripada Jabatan Air Daerah Tuaran, yang telah mengambil beberapa tindakan bagi menanganinya. Menurut wakil jabatan tersebut, punca utama isu bekalan air, khususnya di kawasan luar bandar, adalah disebabkan oleh dua faktor: **(i)** loji rawatan air terpaksa dihentikan operasinya semasa musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan **(ii)** banyak kampung masih berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar masih belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten.

Bagi menyelesaikan isu ini, Jabatan Air Daerah Tuaran telah melaksanakan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), termasuk di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, serta projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Sebagai contoh, projek Upper Kiulu masih berada di peringkat perolehan, manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil dijangka bermula pada Ogos selepas ujian teknikal selesai.

Apabila projek-projek ini siap dilaksanakan, bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya dijangka lebih stabil, memandangkan kawasan ini

sebelum ini kerap mengalami gangguan bekalan akibat perkongsian sumber dengan kawasan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Bagi jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam dan projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu, termasuk Papar, Kota Kinabalu, dan Tuaran.

- **Gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang dan risiko keselamatan**
  Isu seterusnya yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Mukim Topokon, khususnya di Kampung Lubok, Kampung Ratau, Kampung Linsuk dan Kampung Layan, adalah berkaitan dengan gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang, serta risiko keselamatan yang membimbangkan. Gangguan bekalan elektrik yang berlaku di kawasan tersebut sering mengambil masa yang lama untuk dipulihkan, sekali gus menjejaskan rutin harian dan kualiti hidup penduduk. Keadaan ini turut diperburukkan dengan infrastruktur elektrik yang usang dan tidak selamat, seperti kabel elektrik yang berisiko akibat insiden ranting kayu jatuh ke atas kabel serta tiang elektrik yang sudah berkarat. Di Kampung Linsuk, sebahagian tiang elektrik yang digunakan masih diperbuat daripada kayu, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan penduduk. Tambahan pula, masih terdapat kampung seperti Kampung Layan yang belum menikmati kemudahan bekalan elektrik sepenuhnya, di mana penduduk hanya bergantung kepada tenaga solar untuk keperluan harian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan, malah mewujudkan jurang ketidaksamarataan dari segi akses kepada kemudahan asas antara penduduk kampung tersebut dan kawasan lain yang lebih membangun.

  Permasalahan bekalan elektrik di Sabah telah mendapat perhatian daripada wakil Sabah Electricity. Beliau menjelaskan bahawa pembangunan bekalan elektrik di negeri ini dilaksanakan secara *radial*, merangkumi kawasan pedalaman termasuk kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun laluan yang sedia ada berupa jalan kecil, pihak Sabah Electricity tetap menyalurkan bekalan elektrik. Cabaran utama yang dihadapi ialah akses ke kawasan-kawasan berkenaan serta keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Talian lama ini tidak mempunyai penebat atau “kulit”, tetapi masih selamat digunakan kerana direka mengikut piawaian lama. Sebaliknya, talian baharu kini menggunakan kabel aerial grounded yang lebih selamat kerana tidak menyebabkan gangguan bekalan sekiranya terkena pokok atau buluh.

Di kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, khususnya di Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Sebahagian gangguan boleh dipulihkan secara kawalan jauh *(remote switching)*, namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, yang memakan masa, terutamanya di lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh sepanjang talian dan setiap cabangnya bagi mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya mengambil masa yang panjang. Selain itu, keadaan tiang elektrik juga menjadi perhatian. Beberapa tiang berkarat atau tiang kayu yang tidak kukuh memerlukan penggantian. Maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), dan tindakan segera akan diambil termasuk penggantian tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis *spun concrete* yang lebih tahan lama.

- **Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan**

  Di kawasan Parlimen Tuaran, terdapat sebuah hospital, enam buah klinik kesihatan, 13 buah klinik desa dan dua buah klinik komuniti[20] yang berfungsi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan asas kepada penduduk setempat. Namun begitu, jumlah kemudahan kesihatan ini masih dianggap tidak mencukupi berbanding dengan keluasan kawasan dan kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Isu ini menjadi lebih ketara di kawasan kampung yang terletak jauh dari pusat perkhidmatan kesihatan, di mana akses kepada rawatan menjadi sangat mencabar. Sebagai contoh, penduduk di Kampung Sinansag menghadapi kesukaran untuk ke klinik kesihatan terdekat, terutamanya apabila jambatan utama kampung tidak dapat dilalui semasa musim hujan, sekali gus menyukarkan pergerakan ke kawasan luar. Selain itu, penduduk Kampung Ratau terpaksa menempuh jarak yang jauh untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kampung Pukak atau di klinik yang terletak di Pekan Kiulu. Kekangan ini bukan sahaja melambatkan akses kepada rawatan, malah berisiko mengancam keselamatan dan kesejahteraan penduduk sekiranya berlaku kecemasan.

  Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran telah memberi maklum balas berkenaan cabaran akses kesihatan di kawasan luar bandar Tuaran dan Kiulu termasuk permasalahan isu perkhidmatan klinik bergerak di beberapa kampung seperti Sinansag, Ratau, dan Pukak. Punca utama masalah ini ialah penamatan perkhidmatan flying doctor sejak tahun 2006 oleh Jabatan Kesihatan Negeri

[20] Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by Department of Statistics Malaysia*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024

Sabah, yang sebelum ini menyediakan rawatan menggunakan helikopter ke kawasan pedalaman. Kini, perkhidmatan bergerak hanya dilaksanakan berdasarkan permohonan daripada Ketua Kampung kepada Pejabat Kesihatan, kemudian diajukan ke peringkat negeri. Proses penyampaian rawatan melalui klinik bergerak banyak bergantung kepada Penolong Pegawai Perubatan (PPP/MA) kerana terdapat kekangan pakar perubatan, sedangkan warga emas dan OKU yang biasanya mengambil lebih daripada tiga jenis ubat memerlukan rawatan daripada doktor pakar.

Selain itu, untuk penduduk Kampung Sinansag dan Ratau, akses perkhidmatan kesihatan bergantung kepada Klinik Desa Pukak bagi ibu hamil dan kanak-kanak bawah lima tahun, manakala orang dewasa perlu ke Klinik Kiulu. Kesan daripada keadaan ini ialah akses rawatan pakar menjadi terhad, terutamanya bagi warga emas, OKU, dan pesakit kronik, sekali gus menimbulkan isu kebergantungan pada klinik bergerak yang sumbernya terbatas. Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif tambahan melalui program domisiliari, di mana lawatan rumah dilakukan oleh klinik kesihatan untuk menilai keadaan pesakit berdasarkan faktor ekonomi, sosial, serta tahap keseriusan penyakit. Kelompok fokus dalam isu ini termasuk penduduk luar bandar, khususnya warga emas, OKU, ibu hamil, dan kanak-kanak kecil, yang menghadapi cabaran besar untuk mendapatkan akses kesihatan setara dengan kawasan bandar.

- **Keadaan jalan raya yang tidak baik**

  Keadaan jalan raya yang tidak baik di kawasan Parlimen Tuaran, khususnya di daerah kecil Tamparuli dan Kiulu, merupakan satu isu utama yang membimbangkan penduduk setempat. Banyak laluan utama dan jalan kampung dilaporkan berlubang dan rosak teruk, menyebabkan kesulitan kepada pengguna jalan raya terutamanya ketika musim hujan. Selain itu, terdapat juga jalan-jalan kampung yang masih belum berturap dan mempunyai cerun yang curam, seperti yang berlaku di Kampung Sinansag. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan pergerakan harian penduduk, malah turut membahayakan keselamatan, terutamanya bagi pelajar sekolah dan petani yang bergantung kepada laluan tersebut untuk ke sekolah dan menghantar hasil pertanian ke pekan berhampiran. Kekurangan penyelenggaraan dan kelewatan dalam menaik taraf jalan telah menimbulkan rungutan berterusan daripada komuniti, yang berharap agar pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

  Jabatan Kerja Raya Tuaran sangat mengambil berat permasalahan ini dan telah mengambil tindakan mengenai permasalahan ini. Menurut wakil jabatan ini, proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai

permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh.

- **Kekurangan fasiliti kampung**

  Terdapat kekurangan infrastruktur asas di beberapa kawasan kampung, khususnya berkaitan penyediaan lampu jalan. Sebagai contoh, Kampung Sinansag tidak mempunyai sebarang kemudahan lampu jalan. Sementara itu, walaupun lampu jalan telah dipasang di Kampung Nongkolud, Kampung Giling Tengah dan beberapa kawasan kampung di Mukim Topokon, kemudahan tersebut tidak berfungsi dengan baik. Ketiadaan atau kerosakan lampu jalan ini menimbulkan risiko keselamatan, terutamanya kepada pengguna jalan raya pada waktu malam. Hal ini menjadi lebih membimbangkan kerana terdapat jalan yang sering dilalui oleh haiwan ternakan seperti kerbau. Terdapat insiden di mana pemandu terlanggar kerbau disebabkan keadaan jalan yang gelap dan tidak sempat mengelak, sekali gus menunjukkan keperluan mendesak untuk pembaikan serta penyelenggaraan lampu jalan demi keselamatan komuniti setempat.

  Pihak berkaitan, termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) Tuaran dan Sabah Electricity, telah memberi maklum balas berhubung permasalahan lampu jalan. Menurut Jabatan Kerja Raya Tuaran, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa membuat penilaian tahunan untuk memasang lampu jalan di kawasan yang gelap, khususnya di jalan-jalan yang berada di bawah seliaan JKR. Proses ini melibatkan pengukuran dan sebut harga bagi pelaksanaan pemasangan lampu. Namun, pelaksanaan secara menyeluruh menghadapi kekangan kos yang tinggi, menyebabkan hanya beberapa kawasan tertentu dapat dipasang lampu, manakala jalan lain, termasuk jalan Sinansag yang masih berstatus gravel, masih gelap dan belum dilengkapi lampu jalan walaupun pihak JKR telah mengambil maklum dan merancang tindakan lanjut.

Manakala menurut wakil Sabah Electricity lampu jalan di kampung-kampung diuruskan oleh Sabah Electricity (SE). Pihak Unit Perancangan Pembangunan Masyarakat (UPPM) sentiasa memantau keperluan pembaikan lampu sedia ada dan menyalurkannya kepada SESB untuk tindakan lanjut. Bagi projek lampu jalan baru, ia dikendalikan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKDW) melalui program berkala yang dikeluarkan setiap beberapa tahun. Pada masa ini, terdapat satu pakej projek lampu jalan yang sedang dibincangkan di Grandis Hotel, Kota Kinabalu, tetapi proses tender masih belum dijalankan. Pihak UPPM dimaklumkan dan bersedia memantau pelaksanaan sehingga siap.

Isu berkaitan keadaan jambatan di beberapa kampung dikenal pasti sebagai salah satu cabaran utama infrastruktur yang menjejaskan keselamatan dan kelancaran pergerakan penduduk setempat. Di Kampung Ratau, dua jambatan gantung utama berada dalam keadaan uzur dan tidak selamat untuk digunakan, meskipun ia merupakan laluan penting bagi penduduk menyeberangi sungai untuk menjalankan aktiviti harian seperti ke sekolah, ke kebun, atau ke tempat kerja. Di Kampung Linsuk pula, jambatan kayu yang digunakan berada dalam keadaan usang dan berisiko tinggi untuk runtuh, terutamanya ketika musim hujan. Selain itu, jambatan jenis *low-level crossing* di Kampung Sinansag kerap dinaiki air, menyebabkan gangguan pergerakan penduduk dan meningkatkan risiko keselamatan. Situasi yang lebih kritikal dapat dilihat di Kampung Lubok, di mana jambatan rendah yang dalam proses pembinaan telah dihentikan dan kini dibiarkan dalam keadaan terhakis, sekaligus mengundang bahaya kepada komuniti. Di Kampung Layan, jambatan kayu yang menghubungkan rumah-rumah atas air juga berada dalam keadaan daif dan jarang diselenggara. Penduduk terpaksa mengumpul dana secara persendirian dan mengupah tukang untuk membaiki jambatan dengan memotong kayu secara manual. Namun, kekurangan sumber kewangan menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilakukan secara berkala.

Permasalahan ini turut diambil perhatian oleh pihak Pejabat Daerah Tuaran. Menurut Penolong Jurutera Tamparuli punca utama permasalahan ini ialah ketiadaan peruntukan tetap di Pejabat Daerah untuk pembinaan dan penyelenggaraan, menyebabkan setiap permohonan JKK terpaksa dirujuk ke JK Kewangan dan hanya sebahagian kecil diluluskan. Proses pengurusan memerlukan kelulusan dan bergantung kepada bajet persekutuan atau negeri, sedangkan kos pembinaan jambatan boleh mencecah ratusan ribu hingga jutaan ringgit. Kesan yang timbul ialah kerosakan jambatan yang kerap digunakan, seperti di Labuaya, tidak dapat dibaiki dengan kerap kerana peruntukan penyelenggaraan sangat terhad, walhal jambatan tersebut menghubungkan

ramai penduduk luar bandar dengan pekan dan menjadi laluan ekonomi serta sosial penting.

Wakil Pejabat Daerah Kecil Tamparuli telah memberikan maklum balas mengenai cabaran dalam penyaluran peruntukan pembangunan daripada kerajaan persekutuan. Menurut beliau, isu utama berpunca daripada ketidakselarasan prosedur antara kementerian di peringkat persekutuan dan negeri. Kadangkala, dana ingin disalurkan terus ke Pejabat Daerah, namun Pejabat Daerah tidak mempunyai akaun rasmi kerana terikat dengan tatacara kewangan negeri yang menetapkan semua kemasukan dana perlu melalui Kementerian Kewangan dan Bendahari Negeri Sabah. Akibatnya, walaupun terdapat peruntukan daripada kementerian persekutuan, dana tidak dapat disalurkan segera kerana wujud perbezaan prosedur antara kedua-dua pihak. Sebagai langkah sementara, Pejabat Daerah hanya boleh menggunakan akaun amanah atau meminta pihak persekutuan berhubung terus dengan bendahari negeri bagi memastikan aliran dana selaras dengan tatacara kewangan. Kelemahan penyelarasan ini memberi kesan kepada kelambatan pelaksanaan projek pembangunan di daerah, menimbulkan persepsi seolah-olah Pejabat Daerah menolak peruntukan, serta meningkatkan risiko integriti jika pegawai menerima dana secara tidak sah.

Jadual 17. Ringkasan Isu 5

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan 2. Gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang dan risiko keselamatan 3. Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan 4. Keadaan jalan raya yang tidak baik 5. Kekurangan fasiliti kampung
Cadangan	1. Pengedaran tangki simpanan air di rumah-rumah dan pemasangan sistem tadahan air hujan di kawasan yang sering terputus bekalan. 2. Pemasangan lampu solar di kawasan kritikal (laluan utama kampung dan sekitar rumah) sebagai alternatif sementara. 3. Latihan asas kesihatan kepada sukarelawan tempatan sebagai “penjaga kesihatan komuniti”.

	4. Pembangunan struktur serba guna bersifat modular (seperti kabin mudah alih) untuk kegunaan sementara balai raya, pusat komuniti atau ruang aktiviti penduduk.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg. Sinansag, Kg Ratau, Kg. Lubok, Kg. Kindu, Kg. Layan, Kg. Nongkolud, Kg. Giling Tengah, Kg. Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
Matlamat 3: Kehidupan sihat dan sejahtera	Sasaran 3.1: Mengurangkan kematian bersalin Sasaran 3.6: Mengurangkan kecederaan dan kematian jalan raya Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.1: Air minuman yang selamat dan berpatutan Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air Sasaran 6.b: Menyokong penglibatan tempatan dalam pengurusan air dan sanitasi
Matlamat 7: Tenaga bersih dan mampu milik	Sasaran 7.1: Akses sejagat terhadap tenaga moden Sasaran 7.3: Gandakan peningkatan kecekapan tenaga
Matlamat 9: Industry, inovasi dan infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif Sasaran 9.4: Menaik taraf semua industri dan infrastruktur untuk kemampanan
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.1: Perumahan yang selamat dan mampu milik

	Sasaran 11.2: Sistem pengangkutan yang berpatutan dan mampan Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 18. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Implementing a Community Zero Waste program in Kg Gerinsing, Tuaran, Sabah	Transformasi Ekonomi Desa Melalui Agropreneur Cendawan & Latihan Kemahiran Hijau	Agrointegrasi : Meningkatkan Pendapatan melalui Pisang dan Ikan Keli
SDG Berkaitan	SDG 1, 5, 8, 10	SDG 3, 11, 12, 13	SDG 3, 4, 8, 10
Objektif	• Menubuhkan sistem pengurusan sisa komuniti yang mampan di Kg. Gerinsing berasaskan prinsip sifar sisa. • Meningkatkan kapasiti masyarakat melalui latihan dan penglibatan aktif dalam pengasingan, pengkomposan, dan pengurusan kemudahan MRF. • Mengurangkan pencemaran alam sekitar dan risiko kesihatan melalui pengurangan pembuangan terbuka dan pembakaran sisa.	• Memperkasa komuniti luar bandar Tamparuli (belia, wanita B40, usahawan kecil, dan petani) melalui agro-industri cendawan yang mampan. • Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal peserta dalam penanaman, pemprosesan, serta kawalan iklim berasaskan teknologi AI. • Mengembangkan peluang pasaran dan mewujudkan model perniagaan koperasi yang berdaya tahan untuk pembangunan luar bandar berasaskan komuniti.	• Memperkasa ahli koperasi Kiulu melalui peningkatan kemahiran dalam penanaman pisang dan penternakan ikan keli yang mampan. • Menggalakkan amalan pertanian organik serta memperkukuh daya tahan ekonomi komuniti melalui pelbagai sumber pendapatan. • Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan untuk memastikan sokongan teknikal, pemasaran, dan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			kemampanan jangka panjang.
Hasil Jangkaan	• Terbentuknya sistem pengurusan sisa komuniti sifar sisa yang beroperasi di Kg. Gerinsing, dengan penglibatan JKKK dan masyarakat setempat. • Peningkatan tahap kesihatan dan kebersihan persekitaran melalui pengurangan pencemaran akibat pembuangan terbuka dan pembakaran sampah.	• Penubuhan Pusat Latihan Komuniti Hijau-Biru dan asas Hab Cendawan Borneo yang berdaya saing. • Peningkatan pendapatan peserta melalui pengeluaran cendawan eksotik bernilai tinggi dan produk nilai tambah, disokong oleh model koperasi serta akses pasaran yang lebih kukuh.	• Peningkatan hasil pertanian pisang dan ternakan ikan keli dengan kualiti lebih baik serta pasaran yang lebih luas. • Terwujudnya komuniti koperasi yang berdaya tahan dengan aliran pendapatan pelbagai, disokong oleh amalan pertanian organik dan kerjasama kukuh bersama agensi.
Organisasi	• Zero Waste Sabah	• Allyssa Certification Sdn Bhd	• Koperasi Tuaran Aspirasiku Berhad
Aktiviti	• Menjalankan tinjauan garis dasar, penilaian sisa, dan latihan WABA. • Melaksanakan latihan berfokus kepada kesedaran sifar sisa, pengasingan, pengkomposan, dan sistem pengurusan komuniti. • Membentuk pasukan petugas,	• Penglibatan Komuniti: Taklimat, mobilisasi, pemilihan peserta. • Pembinaan Kapasiti: Latihan penanaman cendawan, penyediaan medium, pembinaan rumah cendawan, pengenalan spesies, kawalan iklim AI, dan	• Latihan penternakan ikan keli, penanaman pisang, pembuatan pelet ikan, serta amalan pertanian mampan. • Dua lawatan tapak (ladang ikan dan pisang), sesi penyelesaian masalah, dan pengumpulan data untuk menilai prestasi.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	menubuhkan MRF, melaksanakan kempen kesedaran, serta menyediakan pelan pengurusan sisa dan jadual pengumpulan.	pemprosesan produk. • Pembangunan Pasaran: Penglibatan dengan pasaran, pembentukan komuniti agro, dan perancangan perniagaan. • Penutupan: Peningkatan produk dan forum akhir.	• Taklimat bersama FAMA dan agensi lain, perbincangan mengenai strategi pemasaran dan kelestarian projek. • Penilaian akhir projek dan majlis penutup bagi mengiktiraf pencapaian peserta.
Jumlah (RM)	• RM40,000	• RM40,000	• RM40,000
Lokasi	• Kg. Gerinsing, Tuaran	• Kg Rongolis, Tamparuli, Tuaran	• Kiulu, Tuaran
Tempoh	• 3 bulan dan 6 bulan pemantauan	• 3 bulan dan 6 bulan pemantauan	• 3 bulan dan 6 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 22, no. 1 (2021).

"Banjir Kilat di Tuaran: 12 Penduduk Dipindahkan." *Berita Harian*, June 8, 2024. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1254721/banjir-kilat-di-tuaran-12-penduduk-dipindahkan.

Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia.* Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, February 2022.

Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia.* Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024.

Hasrul Wayne. "20 Aktiviti Tempat Menarik Di Tuaran Tamparuli Kiulu Sabah." *Melancong.my*, September 2, 2024. https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-tuaran-tamparuli-kiulu/.

Jabatan Pertanian Sabah. *Keluasan (Hektar) Tanaman Mengikut Daerah dan Kategori, Sabah, 2022.* Sabah: Jabatan Pertanian Sabah, 2022.

Sabah Fisheries Department. *Anggaran Pengeluaran Akuakultur daripada Sistem Ternakan Air Payau Mengikut Daerah, 2022, Jadual 14.2.* Sabah, Malaysia: Sabah Fisheries Department, 2022.

Media Permata. "Penduduk Mohon Projek Lebuh Raya Pan Borneo Dipantau Elak Jadi Punca Banjir." June 5, 2024. https://mediapermata.com.bn/penduduk-mohon-projek-lebuh-raya-pan-borneo-dipantau-elak-jadi-punca-banjir/.

Harian Metro. "Najis Ternakan Babi Cemar Sungai Tamparuli." April 4, 2024. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076392/najis-ternakan-babi-cemar-sungai-tamparuli.

Media Permata. "JPAS Siasat Dakwaan Sungai Tuaran Tercemar." April 8, 2024. https://mediapermata.com.bn/jpas-siasat-dakwaan-sungai-tuaran-tercemar/.

Sinar Harian. "Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran Dilanda Banjir Kilat." November 6, 2021. https://www.sinarharian.com.my/article/162526/edisi/kota-kinabalu-penampang-tuaran-dilanda-banjir-kilat.

Parlimen Malaysia. "YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau." Last modified December 12, 2024. https://www.parlimen.gov.my/portal/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4209

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.173 Putatan

Disediakan oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **236 - 254**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **259-264**
1.1 Geografi/Topografi 259
1.2 Komposisi Penduduk 260
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 261
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 262

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **265 – 268**
2.1 Pendekatan Kajian 265
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 266
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 267
2.4 Keterbatasan Kajian 268

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **269 – 283**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **284 – 353**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 284
4.2 Pengutamaan Isu 332

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **354**

6.0 RUJUKAN **357**

P.173 PUTATAN

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.173 Putatan

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PUTATAN, YB DATUK IR. SHAHELMEY YAHYA

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

02 Mac - 04 Mac 2025
28 April 2025

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Kg. Torong Logong, Pulau Gaya
2. FGD 2: Komuniti Kg. Sembulan Lama
3. FGD 3: Komuniti Kg. Tg Aru Lama

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti Kg. Serigai
5. FGD 5: Komuniti Kg. Dumpil Keramat
6. FGD 6: Komuniti Kanaan Home

HARI 3

7. FGD 7: Komuniti Kg. Meruntum
8. Lawatan Tapak 1: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tanjung Aru

HARI 4

9. FGD 9: Komuniti Kg. Lok Bonu
10. FGD 10: Komuniti Kg Ulu Putatan
11. FGD 11: Komuniti Kg Talang Taun

PASUKAN PENYELIDIK

MC JEANET LEMPISIK
(Ketua Penyelidik)

NURRUL FAZLINA OSMAN



NUR RAHMAH OTHMAN

NOR AMIRUL PUKIN

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 2 - 4 MAC & 28 APRIL 2025 (AHAD-SELASA & ISNIN)

01

12 Disember 2024
Mesyuarat Awalan

02

19 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03

03 Januari 2025
Mesyuarat Susulan 1

04

13 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

05

10 Februari 2025
Mesyuarat Susulan 2

06

02 Mac 2025
FGD 1: Komuniti Kg. Torong Logong, Pulau Gaya

07

02 Mac 2025
FGD 2: Komuniti Kg. Sembulan Lama

08

02 Mac 2025
FGD 3: Komuniti Kg. Tg Aru Lama

09

03 Mac 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Serigai

10

03 Mac 2025
FGD 5: Komuniti Kg. Dumpil Keramat

11

03 Mac 2025
FGD 6: Komuniti Kanaan Home

12

04 Mac 2025
FGD 7: Komuniti Kg. Meruntum

13

04 Mac 2025
FGD 8: Komuniti Kg. Muhibbah

14

04 Mac 2025
Lawatan tapak 1: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tanjung Aru

15

28 April 2025
FGD 9: Komuniti Kg. LOK BONU

16

28 April 2025
FGD 10: Komuniti Kg. ULU PUTATAN

17

28 April 2025
FGD 11: Komuniti Kg. TALANG TAUN

12 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah diadakan bersama YB Datuk Ir. Shahelmey, Ahli Parlimen Putatan, dengan penglibatan pegawai-pegawai dari pejabat YB, serta wakil dari APPGM-SDG, Fazlina dan Dr. Teo Lee Ken. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan pemetaan isu dan penglokalan SDG di Putatan. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada kerjasama strategik dan sokongan berterusan bagi memastikan pelaksanaan pemetaan isu berjalan dengan lancar dan efektif.

19 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi mesyuarat profiling bagi Parlimen Putatan telah dijalankan di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Putatan untuk mendapatkan profil tempatan dan mengenalpasti isu-isu setempat. Sesi ini telah dihadiri oleh Fazlina, Janet, Fatimah dan Amirul manakala dari pihak Parlimen P173 Putatan ialah En. Junaidi (Pegawai Urus Kanan Parlimen P173), En. Alex (Pengerak Operasi), Cik Erra (Penyelia Pentadbiran), En. Yunos (Penyelia Operasi). Antara isu awalan yang diperolehi semasa sesi ini ialah kekurangan bekalan air, isu setinggan disebabkan oleh harga rumah yang tinggi dan perumahan PPR yang tidak mencukupi, isu kebersihan, dan isu infrastuktur (ketiadaan ibu pejabat polis dan klinik kesihatan yang tidak menampung).

03 JANUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN 1

Fazlina, Janet, Fatimah dan Amirul telah menghadiri mesyuarat susulan bersama Pegawai Urus Kanan MP 173 Putatan En Junaidi, Pegawai Pengerak Operasi En Alex dan Cik Erra Penyelia Pentadbiran di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P173 Putatan. Mesyuarat ini telah bertujuan untuk mengenalpasti tempat-tempat lawatan tapak dan menetapkan tarikh bagi pemetaan isu Parlimen Putatan.

13 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Jeanet, Fazlina dan Amirul telah membuat satu mesyuarat pra-lawatan ke Pejabat Daerah Putatan yang dihadiri oleh Tuan Masawi (Pegawai Daerah Putatan), Tuan Mohamad Ikram (ADOK), Tuan Mohd Hafiz (ADOD), Puan Noor Fazielah (AA) dan Tuan Awang Musa (ADDO). Perbincangan ini telah mendapat sokongan penuh Pejabat Daerah Putatan untuk menjalankan pemetaan isu di kawasan Putatan. Interagensi dialog dianggarkan akan berjalan 1 minggu selepas sesi lawatan tapak 3 hari.

10 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN 2

Satu mesyuarat susulan bagi pemetaan isu di Parlimen Putatan telah diadakan dengan kehadiran wakil-wakil dari Parlimen Putatan, termasuk En. Junaidi (Pegawai Khas Kanan MP173), En. Alex (Pegawai Penggerak Operasi P173), Cik Erra (Penyelia Pentadbiran), En. Syed Arizal (UPPM N24 Tanjung Keramat), En. Sani (UPPM N22 Tanjung Aru), En. Rahmat Nasip (UPPM N22 Tanjung Aru), dan Cik Dayang Nur Aqilah (UPPM N23 Petagas). Turut hadir mewakili APPGM-SDG ialah Janet dan Aisyah (*Local Coordinator* Lahad Datu). Mesyuarat ini bertujuan untuk menetapkan tarikh dan lokasi lawatan tapak yang akan dijalankan. Hasil perbincangan, lawatan tapak dijadualkan pada 2 hingga 4 Mac 2025.

FGD 1: KOMUNITI KG. TORONG LOGONG, PULAU GAYA

FGD 1 telah melibatkan komuniti Kg. Torong Logong. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** isu perkampungan seluruh Pulau Gaya terutama Kg Torong Logong belum diwartakan sebagai gazet kampung mewujudkan "insecurity" kepada penduduk kampung; **(2)** penyaluran sumber air yang dikawal oleh pihak ketiga mewujudkan isu ketidakpercayaan dalam kalangan penduduk kerana pembayaran air tetap dikutip tetapi air tidak dibekalkan; **(3)** masalah sampah yang tidak terkawal setelah air pasang; **(4)** ancaman babi hutan dan monyet liar yang masuk ke rumah dan mengganggu kesejahteraan; **(5)** tiada pertubuhan berkaitan penduduk yang menyatukan komuniti secara berdaftar; **(6)** isu keselamatan pelajar sekolah yang terpaksa berjalan kaki berkilometer jauhnya dan ibu pelajar terpaksa berkampung di jeti sekolah demi mengurangkan risiko. Kos kewangan yang tinggi diperlukan jika kerap menggunakan jalan air; **(7)** suri rumah menghadapi keterbatasan dalam menjana pendapatan sendiri dan hanya bergantung kepada pendapatan suami; dan **(8)** kehadiran haiwan ternakan (lembu, sapi, kambing) dibiarkan berkeliaran menimbulkan masalah kebersihan dan pencemaran bau.

FGD 2: KOMUNITI KG. SEMBULAN LAMA

FGD 2 telah diadakan bersama komuniti Kg. Sembulan Lama. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** gangguan bekalan air yang berterusan; **(2)** kesukaran dalam permohonan bekalan elektrik yang tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Tanah; **(3)** kekurangan rumah PPRT untuk penduduk yang memerlukan; **(4)** isu dokumentasi di mana tiga adik-beradik tempatan tidak mempunyai kad pengenalan; **(5)** haiwan liar seperti biawak yang berkeliaran di kawasan perumahan setinggan; **(6)** status tanah di pesisir Sungai Sembulan yang belum diwartakan sebagai kawasan perkampungan, menyukarkan penduduk mewarisi rumah dan tanah mereka; **(7)** keperluan tambahan rumah PPR/PPRT untuk orang yang memerlukan dan penduduk yang berpotensi dipindahkan dari kawasan setinggan; **(8)** pencemaran sampah yang kadang kala berlaku disebabkan sikap manusia; **(9)** prosedur rumit dalam memohon penyambungan bekalan elektrik di kawasan setinggan; dan **(10)** kes denggi yang pernah berlaku, namun keadaan kini agak terkawal.

FGD 3: KOMUNITI KG. TG ARU LAMA

FGD 3 telah diadakan bersama komuniti Kg. Tg Aru Lama. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan perumahan setinggan menyebabkan kenderaan menghalang laluan dan menyukarkan pergerakan DBKK dalam kutipan sampah; **(2)** jambatan di kawasan perumahan sering rosak akibat beban motosikal yang berlebihan, menyebabkan struktur jambatan cepat rosak; **(3)** pembinaan rumah sewa yang tidak mengikut prosedur, disewakan kepada bukan penduduk tempatan, meningkatkan risiko kebakaran akibat struktur yang tidak selamat; **(4)** catuan elektrik yang tidak konsisten di blok-blok tertentu walaupun dalam kampung yang sama; **(5)** kesukaran dalam mendapatkan lesen PBT untuk peniaga kecil, menghalang mereka daripada menjalankan perniagaan secara sah; **(6)** kesukaran mendapatkan bantuan atau geran kerana tiada lesen PBT; **(7)** kurang kesedaran terhadap kebersihan persekitaran, di mana sampah dibuang ke laut atau bawah rumah; **(8)** longgokan sampah di tempat yang dikhaskan, menyukarkan DBKK mengambil sampah pada masa yang ditetapkan; **(9)** kawasan lapang yang terhad, menyukarkan penduduk meletakkan kenderaan, mengundang pergaduhan dan kerosakan harta benda; dan **(10)** isi rumah yang ramai dan sempit, menjadikan keadaan kehidupan lebih mencabar bagi penduduk kampung.

FGD 4: KOMUNITI KG. SERIGAI

FGD 4 telah diadakan bersama komuniti Kg. Serigai. Antara isu yang diutarakan dalam sesi ini adalah: **(1)** kemasukan pendatang asing yang tidak terkawal menyebabkan pertambahan kawasan setinggan, yang bukan sahaja menjejaskan pembangunan dan perancangan bandar tetapi juga memberi kesan kepada infrastruktur serta keselamatan penduduk setempat; **(2)** tiada lokasi yang sesuai untuk pembinaan rumah sampah menyebabkan kesukaran dalam pengurusan sisa pepejal di kampung, yang akhirnya mencetuskan masalah pencemaran dan persekitaran yang tidak bersih; **(3)** ruang meletak kenderaan yang terhad menyebabkan ramai penduduk terpaksa melakukan 'double park', yang sering kali mencetuskan pergaduhan dan ketegangan dalam komuniti; **(4)** penduduk sering mengalami gangguan bekalan air akibat penyambungan haram oleh pendatang tanpa izin (PTI). Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan tekanan air bagi penduduk tempatan tetapi juga menjejaskan keperluan asas harian mereka; **(5)** pembinaan rumah di kawasan rezab perparitan telah menjejaskan sistem saliran di kampung, menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir ketika hujan lebat; **(6)** penduduk yang terlibat dalam pengambilan tanah hanya menerima pampasan antara RM9,000 hingga RM50,000, jumlah yang dianggap tidak mencukupi untuk membina rumah baharu, menyebabkan kesulitan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal; **(7)** sampah sering dibakar secara terbuka, mencemarkan udara dan menjejaskan kesihatan penduduk. Selain itu, sebahagian sampah dibawa lari oleh anjing liar, menyebabkan persekitaran menjadi lebih kotor. Ketiadaan stesen pembuangan sampah menambah lagi masalah ini; **(8)** penyambungan elektrik yang tidak teratur dan dilakukan secara haram oleh sesetengah pihak meningkatkan risiko kebakaran dan renjatan elektrik, mewujudkan bahaya kepada penduduk terutama kanak-kanak; **(9)** anjing liar semakin mengancam keselamatan penduduk, khususnya pelajar sekolah yang berjalan kaki ke sekolah. Selain itu, terdapat peningkatan penampakan buaya di kawasan kampung, namun tindakan pihak berkuasa tidak konsisten, menyebabkan kebimbangan dalam kalangan penduduk; **(10)** penduduk yang layak menerima bantuan kebajikan sering kali menghadapi kesukaran apabila permohonan mereka tidak mendapat maklum balas daripada pihak berwajib, menyebabkan mereka terus berada dalam kesusahan; dan **(11)** sebanyak lebih 60 rumah bakal dirobohkan untuk pembinaan sistem perparitan. Pampasan tunai diberikan berdasarkan keluasan rumah, namun jumlahnya masih dianggap tidak mencukupi oleh penduduk yang akan kehilangan tempat tinggal.

FGD 5: KOMUNITI KG. DUMPIL KERAMAT

FGD 5 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Dumpil Keramat. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** pembuangan sampah ke dalam sungai mencemarkan bau dan pemandangan, ditambah dengan sampah hanyut ketika air pasang yang menjejaskan kebersihan kampung. Usaha pengurusan sampah seperti kutipan RM10 dan penyewaan lori ro-ro kurang berkesan kerana kurangnya kerjasama penduduk. Kesedaran kebersihan dalam kalangan penduduk juga masih rendah; **(2)** kehadiran PATI yang semakin meningkat membawa risiko keselamatan, terutama dengan pembinaan rumah di kawasan perparitan serta penyambungan elektrik dan air secara haram dengan kebenaran penduduk tempatan. Ancaman haiwan seperti anjing liar terhadap pejalan kaki dan pelajar sekolah, serta penampakan buaya, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk; **(3)** tanah kampung masih berstatus rizab kerajaan dan belum digazetkan, menyebabkan kesukaran mendapatkan bantuan. Selain itu, terdapat individu yang menjual tanah kerajaan untuk keuntungan peribadi. Ketiadaan fasiliti rekreasi memaksa penduduk menggunakan jalan raya sebagai tempat riadah, meningkatkan risiko kemalangan; **(4)** balai raya kampung berada dalam keadaan daif, tidak diselenggara, dan tiada kipas, menjadikannya kurang selesa untuk kegunaan penduduk. Selain itu, tiada aktiviti pembangunan komuniti atau kursus yang dianjurkan, serta tiada gerai kecil yang boleh membantu menjana ekonomi penduduk; dan **(5)** kurangnya pendedahan terhadap dasar dan inisiatif kerajaan menyukarkan penduduk mendapatkan maklumat penting. JPKK yang dilantik bukan penduduk kampung dan tidak turun padang, menyebabkan kesukaran dalam penyampaian aduan dan urusan pentadbiran kampung.

FGD 6: KOMUNITI KANAAN HOME

FGD 6 telah berlangsung bersama komuniti Kanaan Home. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: Antara isu dan cabaran yang diutarakan ialah: **(1)** kurangnya kursus dan penyedia latihan menyebabkan kekurangan caregiver yang berkemahiran dalam penjagaan warga emas. Keadaan ini menyukarkan proses mendapatkan staf tempatan yang mahir, terutama dalam mengurus warga emas yang uzur dan sakit; **(2)** permintaan terhadap pusat penjagaan warga emas semakin meningkat. Namun, kekurangan kemudahan yang memenuhi keperluan agama dan budaya masih menjadi cabaran utama; **(3)** rumah jagaan warga emas menghadapi kesukaran mendapatkan tenaga kerja mencukupi kerana perlu mematuhi dasar kerajaan, termasuk pembayaran gaji minimum. Sedangkan, operasi rumah jagaan memerlukan tenaga kerja sepanjang masa; dan **(4)** kursus dan latihan dalam bidang penjagaan warga emas perlu diperbanyak, khususnya di Sabah, bagi melahirkan tenaga kerja berkualiti dan memenuhi permintaan sektor ini.

FGD 7: KOMUNITI KG. MERUNTUM

Antara isu yang telah dibangkit di Kg. Meruntum termasuk; (1) ketiadaan lokasi pembuangan sampah yang strategik serta kekurangan tong sampah khas; (2) gangguan bekalan air berlaku tanpa notis rasmi dan kapasiti bekalan tidak mencukupi; **(3)** kawasan gelanggang sukan digunakan sebagai tempat letak kenderaan dan lokasi program komuniti; **(4)** struktur jambatan ke rumah setinggan tidak kukuh dan berisiko tinggi; **(5)** kepadatan penduduk tinggi dengan satu rumah didiami oleh beberapa keluarga; **(6)** lambakan pendatang tanpa izin yang mendirikan rumah di atas air semakin tidak terkawal; **(7)** peningkatan jumlah anjing liar yang mengancam keselamatan penduduk; **(8)** kes demam denggi berulang sehingga tiga kali setahun; **(9)** pokok besar yang tidak diselenggara mengancam keselamatan penduduk; **(10)** sebahagian penduduk masih menghadapi masalah dokumentasi pengenalan diri; **(11)** kekurangan kawasan tempat letak kenderaan menyebabkan kesesakan; **(12)** ketiadaan jejantas penghubung bagi pejalan kaki dan penunggang motosikal.

FGD 8: KOMUNITI KG. MUHIBBAH

FGD 8 telah berlangsung bersama komuniti Kg Muhibbah Antara isu yang telah diutarakan termasuk: Antara isu dan cabaran yang diutarakan ialah: **(1)** kepadatan penduduk yang tinggi menyebabkan satu rumah didiami oleh dua hingga tiga keluarga; **(2)** pembuangan sampah oleh penduduk luar membebankan sistem pengurusan sisa dan mencetuskan masalah kebersihan; **(3)** jeti nelayan yang daif tidak mampu menampung keperluan bot dan perahu; **(4)** sebilangan nelayan tidak dilibatkan dalam aktiviti komuniti oleh pihak kepimpinan tempatan; **(5)** proses pendaftaran lesen bot menyulitkan kerana nelayan perlu hadir sendiri ke jabatan berkaitan; **(6)** sistem perparitan yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan banjir setiap kali hujan lebat; **(7)** sebahagian kawasan di Kampung Muhibbah tidak diwartakan sebagai kawasan perkampungan, menyebabkan status tanah tidak jelas; **(8)** Ketiadaan program keusahawanan sejak pandemik COVID-19 menyukarkan peningkatan taraf ekonomi penduduk; **(9)** peningkatan populasi anjing liar menimbulkan ancaman keselamatan penduduk; **(10)** kemunculan buaya di kawasan kampung semakin kerap dan mengancam keselamatan penduduk; **(11)** ketiadaan pertubuhan komuniti wanita atau persatuan penduduk yang berdaftar menyukarkan advokasi dan pembangunan masyarakat; **(12)** golongan belia kurang berminat menyertai aktiviti anjuran pihak berkuasa tempatan; **(13)** keperluan terhadap perumahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) semakin mendesak; dan **(14)** kenaikan harga barangan keperluan asas tidak sejajar dengan pendapatan penduduk.

LAWATAN TAPAK 1: PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) TANJUNG ARU

Lawatan tapak yang telah dijalankan telah mendapati pusat ini menampung seramai 45 pelajar berusia antara 3 hingga 7 tahun, dengan 90% daripadanya merupakan kanak-kanak autisme. PDK ini dikendalikan oleh lapan orang staf yang menjalankan aktiviti pemulihan bagi pelajar. Namun, pusat ini menghadapi beberapa cabaran utama, antaranya ialah kadar elaun staf yang rendah, iaitu hanya RM300 sebulan, yang tidak setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab mereka. Selain itu, kejadian kecurian serta pencerobohan oleh pendatang tanpa izin (PTI) turut menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan.

FGD 9: KOMUNITI KG. LOK BONU

FGD 9 yang telah dijalankan bersama komuniti Kg Lok Bonu telah mengenal pasti beberapa isu utama yang membelenggu kehidupan harian penduduk. Antaranya termasuk **(1)** masalah banjir yang kerap berlaku akibat ketiadaan sistem perparitan terancang, menyebabkan air bertakung dan merosakkan harta benda penduduk. Selain itu, penduduk turut berdepan dengan **(2)** gangguan bekalan air yang berpanjangan, memaksa mereka berjaga malam untuk mengumpul air bagi kegunaan harian. Gangguan elektrik yang kerap dan tanpa notis turut menyebabkan kerosakan kepada peralatan elektrik di rumah-rumah penduduk, sekali gus meningkatkan beban kos.

Selain itu, **(3)** ketiadaan sistem pengurusan sampah yang tersusun memaksa penduduk membawa sampah ke pekan berhampiran untuk dilupuskan. Komuniti juga berdepan kekangan prasarana seperti **(4)** ketiadaan balai raya yang memaksa mereka menggunakan rumah ketua kampung untuk aktiviti komuniti. **(5)** Lampu jalan yang tidak berfungsi pula menimbulkan risiko keselamatan pada waktu malam. Tambahan pula, **(6)** kesesakan tempat letak kereta di Klinik Kesihatan Putatan turut menjejaskan pergerakan dan keselamatan penduduk kampung berdekatan. Secara keseluruhan, isu-isu ini menuntut perhatian segera bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan komuniti Kg Lok Bonu.

FGD 10: KOMUNITI KG. ULU PUTATAN

FGD 10 telah dijalankan bersama komuniti Kg Ulu Putatan. Antara isu yang diutarakan ialah **(1)** Isu perumahan menjadi kebimbangan utama apabila permohonan rumah PPR yang dikemukakan selama bertahun masih belum diluluskan, memaksa ramai menyewa dengan kos tinggi. Dalam sektor ekonomi, **(2)** usahawan kecil kekurangan modal dan ruang niaga, manakala **(3)** nelayan pula mengalami kemerosotan pendapatan akibat kekurangan peralatan moden. **(4)** Ketiadaan akses internet sejak penamatan program Kampung Tanpa Wayar turut membataskan peluang pembelajaran dan ekonomi digital, terutamanya bagi golongan muda. Tambahan pula, **(5)** tiada ruang riadah, kemudahan sukan, atau program khas untuk warga emas dan wanita menyebabkan penglibatan komuniti dalam pembangunan sosial menjadi terhad.

Dari segi kemudahan asas dan persekitaran, penduduk berdepan dengan **(6)** masalah pembuangan sampah kerana tiada tong disediakan, manakala tong sedia ada pula sering disalah guna oleh pihak luar. **(7)** Kekurangan lampu jalan menimbulkan risiko keselamatan, terutamanya pada waktu malam. Isu lain termasuk **(8)** banjir akibat projek tebatan yang tidak berkesan, **(9)** jalan raya yang masih belum berturap, dan **(10)** tempat letak kenderaan yang terhad sehingga menimbulkan konflik sesama penduduk. Selain itu, **(11)** populasi anjing liar yang mengancam keselamatan dan kebersihan kampung turut menjadi kebimbangan. Kampung ini juga **(12)** tidak mempunyai balai raya atau dewan rasmi, menyukarkan pelaksanaan aktiviti komuniti secara terancang dan konsisten.

FGD 11: KOMUNITI KG. TALANG TAUN

FGD 11 telah dijalankan bersama komuniti Kg Talang Taun. Antara isu yang diutarakan ialah **(1)** masalah banjir kilat akibat kedudukan kampung di kawasan rendah serta sistem perparitan dan pembentungan yang tidak sistematik. Selain itu, **(2)** gangguan bekalan air yang kerap dan berkualiti rendah menjejaskan keperluan asas harian, manakala **(3)** ketiadaan tapak pelupusan sampah serta jalan sempit menyukarkan pengurusan sisa. Kampung ini juga **(4)** tidak memiliki balai raya, menyukarkan pelaksanaan program sosial dan mesyuarat penduduk. **(5)** Jalan yang rosak dan sempit pula meningkatkan risiko keselamatan, terutama pada waktu malam atau musim hujan.

Dari aspek sosial dan pentadbiran, **(6)** status kampung yang masih belum digazet mengundang ketidakpastian dalam kalangan penduduk untuk terlibat dalam pembangunan jangka panjang. **(7)** Komposisi penduduk yang majoritinya pesara menuntut perhatian terhadap keperluan warga emas serta mencabar pelaksanaan aktiviti komuniti yang memerlukan tenaga kerja aktif. Tambahan pula, **(8)** isu keselamatan seperti kecurian menimbulkan kebimbangan, walaupun rondaan polis telah dilakukan. **(9)** Lantikan ketua kampung dan ahli JKKK secara politik turut menjejaskan kepercayaan serta semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk, sekali gus melemahkan pengurusan dan pembangunan komuniti.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.173 Putatan

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Seputeh
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Seputeh
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 14	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 15	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 11
Jadual 16	Ringkasan Isu 1
Jadual 17	Ringkasan Isu 2
Jadual 18	Ringkasan Isu 3
Jadual 19	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 3	Gambar pasukan penyelidik bersama Ketua Pelatih PDK Tanjung Aru
Rajah 4	Taklimat dan perkongsian oleh Ketua Pelatih Tanjung Aru kepada pasukan penyelidik
Rajah 5	Keadaan tempat meletak kenderaan di depan klinik kesihatan yang penuh
Rajah 6	Keadaan Klinik Kesihatan Putatan yang padat
Rajah 7	Pintu utama Klinik Kesihatan Putatan
Rajah 8	Ruang menunggu di dalam Klinik Kesihatan Putatan

Senarai Singkatan

SDG	Sustainable Development Goals
FGD	Focus Group Discussion
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahan Kecil dan Sederhana
KK	Klinik Kesihatan
KD	Klinik Desa
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran

1.0 PENGENALAN

Pada asalnya, Putatan berada di bawah pentadbiran Daerah Penampang. Melalui Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1997, Putatan telah diberi status sebagai Daerah Kecil Gred V dan berstatus pekan dalam Daerah Penampang. Seterusnya, pada 18 Mac 1997, Putatan telah diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah daerah kecil. Kemudian, melalui Warta Kerajaan Tambahan Kedua Jilid bertarikh 30 Ogos 2007, Putatan dinaik taraf kepada status daerah penuh berkuat kuasa mulai 1 Mac 2007. Akhirnya, pada 30 April 2011, Putatan telah diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah daerah penuh yang berstatus bandar[21] .

YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya

Putatan adalah sebuah daerah yang dijadikan pusat pentadbiran dalam pemerintahan Inggeris di bawah North Borneo Chartered Company pada tahun 1884 setelah berada di bawah jajahan Kerajaan Kesultanan Brunei. Putatan mendapat namanya daripada sejenis pokok yang digelar pokok Putat yang tumbuh dengan banyak di sekitar daerah Putatan. Berdasarkan cerita lisan, Putatan adalah sebuah pekan kecil yang dikenali sebagai *"Putat Town"* oleh penjajah Inggeris suatu ketika dahulu. Namun di kalangan penduduk tempatan, *"Putat Town"* dikenali sebagai Putatan atas sebab sebutan dalam dialek tempatan hinggalah ke hari ini[22].

Parlimen Putatan terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN N.22 Tanjong Aru, DUN N.23 Petagas dan DUN N.24 Tanjung Keramat. Parlimen Putatan ini telah dipertandingkan sejak tahun 2004. Ahli Parlimen pertama adalah Makin @ Marcus Mojigoh, yang telah memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Putatan selama tiga penggal sejak 2004 sehingga 2018. Manakala Ahli Parlimen kedua adalah Awang Husaini Sahari selama satu penggal dan Ahli Parlimen Putatan pada masa ini adalah YB Datuk Ir. Shahelmey Yahya, yang merupakan Timbalan Ketua Menteri III Sabah dan Menteri Kerja Raya Sabah. Beliau juga merupakan anggota Dewan Undangan Negeri Sabah untuk Tanjung Keramat.

1.1 Geografi/Topografi

Daerah Putatan terletak di pantai barat negeri Sabah, Malaysia. Ia merupakan salah satu daerah dalam bahagian pantai barat dan bersempadan dengan Kota Kinabalu di utara,

---

[21] Majlis Daerah Putatan, "Perutusan," accessed December 10, 2024, https://mdputatan.sabah.gov.my/page.php?page=perutusan&menu=INFO%20MDPTN&sub=Latar%20Belakang%20Mdptn.

[22] Wikipedia, "Putatan," accessed December 10, 2024, https://ms.wikipedia.org/wiki/Putatan.

Penampang di timur dan tenggara, serta Laut China Selatan di sebelah barat. Lokasinya yang strategik berhampiran ibu negeri menjadikannya kawasan yang pesat membangun, terutamanya dari segi perbandaran dan pembangunan infrastruktur.

Dari segi geografi, Putatan meliputi kawasan seluas kira-kira 29.7-kilometer persegi [23]. Ia mempunyai kawasan dataran rendah yang kebanyakannya digunakan untuk pembangunan perumahan, komersial dan industri ringan. Kawasan pantainya pula terdiri daripada kawasan berlumpur dan berpaya bakau yang penting bagi ekosistem pesisir serta perlindungan alam sekitar.

Topografi Putatan secara umum adalah landai, dengan ketinggian kawasan yang rendah dan tidak banyak bukit atau kawasan berbukit berbanding daerah jiran seperti Penampang atau Papar. Keadaan ini menjadikannya sesuai untuk pembangunan infrastruktur dan kawasan kediaman, namun juga terdedah kepada risiko banjir kilat semasa musim hujan, terutama di kawasan rendah dan berhampiran sungai.

Beberapa sungai kecil mengalir melalui Putatan dan menjadi saluran semula jadi saliran air hujan ke laut. Kawasan pesisir dan sistem saliran ini memainkan peranan penting dalam pengurusan sumber air dan perlindungan kawasan penempatan daripada kesan fenomena pasang surut tinggi. Putatan juga mempunyai beberapa kawasan kampung tradisional yang masih wujud di tengah-tengah pembangunan moden, memperlihatkan gabungan antara kemajuan bandar dan warisan komuniti tempatan.

1.2 Komposisi Penduduk

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Putatan

BIL	KAUM	BIL ('000)	BIL (%)
1.	Bumiputera	59.5	91.8
2.	Cina	3.9	6.0
3.	India	0.3	0.4
4.	Lain-lain	1.2	1.8
JUMLAH KESELURUHAN		64.9	100

Pada tahun 2023, jumlah penduduk di Putatan, Sabah dianggarkan seramai 70.2 ribu orang, dengan lelaki mewakili 36.8 ribu dan perempuan 33.5 ribu. Majoriti penduduk adalah warganegara Malaysia iaitu seramai 64.8 ribu orang, manakala bukan warganegara mencatatkan seramai 5.4 ribu orang. Jadual 1.2 menunjukkan pecahan

[23] Jabatan Perangkaan Malaysia, My Local Stats Putatan 2023 (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023)

dalam kalangan warganegara, Bumiputera merupakan kumpulan etnik terbesar dengan 59.5 ribu orang, diikuti oleh kaum Cina (3.9 ribu), India (0.3 ribu), dan lain-lain etnik (1.2 ribu). Ini menunjukkan bahawa masyarakat di Putatan didominasi oleh penduduk Bumiputera.

Dari segi struktur umur, penduduk berumur 15 hingga 64 tahun (golongan bekerja) merangkumi peratusan tertinggi iaitu 45.6 peratus, manakala kanak-kanak berumur 0-14 tahun mewakili 21.3 peratus dan warga emas berumur 65 tahun ke atas mencatatkan 3.2 peratus. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan pada tahun 2023 ialah 1.4 peratus, menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, kepadatan penduduk meningkat kepada 1,737 orang per kilometer persegi, menggambarkan peningkatan populasi dan potensi tekanan terhadap kemudahan dan infrastruktur tempatan jika tidak dirancang dengan baik.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kegiatan ekonomi utama di Putatan merangkumi sektor perkhidmatan, perdagangan, pertanian, dan perikanan. Sebagai sebuah daerah yang terletak berhampiran dengan Kota Kinabalu, Putatan mengalami pertumbuhan pesat dalam sektor perkhidmatan dan perdagangan, terutama melalui pembangunan perumahan, pasaraya, dan perniagaan kecil serta sederhana. Pasaraya seperti Giant dan pembangunan komersial seperti Putatan Point menjadi pusat aktiviti ekonomi setempat. Selain itu, pertanian dan perikanan tradisional masih dijalankan oleh sebahagian penduduk luar bandar, terutamanya di kawasan kampung sekitar Putatan. Aktiviti seperti penanaman padi, sayur-sayuran dan penternakan kecil menyumbang kepada ekonomi domestik. Sektor pelancongan juga menunjukkan potensi, terutama melalui lokasi-lokasi menarik di sekitar pesisir pantai dan budaya tempatan yang unik. Gabungan antara pembangunan bandar dan aktiviti ekonomi tradisional menjadikan Putatan sebagai salah satu daerah yang sedang pesat membangun di Sabah[24]

Dari segi perkhidmatan dan perdagangan, kedudukan strategik Putatan yang hampir dengan ibu negeri Sabah menjadikannya pusat pertumbuhan pesat dalam sektor perkhidmatan dan perdagangan. Pembangunan komersial seperti pasaraya dan perniagaan kecil serta sederhana telah berkembang, memenuhi keperluan penduduk tempatan dan kawasan sekitarnya. Inisiatif seperti Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang diadakan di Putatan menunjukkan komitmen kerajaan dalam membantu

[24] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Putatan: Statistik Sosioekonomi Negeri Sabah 2020*. https://www.dosm.gov.my/

meringankan kos sara hidup rakyat melalui penawaran barangan keperluan harian pada harga lebih rendah[25] [26]

Walaupun saiz daerah Putatan agak kecil, sektor pertanian tetap memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan. Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM553.07 juta dalam bajet tahun 2024 untuk sektor pertanian, perikanan, dan industri makanan bagi meningkatkan tahap sara diri negeri[27]. Selain itu, penubuhan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian atau Peladang Outlet di Kampung Meruntum, Putatan menyediakan platform bagi petani tempatan memasarkan produk mereka, sekaligus meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka[28].

Sektor perikanan juga merupakan komponen penting dalam ekonomi Putatan. Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, misalnya, mencatatkan pendaratan ikan sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2021[29] . Peningkatan infrastruktur seperti menaik taraf pasar nelayan ini memperkukuh sektor perikanan dan meningkatkan pendapatan nelayan tempatan.

Secara keseluruhannya, gabungan sektor perkhidmatan, perdagangan, pertanian, dan perikanan menjadikan Putatan sebagai daerah yang berkembang pesat dengan ekonomi yang pelbagai, memberikan manfaat kepada penduduk setempat dan menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah secara amnya.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Parlimen Putatan terletak dalam daerah Putatan, Sabah, dan merangkumi kawasan bandar yang sedang pesat membangun, perkampungan tradisional, kampung pesisir pantai serta kawasan berhampiran hutan. Kedudukan strategiknya yang berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan pusat pentadbiran negeri

[25] Parlimen Putatan Hos Program Jualan Keluarga Malaysia Pertama Peringkat Negeri Sabah," Jesselton Times, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, https://jesseltontimes.com/2021/12/04/parlimen-putatan-hos-program-jualan-keluarga-malaysia-pertama-peringkat-negeri-sabah/

[26] "KPDNHEP Sabah Lancar Program Jualan Keluarga Malaysia di Putatan," Sabah Media, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, https://sabahmedia.com/2021/12/04/kpdnhep-sabah-lancar-program-jualan-keluarga-malaysia-di-putatan/

[27] Peruntukan RM553.07 Juta Tingkat Tahap Sara Diri Tahun Ini," Sabah Media, 4 Februari 2024, diakses 7 April 2025, https://sabahmedia.com/2024/02/04/peruntukan-rm553-07-juta-tingkat-tahap-sara-diri-tahun-ini/

[28] "Ambil Peluang Disediakan Pertubuhan Peladang Negeri Sabah," Utusan Borneo, 8 Julai 2023, diakses 7 April 2025, https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/08/ambil-peluang-disediakan-pertubuhan-peladang-negeri-sabah.

[29] "Perikanan Sabah Jana RM643 Juta," Utusan Borneo, 18 Julai 2021, diakses 7 April 2025, https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/18/perikanan-sabah-jana-rm643-juta.

memberi kelebihan dari segi potensi pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih mampan. Keadaan ini selaras dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11**: Bandar dan Komuniti Mampan, yang menekankan kepentingan perancangan bandar inklusif dan seimbang.

Keadaan Ekonomi Tempatan

Ekonomi di Putatan didominasi oleh sektor perkhidmatan, perniagaan kecil, serta aktiviti penjaja, di samping kewujudan aktiviti perikanan dan pertanian tradisional di kawasan kampung. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan dari segi peluang ekonomi dan jurang pendapatan masih wujud, terutamanya dalam kalangan golongan B40 luar bandar. Keadaan ini menuntut perhatian terhadap **SDG 1:** Tiada Kemiskinan, yang menekankan usaha pengurangan kadar kemiskinan, serta **SDG 8:** Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi, yang menekankan penciptaan peluang pekerjaan dan sokongan terhadap keusahawanan mikro.

Budaya

Masyarakat di Putatan terdiri daripada pelbagai etnik seperti Kadazan-Dusun, Brunei, Bajau dan Melayu. Kepelbagaian ini membentuk identiti budaya yang tersendiri, dengan penekanan kepada nilai kekeluargaan, semangat kebersamaan, dan amalan gotong-royong. Nilai budaya ini bukan sahaja mencerminkan keharmonian masyarakat majmuk, malah menyumbang kepada kestabilan sosial di peringkat tempatan. Dalam konteks ini, **SDG 4:** Pendidikan Berkualiti turut relevan kerana pendidikan berperanan dalam memperkukuh kefahaman antara etnik dan memelihara identiti budaya.

Sosial

Hubungan sosial dalam kalangan penduduk kampung di Putatan kekal kukuh melalui aktiviti gotong-royong, sambutan perayaan bersama, serta jaringan kekeluargaan yang erat. Sebaliknya, komuniti baharu di kawasan perumahan moden masih berada dalam proses membina hubungan sosial yang lebih bersepadu. Keadaan ini memperlihatkan keperluan untuk mengukuhkan integrasi sosial, sejajar dengan **SDG 11:** Bandar dan Komuniti Mampan, yang menekankan kepentingan membentuk komuniti yang inklusif dan saling menyokong.

Nilai Sejarah

Putatan memiliki nilai sejarah yang penting kerana pernah menjadi kawasan pertanian tradisional serta penempatan asal masyarakat pribumi. Sebahagian kawasan masih mengekalkan tapak budaya dan warisan tempatan, yang menjadi bukti kesinambungan sejarah dan identiti komuniti setempat. Aspek ini mencerminkan kepentingan pemeliharaan budaya dan sejarah, seiring dengan **SDG 11:** Bandar dan Komuniti

Mampan, yang menekankan perlindungan serta pemuliharaan warisan budaya dalam arus pembangunan moden.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Putatan terserlah melalui gabungan ciri pembangunan moden dengan pemeliharaan elemen tradisi dan warisan budaya tempatan. Perpaduan kedua-dua elemen ini menjadikan Putatan berbeza daripada kawasan parlimen lain yang berhampiran dengan Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, kawasan ini turut berdepan cabaran alam sekitar seperti risiko banjir dan hakisan pantai. Hal ini menuntut perhatian terhadap **SDG 13:** Tindakan terhadap Perubahan Iklim, yang menekankan keperluan memperkukuh daya tahan komuniti dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuklah perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Pejabat Daerah, serta mesyuarat susulan bersama pegawai dari Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Putatan. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat, meskipun terdapat batasan dari segi kekinian dan keboleh capaian data pada peringkat mikro.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu di kawasan Parlimen P.173 Putatan telah dimulakan dengan satu mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Putatan, Yang Berhormat Datuk Ir. Shahelmey Yahya, yang berlangsung pada 12 Disember 2024. Mesyuarat tersebut telah melibatkan wakil dari pihak APPGM-SDG iaitu Nurrul Fazlina Osman (Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG) dan Dr. Teo Lee Ken (Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG). Seterusnya, mesyuarat pemprofilan telah diadakan pada 19 Disember 2024 bagi mendapatkan profil dan data awalan kawasan, membincangkan hala tuju dan pendekatan kajian secara lebih terperinci. Sebagai persediaan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, satu mesyuarat pra-lawatan turut diadakan bersama Pegawai Daerah Putatan, En. Masawi Haji Salleh, pada 13 Januari 2025. Selain itu, dua mesyuarat susulan bersama pegawai Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.173 Putatan serta pegawai dari Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) telah diadakan pada 3 Januari 2025 dan 10 Februari 2025 bagi menyelaraskan logistik dan penglibatan komuniti. Berdasarkan kesemua mesyuarat tersebut, jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bagi pelaksanaan kajian di lapangan:

Jadual 2. Sesi dialog bersama komuniti dan lawatan tapak

TARIKH	PERKARA
2 Mac 2025, Ahad	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Torong Logong • Sesi dialog bersama komuniti Kg Sembulan Lama • Sesi dialog komuniti Kg Tanjung Aru Lama
3 Mac 2025, Isnin	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Dumpil Keramat • Sesi dialog bersama komuniti Kg Serigai • Lawatan tapak dan temu ramah berfokus Kanaan Home (Rumah Orang Tua-tua)
4 Mac 2025, Selasa	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Meruntum • Sesi dialog bersama komuniti Kg Muhibbah • Lawatan tapak ke Klinik Kesihatan Putatan • Lawatan tapak ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Tanjung Aru (PDK)
20 Mac 2025, Khamis	• Sesi dialog bersama agensi kerajaan (IAD)
28 April 2025, Jumaat	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Lok Bonu • Sesi dialog bersama komuniti Kg Ulu Putatan • Temu ramah berfokus bersama pemimpin kampung Kg Talang Taun

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Dalam menjalankan kajian lapangan di daerah Putatan yang melibatkan sesi dialog berkumpulan bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan dimaklumkan diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Putatan, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan akademik. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pelaksanaan kajian lapangan di daerah Putatan turut berdepan dengan kekangan yang memberi kesan terhadap kelancaran proses pengumpulan data. Antara kekangan ialah komunikasi dan penyelarasan antara pihak penyelidik dengan pihak perantara komuniti. Sebagai contoh, berlaku kelewatan dalam penyampaian surat pemberitahuan daripada Pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) kepada Ketua Kampung walaupun surat telah dikeluarkan awal oleh Ketua Penyelidik, yang mengakibatkan Ketua Kampung tidak dapat memaklumkan dan mengumpulkan penduduk mengikut keperluan jumlah peserta bagi sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD). Akibatnya, sesi FGD di salah sebuah kampung tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan dalam pelan lawatan penyelidikan. Hal ini ditambah dengan perubahan dalam struktur kepimpinan di peringkat kampung. Kampung yang dipilih untuk sesi FGD mengalami peralihan kepimpinan di mana ketua kampung yang dilantik merupakan individu baru. Perubahan ini memberi kesan terhadap penglibatan ketua kampung dalam sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD). Ketua kampung yang baru dilantik tidak mempunyai persediaan atau pengetahuan yang mencukupi mengenai objektif dan proses kajian, yang menyebabkan keterlibatan mereka dalam sesi FGD agak terhad.

Untuk mengatasi kekangan yang timbul, pasukan penyelidik telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sesi FGD tambahan di kawasan Parlimen Putatan pada 28 April 2025. Penambahan sesi FGD ini melibatkan tiga kampung, dengan dua sesi FGD dan satu temu ramah berfokus yang dijalankan di kawasan DUN Petagas. Pemilihan kampung tersebut adalah berdasarkan kepada tujuh buah kampung yang telah dihubungi, namun hanya tiga ketua kampung yang memberikan maklum balas positif dan bersedia untuk menyertai serta memfasilitasi pelaksanaan sesi FGD. Langkah ini diambil bagi memastikan penglibatan komuniti yang lebih meluas dan mendapatkan input yang lebih menyeluruh untuk kajian ini.

Selain itu, satu lagi kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan pelaksanaan kajian yang berlangsung semasa bulan Ramadan. Sepanjang tempoh ini, tahap keterlibatan komuniti menjadi lebih terhad, terutamanya kerana kebanyakan penduduk memberi tumpuan untuk berehat di rumah. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh suhu panas semasa sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang diadakan pada waktu siang. Kekangan waktu dan keadaan ini telah memaksa pasukan penyelidik untuk menyusun

semula jadual lawatan serta mengadaptasi pendekatan yang lebih fleksibel dari segi masa dan kaedah pelaksanaan sesi lapangan. Walaupun demikian, sesi FGD tetap diteruskan dengan kehadiran peserta yang memenuhi syarat minimum, iaitu sekurang-kurangnya lapan orang, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kajian.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu kekangan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan program pemetaan isu di Parlimen Kota Putatan adalah kesukaran dalam memperoleh data profil kawasan parlimen yang terkini. Kekurangan kajian terdahulu yang mencukupi juga membatasi ketersediaan data sekunder yang diperlukan untuk analisis awal. Keadaan ini menyukarkan pasukan penyelidik dalam mendapatkan gambaran terkini yang menyeluruh mengenai keadaan sosio-ekonomi di kawasan Parlimen Putatan, yang seterusnya menghalang usaha untuk membuat penilaian yang lebih tepat terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti.Di samping itu, pasukan penyelidik juga berdepan dengan keterbatasan dalam memasuki kesemua kampung di kawasan parlimen Putatan. Faktor logistik, kewangan, serta kekangan masa telah membataskan keupayaan untuk melibatkan setiap kampung dalam kajian ini. Walaupun usaha telah dilakukan untuk menghubungi dan melibatkan sebanyak mungkin kampung, beberapa kawasan yang seharusnya diberi perhatian tidak dapat dijelajahi sepenuhnya. Kekangan ini seterusnya menyukarkan usaha untuk memperoleh data yang lebih komprehensif dan representatif bagi seluruh kawasan Parlimen Putatan.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti	• Golongan suri rumah dan ibu tunggal menghadapi kesukaran untuk menjana pendapatan sendiri dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami atau ahli keluarga lain. • Peniaga kecil berdepan kesulitan dalam mendapatkan lesen	Ekonomi	Suri rumah Peniaga kecil Suri rumah, ibu tunggal Nelayan Penduduk luar bandar	Kg Torong Logong, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Lok Bonu, Kg Dumpil Kg Dumpil Keramat, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu Kg Muhibbah, Kg Meruntum	**Matlamat 1:Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.1:*** Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar bagi semua orang di mana-mana sahaja, pada masa ini diukur sebagai orang yang hidup dengan kurang daripada AS$1.90 sehari ***Sasaran 1.3:*** Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang bersesuaian secara nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan yang besar kepada golongan miskin dan rentan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan, terutamanya disebabkan ketiadaan premis fizikal yang tetap. Kekangan ini menghalang mereka daripada menjalankan perniagaan secara sah dan berdaftar. • Terdapat kekurangan program pembangunan keusahawanan serta latihan kemahiran yang khusus untuk membantu golongan suri			Kg Sembulan Lama, Kg Muhibbah	**Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi** ***Sasaran 8.3:*** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi **Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Prasarana** ***Sasaran 9.3:*** Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantaian nilai dan pasaran

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		rumah dan ibu tunggal. • Prosedur permohonan lesen bot yang rumit menjadi penghalang kepada nelayan untuk beroperasi secara sah. Akibatnya, terdapat sebilangan besar bot nelayan yang beroperasi tanpa lesen yang sah. • Kadar kenaikan gaji tidak seiring dengan peningkatan harga barang keperluan asas, menyebabkan tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		dalam kalangan penduduk.				
2	Cabaran pengurusan alam sekitar	• Ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang teratur telah menyebabkan longgokan sampah berlaku secara berterusan di kawasan kediaman, menimbulkan pencemaran alam sekitar dan ketidakselesaan kepada penduduk. • Sampah-sarap yang tidak dikendalikan dengan baik sering dihanyutkan oleh air pasang ke kawasan perumahan. • Penduduk terpaksa	Alam sekitar	Penduduk luar bandar Penduduk atas air	Kg Tanjung Aru Lama Kg Dumpil Kg Torong Logong Kg Meruntum Kg Serigai Kg Muhibbah Kg Lok Bonu Kg Talang Taun	**Matlamat 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera** ***Sasaran 3.9:*** Mengurangkan kematian dan penyakit akibat pencemaran udara, air dan tanah. **Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.5:*** Mengurangkan kesan buruk per kapita akibat bencana termasuk berkaitan air, dengan memberi tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan mereka yang terdedah. ***Sasaran 11.6:*** Mengurangkan kesan negatif alam sekitar bandar per kapita, termasuk dengan memberi tumpuan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menanggung sendiri kos kutipan sampah kerana kawasan mereka tidak termasuk dalam liputan perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh pihak Majlis Daerah Putatan. • Sebilangan penduduk, termasuk warga asing, didapati membuang sampah ke dalam laut dan di bawah rumah, yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar serta menjejaskan imej kawasan tersebut.			Kg Ulu Putatan	kepada pengurusan sisa pepejal domestik. **Matlamat 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran13.1:*** Memperkukuhkan daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri semua negara terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		• Terdapat pembinaan rumah secara tidak sah di kawasan rizab perparitan (rumah setinggan), yang menyebabkan sistem saliran menjadi tersumbat dan seterusnya meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat. • Parit yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan air bertakung dan banjir apabila hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk apabila terdapat rumah yang dibina di atas parit, sekali gus menyekat				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		aliran air dan menjejaskan sistem perparitan secara keseluruhan.				
3	Kekurangan sokongan, penjagaan dan aktiviti sosial warga emas	• Tiada program latihan yang mencukupi bagi melahirkan penjaga (caregiver) yang kompeten dan terlatih dalam memberikan penjagaan holistik kepada warga emas. • Terdapat kekurangan pusat penjagaan warga emas yang memenuhi keperluan berasaskan syariah, seperti kemudahan ibadah, pemakanan	Sosial	Warga emas Pesara	Rumah orang tua-tua Kanaan Home Kg Talang Taun	**Matlamat 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera** ***Sasaran 3.4:*** Mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang akibat penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan. **Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.4:*** Meningkatkan bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional, termasuk kemahiran untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		halal, dan penjaga yang seagama. ● Industri penjagaan warga emas tidak menarik minat tenaga kerja tempatan kerana kadar gaji yang rendah dan beban kerja yang tinggi serta mencabar. ● Tidak semua rumah penjagaan warga emas didaftarkan secara rasmi atau memenuhi piawaian minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan. ● Rumah penjagaan yang dikendalikan oleh NGO atau komuniti tempatan				**Matlamat 5: Kesaksamaan Gender** ***Sasaran 5.4:*** Mengiktiraf dan menghargai kerja penjagaan yang tidak dibayar, melalui penyediaan perkhidmatan awam, dasar perlindungan sosial dan infrastruktur yang sesuai. **Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.1:*** Menjamin akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang selamat, berpatutan dan inklusif, khususnya untuk kumpulan rentan termasuk warga emas

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sering menghadapi kekangan kewangan kerana bergantung kepada sumbangan awam dan bantuan kerajaan yang tidak mencukupi atau tidak tetap. • Sebahagian pesara yang berminat untuk terus aktif secara ekonomi dalam bidang seperti pertanian kecil-kecilan, kraftangan, atau perniagaan kecil, tidak mendapat sokongan dari segi modal, latihan mahupun akses kepada pasaran.				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4	Kekurangan PPR dan pertumbuhan setinggan	• Terdapat kesukaran dalam memperoleh tanah yang sesuai bagi tujuan pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), sekali gus menjejaskan pelaksanaan projek perumahan tersebut. • Cadangan projek perumahan mampu milik sering tertangguh akibat pelbagai isu termasuk kelemahan dalam perancangan, kekangan peruntukan kewangan, serta	Sosial	Penduduk pinggir bandar	Kg Sembulan Lama Kg Tanjung Aru Lama Kg Muhibbah Kg Dumpil Kg Serigai	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4:*** Menjamin bahawa semua golongan, terutama yang miskin dan terpinggir, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan bentuk kekayaan lain termasuk perumahan. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2:*** Memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, bangsa, status migran atau ekonomi. **Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.1*:** Menjamin akses kepada perumahan yang

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		halangan birokrasi. ● Kemasukan penduduk dari kawasan pedalaman dan luar bandar ke Putatan semakin meningkat disebabkan oleh kedudukannya yang strategik serta berhampiran dengan pusat ekonomi, sekali gus memberi tekanan kepada keperluan perumahan. ● Kemasukan pendatang tanpa izin yang mencari penempatan sementara atau kekal telah menyumbang				selamat, berpatutan dan inklusif serta perkhidmatan asas bagi semua menjelang 2030. ***Sasaran 11.3:***Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar secara inklusif dan mampan melalui penyertaan komuniti.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kepada peningkatan rumah setinggan yang dibina tanpa pelan atau kelulusan, sekali gus menimbulkan pelbagai masalah sosial termasuk kecurian air dan elektrik. ● Jumlah unit rumah PPR yang terhad tidak dapat menampung permintaan yang tinggi, menyebabkan ramai penduduk terpaksa menyewa atau membina rumah setinggan secara tidak sah. ● Golongan muda				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang baru berkahwin serta keluarga besar terpaksa tinggal bersama dalam kediaman yang kecil dan padat, yang menjejaskan keselesaan serta kualiti hidup mereka.				
5	Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam	• Ketiadaan klinik kesihatan atau klinik bergerak di kawasan Pulau Gaya • Kesesakan Klinik Kesihatan Putatan dan saiz kemudahan yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yang meningkat.	Sosial	Penduduk kampung	Kg Torong Logong Kg Tanjung Aru Lama Kg Sembulan Lama Kg Muhibbah Kg Dumpil Keramat	**Matlamat 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.8:*** Mencapai liputan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan kesihatan asas yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan serta vaksin yang selamat, berkesan, berkualiti dan mampu milik.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		• Penduduk sering mengalami gangguan bekalan air dan elektrik. • Jalan kampung yang sempit menyukarkan pergerakan keluar masuk kenderaan, termasuk lori pengangkut sampah. • Kekurangan tempat meletak kenderaan menyebabkan berlakunya parkir berganda *(double park)* yang menghalang laluan kenderaan lain. • Ketiadaan balai raya, dewan serbaguna, atau gelanggang sukan			Kg Serigai Kg Meruntum Kg Talang Taun Kg Ulu Putatan Kg Lok Bonu	**Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi** Sasaran 6.1: Menjamin akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan mampu milik. Sasaran 6.4: Menambah kecekapan penggunaan air merentasi semua sektor dan memastikan bekalan air yang mampan. **Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih** Sasaran 7.1: Menjamin akses sejagat kepada perkhidmatan tenaga moden yang mampu milik, boleh dipercayai dan mampan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menyukarkan pelaksanaan aktiviti penduduk kampung. • Ketiadaan jejantas pejalan kaki di kawasan yang berisiko tinggi berlaku kemalangan.				

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Torong Logong **Tarikh:** 2 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Air Negeri Sabah 2. Pejabat Pendidikan Daerah Penampang 3. Pejabat Daerah Putatan 4. Jabatan Pengairan dan Saliran 5. Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Isu utama yang dibangkitkan oleh peserta FGD adalah kekurangan bekalan air bersih di Pulau Gaya, yang dianggap sangat kritikal. Keadaan ini berlaku kerana sistem paip sedia ada tidak lagi berfungsi dengan baik, sama ada disebabkan kegagalan teknikal atau pengurusan yang tidak amanah, menyebabkan penduduk terpaksa bergantung kepada air perigi yang hanya sesuai untuk mencuci dan menyiram, tetapi tidak boleh diminum. Akibatnya, penduduk terpaksa membeli air dari darat yang dibawa menggunakan kapal atau perahu dengan kos yang jauh lebih tinggi satu drum 200 liter berharga RM8, berbanding	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		harga air bersih di bandar yang jauh lebih rendah. Kesan daripada masalah ini adalah beban ekonomi tambahan kepada penduduk, kesukaran mendapatkan air bersih untuk kegunaan harian, dan ketidakselesaan dalam aktiviti asas seperti memasak, membasuh, dan menjaga kebersihan, menjadikan isu air sebagai masalah kritikal di pulau tersebut.	awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Isu utama yang dibangkitkan adalah kekurangan akses kepada kemudahan kesihatan, khususnya tiadanya klinik bergerak yang melawat Pulau Gaya. Masalah ini berlaku kerana semua perkhidmatan kesihatan berpusat di bandar, memaksa penduduk yang sakit atau wanita bersalin untuk menempuh perjalanan jauh menggunakan bot ke bandar, yang menyusahkan dan berisiko. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran mendapatkan rawatan tepat pada masanya, peningkatan risiko komplikasi kesihatan, beban fizikal dan kewangan kepada penduduk, serta perasaan diabaikan oleh pihak berkuasa, menyebabkan motivasi untuk menyuarakan keperluan mereka berkurangan.	**Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan:** Isu kesihatan di Putatan semakin kritikal dengan jumlah penduduk melebihi 80,000 orang dan dijangka terus bertambah akibat pembangunan baharu. Klinik Putatan terlalu padat, manakala Klinik Desa Petagas tidak boleh diperluaskan, sekali gus meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit. Pejabat Kesihatan Putatan telah membawa isu ini kepada pihak berwajib dan mencadangkan pembinaan tiga klinik tambahan serta sebuah hospital, dengan pemaju projek turut diminta menyediakan tanah. Selain itu, kekurangan tenaga kerja kesihatan dan keperluan teknologi perubatan moden turut menjadi cabaran dalam memastikan perkhidmatan rawatan yang lebih baik.
2.	Kekangan kemiskinan dan	Isu utama yang dibangkitkan dalam transkrip ini ialah keciciran pendidikan akibat kekangan hidup	**Pejabat Pendidikan Daerah Penampang:** Isu pendidikan di Penampang dan Putatan melibatkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keciciran pendidikan	dan kemiskinan di kalangan penduduk. Masalah berlaku kerana ramai keluarga tidak mampu menanggung kos pendidikan anak-anak, termasuk yuran sekolah dan keperluan lain, menyebabkan sebahagian pelajar terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja membantu keluarga. Walaupun dasar kerajaan menekankan bahawa semua kanak-kanak perlu bersekolah, realiti di lapangan menunjukkan ramai kanak-kanak masih tercicir daripada sistem pendidikan. Kesan daripada masalah ini termasuk kehilangan peluang pendidikan, perpindahan generasi keluar dari arus pembangunan, dan pengekalan kemiskinan berterusan kerana anak-anak tidak mendapat ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.	beberapa cabaran utama. Pendaftaran murid asing ke sekolah kerajaan sukar kerana syarat dokumen yang ketat, manakala terdapat juga murid tidak bersekolah akibat sikap ibu bapa yang kurang peka, walaupun pendidikan rendah adalah wajib dan boleh dikenakan denda. Dari aspek pembangunan pelajar, sekolah menyediakan sesi kaunseling dan promosi institusi pendidikan tinggi untuk membantu murid merancang hala tuju selepas SPM. Namun, dari segi pengurusan, PPD Penampang menanggung 35 sekolah dengan lebih 25,000 murid, manakala Putatan mempunyai 12 sekolah dengan hampir 12,000 murid. Cadangan menubuhkan PPD khusus di Putatan wujud bagi meringankan beban, tetapi belum dianggap keperluan mendesak oleh pihak berkuasa.
4.	Isu penggazetan tanah	Isu yang dibangkitkan adalah ketiadaan penggazetan rasmi bagi Kampung Torong Logong di Pulau Gaya, walaupun perkampungan ini telah wujud lebih daripada 50 tahun. Masalah berlaku kerana pihak berkuasa tidak mengambil kira permintaan penduduk untuk pengiktirafan kampung secara rasmi, walaupun penduduk berulang kali menyuarakan keperluan ini dalam pelbagai perjumpaan. Akibat daripada ketiadaan	**Pejabat Daerah Putatan:** Beberapa kawasan di Putatan seperti Kampung Muhibbah, Kampung Seri Pandan, Kampung Contoh, dan Kampung Petagas telah dijadikan rizab kampung. Proses ini hanya melibatkan tanah kerajaan yang didiami penduduk asal dan perlu melalui kelulusan mesyuarat LUC sebelum diwartakan oleh Jabatan Tanah. Pewartaan ini bertujuan mengiktiraf penempatan asal serta mengatasi isu kepadatan dan kekurangan kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		status rasmi, penduduk menghadapi ketidakpastian terhadap hak dan status tanah, kesukaran dalam merancang pembangunan serta penyediaan kemudahan asas, dan perasaan diabaikan walaupun kampung ini adalah tapak kehidupan mereka serta pusara keluarga mereka.menetap di kawasan tersebut.	penempatan di Putatan. Selain itu, LUC juga membincangkan pewartaan tanah perkuburan bagi memastikan perancangan guna tanah lebih teratur.
5.	Pencemarah sampah di Pulau Gaya	Isu utama yang dibangkitkan adalah pencemaran sampah di Pulau Gaya, yang walaupun kelihatan tidak terlalu teruk kerana penduduk masing-masing membersihkan kawasan sendiri, sebenarnya berpunca bukan sepenuhnya dari penduduk pulau tetapi juga dibawa dari bandar melalui sungai ketika air pasang. Masalah berlaku kerana sampah luar ini terkumpul di pulau, menjadikan penduduk tempatan sebagai sasaran kritikan walaupun mereka sudah berusaha menjaga kebersihan.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Masalah sampah di Putatan berpunca daripada pembuangan oleh penduduk perumahan dan setinggan yang mencemar sungai serta menimbulkan bau busuk. Walaupun JPS memasang perangkap sampah dan membuat kutipan berkala, sampah tetap masuk melalui parit kecil di luar kawalan mereka. Kekangan timbul kerana JPS tiada kuasa penguatkuasaan terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya menjadi beban kontraktor JPS. Penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara.
6.	Kekangan aktiviti tradisi nelayan dan	su utama yang dibangkitkan adalah kesukaran generasi nelayan di Pulau Gaya untuk	*Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keterbatasan peluang ekonomi di Pulau Gaya	meneruskan aktiviti tradisional mereka akibat sekatan dari pihak berkuasa dan kawasan perlindungan seperti Taman-Taman Sabah dan Taman Tunku Abdul Rahman. Masalah berlaku apabila penduduk tidak dibenarkan memancing, memukat, atau mencari hasil laut lain di pesisiran pantai dan laut berdekatan, termasuk rampasan perahu dan penghalauan semasa menjalankan aktiviti nelayan. Kesan daripada situasi ini termasuk kehilangan identiti sebagai nelayan tradisional, keterbatasan peluang ekonomi bagi penduduk tempatan, dan kesukaran mencari sumber pendapatan alternatif kerana tanah tidak sesuai untuk pertanian serta ketiadaan air tawar untuk penyiraman, menimbulkan tekanan ekonomi dan sosial kepada komuniti.	

Jadual 5 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Sembulan Lama **Tarikh:**2 Mac 2025 **Bilangan peserta:**12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Air Negeri Sabah 2. Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik Kekangan akses elektrik dan pencurian sumber	Isu utama yang dibangkitkan adalah ketidakstabilan bekalan air di kawasan penduduk, termasuk tekanan air yang rendah, gangguan berterusan, dan ketiadaan air pada waktu tertentu. Masalah berlaku kerana sistem bekalan air tidak mampu mengekalkan tekanan yang stabil, menyebabkan air datang secara on-off dan tidak menentu.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Isu utama yang dibangkitkan ialah kesukaran penduduk mendapatkan bekalan elektrik secara rasmi, walaupun ada yang memohon atau meminjam untuk tujuan ini, permohonan mereka tidak diluluskan. Masalah berlaku kerana sebahagian penduduk yang menghadapi	*Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kesukaran ini terpaksa menggunakan cara tidak sah untuk mendapatkan elektrik atau air, termasuk mencuri karan atau bekalan.	
2.	Kurang kesedaran dan amalan pembuangan sampah tidak terurus	Isu utama yang dibangkitkan adalah masalah pembuangan sampah yang tidak terurus di kawasan perumahan. Masalah berlaku kerana sebahagian penduduk atau penghuni bukan asal kurang kesedaran dalam menjaga kebersihan, ada yang membuang sampah terus dari rumah, dan kadang-kadang menyuruh kanak-kanak membuangnya. Kesan daripada situasi ini termasuk pencemaran kawasan kediaman, risiko kesihatan akibat sampah yang terkumpul dan kehadiran haiwan seperti anjing, serta menjejaskan usaha komuniti untuk mengekalkan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Masalah sampah di Putatan berpunca daripada pembuangan oleh penduduk perumahan dan setinggan yang mencemar sungai serta menimbulkan bau busuk. Walaupun JPS memasang perangkap sampah dan membuat kutipan berkala, sampah tetap masuk melalui parit kecil di luar kawalan mereka. Kekangan timbul kerana JPS tiada kuasa penguatkuasaan terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya menjadi beban kontraktor JPS. Penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara.
3.	Kekurangan dokumen peribadi dan cabaran	Isu utama yang dibangkitkan ialah ramai penduduk menghadapi masalah kekurangan dokumen peribadi seperti sijil kelahiran anak dan pengesahan perkahwinan. Masalah berlaku kerana sesetengah anak tidak didaftarkan sewaktu lahir disebabkan kos atau prosedur di	*Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	pengesahan perkahwinan	hospital, manakala perkahwinan yang dilakukan secara tradisional di kampung tidak didaftarkan secara rasmi, menjadikan proses pengesahan dan pendaftaran rasmi sukar. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran menguruskan urusan pentadbiran, akses kepada hak-hak asas seperti pendidikan dan perubatan, dan beban tambahan bagi pihak yang cuba membantu mengesahkan dokumen, menimbulkan ketidakpastian status peribadi dalam komuniti.	
4.	Pewarisan pekerjaan nelayan secara turun-temurun	Isu utama yang dibangkitkan ialah amalan pekerjaan nelayan yang diwarisi secara turun-temurun di kalangan penduduk, di mana anak-anak mengikuti jejak bapa mereka menjadi nelayan. Masalah berlaku kerana peluang pekerjaan lain yang sesuai atau alternatif ekonomi sangat terhad, menyebabkan generasi muda kekal dalam pekerjaan tradisional walaupun menghadapi pelbagai cabaran.	*Agensi berkaitan tidak memberi maklum balas.*
5.	Ancaman pengusiran dan ketidakpastian perumahan	Peserta menjelaskan tentang risiko perumahan penduduk di kawasan pesisir pantai yang akan dirobohkan akibat pembangunan di Sembulan Tengah, sementara pihak berkuasa belum memberikan jawaban mengenai penempatan semula atau alternatif lain. Masalah berlaku	*Agensi berkaitan tidak memberi maklum balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kerana perancangan pembangunan tidak melibatkan konsultasi jelas dengan penduduk, menimbulkan ketidakpastian terhadap masa depan kediaman mereka.	

Jadual 6 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Tanjung Aru Lama **Tarikh:** 2 Mac 2025 **Bilangan peserta:**16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Kekurangan infrastruktur dan kesedaran sivik dalam pengurusan sampah di kawasan laut	Masalah sampah di kawasan laut sukar diselesaikan kerana kekurangan fasiliti dan kesedaran sivik penduduk. Tiada tong sampah disediakan di kawasan ini, dan DBKK juga tidak menyediakan perkhidmatan pengambilan sampah secara tetap di kawasan laut, walaupun jambatan telah bersimen. Penduduk mengetahui bahawa lori sampah wujud, namun mereka hanya membuang sampah berhampiran lori, tanpa sistem pengurusan yang teratur. Kekurangan infrastruktur dan kurangnya kesedaran sivik menyebabkan masalah sampah berterusan walaupun usaha pengurusan telah dilakukan.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Masalah sampah di Putatan berpunca daripada pembuangan oleh penduduk perumahan dan setinggan yang mencemar sungai serta menimbulkan bau busuk. Walaupun JPS memasang perangkap sampah dan membuat kutipan berkala, sampah tetap masuk melalui parit kecil di luar kawalan mereka. Kekangan timbul kerana JPS tiada kuasa penguatkuasaan terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya menjadi beban kontraktor JPS. Penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara.
2.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta FGD menerangkan bahawa penyewaan rumah tanpa makluman kepada ketua kampung menyukarkan kawalan keselamatan dan pengesanan penduduk, terutama apabila berlaku	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kejadian seperti kebakaran. Penduduk juga menyuarakan kebimbangan terhadap keadaan rumah dan kawasan berhampiran pantai yang terdedah kepada risiko ombak dan hakisan, di mana bantuan diperlukan untuk rumah-rumah yang terjejas. Selain itu, masalah parkir turut menimbulkan ketegangan antara penduduk, apabila bilangan kenderaan yang banyak menyebabkan laluan sempit dan saling menuduh apabila berlaku halangan. Peserta FGD menjelaskan bahawa lori sampah menghadapi kesukaran untuk masuk ke kawasan tertentu, terutama pada waktu malam, disebabkan oleh terlalu banyak kenderaan yang diletakkan di tepi jalan. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu proses kutipan sampah, tetapi juga menyebabkan pertengkaran antara penduduk apabila berlaku insiden seperti lori sampah terlanggar atau menyeret kereta.	
		Peserta FGD menjelaskan bahawa bekalan elektrik sering terputus berulang kali dalam satu tempoh singkat, dan pihak berkuasa seperti SESB tidak dapat mengenal pasti punca sebenar gangguan tersebut. Keadaan ini berlaku hanya di kawasan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tertentu, menunjukkan kemungkinan masalah teknikal setempat seperti beban penggunaan elektrik yang melebihi kapasiti.	
3.	Gangguan komuniti akibat sikap penyewa dan pengurusan rumah sewa	Peserta FGD menegaskan bahawa pemilik rumah (tauke) sepatutnya memainkan peranan menasihati penyewa agar menjaga tertib parkir dan kebersihan kawasan. Menurut peserta, penyewa sering meletakkan kenderaan secara sembarangan, terutama pada waktu malam, sehingga mengganggu ketenteraman dan kelancaran pergerakan penduduk lain. Selain itu, mereka juga tidak membuang sampah di tempat yang disediakan, menambah beban kepada pengurusan kampung. Peserta mencadangkan agar pihak luar seperti NGO turun padang pada waktu malam untuk meninjau sendiri keadaan sebenar komuniti.	*Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog ini.*

Jadual 7 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Serigai Keramat **Tarikh:** 3 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Imigresen Negeri Sabah 2. Pejabat Daerah Putatan 3. Jabatan Pengairan dan Saliran 4. Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran
1.	Penempatan haram dan konflik tanah	Pendatang tanpa izin (PTI) membina rumah tanpa izin di tanah kerajaan atau tanah persendirian, termasuk tanpa pengetahuan ketua kampung atau Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK). Masalah berlaku kerana ketidakpatuhan terhadap prosedur rasmi menyebabkan penempatan haram berkembang, menimbulkan ketegangan antara penduduk dan konflik mengenai hak milik tanah. Kesan daripada situasi ini termasuk pertengkaran dalam komuniti, ketidakstabilan sosial, dan cabaran bagi pihak berkuasa kampung untuk mengurus pembangunan dan penyediaan kemudahan asas dengan adil.	**Jabatan Imigresen Negeri Sabah & Pejabat Daerah Putatan:** Kehadiran PATI di Putatan berpunca daripada projek perumahan yang menarik migrasi, dengan mereka tinggal di setinggan serta menyewa rumah atau tanah penduduk tempatan. Aduan boleh dibuat kepada imigresen untuk tindakan bersama PDRM dan PBT, termasuk operasi berskala besar. PBT menguatkuasakan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah dan JPS telah merobohkan setinggan di rizab sungai. Namun, penguatkuasaan sukar apabila PATI berpindah ke tanah persendirian kerana melibatkan pemilik yang menyewakan. Walaupun penempatan setinggan berkurang daripada 70 hasil operasi bersepadu, masalah ini masih berterusan dan memerlukan tindakan lebih tegas.
2.	Kekurangan kemudahan dan lokasi pembuangan	Isu utama yang dibangkitkan ialah masalah pengurusan sampah di Kampung Serigai yang berlarutan sejak sekian lama kerana tiada tempat	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Masalah sampah di Putatan berpunca daripada pembuangan oleh penduduk perumahan dan setinggan yang mencemar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sampah di Kampung Serigai	pembuangan sampah yang khusus dan mencukupi. Masalah berlaku kerana walaupun pihak JKK telah berusaha memohon tanah untuk membina rumah sampah, tiada lokasi yang sesuai disediakan; kawasan yang ada pula terlalu kecil dan sudah diperuntukkan untuk kegunaan lain seperti balai raya, menjadikan ruang untuk rumah sampah terhad. Keadaan ini menyebabkan penduduk membuang sampah di tempat yang tidak sesuai, termasuk di tengah jalan atau sungai, dan tidak mengumpulkannya dengan betul, walaupun amaran telah diberikan berkali-kali. Kesan daripada situasi ini termasuk pencemaran persekitaran, risiko kesihatan kepada komuniti, dan tekanan terhadap pihak JKK yang bertanggungjawab mengurus kebersihan kampung, serta dilema dalam mencari lokasi rumah sampah yang tidak menimbulkan masalah tambahan seperti gangguan kepada kawasan parkir atau aduan penduduk lain.	sungai serta menimbulkan bau busuk. Walaupun JPS memasang perangkap sampah dan membuat kutipan berkala, sampah tetap masuk melalui parit kecil di luar kawalan mereka. Kekangan timbul kerana JPS tiada kuasa penguatkuasaan terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya menjadi beban kontraktor JPS. Penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara.
3.	Keselamatan dan pertumbuhan penduduk tidak terkawal akibat	Isu utama yang dibangkitkan ialah masalah keselamatan dan pertumbuhan penduduk di kampung akibat kehadiran pendatang tanpa izin (PTI). Masalah berlaku kerana sesetengah PTI terlibat dalam pergaduhan dan aktiviti jenayah	**Jabatan Imigresen Negeri Sabah & Pejabat Daerah Putatan:** Kehadiran PATI di Putatan berpunca daripada projek perumahan yang menarik migrasi, dengan mereka tinggal di setinggan serta menyewa rumah atau tanah penduduk tempatan. Aduan boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	pendatang tanpa izin	seperti membawa dan mengedarkan dadah, menyebabkan campur tangan polis dan tangkapan dilakukan. Selain itu, PTI juga membina rumah baru dengan cepat—dari satu buah rumah boleh berkembang menjadi 10 hingga 20 buah dalam seminggu—tanpa perancangan atau kelulusan, sementara penduduk asal merasa hak mereka terhakis. Kesan daripada situasi ini termasuk risiko keselamatan kepada komuniti, gangguan ketenteraman awam, ketegangan antara penduduk asal dan pendatang baharu, serta cabaran dalam pengurusan pembangunan kampung dan hak tanah penduduk lama.	dibuat kepada imigresen untuk tindakan bersama PDRM dan PBT, termasuk operasi berskala besar. PBT menguatkuasakan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah dan JPS telah merobohkan setinggan di rizab sungai. Namun, penguatkuasaan sukar apabila PATI berpindah ke tanah persendirian kerana melibatkan pemilik yang menyewakan. Walaupun penempatan setinggan berkurang daripada 70 hasil operasi bersepadu, masalah ini masih berterusan dan memerlukan tindakan lebih tegas.
4.	Banjir akibat pengurusan parit dan pembangunan tidak terancang	Isu utama yang dibangkitkan ialah masalah banjir di kampung Tembising dan kawasan sekitarnya yang berlaku apabila air pasang bertembung dengan hujan lebat. Masalah ini berlaku kerana pembangunan di sekitar kawasan, termasuk projek seperti Pan Borneo, tidak disertai dengan pengurusan parit yang teratur, menyebabkan sistem saliran terganggu. Kesan daripada situasi ini termasuk rumah penduduk dinaiki air hingga paras lutut, gangguan kepada kehidupan harian, kerosakan harta benda, dan banjir berlaku bukan sahaja di satu kampung tetapi melibatkan	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sistem perparitan sedia ada di Putatan sedang dinaik taraf dan pada asasnya mencukupi untuk menampung aliran air. Namun, berlakunya banjir kilat sering berpunca daripada tindakan pemilik tanah yang menimbus atau memajukan kawasan mereka tanpa mengambil kira keperluan saliran, sekali gus menjejaskan aliran air. Sebelum tanah diubah suai, keadaan perparitan adalah baik, tetapi selepas tambakan dilakukan, aliran terganggu dan menyebabkan masalah kepada kawasan sekeliling. Selain itu, terdapat juga kes di

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keseluruhan daerah Putatan, menimbulkan keperluan mendesak untuk penambahbaikan sistem saliran dan pengurusan pembangunan.	mana aset perparitan rosak tanpa pengetahuan JPS, manakala masyarakat awam sering beranggapan bahawa kewujudan parit sahaja sudah memadai, tanpa memahami faktor lain seperti aliran air semasa hujan lebat dan air pasang yang boleh mengakibatkan limpahan. Hal ini menjadi antara punca utama banjir kilat yang berlaku di kawasan Putatan.
5.	Kekurangan tanah untuk pertanian dan peluang menjana pendapatan	Isu utama yang dibangkitkan ialah keterbatasan ruang dan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian. Masalah berlaku kerana tiada tanah yang diperuntukkan khusus oleh kerajaan atau tanah rezab yang boleh digunakan oleh penduduk untuk menanam tanaman. Kesan daripada situasi ini termasuk peluang penduduk untuk menambah pendapatan terhad, potensi ekonomi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya, dan kebergantungan terhadap sumber pendapatan sedia ada yang mungkin tidak mencukupi.	*Agensi berkaitan tidak hadir.*
6.	Kekurangan tanah dan impak terhadap demografi penduduk	Isu utama yang dibangkitkan ialah kekurangan tanah dan ruang untuk membina rumah bagi penduduk asal. Masalah berlaku kerana tiada tanah yang mencukupi untuk penempatan, menyebabkan penduduk terpaksa menyewa di tempat lain atau tinggal dengan keluarga mentua. Kesan daripada situasi ini termasuk pengurangan	**Jabatan Imigresen Negeri Sabah & Pejabat Daerah Putatan:** Kehadiran PATI di Putatan berpunca daripada projek perumahan yang menarik migrasi, dengan mereka tinggal di setinggan serta menyewa rumah atau tanah penduduk tempatan. Aduan boleh dibuat kepada imigresen untuk tindakan bersama PDRM dan PBT, termasuk operasi berskala besar. PBT

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jumlah penduduk asal di kampung, pertambahan pendatang atau orang luar yang menempati kawasan tersebut, dan perubahan demografi yang boleh menjejaskan struktur sosial serta identiti komuniti asal.	menguatkuasakan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah dan JPS telah merobohkan setinggan di rizab sungai. Namun, penguatkuasaan sukar apabila PATI berpindah ke tanah persendirian kerana melibatkan pemilik yang menyewakan. Walaupun penempatan setinggan berkurang daripada 70 hasil operasi bersepadu, masalah ini masih berterusan dan memerlukan tindakan lebih tegas.
7.	Kepadatan dan kapasiti terhad kemudahan klinik di Kampung Putatan	Isu utama yang dibangkitkan ialah kemudahan klinik sedia ada di Kampung Putatan tidak mencukupi untuk menampung jumlah penduduk. Masalah berlaku kerana klinik terlalu padat, dengan kaunter dan ruang kaunter sesak, terutamanya bagi kes-kes kecemasan dan warga emas yang memerlukan rawatan lebih lama. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran mendapatkan rawatan dengan segera, tempoh menunggu yang lama sehingga berjam-jam, dan tekanan terhadap kakitangan klinik, menimbulkan keperluan untuk pengembangan fasiliti atau penyediaan ruang tambahan bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan.	**Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan:** Isu kesihatan di Putatan semakin kritikal dengan jumlah penduduk melebihi 80,000 orang dan dijangka terus bertambah akibat pembangunan baharu. Klinik Putatan terlalu padat, manakala Klinik Desa Petagas tidak boleh diperluaskan, sekali gus meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit. Pejabat Kesihatan Putatan telah membawa isu ini kepada pihak berwajib dan mencadangkan pembinaan tiga klinik tambahan serta sebuah hospital, dengan pemaju projek turut diminta menyediakan tanah. Selain itu, kekurangan tenaga kerja kesihatan dan keperluan teknologi perubatan moden turut menjadi cabaran dalam memastikan perkhidmatan rawatan yang lebih baik.

Jadual 8 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kg Dumpil Keramat **Tarikh:** 3 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran 2. Jabatan Imigresen Negeri Sabah 3. Pejabat Daerah Putatan
1.	Pencemaran sungai dan kesan sampah terhadap kebersihan dan pemandangan	Isu utama yang dibangkitkan ialah pencemaran sungai di kawasan kampung akibat pembuangan sampah yang tidak terurus dari rumah penduduk. Masalah berlaku kerana air sungai kini tercemar berbanding keadaan dahulu, dan bau busuk dari tong sampah menjejaskan persekitaran, walaupun penduduk lama menjadi kebal terhadap bau tersebut. Kesan daripada situasi ini termasuk penurunan kualiti air untuk kegunaan harian, gangguan terhadap kebersihan dan estetika kampung, serta potensi risiko kesihatan kepada komuniti akibat pencemaran dan pengurusan sampah yang tidak sistematik.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menghadapi cabaran dalam mengurus sampah di kawasan perumahan dan setinggan. Walaupun perangkap sampah dipasang dan pembersihan dilakukan secara berkala, kuantiti sampah terus meningkat akibat mentaliti komuniti yang kurang prihatin. Kawalan terhadap parit kecil dan kawasan setinggan sukar dilaksanakan kerana kekurangan penguatkuasaan dan tiada cawangan khusus. Projek pembaikan dan naik taraf hanya mengenal pasti masalah selepas berlaku, manakala tindakan terhadap pembuangan haram memerlukan aduan atau kerjasama pihak lain. Secara keseluruhan, usaha JPS membantu mengawal sistem perparitan, tetapi masalah sampah masih berterusan kerana faktor komuniti dan kekangan penguatkuasaan.
2.	Kepadatan penduduk asing dan cabaran pengutamaan	Isu utama yang dibangkitkan ialah kepadatan penduduk asing yang terlalu tinggi di kawasan tersebut, yang menimbulkan cabaran kepada pihak berkuasa dan komuniti tempatan untuk	**Jabatan Imigresen Negeri Sabah & Pejabat Daerah Putatan:** Kehadiran PATI di Putatan berpunca daripada projek perumahan yang menarik migrasi, dengan mereka tinggal di setinggan serta menyewa

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penduduk tempatan	memastikan keutamaan diberikan kepada penduduk asal. Masalah berlaku kerana pertambahan penduduk asing berlaku tanpa kawalan atau perancangan yang jelas, menjadikan pengurusan sumber, kemudahan, dan hak penduduk tempatan sukar dilaksanakan.	rumah atau tanah penduduk tempatan. Aduan boleh dibuat kepada imigresen untuk tindakan bersama PDRM dan PBT, termasuk operasi berskala besar. PBT menguatkuasakan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah dan JPS telah merobohkan setinggan di rizab sungai. Namun, penguatkuasaan sukar apabila PATI berpindah ke tanah persendirian kerana melibatkan pemilik yang menyewakan. Walaupun penempatan setinggan berkurang daripada 70 hasil operasi bersepadu, masalah ini masih berterusan dan memerlukan tindakan lebih tegas.
3	Status belum diwartakan dan dominasi pendatang	Isu utama yang dibangkitkan ialah Kampung tersebut belum diwartakan secara rasmi, walaupun diluluskan sebagai kampung. Masalah berlaku kerana penduduk tempatan hanya mewakili sebahagian kecil populasi (sekitar 35%), sementara majoriti penduduk adalah pendatang, menjadikan kebimbangan bahawa pengwartaan rasmi tanpa pengurusan penduduk akan menjejaskan hak dan kedudukan penduduk asal. Kesan daripada situasi ini termasuk risiko pengurangan pengaruh penduduk tempatan dalam pentadbiran kampung, cabaran dalam perancangan pembangunan yang adil, dan	**Pejabat Daerah Putatan:** Beberapa kawasan di Putatan seperti Kampung Muhibbah, Kampung Seri Pandan, Kampung Contoh, dan Kampung Petagas telah dijadikan rizab kampung. Proses ini hanya melibatkan tanah kerajaan yang didiami penduduk asal dan perlu melalui kelulusan mesyuarat LUC sebelum diwartakan oleh Jabatan Tanah. Pewartaan ini bertujuan mengiktiraf penempatan asal serta mengatasi isu kepadatan dan kekurangan kawasan penempatan di Putatan. Selain itu, LUC juga membincangkan pewartaan tanah perkuburan bagi memastikan perancangan guna tanah lebih teratur.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keperluan untuk menstruktur semula pengurusan penduduk sebelum pengwartaan dijalankan.	
4.	Sambungan air tidak terkawal dan risiko keselamatan elektrik	Isu utama yang dibangkitkan ialah masalah sambungan air yang tidak terkawal serta risiko keselamatan berkaitan elektrik di kalangan penduduk. Masalah berlaku kerana sesetengah individu menyambungkan paip atau karan dari satu rumah ke rumah lain, menggunakan cara tersendiri seperti hos hitam, walaupun secara teknikal mereka masih menggunakan meter; ini menyebabkan sistem pengagihan air tidak teratur. Selain itu, litar pintas akibat sambungan elektrik atau penggunaan peralatan tidak selamat telah menyebabkan kebakaran besar yang memusnahkan kira-kira 16 hingga 17 buah rumah. Kesan daripada situasi ini termasuk gangguan bekalan air, keselamatan penduduk terjejas, kerosakan harta benda, dan keperluan mendesak untuk pengurusan elektrik dan air yang lebih sistematik bagi mengelakkan risiko kejadian serupa.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air Negeri Sabah melaporkan bahawa bekalan air di Kampung Sembulan Lama secara keseluruhan adalah stabil, namun terdapat gangguan di kawasan perkampungan haram. Punca masalah ini adalah sambungan air haram yang kerap berlaku, menyebabkan gangguan bekalan dan ketidakadilan dalam pengagihan air. Tindakan yang telah diambil termasuk pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa serta pemotongan sambungan haram untuk meminimumkan kesan. Walaupun langkah ini dapat mengurangkan masalah, isu sambungan haram tetap menjadi cabaran berterusan kerana berlaku secara kerap.

Jadual 9 Temu bual berfokus

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Temu bual berfokus 1: Temu bual berfokus bersama Kanaan Home **Tarikh:** 3 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 2 orang **Kaedah:** Temu bual berfokus			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Kebajikan Daerah Putatan
1	Kekurangan latihan untuk *caregiver* yang kompeten	Peserta FGD menekankan bahawa golongan B40 atau penduduk kampung yang berpotensi dilatih sebagai penjaga tidak mampu membayar yuran latihan kerana kekangan kewangan. Oleh itu, latihan penjaga memerlukan sokongan dana, tajaan atau geran agar mereka dapat memperoleh kemahiran tanpa beban kewangan. Kedua, peserta turut menyorot masalah kekurangan penjaga tempatan yang terlatih dan kompeten, sedangkan mereka berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing. Walau bagaimanapun, disebabkan bilangan penjaga tempatan yang sedikit serta kadar keluar masuk (turnover) yang tinggi, kebergantungan terhadap pekerja asing masih berlaku. Secara keseluruhannya, isu ini menunjukkan bahawa pembangunan tenaga kerja tempatan dalam sektor penjagaan warga emas memerlukan sokongan latihan yang dibiayai	**Pejabat Kebajikan Daerah Putatan:** Di daerah Putatan, hanya terdapat satu pusat warga emas iaitu Kanaan Home, yang diusahakan oleh pihak persendirian tetapi berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Setakat ini, tiada pusat penjagaan khusus untuk warga emas Muslim, namun NGO atau pihak swasta dibenarkan membuka pusat jagaan dengan mematuhi peraturan sedia ada. Penyediaan program dan latihan untuk pekerja di Kanaan Home dijalankan sendiri oleh pengusaha pusat tersebut, termasuk merekrut pekerja atau pelatih dan mencari kursus latihan bagi mereka. Pejabat Kebajikan hanya memantau pusat yang berdaftar dengan JKM, dan permohonan untuk membuka pusat jagaan boleh dibuat melalui pejabat kebajikan daerah masing-masing. Selain itu, sukarelawan dan jururawat turut membantu di Kanaan Home untuk menjaga warga emas, tetapi cabaran kekurangan minat dan tenaga kerja tetap wujud.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dan strategi pengekalan tenaga kerja yang lebih berkesan.	
2.	Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim	Petikan transkrip ini menekankan dua cabaran utama dalam sektor penjagaan warga emas: kekurangan pekerja yang berminat dan beban kewangan akibat kerja intensif 24 jam. Walaupun terdapat pekerja berdedikasi, sukar untuk mendapatkan pekerja baharu jangka panjang, terutamanya selepas kenaikan gaji minimum. Keadaan ini menyebabkan pengusaha menanggung kos lebih masa tinggi dan hanya mampu mengurus dua syif berbanding tiga, menonjolkan tekanan kewangan dan kekurangan tenaga kerja tetap dalam mengekalkan operasi pusat penjagaan yang berkualiti.	
3.	Cabaran dalam mendapatkan staf tetap	Peserta FGD menjelaskan bahawa tidak ramai individu berminat untuk bekerja dalam bidang penjagaan, namun terdapat segelintir pekerja yang kekal lama kerana mereka benar-benar menyukai tugas menjaga warga emas dan melakukannya dengan penuh keikhlasan serta kasih sayang. Pekerja sebegini dianggap sangat berharga dan dihargai kerana dedikasi mereka terhadap tugas. Dalam bahagian kedua, peserta menerangkan bahawa bidang penjagaan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		merupakan kerja intensif yang memerlukan tenaga manusia tinggi dan beroperasi selama 24 jam sehari. Kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 menambah beban kewangan kepada pengusaha, terutama kerana mereka perlu menambah kakitangan untuk mengurangkan kerja lebih masa (OT). Walau bagaimanapun, mendapatkan pekerja baharu yang sanggup bekerja dalam jangka panjang amat sukar, menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kos OT yang tinggi dan hanya mampu mengurus dua syif berbanding tiga. Secara keseluruhannya, petikan ini menonjolkan tekanan kewangan dan kekurangan tenaga kerja tetap sebagai cabaran utama dalam mengekalkan operasi pusat penjagaan warga emas secara berterusan dan berkualiti.	
4	Pusat jagaan yang tidak menampung	Petikan transkrip ini menekankan cabaran kekurangan tenaga kerja dalam pusat penjagaan warga emas yang menjejaskan pematuhan standard perlesenan. Walaupun satu penjaga sepatutnya menjaga empat warga emas, situasi sebenar menunjukkan nisbah seorang penjaga bagi 1 hingga 2.5 warga emas, menjadikan beban kerja terlalu tinggi dan berisiko. Oleh itu,	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pengurusan tidak mahu mengambil risiko tanpa bilangan penjaga mencukupi, kerana ia boleh menjejaskan keselamatan dan kualiti penjagaan. Secara keseluruhan, isu ini menunjukkan bahawa kekurangan penjaga terlatih memberi impak langsung kepada pematuhan piawaian dan keselamatan operasi.	
5.	Cabaran pengurusan dan kekangan sumber dalam pusat penjagaan warga emas	Peserta FGD menjelaskan bahawa selepas PKP, pusat penjagaan perlu dipantau dengan lebih teliti kerana tiada bantuan kerajaan, dan kos operasi bergantung kepada sumbangan keluarga. Kekangan kewangan ini memaksa mereka memilih klien secara berhati-hati untuk memastikan kelestarian operasi dan kualiti penjagaan warga emas.	

Jadual 10 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kg Meruntum **Tarikh:** 4 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran 2. Pejabat Daerah Putatan 3. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan 4. Jabatan Air Negeri Sabah
1.	Pencemaran laut akibat pembuangan sampah dan penempatan rumah di laut	Peserta menjelaskan isu pencemaran laut di kawasan penduduk yang tinggal di atas laut akibat pembuangan sampah dari pelbagai pihak serta pembinaan rumah di laut. Masalah berlaku kerana sampah dibuang terus ke laut dan penempatan baru terus dibina tanpa kawalan, menyebabkan pencemaran meningkat dari hari ke hari. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran untuk membersihkan sampah, gangguan kepada kehidupan penduduk yang tinggal di atas laut, dan risiko alam sekitar serta kesihatan, di samping potensi masalah sosial sekiranya aktiviti pembinaan rumah di laut diteruskan tanpa perancangan dan pengurusan yang baik.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) menghadapi masalah pengurusan sampah di kawasan perumahan dan setinggan, di mana walaupun perangkap sampah telah dipasang di beberapa titik hotspot, kuantiti sampah semakin meningkat dan terdapat pembuangan sampah di luar kawasan pengawasan mereka. Punca utama masalah ini adalah mentaliti komuniti yang kurang prihatin terhadap kebersihan, menyebabkan pencemaran air dan bau busuk dari sungai. JPS melaksanakan pelbagai tindakan seperti pemasangan perangkap sampah dan pembersihan berkala, tetapi kawalan terhadap parit-parit kecil dan setinggan sukar dilaksanakan kerana kekurangan penguatkuasaan dan tiada cawangan khusus. Kerja-kerja pembaikan atau projek naik taraf hanya dapat mengenal pasti setinggan selepas dilakukan, manakala tindakan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terhadap pembuangan haram memerlukan aduan atau kerjasama Pejabat Tanah dan DBKK. Walaupun usaha JPS membuahkan hasil dalam mengawal sistem perparitan, masalah sampah terus berlaku kerana faktor komuniti dan kekangan penguatkuasaan.
2.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta menjelaskan kekurangan fasiliti iaitu ketiadaan pusat atau ruang rekreasi yang sesuai untuk penduduk Kampung Meruntum. Masalah berlaku kerana satu-satunya tempat sedia ada adalah di hadapan masjid, yang dianggap tidak sesuai untuk aktiviti rekreasi atau pentas, menjadikan ruang yang ada tidak memenuhi keperluan komuniti. Kesan daripada situasi ini termasuk kekurangan peluang untuk aktiviti sosial dan rekreasi, had terhadap pembangunan kemasyarakatan, serta keperluan mendesak untuk penyediaan fasiliti yang sesuai bagi kesejahteraan penduduk.	**Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan:** Daerah Putatan dikenal pasti berdepan kekurangan kawasan lapang untuk rekreasi dan riadah penduduk, seperti yang dijelaskan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Bagi mengatasi isu ini, kementerian menekankan kepentingan perancangan tanah dengan mewartakan kawasan lapang khusus dalam pelan pembangunan daerah serta memastikan setiap pembangunan baharu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% kawasan lapang yang berkualiti. Sehubungan itu, dua kawasan lapang telah dikenal pasti di Taman Ceriamas dan Taman Bersatu untuk diselia oleh Majlis Daerah Putatan sebagai langkah menyediakan kemudahan rekreasi yang lebih sistematik kepada masyarakat setempat.
		Peserta menerangkan masalah bekalan air yang berlarutan bertahun-tahun dan semakin teruk kebelakangan ini, dengan gangguan tiba-tiba	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air Negeri Sabah memaklumkan bahawa kawasan Kota Kinabalu termasuk Putatan sedang berdepan masalah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tanpa sebarang notis. Masalah berlaku kerana air sering terputus secara tiba-tiba, kadang-kadang berlarutan dari pagi hingga malam, atau sehingga beberapa hari, dan tiada jadual atau pemberitahuan diberikan kepada penduduk. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran untuk menjalankan kerja harian seperti memasak, membasuh dan mandi, terutamanya bagi rumah yang tiada tangki simpanan, menimbulkan tekanan dan gangguan terhadap kehidupan harian komuniti.	kekurangan bekalan air akibat pertambahan pembangunan dan penduduk, manakala loji sedia ada masih belum ditambah kapasiti. Bagi mengatasinya, pada bulan Jun dijangka berlaku penambahan 5 ML bekalan air daripada Loji Kasigui USS yang akan disalurkan ke Putatan, diikuti tambahan 10 MT daripada Loji Kokopon pada bulan Ogos, yang sebahagiannya juga akan menampung keperluan Putatan. Langkah ini diharap dapat menyelesaikan masalah air di daerah tersebut. Walau bagaimanapun, isu sambungan haram masih berlaku khususnya di kawasan perkampungan tidak sah seperti di Sembulan Lama, yang sering menjejaskan kestabilan bekalan. Tindakan pemantauan dan pemotongan sambungan haram dijalankan dari semasa ke semasa bagi meminimumkan kesan. Selain itu, pihak jabatan juga memastikan sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan air akan dimaklumkan kepada penduduk melalui notis lebih awal
		Peserta menjelaskan cabaran dalam penempatan generasi muda dan penyampaian maklumat bantuan di kampung. Masalah berlaku kerana medium penyampaian maklumat tidak berkesan, menyebabkan bantuan kadang-kadang tidak	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sampai kepada mereka yang memerlukan, walaupun JKK berperanan dan berusaha. Selain itu, penempatan baru yang sepatutnya untuk generasi muda sering tidak tersedia atau tidak sesuai, terutamanya bagi individu berpendapatan rendah yang tiada tanah sendiri, menyebabkan mereka terpaksa tinggal bersama ibu bapa. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran generasi muda untuk memiliki rumah sendiri, ketidakadilan dalam pengagihan bantuan, dan tekanan sosial serta ekonomi terhadap keluarga muda yang ingin berdikari.	
		Penduduk menjelaskan isu kepadatan kawasan perumahan di kampung yang menyebabkan masalah parkir dan menghalang akses kenderaan kecemasan. Masalah berlaku kerana kawasan rumah terlalu padat—satu rumah menampung 3 hingga 4 keluarga—dan ruang luar dipenuhi kereta, menyukarkan pergerakan, terutamanya bagi ambulans atau kenderaan lain pada waktu malam. Kesan daripada situasi ini termasuk risiko keselamatan, kesukaran akses untuk perkhidmatan kecemasan, gangguan kehidupan harian, dan tekanan terhadap penduduk akibat	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kekurangan ruang terbuka untuk parkir dan aktiviti lain.	
5.	Kekurangan tanah dan cabaran penempatan untuk generasi muda	Isu utama yang dibangkitkan ialah kesukaran generasi muda untuk mendapatkan tanah atau penempatan sendiri. Masalah berlaku kerana walaupun sesetengah individu mempunyai kemampuan untuk membina rumah, mereka tidak mempunyai tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut. Selain itu, penempatan baru yang sepatutnya disediakan untuk generasi muda sering tidak tersedia atau tidak sesuai, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kesan daripada situasi ini termasuk generasi muda terpaksa tinggal bersama ibu bapa, kekangan untuk berdikari, dan had terhadap peluang untuk membina kehidupan sendiri serta meningkatkan kualiti hidup.	**Pejabat Daerah Tuaran:** Pegawai Daerah Putatan memaklumkan bahawa Kampung Meruntum telah mengemukakan permohonan untuk diwartakan sebagai *rizab kampung*. Namun, sehingga kini permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan rasmi. Selain itu, terdapat juga isu pemilikan tanah di kampung tersebut kerana sebahagian daripada tanah masih merupakan hak milik Brunei, yang menyukarkan urusan penetapan status rizab dan pengurusan pembangunan setempat.
6.	Kepadatan rumah dan keperluan penempatan baru untuk generasi muda	Isu utama yang dibangkitkan ialah kepadatan rumah di Kampung Meruntum yang menyebabkan satu rumah menampung 3 hingga 4 keluarga, menimbulkan risiko terhadap kehidupan harian dan perkembangan anak-anak. Masalah berlaku kerana tiada ruang atau tanah yang mencukupi untuk membina rumah baru di kawasan sedia ada, manakala pembinaan rumah	**Pejabat Daerah Putatan:** Pegawai Daerah Putatan memaklumkan bahawa Kampung Meruntum telah mengemukakan permohonan untuk diwartakan sebagai *rizab kampung*. Namun, sehingga kini permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan rasmi. Selain itu, terdapat juga isu pemilikan tanah di kampung tersebut kerana sebahagian daripada tanah masih merupakan hak

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		di laut juga menghadapi cabaran tertentu. Kesan daripada situasi ini termasuk tekanan terhadap keluarga, gangguan perkembangan kanak-kanak, risiko sosial akibat kepadatan, dan keperluan mendesak untuk menyediakan penempatan baru atau perkampungan baru bagi generasi muda supaya mereka dapat membina rumah sendiri dengan selamat dan lebih teratur.	milik Brunei, yang menyukarkan urusan penetapan status rizab dan pengurusan pembangunan setempat.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kg Muhibbah **Tarikh:** 4 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran 2. Jabatan Perikanan 3. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 4. Jabatan Hidupan Liar
1.	Pengurusan sampah yang tidak efisien dan pencemaran persekitaran.	Isu pengurusan sampah di Kampung Muhibbah menjadi masalah besar apabila tong sampah yang disediakan sepatutnya hanya untuk penduduk kampung, tetapi turut digunakan oleh orang luar. Hal ini menyebabkan kapasiti tong tidak mencukupi dan menimbulkan konflik dalam kalangan penduduk. Tambahan pula, kutipan sampah hanya dilakukan seminggu sekali, setiap hari Jumaat, menyebabkan tong cepat penuh dan sampah menimbun sehingga mengeluarkan bau busuk. Keadaan ini menarik anjing-anjing liar yang mengorek dan menyebarkan sampah merata-rata. Penduduk akhirnya terpaksa membuang sampah di merata tempat untuk mengelakkan longgokan yang berbau dan mengganggu kesihatan serta kesejahteraan komuniti.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menghadapi masalah pengurusan sampah di kawasan perumahan dan setinggan, di mana walaupun perangkap sampah telah dipasang di beberapa titik hotspot, kuantiti sampah semakin meningkat dan terdapat pembuangan sampah di luar kawasan pengawasan mereka. Punca utama masalah ini adalah mentaliti komuniti yang kurang prihatin terhadap kebersihan, menyebabkan pencemaran air dan bau busuk dari sungai. JPS melaksanakan pelbagai tindakan seperti pemasangan perangkap sampah dan pembersihan berkala, tetapi kawalan terhadap parit-parit kecil dan setinggan sukar dilaksanakan kerana kekurangan penguatkuasaan dan tiada cawangan khusus. Kerja-kerja pembaikan atau projek naik taraf hanya dapat mengenal pasti setinggan selepas dilakukan, manakala tindakan terhadap pembuangan haram memerlukan aduan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			atau kerjasama Pejabat Tanah dan DBKK. Walaupun usaha JPS membuahkan hasil dalam mengawal sistem perparitan, masalah sampah terus berlaku kerana faktor komuniti dan kekangan penguatkuasaan.
2.	Cabaran sosioekonomi nelayan – ketidakstabilan pendapatan, kos operasi tinggi, kekurangan infrastruktur, dan kesukaran akses bantuan.	Para nelayan di kawasan ini menghadapi beberapa cabaran besar dalam kelangsungan hidup mereka. Antara keperluan utama yang dinyatakan ialah pembesaran jeti supaya lebih banyak bot nelayan dapat disimpan dengan selamat. Dari segi pendapatan, hasil tangkapan laut adalah tidak menentu dimana ada hari mereka boleh memperoleh sehingga RM200, namun ada juga hanya sekitar RM80, bergantung kepada rezeki dan keadaan laut. Purata bulanan pula sekitar RM600 hingga RM800, yang jelas tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup. Selain itu, kos operasi semakin menekan kerana harga peralatan menangkap ikan seperti pukat, perahu, dan tali semakin mahal. Ramai nelayan terpaksa menggunakan peralatan lama dan menanggung sendiri kos pembaikan tanpa bantuan. Mereka menyatakan kesukaran untuk mendapatkan sokongan atau bantuan kerajaan,	**Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) :** Isu utama yang dihadapi nelayan di Putatan ialah keperluan untuk memiliki dua jenis lesen iaitu lesen bot di bawah Jabatan Laut dan lesen perikanan di bawah Jabatan Perikanan Sabah, yang menyebabkan nelayan perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi. Jabatan Perikanan kini lebih menumpukan kepada aspek kebajikan seperti program sokongan termasuk pelepasan ikan siakap dan penyediaan tukun tiruan mengikut permintaan komuniti, manakala pengurusan jeti kini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terutamanya bagi nelayan yang tidak berlesen atau tidak berdaftar, yang menyebabkan mereka lebih terpinggir. Tambahan lagi, ramai anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan akhirnya turut menjadi nelayan, menambah lagi bilangan nelayan yang bergantung kepada hasil laut yang tidak menentu ini.	telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.
3.	Tempat meletak kenderaan yang tidak teratur	Penduduk di kawasan perumahan ini berdepan masalah serius berkaitan parkir kenderaan. Ramai pemilik kereta meletakkan kenderaan mereka di tepi lorong, termasuk kenderaan rosak yang dibiarkan berminggu hingga berbulan, malah ada yang bertahun. Keadaan ini bukan sahaja menyempitkan laluan, malah menghalang pandangan di simpang jalan, sehingga kerap menyebabkan kemalangan. Walaupun bonggol jalan telah dipasang untuk memperlahankan kenderaan, isu utama masih berpunca daripada parkir kenderaan yang tidak teratur. Situasi ini menjejaskan keselamatan dan keselesaan komuniti setempat.	*Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kesukaran nelayan dalam mendapatkan lesen akibat perubahan sistem, keperluan lesen untuk keselamatan dan penguatkuasaan.	Nelayan di kawasan ini menghadapi kesulitan dalam proses mendapatkan lesen perahu. Dahulu, pihak berkuasa seperti UPNK turun sendiri ke kampung untuk melakukan pemeriksaan, pengukuran, dan pengesahan perahu nelayan. Namun kini, semua urusan perlu dilakukan di Kota Kinabalu, menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kesulitan, terutama ketika musim ribut atau apabila mereka tidak berpeluang meninggalkan kerja harian. Perubahan prosedur ini membebankan, bukan sahaja di satu kampung tetapi di seluruh kawasan seperti Pasir Putih dan Kinarut. Nelayan berharap agar sistem lama dikembalikan, di mana pegawai datang terus ke kampung untuk menjalankan pemeriksaan. Selain itu, mereka menekankan pentingnya memiliki lesen perahu kerana kerap ada pemeriksaan oleh pihak Marin, ESCOM, dan Jabatan Laut semasa mereka ke laut.	**Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) :** Isu utama yang dihadapi nelayan di Putatan ialah keperluan untuk memiliki dua jenis lesen iaitu lesen bot di bawah Jabatan Laut dan lesen perikanan di bawah Jabatan Perikanan Sabah, yang menyebabkan nelayan perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi. Jabatan Perikanan kini lebih menumpukan kepada aspek kebajikan seperti program sokongan termasuk pelepasan ikan siakap dan penyediaan tukun tiruan mengikut permintaan komuniti, manakala pengurusan jeti kini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.
5.	Kerosakan perparitan dan cabaran hak tanah yang menjejaskan usaha pembaikan dan naik taraf.	Penduduk turut mengutarakan isu berkaitan sistem perparitan. Parit di kawasan berhampiran dewan didapati sudah pecah-pecah dan rosak, lebih-lebih lagi dengan keadaan tepi jalan yang turut digunakan sebagai kawasan parkir kenderaan. Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk baik pulih atau menaik taraf parit tersebut. Namun begitu, terdapat juga cabaran dari segi hak tanah, di mana ada tuan tanah yang tidak memberikan kebenaran untuk pelebaran atau pembinaan semula parit. Walaupun kerajaan ada membantu menyediakan parit sementara bagi mengalirkan air, masalah hak milik ini menghadkan penyelesaian jangka panjang.	**Jabatan Pengairan dan Salian:** Masalah sampah di Putatan semakin serius walaupun perangkap sampah dipasang dan kutipan berkala dibuat oleh JPS. Punca utama ialah pembuangan sampah dari kawasan perumahan dan setinggan, ditambah dengan kelemahan penguatkuasaan kerana JPS tiada kuasa bertindak terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya membebankan kontraktor JPS. Penyelesaian memerlukan kerjasama jangka panjang bersama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, usaha kerajaan hanya bersifat sementara.
6.	Penduduk terpaksa menanggung kos tambahan untuk akses air akibat tekanan air rendah.	Penduduk berhadapan dengan masalah kekurangan air bersih sehingga terpaksa membeli dan memasang pam air sendiri untuk mendapatkan bekalan. Walaupun kosnya tinggi, termasuk mencecah hampir RM400, penduduk tetap berusaha mengumpul duit kerana tanpa pam mereka tidak mendapat akses air. Situasi ini menjejaskan keperluan asas harian seperti	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memasak, mandi, berwuduk, dan kebersihan. Ada juga yang terpaksa membeli air mineral untuk kegunaan seharian. Hasil aduan kepada pihak Jabatan Air mendapati punca masalah adalah tekanan air yang sangat rendah, namun sehingga kini masih belum ada penyelesaian konkrit.	
7.	Perubahan aliran sungai dan kelemahan tindakan penyelenggaraan muara.	Penduduk menghadapi masalah perubahan aliran sungai di kawasan muara akibat banjir, ribut, dan ombak besar yang menyebabkan sungai sering berpindah-pindah alirannya. Keadaan ini menjejaskan aktiviti nelayan, terutama ketika air surut dan ombak kuat kerana sungai menjadi cetek dan sukar dilalui. Penduduk mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah konkrit seperti membina tembok besi di sepanjang hujung pantai dan membuka mulut sungai secara teratur supaya aliran air kekal dalam dan stabil. Walaupun isu ini telah lama dibangkitkan, tindakan kerajaan masih belum ada penyelesaian, malah kerja-kerja pengorekan sungai yang dilakukan sebelum ini disyaki hanya untuk mengambil pasir tanpa menyelesaikan masalah sebenar.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Isu keselamatan komuniti akibat gangguan haiwan liar (anjing dan buaya).	Isu haiwan liar turut menjadi kebimbangan penduduk. Masalah anjing liar sering mengganggu keselamatan kerana anjing-anjing ini bukan sahaja tidak mudah ditangkap, malah ada yang pandai mengelak daripada perangkap. Keadaan bertambah berbahaya apabila anjing-anjing ini berkeliaran di kawasan perumahan, sekolah, dan laluan orang kampung, menyebabkan penduduk takut untuk melalui jalan tertentu. Selain itu, anjing peliharaan yang dilepaskan tanpa kawalan juga menambah risiko kerana boleh menggigit orang dan mengorek sampah. Di samping itu, buaya turut dilaporkan sering muncul di tepi sungai, menimbulkan ancaman besar kepada keselamatan penduduk yang bergantung pada sungai untuk aktiviti harian. Walaupun pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar telah mengambil tindakan menembak beberapa ekor, bilangan buaya masih ramai dan menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan masyarakat.	**Jabatan Hidupan Harian:** Jabatan Hidupan Liar menerima banyak aduan mengenai monyet dan buaya yang menceroboh kawasan kampung; pihak jabatan akan membuat *recce* ke lokasi, pasang perangkap dan cuba menangkap haiwan tersebut, tetapi menghadapi beberapa kekangan dan keberkesanan yang terhad. Bagi monyet, mereka bergerak berkumpulan, mudah sedar perangkap dan sering tidak makan umpan, serta apabila ditangkap dan dilepaskan semula ke hutan simpan haiwan itu berkemungkinan bergabung semula dengan kumpulan lain — jadi usaha kawalan populasi setakat ini belum ada kaedah yang berkesan. Untuk buaya pula, jabatan memberi tumpuan kepada kawasan awam dengan pemasangan perangkap; jika saiz atau bahaya terlalu besar, tindakan pemusnahan boleh dilaksanakan. Selain itu, kekurangan staf dan sumber menyebabkan respons mengambil masa (pemasangan perangkap ambil masa berminggu-minggu) dan menyukarkan tindak balas pantas, lalu mengekalkan risiko ancaman keselamatan dan gangguan berulang kepada penduduk.
9.	Keperluan perumahan mampu milik (PPR) bagi	Peserta mencadangkan agar lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) dibina untuk menampung keperluan penduduk setempat.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penduduk berpendapatan rendah.	Pada masa ini, hanya terdapat dua PPR di kawasan Putatan iaitu PPR Keramat dan PPR Serigai. Menurut mereka, PPR Keramat khususnya menempatkan ramai penduduk asal Putatan, manakala PPR Serigai pula merupakan projek yang disambung oleh kerajaan baharu selepas tertangguh. Keperluan rumah mampu milik ini dilihat penting bagi memberikan peluang kepada lebih ramai keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan stabil.	
10.	Kos sara hidup tinggi dan cabaran ekonomi golongan rentan.	Peserta meluahkan kebimbangan terhadap kos sara hidup yang semakin tinggi, khususnya harga barangan keperluan yang dianggap sangat mahal. Isu ini memberi tekanan lebih besar kepada golongan rentan seperti ibu tunggal atau balu yang tidak mempunyai sumber pendapatan tetap. Walaupun anak-anak sudah berkeluarga, mereka tidak dapat sepenuhnya membantu. Peserta juga menyatakan bahawa penduduk kampung terpaksa membeli di kedai berhampiran walaupun harga tidak setara dengan kedai besar seperti Speedmart, kerana faktor usia dan kesulitan untuk berjalan jauh. Situasi ini	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyebabkan masyarakat kampung menghadapi kesukaran untuk menguruskan perbelanjaan harian dalam keadaan ekonomi yang menekan.	

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg Lok Bonu **Tarikh:** 28 April 2025 **Bilangan peserta:** 10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran 2. Jabatan Air Negeri Sabah 3. Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan
1	Bencana banjir	Peserta FGD menjelaskan bahawa setiap kali hujan lebat, walaupun hanya dalam tempoh singkat, kampung mereka pasti dilanda banjir. Keadaan ini berlaku hampir setiap tahun dan menyebabkan kerosakan harta benda seperti perabot dan struktur rumah, termasuk almari serta pintu yang rosak akibat air. Penduduk juga menyatakan bahawa mereka sudah tidak lagi melakukan pembaikan seperti mengecat rumah kerana banjir yang kerap menjadikan usaha tersebut sia-sia. Secara keseluruhannya, petikan ini menunjukkan bahawa banjir merupakan masalah utama dan berterusan yang menjejaskan kehidupan serta menimbulkan kerugian besar kepada penduduk setempat.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saliran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.
2	Tiada sistem kemudahan asas	Peserta FGD menerangkan bahawa tekanan air sangat lemah dan bekalan air hanya keluar pada	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	dan perkhidmatan yang baik	waktu tengah malam, menyebabkan penduduk terpaksa berjaga sehingga larut malam untuk menadah air. Situasi ini menjejaskan aktiviti harian seperti memasak, mandi, dan membersihkan diri. Penduduk juga menyatakan bahawa walaupun mereka membayar bil air setiap bulan, bekalan air sering terputus dan hanya penuh beberapa kali dalam sebulan, menunjukkan ketidakstabilan bekalan yang berpanjangan. Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan bahawa gangguan bekalan air bersih merupakan masalah utama yang menjejaskan kesejahteraan dan rutin harian penduduk kampung.	daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Menurut peserta FGD, bekalan elektrik sering terputus sama ada pada waktu siang atau malam, biasanya dalam tempoh beberapa jam seperti dari jam 8 malam hingga 12 tengah malam, atau dari 12 tengah malam hingga 5 pagi. Gangguan ini dilaporkan berlaku sekitar dua kali seminggu, menjejaskan aktiviti harian penduduk serta menimbulkan ketidakselesaan, terutamanya pada waktu malam.	*Agensi yang berkaitan tidak hadir*
		Peserta FGD menjelaskan bahawa sebahagian penduduk membuang sampah di kawasan pekan,	*Agensi yang berkaitan tidak hadir*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		manakala ada yang membuangnya di kawasan sungai (kailan) atau membakar sampah sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem pelupusan sisa pepejal yang terancang dan berkesan masih belum wujud, menyebabkan penduduk mengambil inisiatif sendiri untuk membuang sampah mengikut keselesaan masing-masing.	
		Peserta FGD menerangkan bahawa penduduk memohon agar sebuah balai raya kecil atau mini balai raya dibina bagi menampung keperluan mereka. Hal ini kerana setiap kali masyarakat ingin berkumpul atau mengadakan mesyuarat, tiada tempat khusus untuk berhimpun. Oleh itu, pembinaan balai raya dianggap penting sebagai ruang pertemuan dan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan, sekali gus memperkukuh hubungan sosial serta memudahkan urusan bersama dalam komuniti.	*Agensi yang berkaitan tidak hadir*

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kg Ulu Putatan **Tarikh**: 28 April 2025 **Bilangan peserta**: 15 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Pejabat Daerah Putatan 2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 3. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan 4. Jabatan Pengairan dan Saliran 5. Jabatan Air Negeri Sabah:
1.	Kekurangan kawasan penempatan dan isu tanah untuk perumahan penduduk kampung	Peserta FGD menjelaskan bahawa kawasan kampung yang kecil menyebabkan penduduk tidak mempunyai tanah mencukupi untuk mendirikan rumah baharu. Oleh itu, mereka berharap agar disediakan kawasan khas bagi pembangunan penempatan baharu yang dapat menampung keperluan perumahan penduduk setempat.	**Pejabat Daerah Putatan:** Putatan menghadapi kekurangan tapak tanah untuk pembinaan perumahan PPRT. Permasalahan ini telah dibawa oleh Ahli Parlimen Putatan untuk dimasukkan di dalam peruntukan.
2.	Cabaran peniaga	Peniaga kecil tidak mempunyai tempat jualan dan kekurangan modal dari segi peralatan. Mereka juga mempunyai pendapatan terhad kerana hanya bergantung kepada tempahan.	*Tiada maklum balas*
3.	Kekurangan peralatan dan pengetahuan akses bantuan dalam	Peserta menjelaskan bahawa mereka hanya mampu menangkap ikan di kawasan pantai kerana tidak memiliki enjin dan perahu besar untuk ke laut dalam yang lebih berpotensi. Selain	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kalangan nelayan kecil	itu, mereka juga tidak tahu cara memohon bantuan seperti melalui program e-Kasih, menyebabkan sumber pendapatan mereka terhad untuk menyara keluarga. Kekurangan pukat, enjin, perahu, dan minyak turut membebankan mereka sehingga ada yang terpaksa berhenti menjadi nelayan.	tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.
4.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta menjelaskan bahawa penduduk tidak mempunyai tempat khusus untuk membuang sampah, menyebabkan mereka terpaksa membuangnya di sekitar kawasan kedai atau tempat yang sedia menerima. Namun, pembuangan sampah di sungai dilarang dan boleh dikenakan saman, selain menyebabkan masalah seperti saluran air tersumbat. Situasi ini menggambarkan ketiadaan kemudahan asas yang mencukupi bagi pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar.	*Tiada maklum balas*
		Peserta menjelaskan bahawa ketiadaan tempat meletak kenderaan yang mencukupi	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyebabkan perselisihan antara penduduk kerana kawasan meletak kenderaan dianggap terhad dan tidak teratur. Selain itu, kawasan kampung yang sempit menjadikan parkir kenderaan sukar dan berisiko, terutamanya semasa kecemasan seperti kebakaran, apabila kenderaan bomba tidak dapat memasuki kawasan tersebut. Isu ini menonjolkan keperluan perancangan infrastruktur yang lebih baik untuk kemudahan awam di kampung.	
5.	Kesan projek tibetan banjir yang gagal mengurangkan risiko banjir	Peserta FGD menjelaskan bahawa selepas projek tebatan banjir dilaksanakan, keadaan menjadi lebih buruk berbanding sebelumnya. Sebelum projek dijalankan, walaupun hujan lebat, air jarang memasuki rumah. Namun kini, selepas projek siap, kawasan kampung sering dilanda banjir dengan cepat sehingga menyebabkan kerosakan perabot dan harta benda seperti karpet, kabinet, dan katil. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan projek tersebut gagal mencapai tujuan asal untuk mengurangkan risiko banjir.	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saliran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Kepimpinan Kampung Talang Taun **Tarikh**: 28 April 2025 **Bilangan peserta**: 15 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam satu kumpulan			**Agensi yang memberikan respon:** 1. Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Ketiadaan sistem perparitan terancang dan kesan terhadap banjir kilat	Peserta FGD menerangkan bahawa sebelum ini, walaupun hujan lebat, air tidak mudah naik. Namun, akibat pembangunan yang tidak terancang dan ketiadaan sistem perparitan (irrigation system) yang berkesan, air kini sering melimpah hingga menyebabkan banjir di kawasan rumah. Masalah menjadi lebih rumit apabila terdapat pertikaian antara jiran mengenai sempadan tanah yang menghalang pembinaan parit baharu. Selain itu, aktiviti menimbus tanah ketika membina rumah juga menutup laluan air semula jadi, menyebabkan air bertakung dan tidak dapat mengalir keluar. Isu ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap perancangan semula dan pembinaan sistem perparitan yang teratur serta kerjasama komuniti bagi mengelak banjir berulang	**Jabatan Pengairan dan Saliran:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saliran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.
2.	Tiada sistem kemudahan asas	Kawasan kampung tidak mempunyai tapak pembuangan sampah yang tersedia. Keadaan	*Agensi berkaitan (Majlis Daerah Tuaran) tidak hadir.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	dan perkhidmatan yang baik	jalan kampung yang sempit juga menyukarkan lori sampah masuk untuk mengutip sampah.	
		Jalan kampung yang sempit dan bahu jalan yang rosak.Keadaan jalan kampung yang sempit ini menyukarkan keluar masuk kenderaan yang sering bertembung di jalan sempit.	*Agensi berkaitan tidak hadir.*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti

Daerah Putatan, yang terletak di pinggir bandar Kota Kinabalu, merupakan kawasan yang sedang pesat membangun dari segi infrastruktur dan kepadatan penduduk. Namun begitu, di sebalik kemajuan fizikal yang berlaku, komuniti setempat masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam aspek ekonomi dan keusahawanan. Isu-isu seperti keterbatasan peluang pendapatan, kekurangan latihan dan sokongan keusahawanan, serta tekanan kos sara hidup memberi kesan langsung kepada kesejahteraan dan kelangsungan hidup masyarakat, khususnya golongan B40.

- **Keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal**
  Salah satu isu utama yang dihadapi oleh komuniti di daerah Putatan ialah keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal. Ramai dalam kalangan mereka menghadapi kesukaran untuk menjana pendapatan sendiri kerana kekangan masa, tanggungjawab menjaga anak, serta kurangnya peluang ekonomi yang sesuai. Kebanyakan suri rumah terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami, manakala ibu tunggal pula perlu berjuang sendiri untuk menyara keluarga tanpa sokongan kewangan yang mencukupi. Isu ini ketara terutamanya di kawasan seperti Kampung Torong Logong, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Lok Bonu, dan Kampung Dumpil, di mana peluang pekerjaan adalah terhad dan akses kepada latihan kemahiran atau program keusahawanan masih kurang memadai. Keadaan ini menimbulkan ketidakseimbangan ekonomi dalam komuniti dan menyukarkan usaha ke arah pemberdayaan wanita serta peningkatan taraf hidup keluarga B40.

- **Kekurangan program keusahawanan dan latihan**
  Masalah seterusnya ialah kekurangan program keusahawanan dan latihan, terutamanya yang menyasarkan golongan ibu tunggal dan suri rumah. Kekurangan program yang khusus untuk membimbing dan memperkasakan kumpulan ini telah menyebabkan mereka kekal bergantung kepada sumber pendapatan yang terhad, sekali gus menyukarkan usaha untuk menjana pendapatan secara berterusan. Tanpa latihan asas dalam bidang seperti pengurusan perniagaan, kemahiran pemasaran, atau inovasi produk, potensi mereka untuk menjadi usahawan turut terbantut. Masalah ini nyata dirasai di beberapa kawasan seperti Kampung Torong Logong, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Lok Bonu, dan Kampung Dumpil, di mana rata-rata penduduknya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan sokongan ekonomi jangka panjang.

Permasalahan ini telah mendapat maklum balas daripada agensi berkaitan, iaitu Giatmara dan MARA. Menurut wakil agensi tersebut, Giatmara Putatan kini menawarkan dua kursus sahaja, iaitu Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, serta Jahitan Langsir dan Soft Furnishing. Penyertaan terbuka kepada semua bumiputera berumur 15 tahun ke atas tanpa had umur, termasuk mereka yang kurang lancar membaca. Peserta yang menyertai kursus menerima elaun sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh sembilan bulan. Bagaimanapun, kekangan utama yang dihadapi ialah ketiadaan kemudahan tempat tinggal, yang menyukarkan ramai individu untuk menyertai kursus tersebut. Bagi meningkatkan penyertaan, Giatmara telah menjalankan program turun padang ke kampung-kampung bagi mencari pelajar, namun minat individu masih menjadi faktor penentu.

- **Kesukaran memohon lesen perniagaan**
  Cabaran seterusnya ialah kesukaran memohon lesen perniagaan, khususnya dalam kalangan peniaga kecil. Ramai daripada mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah atau secara bergerak, namun berdepan dengan kesulitan apabila berurusan dengan pihak berkuasa tempatan. Antara cabaran yang sering timbul ialah syarat untuk memiliki premis fizikal tetap sebelum permohonan lesen dapat dipertimbangkan, sedangkan kebanyakan peniaga tidak mampu menyewa atau memiliki premis khusus. Situasi ini bukan sahaja mengehadkan peluang mereka untuk berniaga secara sah, malah turut menjejaskan akses kepada sokongan dan bantuan rasmi yang memerlukan pendaftaran perniagaan. Isu ini dapat dilihat dengan ketara di beberapa kampung seperti Kampung Dumpil Keramat, Kampung Muhibbah, dan Kampung Lok Bonu, di mana ramai penduduk bergantung kepada perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan utama.

- **Cabaran komuniti nelayan**
  Golongan nelayan di daerah Putatan, khususnya di kawasan seperti Kg Muhibbah, Kg Meruntum dan kampung-kampung sekitar pesisir sungai dan pantai, berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan kelangsungan pekerjaan mereka. Antara cabarannya ialah prosedur yang rumit dan memakan masa untuk mendapatkan lesen bot, menyebabkan ramai nelayan terpaksa beroperasi tanpa lesen yang sah. Keadaan ini bukan sahaja mendedahkan mereka kepada risiko tindakan penguatkuasaan, malah mengehadkan akses mereka kepada bantuan atau subsidi kerajaan. Di samping itu, kemudahan asas seperti jeti nelayan juga tidak diselenggara dengan baik, menjadikannya tidak selamat dan menyukarkan urusan harian seperti memunggah hasil tangkapan. Masalah ini memberi kesan

langsung kepada produktiviti dan pendapatan nelayan setempat, sekaligus menyukarkan usaha untuk memperkukuh ekonomi komuniti pesisir di Putatan.

Pihak berkaitan seperti Jabatan Perikanan Daerah Putatan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil perhatian perkara ini dan memberi maklum balas bahawa isu utama yang dihadapi nelayan di Putatan ialah keperluan untuk memiliki dua jenis lesen iaitu lesen bot di bawah Jabatan Laut dan lesen perikanan di bawah Jabatan Perikanan Sabah, yang menyebabkan nelayan perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi. Jabatan Perikanan kini lebih menumpukan kepada aspek kebajikan seperti program sokongan termasuk pelepasan ikan siakap dan penyediaan tukun tiruan mengikut permintaan komuniti, manakala pengurusan jeti kini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.

- **Kos sara hidup yang tinggi**
  Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk di Daerah Putatan ialah kos sara hidup yang semakin tinggi. Meskipun terdapat kenaikan gaji dalam beberapa sektor, peningkatan tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga barang keperluan asas seperti makanan, barangan dapur, dan perkhidmatan harian. Keadaan ini memberi kesan ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang terpaksa mengurus perbelanjaan dengan sumber yang terhad. Isu ini sangat dirasai oleh penduduk di kawasan kampung seperti Kg Sembulan Lama, Kg Muhibbah, dan kampung-kampung lain di sekitar daerah Putatan, di mana sebahagian besar komuniti bergantung kepada pendapatan harian atau pekerjaan tidak tetap. Tekanan ekonomi ini bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup, malah turut menyukarkan mereka untuk menabung atau melabur dalam aktiviti keusahawanan bagi menambah pendapatan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal 2. Kekurangan program keusahawanan dan latihan 3. Kesukaran memohon lesen perniagaan 4. Cabaran golongan nelayan 5. Kos sara hidup yang tinggi
Cadangan	1. Latihan keusahawanan asas untuk suri rumah dan ibu tunggal bagi memulakan perniagaan kecil dari rumah. 2. Kursus kemahiran jangka pendek dan pemasaran digital secara percuma atau bersubsidi. 3. Khidmat bantuan permohonan lesen perniagaan melalui kaunter bergerak atau sesi bimbingan di kampung.
Kumpulan Sasaran	Suri rumah, ibu tunggal, peniaga kecil, nelayan, golongan B40
Kawasan	Kg Torong Logong, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Lok Bonu, Kg Dumpil, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Meruntum, Kg Sembulan Lama, Kg Ulu Putatan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Mengurangkan kemiskinan sekurang-kurangnya 50%
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan bilangan orang yang mempunyai kemahiran yang relevan demi kejayaan kewangan
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan pasaran

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Cabaran pengurusan alam sekitar

Cabaran pengurusan alam sekitar di kawasan Parlimen Putatan semakin ketara seiring dengan perkembangan pesat kawasan ini sebagai salah satu kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu. Dari segi geografi, Putatan merangkumi gabungan kawasan pesisir, kampung tradisional, dan kawasan pembangunan baharu, menjadikannya terdedah kepada pelbagai isu alam sekitar. Peningkatan jumlah penduduk dan pembangunan perumahan yang tidak terkawal telah menyumbang kepada masalah pengurusan sampah yang tidak sistematik, pencemaran air dan udara, serta sistem perparitan yang tidak efisien. Ketiadaan pelan pengurusan alam sekitar yang menyeluruh menyebabkan risiko banjir, bau busuk, dan kemerosotan kualiti hidup penduduk semakin memburuk, memerlukan perhatian segera daripada pihak berkuasa dan penglibatan aktif komuniti setempat.

- **Kekurangan pengurusan sampah yang sistematik**

  Kekurangan sistem pengurusan sampah yang sistematik di kawasan Parlimen Putatan menyebabkan longgokan sampah sering terkumpul, terutamanya di kawasan kampung yang tidak termasuk dalam sistem perkadaran Majlis Daerah Putatan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Di kawasan-kawasan seperti Kg Tanjung Aru Lama, Kg Dumpil, Kg Serigai serta beberapa kawasan lain yang berada di luar had perkadaran, penduduk berdepan dengan cabaran dalam pengurusan sisa pepejal. Walaupun terdapat usaha yang dijalankan oleh komuniti setempat dengan mengumpul dana untuk membayar syarikat pengutipan sampah secara swasta, inisiatif ini kurang berkesan disebabkan terdapat segelintir penduduk yang enggan bekerjasama dan tidak mahu menyumbang bayaran. Keadaan ini secara tidak langsung menyukarkan pelaksanaan sistem pengurusan sampah yang lebih teratur dan berkesan di kawasan tersebut.

  Permasalahan ini dipertingkatkan oleh kekurangan kesedaran dalam kalangan penduduk setempat mengenai pengurusan sampah yang baik. Walaupun kaedah pengurusan sampah telah diberi teguran dan panduan, pelaksanaannya masih sukar dikawal. Sebagai contoh, di Kampung Torong Logong, sebahagian penduduk atau penghuni bukan asal kurang kesedaran dalam menjaga kebersihan; terdapat individu yang membuang sampah terus dari rumah dan kadang-kadang menyuruh kanak-kanak untuk membuangnya. Kesan daripada situasi ini termasuk pencemaran kawasan kediaman, peningkatan risiko kesihatan akibat sampah yang terkumpul, kehadiran haiwan seperti anjing, serta menjejaskan usaha komuniti untuk mengekalkan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

- **Pencemaran air, udara dan bau**

  Masalah pencemaran air, udara dan bau di kawasan Parlimen Putatan semakin membimbangkan, khususnya di lokasi seperti Kampung Torong Logong Pulau Gaya, Kampung Serigai, Kampung Dumpil, Kampung Dumpil Keramat serta rumah-rumah atas air. Sampah sarap yang dihanyutkan oleh air pasang seringkali terkumpul di kawasan perumahan atas air dan persekitaran kampung, sekali gus mencetuskan pencemaran serius dan risiko kesihatan kepada penduduk. Walaupun terdapat inisiatif penduduk kampung untuk menjaga kebersihan dengan memungut sampah secara berkala, fenomena air pasang yang membawa semula sisa buangan menjadikan usaha ini kurang berkesan. Tambahan pula, sikap segelintir penduduk dan warga asing, termasuk pendatang tanpa izin (PTI), yang membuang sampah ke laut dan ke bawah rumah menyumbang kepada pencemaran yang berterusan. Sikap tidak peduli ini sukar ditegur kerana melibatkan aspek mentaliti dan status penduduk yang tidak sah. Di samping itu, terdapat juga amalan pelupusan sampah melalui pembakaran terbuka oleh sebahagian penduduk kampung, yang menyumbang kepada pencemaran udara dan menjejaskan kualiti hidup masyarakat sekeliling.

  Menurut wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Putatan menyatakan kuantiti sampah yang semakin meningkat menimbulkan pencemaran sungai dan bau busuk, walaupun perangkap sampah telah dipasang di beberapa lokasi. Punca utama masalah ini berasal daripada kawasan perumahan dan setinggan. JPS turut melaksanakan kutipan sampah secara berkala dan menyediakan perangkap sampah di saliran utama, namun sampah tetap masuk melalui parit kecil yang berada di luar kawalan mereka.

- **Sistem perparitan yang tidak sistematik dan banjir**

  Sistem perparitan yang tidak sistematik di kawasan Parlimen Putatan telah menyumbang kepada masalah banjir kilat yang semakin membimbangkan, khususnya di kampung-kampung seperti Kg Serigai, Kg Dumpil, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, dan Kg Ulu Putatan. Salah satu faktor utama yang memburukkan keadaan ialah kewujudan rumah-rumah setinggan yang dibina di atas kawasan rezab perparitan, termasuk di atas parit itu sendiri, sekali gus menyekat aliran air dan menyebabkan saliran tersumbat. Parit yang tidak berfungsi dengan baik pula mengakibatkan air bertakung setiap kali hujan lebat, meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat yang menjejaskan kehidupan harian penduduk. Tambahan pula, lokasi seperti Kg Talang Taun yang terletak di kawasan bekas sawah padi menjadikan kawasan tersebut lebih mudah dinaiki air akibat permukaan tanah yang rendah dan kurang sistem saliran semula jadi. Keadaan ini jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk penambahbaikan sistem

perparitan secara menyeluruh serta pemantauan terhadap pembangunan tidak terkawal yang mengganggu fungsi saluran sedia ada.

Wakil daripada Jabatan Perairan dan Saliran Daerah Putatan menjelaskan bahawa masalah banjir kilat di beberapa kawasan berpunca daripada pembangunan tanah yang tidak mengambil kira sistem perparitan sedia ada. Jabatan sedang melaksanakan proses naik taraf sistem perparitan, di mana saluran asal sebenarnya mencukupi untuk mengalirkan air. Namun, tindakan pemilik tanah yang membuat tambakan untuk tujuan pembangunan tanpa mempertimbangkan aliran air telah menjejaskan fungsi sistem perparitan, seterusnya menyebabkan berlakunya banjir. Tambahan pula, terdapat juga kawasan yang merosakkan aset perparitan tanpa pengetahuan pihak jabatan. Masalah ini berpunca daripada kekurangan pemahaman orang awam mengenai keperluan pengaliran air semasa hujan lebat atau fenomena air pasang, sekali gus menyebabkan mereka beranggapan bahawa laluan sedia ada sudah mencukupi.

Wakil daripada Jabatan Perairan dan Saliran Daerah Putatan turut menjelaskan bahawa mereka menghadapi kekangan kerana pihak JPS tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan, menyebabkan isu setinggan yang membuang sampah atau mendirikan rumah di kawasan rizab sukar ditangani tanpa aduan rasmi. Selain itu, banjir kilat kerap berlaku apabila pemilik tanah membuat tambakan tanpa mengambil kira aliran air, sekaligus menjejaskan fungsi sistem perparitan sedia ada. Walaupun terdapat sukarelawan yang membantu memasang perangkap sampah, tiada pihak yang konsisten mengutip sampah, menjadikan beban pengurusan kembali kepada kontraktor JPS. Usaha untuk menangani isu ini memerlukan kerjasama jangka panjang dengan komuniti dan NGO; tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara, dan risiko banjir kilat tetap wujud semasa hujan lebat atau air pasang.

Jadual 16. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan pengurusan sampah yang sistematik 2. Pencemaran air, udara, dan bau 3. Sistem perparitan yang tidak sistematik dan banjir
Cadangan	1. Kempen mendidik penduduk untuk mengasingkan sisa organik, sisa kitar semula dan sisa am di rumah.

	2. Penubuhan sudut atau pusat mini kitar semula di kampung untuk mengumpul bahan seperti plastik, aluminium dan kertas. 3. Melatih penduduk menghasilkan baja kompos dari sisa dapur untuk kegunaan kebun komuniti atau tanaman rumah. 4. Memberi latihan kepada belia atau wanita mengenai cara menjana pendapatan melalui bahan buangan seperti kraftangan atau produk mesra alam.
Kumpulan Terjejas	Penduduk kampung, penduduk di rumah atas air
Kawasan	Kg Tanjung Aru Lama , Kg Dumpil , Kg Torong Logong , Kg Meruntum, Kg Serigai, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, Kg Ulu Putatan

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi untuk Semua	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat
SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Selamat, Tahan Lasak dan Mampan	Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara
SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap bencana berkaitan iklim

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan sokongan, penjagaan dan aktiviti sosial warga emas

Putatan, sebuah daerah kecil yang terletak berhampiran bandar Kota Kinabalu di Sabah, kini mengalami pertumbuhan pesat dari segi pembangunan dan jumlah penduduk. Namun, di sebalik kemajuan ini, golongan warga emas di kawasan tersebut masih berdepan dengan kekurangan sokongan, penjagaan dan peluang untuk terlibat dalam aktiviti sosial yang sesuai dengan keperluan mereka. Dengan demografi yang semakin menua dan bilangan warga emas yang meningkat, cabaran ini menjadi semakin ketara, khususnya bagi mereka yang tinggal bersendirian atau tidak mempunyai keluarga

terdekat. Faktor geografi yang merangkumi kawasan pinggir bandar dan kampung juga menyumbang kepada kekangan akses terhadap perkhidmatan penjagaan dan sokongan sosial yang holistik.

- **Kekurangan latihan untuk penjaga yang kompeten**
  Kekurangan latihan untuk caregiver yang kompeten merupakan isu utama dalam sektor penjagaan warga emas di Sabah, khususnya di institusi seperti rumah orang tua-tua Kanaan Home. Setakat ini, tiada institusi atau program latihan yang mencukupi dan khusus untuk melatih penjaga *(caregiver)* dengan kemahiran tinggi, terutamanya dalam aspek perubatan, psikologi, dan keperluan khas warga emas di kawasan Putatan. Kekurangan kursus latihan yang berstruktur dan bersijil di negeri ini menghalang lebih ramai individu daripada memperoleh kemahiran asas dan pengetahuan profesional yang diperlukan untuk menyediakan penjagaan berkualiti. Keadaan ini menjejaskan kualiti penjagaan yang diterima oleh warga emas dan memberi cabaran kepada institusi-institusi yang bergantung kepada tenaga kerja terlatih untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan penghuni mereka. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk pembangunan program latihan yang komprehensif dan mudah diakses bagi melahirkan caregiver yang kompeten dan berdedikasi di Sabah.

  Wakil Pejabat Kebajikan Daerah Putatan menjelaskan bahawa program dan latihan di Pusat Warga Emas Kanaan Home dijalankan oleh pihak persendirian yang mengurus pusat tersebut. Mana-mana Pusat Jagaan Warga Tua, pengusaha pusat bertanggung jawab sendiri dalam pengambilan pekerja atau pelatih serta dalam menentukan kursus atau latihan yang sesuai untuk mereka di mana-mana pusat jagaan warga emas. Pejabat Kebajikan hanya bertindak memantau pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi individu atau organisasi yang ingin membuka pusat jagaan warga emas, permohonan boleh dibuat di pejabat kebajikan mengikut daerah masing-masing.

- **Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim**
  Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim yang memenuhi keperluan khusus golongan ini merupakan satu isu penting yang perlu diberi perhatian di kawasan Putatan. Kebanyakan pusat penjagaan yang sedia ada kurang menyediakan kemudahan yang sesuai dengan keperluan warga emas Muslim, terutamanya dari segi penyediaan makanan halal, penjagaan yang berlandaskan nilai dan amalan Islam, serta ruang solat yang selesa dan memadai. Keperluan-keperluan ini adalah asas bagi memastikan kesejahteraan fizikal dan rohani warga emas Muslim dapat dijaga dengan baik. Lokasi seperti rumah orang tua-tua Kanaan Home, yang berperanan sebagai pusat jagaan warga emas, menunjukkan

kekurangan kemudahan berkenaan secara khusus, sekaligus menimbulkan cabaran dalam memberikan perkhidmatan yang holistik dan berintegriti mengikut tuntutan agama. Oleh itu, penambahbaikan dan penubuhan pusat penjagaan warga emas Muslim yang komprehensif adalah sangat diperlukan untuk memenuhi keperluan komuniti ini secara menyeluruh.

Pejabat Kebajikan Daerah Putatan menjelaskan bahawa di daerah Putatan terdapat satu pusat jagaan warga emas, iaitu Kanaan Home, yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pusat ini diuruskan oleh pihak persendirian tetapi tetap mematuhi keperluan pendaftaran JKM. Bagi isu kekurangan pusat jagaan warga emas Muslim, setakat ini tiada pusat khusus yang beroperasi di daerah ini. Walaubagaimanapun, mana-mana NGO atau pihak swasta mempunyai peluang untuk membuka pusat jagaan bagi warga emas Muslim, dengan syarat mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan di bawah peraturan pusat jagaan yang berkuat kuasa.

- **Cabaran dalam mendapatkan kakitangan tetap**

  Rumah penjagaan warga emas menghadapi cabaran yang signifikan dalam mendapatkan kakitangan tetap yang berkualiti dan berdedikasi. Tugas penjagaan warga emas yang berat dan memerlukan komitmen tinggi seringkali menjadi punca utama kekurangan tenaga kerja tetap. Selain itu, gaji yang ditawarkan kepada kakitangan penjagaan masih rendah berbanding dengan beban tanggungjawab yang perlu dipikul, menyebabkan sukar untuk menarik dan mengekalkan pekerja yang berkelayakan. Lebih memburukkan keadaan, kebanyakan tenaga kerja yang tersedia kurang mendapat latihan khusus dalam aspek penjagaan perubatan, terapi fizikal, serta sokongan emosi yang amat penting bagi warga emas yang memerlukan bantuan khusus. Keadaan ini menjejaskan kualiti penjagaan yang diberikan dan menimbulkan risiko kepada kesejahteraan fizikal dan mental warga emas di institusi tersebut.

  Pejabat Kebajikan Daerah Putatan mengambil maklum berhubung cabaran yang dihadapi oleh pengusaha pusat jagaan warga emas dalam mendapatkan kakitangan tetap. Menurut pihak pejabat, usaha untuk menarik minat individu bekerja secara tetap di pusat jagaan sememangnya mencabar. Walau bagaimanapun, pusat jagaan seperti Kanaan Home masih menerima bantuan daripada sukarelawan serta pelatih, termasuk jururawat dan individu yang melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti penjagaan warga emas. Sokongan sukarelawan ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban pengurusan, meskipun isu kekurangan tenaga kerja tetap masih wujud.

- **Pusat jagaan yang tidak menampung keperluan**
  Bilangan warga emas di kawasan Putatan yang memerlukan penjagaan dan sokongan semakin meningkat seiring dengan pertambahan usia penduduk. Namun, pusat jagaan warga emas yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan jumlah yang semakin bertambah ini. Kekurangan fasiliti dan kapasiti dalam pusat jagaan menyebabkan sebahagian warga emas terpaksa menghadapi keadaan tanpa penjagaan yang sewajarnya, sekaligus menjejaskan kualiti hidup mereka. Selain itu, pusat jagaan yang terhad juga menghadapi cabaran dalam menyediakan perkhidmatan yang holistik dan bersepadu, termasuk aspek penjagaan kesihatan, aktiviti sosial, serta sokongan psikososial. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperluaskan dan meningkatkan kemudahan pusat jagaan agar dapat memenuhi permintaan dan memberikan penjagaan yang lebih baik kepada warga emas di Putatan.

Jadual 17. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan latihan untuk penjaga yang kompeten 2. Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim 3. Cabaran dalam mendapatkan staf tetap 4. Pusat jagaan yang tidak menampung
Cadangan	1. Mengadakan bengkel atau kursus pendek untuk komuniti tempatan terutama ahli keluarga dan sukarelawan yang berminat agar mereka memperoleh kemahiran asas penjagaan warga emas yang kompeten. 2. Menubuhkan kumpulan komuniti yang memberi sokongan emosi dan sosial secara berkala bagi warga emas Muslim, termasuk aktiviti kerohanian dan sosial. 3. Persatuan boleh menganjurkan program latihan dan pensijilan untuk penjaga warga emas khususnya yang memahami keperluan budaya dan agama Muslim. 4. Melaksanakan kajian kebolehlaksanaan dan pilot projek pusat jagaan yang mengutamakan keperluan warga emas Muslim, termasuk aspek pemakanan dan aktiviti mengikut agama.
Kumpulan Sasaran	Warga emas

Kawasan	Rumah orang tua-tua, Kanaan Home
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan	Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan bilangan orang yang mempunyai kemahiran yang relevan demi kejayaan kewangan
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik sejagat
SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari	Sasaran 11.7: Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan pertumbuhan setinggan

Daerah Putatan yang terletak di pantai barat negeri Sabah merupakan sebuah kawasan pinggir bandar yang sedang pesat membangun, dengan kepadatan penduduk yang semakin meningkat saban tahun. Bersempadan dengan Kota Kinabalu, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan infrastruktur di Putatan telah menarik penghijrahan masuk dari pelbagai kawasan luar bandar, termasuk dari pedalaman Sabah dan negeri-negeri lain. Namun begitu, peningkatan populasi ini tidak seiring dengan penyediaan perumahan awam yang mencukupi, khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR). Kekurangan unit PPR telah menyebabkan berlakunya pertumbuhan kawasan setinggan yang tidak terkawal di beberapa lokasi strategik, termasuk di tepi sungai, kawasan rizab kerajaan, dan tanah persendirian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan cabaran dari segi pengurusan perbandaran dan keselamatan, tetapi turut memberi implikasi besar terhadap kesejahteraan sosial penduduk serta kelestarian alam sekitar di Putatan. Maka, isu kekurangan PPR dan pertumbuhan penempatan setinggan di daerah ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib dan semua pemegang taruh.

- **Faktor Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)**
  Masalah kekurangan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di daerah Putatan merupakan isu yang semakin mendesak, terutamanya dengan pertumbuhan pesat penduduk serta peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah kekangan dalam mendapatkan tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah PPR. Kebanyakan kawasan di Putatan telah dibangunkan untuk tujuan komersial, perumahan swasta, atau mempunyai status tanah yang tidak sesuai, seperti tanah rizab atau

kawasan berisiko banjir. Selain itu, beberapa cadangan projek perumahan mampu milik yang telah dirancang menghadapi kelewatan pelaksanaan akibat isu perancangan, kekangan peruntukan kewangan, atau birokrasi melibatkan kelulusan pelbagai agensi berkaitan.

Situasi ini menyebabkan jumlah unit rumah PPR yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi daripada golongan B40. Akibatnya, ramai penduduk terpaksa memilih untuk menyewa atau membina rumah di kawasan setinggan, seperti di Kg Sembulan Lama, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Muhibbah, Kg Dumpil dan Kg Serigai, yang terletak di kawasan pinggir bandar. Penempatan setinggan ini bukan sahaja mendedahkan penduduk kepada risiko kebakaran, banjir dan masalah kesihatan awam, tetapi juga menimbulkan cabaran dalam aspek pengurusan bandar serta hak milik tanah.

Di Putatan, hanya dua projek PPR utama telah dilaksanakan, iaitu PPR Taman Sri Serigai dan PPR Taman Sri Keramat[30]. Walaupun projek-projek ini sedikit sebanyak membantu menyediakan perumahan kepada golongan sasar, jumlah unit yang ditawarkan masih terlalu terhad berbanding jumlah permohonan yang diterima setiap tahun. Tambahan pula, lokasi PPR yang tersedia juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan masyarakat dari kawasan setinggan sedia ada yang memerlukan penempatan semula. Justeru, perancangan jangka panjang yang melibatkan kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan pihak berkuasa tempatan amat diperlukan bagi mempercepat pembinaan PPR baharu serta memperluas akses kepada perumahan yang selamat, selesa dan mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat.

Keperluan penambahan rumah PPRT di kawasan Putatan ini amat diperlukan oleh penduduk kampung di mana mereka menyuarakan kesukaran generasi muda untuk mendapatkan tanah atau penempatan sendiri. Masalah berlaku kerana walaupun sesetengah individu mempunyai kemampuan untuk membina rumah, mereka tidak mempunyai tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut. Selain itu, penempatan baru yang sepatutnya disediakan untuk generasi muda sering tidak tersedia atau tidak sesuai, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kesan daripada situasi ini termasuk generasi muda terpaksa tinggal bersama ibu bapa, kekangan untuk berdikari, dan had terhadap peluang untuk membina kehidupan sendiri serta meningkatkan kualiti hidup.

[30] Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). *Senarai Projek PPR*. Diakses 31 Mei 2025. https://teduh.kpkt.gov.my/project-ppr?download=1.

- **Peningkatan rumah setinggan dan impak terhadap persekitaran**

  Daerah Putatan di Sabah kini berhadapan dengan pertumbuhan pesat penempatan setinggan, terutamanya di kawasan pinggir bandar seperti Kampung Sembulan Lama, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Muhibbah, Kampung Dumpil dan Kampung Serigai. Fenomena ini didorong oleh beberapa faktor utama, termasuk penghijrahan penduduk dari daerah pedalaman dan luar bandar ke Putatan yang strategik dan berhampiran dengan pusat ekonomi seperti Kota Kinabalu. Kedudukan geografi yang menarik ini menjadikan Putatan sebagai destinasi utama bagi mereka yang mencari peluang pekerjaan dan akses kepada kemudahan bandar.

  Selain itu, peningkatan kemasukan pendatang tanpa izin (PTI) turut menyumbang kepada pertumbuhan penempatan setinggan di kawasan ini. Ketiadaan dokumen sah dan status kewarganegaraan menyebabkan golongan ini sukar untuk mendapatkan perumahan formal, lantas mendorong mereka membina kediaman sementara atau kekal secara tidak sah. Penempatan yang dibina tanpa pelan ini sering kali tidak mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti air bersih dan elektrik, menyebabkan berlakunya kecurian utiliti yang membebankan pihak berkuasa tempatan serta menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk setempat.

  Pihak berkuasa tempatan seperti Jabatan Imigresen Kota Kinabalu dan Pejabat Daerah Putatan mengambil serius isu kehadiran pendatang asing tanpa izin (PATI) di kawasan Putatan. Berdasarkan pemantauan pihak Imigresen Kota Kinabalu, kewujudan PATI berpunca daripada projek-projek perumahan yang menjadi faktor penarik migrasi. Kehadiran mereka bukan sahaja tertumpu di kawasan setinggan, malah turut melibatkan aktiviti penyewaan rumah dan tanah milik penduduk tempatan. Masyarakat boleh menyalurkan aduan terus ke pejabat imigresen atau melalui emel untuk membolehkan tindakan pemantauan, risikan, dan operasi dilaksanakan, termasuk melalui kerjasama dengan PDRM dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi operasi berskala besar.

  Pihak PBT turut mengambil langkah penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah Putatan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan perobohan setinggan di kawasan rizab sungai, seperti di Serigai dan Dumpil. Sebagai contoh, di Kampung Sembulan, pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan tindakan perobohan rumah setinggan

bagi menangani isu ini[31]. Menurut laporan, beberapa buah rumah setinggan di kawasan tersebut telah dirobohkan oleh pihak berkuasa pada awal Januari 2025. Langkah ini diambil sebagai usaha untuk mengawal pertumbuhan penempatan haram dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan penduduk[32]. Walau bagaimanapun, cabaran timbul apabila PATI yang diusir berpindah ke tanah milik persendirian penduduk tempatan. Hal ini menyukarkan tindakan penguatkuasaan kerana melibatkan isu pengesanan pemilik tanah yang menyewakan kepada mereka. Meskipun jumlah penempatan setinggan telah berkurangan daripada kira-kira 70 kawasan hasil operasi bersepadu dan tindakan perobohan sebelum ini, masalah penempatan PATI masih berterusan dan memerlukan pendekatan bersepadu yang lebih tegas.

Di Kampung Dumpil pula, kejadian kebakaran yang memusnahkan tiga buah rumah setinggan pada Jun 2020 menunjukkan betapa rapuhnya struktur penempatan ini terhadap bencana[33]. Kejadian tersebut bukan sahaja menyebabkan kerugian harta benda, malah mengancam nyawa penduduk yang tinggal di kawasan tersebut[34]. Situasi ini menekankan keperluan mendesak untuk perancangan perumahan yang lebih holistik dan inklusif di Putatan. Kerjasama antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat amat penting dalam merangka penyelesaian jangka panjang, termasuk penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap pembinaan penempatan haram.

Pegawai Daerah Putatan juga turut menyuarakan masalah kritikal yang dihadapi semasa kejadian kebakaran di kampung-kampung, di mana pihak bomba sering tidak dapat memasuki kawasan terjejas akibat laluan jalan yang sempit dan dipenuhi kenderaan yang diletakkan di tepi jalan. Dalam beberapa kes, anggota bomba terpaksa menggunakan paip yang panjang dengan sambungan berulang untuk mencapai lokasi kebakaran. Jika terdapat sungai berhampiran, ia sedikit membantu dalam mendapatkan sumber air. Masalah ini menjadi lebih serius apabila kebakaran berlaku pada waktu malam kerana keadaan jalan yang sesak dan akses masuk semakin sukar.

---

[31] Nabalu News. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." *Nabalu News*, 11 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. https://www.nabalunews.com/post/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor.

[32] Agust Dean. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." *Daily Express*, 9 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. https://www.dailyexpress.com.my/news/243462/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor/.

[33] "Tiga Rumah Setinggan Terbakar di Kg Dumpil." *Utusan Borneo*, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/23/tiga-rumah-setinggan-terbakar-di-kg-dumpil.

[34] "Tiga Rumah Setinggan Musnah Terbakar." *Berita Harian*, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/703257/tiga-rumah-setinggan-musnah-terbakar.

Jadual 18 Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) 2. Peningkatan rumah setinggan dan impak terhadap persekitaran
Cadangan	1. Menyediakan tanah yang sesuai dan strategik khusus untuk pembangunan rumah PPR melalui kerjasama antara kerajaan negeri, persekutuan dan pihak berkuasa tempatan. 2. Melaksanakan program penempatan semula secara terancang bagi penduduk setinggan ke dalam projek perumahan rasmi yang selamat dan teratur. 3. Memperketat penguatkuasaan undang-undang bagi membendung pembinaan rumah setinggan tanpa kebenaran dan aktiviti kecurian utiliti. 4. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perumahan yang sah dan risiko penempatan haram melalui kempen dan pendidikan komuniti. 5. Membangunkan mekanisme sokongan sosial dan ekonomi untuk golongan B40 supaya dapat meningkatkan kemampuan mereka memiliki rumah sendiri.
Kumpulan Sasaran	Golongan B40, penduduk setinggan, masyarakat setempat, pendatang tanpa izin (PTI), pihak berkuasa tempatan dan kerajaan
Kawasan	Kg Sembulan Lama, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Muhibbah, Kg Dumpil, Kg Serigai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi
SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari	Sasaran 11.1: Perumahan yang selamat dan mampu milik

	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus

4.2.5 Pengutamaan Isu 5: Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam

Isu keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam di kawasan Parlimen Putatan merupakan satu cabaran utama yang memberi impak langsung kepada kualiti hidup penduduk setempat. Kekurangan kemudahan seperti jalan raya yang baik, sistem bekalan air bersih, rangkaian elektrik yang stabil, serta kemudahan kesihatan dan pendidikan yang mencukupi, telah menyukarkan penduduk untuk menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Selain itu, infrastruktur yang tidak memadai turut menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut, sekaligus membataskan peluang peningkatan taraf hidup komuniti. Oleh itu, usaha bersepadu daripada pihak kerajaan, agensi berkaitan, dan masyarakat adalah penting bagi memastikan pembangunan infrastruktur asas dan kemudahan awam dapat dipertingkatkan demi kesejahteraan penduduk Parlimen Putatan.

- **Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan**

  Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan Parlimen Putatan khususnya di Pulau Gaya menjadi satu masalah serius yang menjejaskan kesejahteraan masyarakat setempat. Penduduk di Pulau Gaya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rawatan perubatan kerana tiada klinik kesihatan tetap atau klinik bergerak di pulau tersebut[35]. Akibatnya, mereka terpaksa menempuh jarak yang jauh ke klinik kesihatan terdekat iaitu di Klinik Kesihatan Putatan, yang bukan sahaja membebankan dari segi masa dan kos, tetapi juga menyukarkan mereka mendapatkan rawatan segera apabila diperlukan. Isu kekurangan kemudahan kesihatan di Pulau Gaya ini juga telah lama mendapat perhatian[36], namun penyelesaiannya masih belum mencukupi, menyebabkan penduduk di sana terus berdepan dengan cabaran ini.

  Tambahan pula, Klinik Kesihatan Putatan yang terletak di daratan pula mengalami kepadatan pesakit dan saiz premis yang kecil[37], menyebabkan perkhidmatan yang diberikan tidak dapat menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat. Berdasarkan lawatan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan, ke Klinik Kesihatan

[35] "Pulau Gaya Perlu Klinik Kesihatan Sendiri." *Harian Metro*, 4 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/438128/pulau-gaya-perlu-klinik-kesihatan-sendiri.
[36] CodeBlue. "MP Wants Government Clinic At Pulau Gaya." *CodeBlue*, 27 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. https://codeblue.galencentre.org/2019/03/mp-wants-government-clinic-at-pulau-gaya/.
[37] Jeffrey Nor. "Naiktaraf Segera Klinik Kesihatan Putatan kepada Hospital Awam." *Sabah News Today*, 1 Jun 2023. Diakses 31 Mei 2025. https://sabahnewstoday.net/naiktaraf-segera-klinik-kesihatan-putatan-kepada-hospital-awam-jeffrey-nor/.

Putatan pada tahun 2023, didapati bahawa seramai 1,023 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik tersebut[38]. Sehingga tahun 2025, dijangkakan bilangan pesakit yang berkunjung ke Klinik Kesihatan Putatan akan terus meningkat dengan ketara.

Selain daripada Klinik Kesihatan Putatan juga terdapat Klinik Desa Petagas yang terletak di kawasan Petagas dan umumnya memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan sekitar Petagas, termasuk kawasan perumahan berhampiran seperti Petagas, Kampung Meruntum, dan kawasan sekitarnya yang lebih dekat dengan lokasi klinik ini. Manakala Klinik Kesihatan Putatan pula terletak di pusat bandar Putatan dan berperanan sebagai pusat kesihatan utama bagi kawasan Parlimen Putatan. Klinik ini meliputi kawasan yang lebih luas termasuk pusat bandar Putatan, kawasan perumahan sekitar seperti Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Sembulan Lama, serta kawasan-kawasan lain yang tidak diliputi oleh Klinik Desa. Namun, kerana lokasi pusat bandar dan sifatnya sebagai klinik utama, klinik ini juga menjadi rujukan bagi pesakit dari kawasan yang lebih jauh termasuk penduduk Pulau Gaya yang terpaksa menempuh perjalanan ke daratan untuk mendapatkan rawatan. Keadaan ini memberi kesan negatif terutamanya kepada golongan warga emas, ibu mengandung, dan mereka yang mempunyai penyakit kronik yang memerlukan rawatan berterusan.

Pejabat Kesihatan Daerah Putatan memaklumkan bahawa isu kesihatan di daerah Putatan kini berdepan cabaran besar dalam menampung keperluan penduduk yang melebihi 80,000 orang, dengan jumlah ini dijangka terus meningkat seiring pembangunan baharu seperti Meruntum Resort City dan Dumpil Project. Klinik Kesihatan Putatan sedia ada dilaporkan beroperasi dalam keadaan sangat padat, manakala Klinik Desa Petagas tidak dapat diperluaskan kerana kedudukannya berhampiran kawasan kampung.

Keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan yang serius, khususnya sekiranya berlaku penularan penyakit berjangkit yang boleh merebak dengan cepat akibat kepadatan penduduk. Sehubungan itu, Pejabat Kesihatan Putatan telah mengambil langkah awal dengan membawa isu ini ke perhatian Pegawai Daerah (DO), wakil rakyat (YB), serta pemaju projek untuk mencadangkan penubuhan tiga buah klinik kesihatan tambahan dan sebuah hospital baharu. Perbincangan dengan pihak pemaju juga telah dijalankan bagi mendapatkan penyediaan tanah untuk pembinaan hospital tersebut.

[38] "Lawatan YB Menteri Kesihatan Ke Klinik Kesihatan Putatan, Putatan, Sabah." *Kementerian Kesihatan Malaysia*, 8 April 2023. Diakses 31 Mei 2025. https://moh.gov.my/index.php/pages/view/6778.

Selain infrastruktur, masalah kekurangan tenaga kerja kesihatan turut dikenal pasti sebagai cabaran utama. Peningkatan populasi dan kepelbagaian penyakit memerlukan penambahan staf serta kemudahan teknologi perubatan yang lebih moden bagi memastikan pesakit menerima rawatan yang berkualiti.

- **Gangguan bekalan air dan elektrik**

  Isu gangguan bekalan air dan elektrik yang kerap tanpa notis di kawasan Parlimen Putatan telah menjejaskan kehidupan harian masyarakat setempat secara serius. Bekalan air yang tidak stabil memaksa penduduk bergantung kepada sumber alternatif seperti air hujan, air perigi, dan air mineral untuk keperluan harian. Sebagai contoh, penduduk di Kampung Torong Logong terpaksa menggali perigi sendiri berikutan gangguan berulang pada bekalan air kerajaan. Situasi ini bukan sahaja berlaku di kawasan terpencil, malah turut melibatkan kawasan pinggir bandar seperti Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Sembulan Lama, Kampung Serigai, Kampung Muhibbah, Kampung Lok Bonu, Kampung Ulu Putatan, dan Kampung Talang Taun. Lebih membebankan, ada kalanya bekalan air hanya disalurkan pada waktu malam, memaksa penduduk berjaga sehingga lewat malam semata-mata untuk mengumpul air bagi kegunaan harian.

  Dalam masa yang sama, gangguan bekalan elektrik turut berlaku secara berulang tanpa sebarang makluman awal, menyebabkan kerosakan kepada peralatan elektrik serta meningkatkan risiko berlakunya litar pintas. Gangguan ini memberi kesan besar kepada keselamatan dan ekonomi isi rumah, terutamanya bagi mereka yang menjalankan perniagaan kecil dari rumah. Selain itu, wujud juga isu penyambungan bekalan air[39] dan elektrik secara haram, khususnya di kawasan rumah setinggan yang dihuni oleh penduduk bukan tempatan. Ahli Parlimen Putatan, YB Datuk Ir Shahelmey Yahya juga turut menyatakan berlakunya penyambungan air yang menyebabkan gangguan bekalan air yang turut berlaku di daerah-daerah lain[40].

  Lebih membimbangkan, terdapat kes di mana penduduk tempatan sendiri memberikan kebenaran kepada pendatang untuk membuat sambungan tidak sah ini, sekali gus menimbulkan risiko keselamatan dan menambah beban kepada sistem bekalan sedia ada. Situasi ini mencerminkan keperluan mendesak untuk

[39] Asyikin Asmin. "Sambungan Haram Antara Unsur Sabotaj Bekalan Air di Sabah." *Sinar Harian*, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. https://www.sinarharian.com.my/article/711577/edisi/sabah-sarawak/sambungan-haram-antara-unsur-sabotaj-bekalan-air-di-sabah.

[40] Florieta Diet. "Wujud Unsur Sabotaj dalam Pengurusan Air di Sabah – Shahelmey." *Sabah Media*, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. https://sabahmedia.com/2025/02/08/wujud-unsur-sabotaj-dalam-pengurusan-air-di-sabah-shahelmey/.

penyelesaian menyeluruh dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas daripada pihak berwajib bagi menjamin hak dan keselamatan penduduk tempatan.

Jabatan Air Negeri Sabah memaklumkan bahawa kawasan Kota Kinabalu termasuk Putatan sedang berdepan masalah kekurangan bekalan air akibat pertambahan pembangunan dan penduduk, manakala loji sedia ada masih belum ditambah kapasiti. Bagi mengatasinya, pada bulan Jun dijangka berlaku penambahan 5 ML bekalan air daripada Loji Kasigui USS yang akan disalurkan ke Putatan, diikuti tambahan 10 MT daripada Loji Kokopon pada bulan Ogos, yang sebahagiannya juga akan menampung keperluan Putatan. Langkah ini diharap dapat menyelesaikan masalah air di daerah tersebut. Walau bagaimanapun, isu sambungan haram masih berlaku khususnya di kawasan perkampungan tidak sah seperti di Sembulan Lama, yang sering menjejaskan kestabilan bekalan. Tindakan pemantauan dan pemotongan sambungan haram dijalankan dari semasa ke semasa bagi meminimumkan kesan. Selain itu, pihak jabatan juga memastikan sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan air akan dimaklumkan kepada penduduk melalui notis lebih awal.

- **Kekurangan kemudahan awam dan fasiliti**

  Kekurangan kemudahan awam di kawasan Parlimen Putatan menjadi antara isu utama yang menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat setempat. Salah satu masalah ketara ialah ketiadaan tempat meletak kenderaan yang mencukupi, terutamanya di kawasan tumpuan seperti pusat perniagaan, sekolah, dan klinik. Keadaan ini sering mengakibatkan kenderaan diletakkan secara *double park*, yang bukan sahaja menyekat laluan kenderaan lain tetapi juga boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas serta menyukarkan kerja-kerja kecemasan seperti ambulans dan bomba.

  Selain itu, banyak kampung di kawasan ini tidak mempunyai kemudahan asas seperti balai raya, dewan serbaguna, atau gelanggang sukan. Ketiadaan ruang ini menyukarkan penduduk untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan, program pendidikan, dan kegiatan sukan yang boleh mengeratkan hubungan sosial serta meningkatkan kualiti hidup. Kekurangan infrastruktur sedemikian turut membantutkan pembangunan sosial dan komuniti setempat.

  Di samping itu, terdapat juga keperluan mendesak untuk membina jejantas pejalan kaki di kawasan berisiko tinggi kemalangan, khususnya di jalan-jalan utama yang sibuk dan berhampiran sekolah atau kawasan kediaman. Ketiadaan jejantas bukan sahaja mendedahkan pejalan kaki, terutamanya kanak-kanak dan

warga emas, kepada risiko kemalangan, tetapi juga mencerminkan jurang dalam perancangan kemudahan awam yang selamat dan inklusif. Justeru, penambahbaikan terhadap penyediaan kemudahan awam adalah amat penting bagi menjamin keselamatan, keselesaan dan pembangunan menyeluruh komuniti di Putatan.

Pegawai Daerah Putatan juga turut menyuarakan permasalahan ini dimana menurut beliau Putatan kini menjadi kawasan tumpuan penempatan penduduk dari pelbagai daerah sehingga wujud komuniti yang menetap secara turun-temurun, dengan ramai bekerja di Kota Kinabalu tetapi tinggal di Putatan. Pertambahan penduduk ini menyebabkan keperluan kepada agensi dan fasiliti daerah semakin mendesak, termasuklah penubuhan hospital, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), serta Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Ketiadaan agensi ini menyukarkan urusan penduduk kerana bergantung kepada daerah lain. Masalah menjadi lebih ketara apabila fasiliti sedia ada, seperti Klinik Desa Petagas, tidak lagi sesuai digunakan kerana keadaannya yang sempit dan tidak mampu menampung jumlah pesakit, termasuk isu asas seperti ruang tempat meletak kenderaan yang terhad. Pegawai Daerah Putatan menekankan bahawa jika ketiga-tiga agensi penting ini dapat ditubuhkan, ia akan memudahkan urusan penduduk, mengurangkan kebergantungan pada daerah lain, dan memberi penyelesaian lebih mampan terhadap masalah kesihatan, keselamatan, dan pendidikan yang semakin mendesak.

Jadual 19. Ringkasan Isu 5

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan 2. Gangguan bekalan air dan elektrik 3. Kekurangan kemudahan awam
Cadangan	1. Menyediakan perkhidmatan klinik bergerak secara berkala ke kawasan seperti Pulau Gaya dan kawasan luar bandar lain untuk memastikan akses rawatan asas dapat disediakan sementara menunggu pembinaan fasiliti tetap. 2. Mendirikan klinik kesihatan kekal di kawasan berisiko seperti Pulau Gaya dan membesarkan Klinik Kesihatan Putatan bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat. 3. Pihak berkuasa perlu mengeluarkan notis awal berkaitan sebarang gangguan bekalan air dan

	elektrik serta menyediakan tangki simpanan air sementara di kawasan yang sering terjejas. 4. Melaksanakan perancangan jangka panjang yang menyeluruh untuk membangunkan kawasan Putatan dengan penyediaan infrastruktur asas yang lengkap dan mampan, termasuk sistem parkir bertingkat di kawasan padat.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat, penduduk di kawasan pulau
Kawasan	Kg Torong Logong, kg Serigai, Kg Dumpil, Kg Meruntum, Kg Muhibbah, Kg Sembulan Lama, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, Kg Ulu Putatan, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Dumpil
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera	Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.1: Air minuman yang selamat dan berpatutan Sasaran 6.4: Meningkatkan kecekapan penggunaan air dan menjamin bekalan air tawar
SDG 7: Tenaga Mampu Milik dan Boleh Diperbaharui	Sasaran 7.1: Akses sejagat terhadap tenaga moden.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.2: Sistem pengangkutan yang berpatutan dan mampan Sasaran 11.7: Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 20. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek incubator mikro-usahawan suri rumah dan ibu Tunggal	Kitar semula dan kompos skala kecil	Program Latihan asas "caregiver komuniti" dan kempen kesedaran
SDG Berkaitan	SDG 1, 5, 8, 10	SDG 3, 11, 12, 13	SDG 3, 4, 8, 10
Objektif	• Melatih dan membimbing sekurang-kurangnya 10 orang suri rumah dan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan asas. • Menggalakkan penggunaan kemahiran sedia ada (memasak, menjahit, bertani, kraf) untuk menjana pendapatan sampingan. • Menyediakan sokongan pasaran, pemasaran dan bimbingan berterusan dalam tempoh 3–6 bulan.	• Mewujudkan sistem pemisahan dan pemprosesan sisa isi rumah secara kompos dan kitar semula di peringkat komuniti. • Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dibuang ke sungai, parit atau tempat terbuka. • Menggalakkan penggunaan semula bahan buangan sebagai sumber (seperti baja organik untuk tanaman	• Melatih individu komuniti sebagai caregiver asas dengan pengetahuan penjagaan fizikal, emosi dan keperluan syariah warga emas. • Memperkasa komuniti untuk menyokong keperluan penjagaan di rumah atau pusat jagaan kecil. • Menggalakkan penyediaan perkhidmatan penjagaan beretika, berkualiti dan patuh syariah.
Hasil Jangkaan	• Sekurang-kurangnya 10 peserta mula menjual produk atau perkhidmatan • 5–10 produk komuniti diperkenal dan dipasarkan	• Pengurangan 30-50% sisa isi rumah • Kompos komuniti diwujudkan • Peningkatan kesedaran awam	• Peserta dilatih sebagai caregiver komuniti dengan pensijilan asas. • 1 kumpulan sokongan caregiver komuniti

	• Peningkatan purata pendapatan isi rumah peserta sebanyak 10–30%		ditubuhkan • Kesedaran tentang penjagaan patuh syariah meningkat dalam komuniti
Organisasi	Oupus Organic	LJD Corporation	Kanaan Home
Aktiviti	• Melibatkan latihan dalam pengurusan perniagaan, kewangan, pemasaran digital, dan kemahiran sedia ada seperti memasak, menjahit, bertani, dan kraf. • Peserta dibimbing untuk membangunkan 5–10 produk berpotensi dengan penambahbaikan dari segi kualiti, pembungkusan, dan penjenamaan • Termasuk latihan penggunaan media sosial, penyertaan dalam jualan fizikal dan digital, serta penubuhan akaun jualan dalam talian. • Sesi susulan untuk memantau prestasi peserta, memberi sokongan dan laporan	• Mengadakan bengkel dan taklimat mengenai pengasingan sisa, kitar semula dan teknik asas membuat kompos. • Menyediakan tapak dan peralatan untuk proses kompos secara kolektif di peringkat komuniti. • Pelaksanaan sistem pengasingan sisa di rumah dan kutipan berkala untuk kompos dan kitar semula. Menilai pengurangan sisa, penggunaan kompos dan perubahan tahap kesedaran dalam kalangan penduduk.	• Menjalankan ceramah, forum dan edaran bahan maklumat kepada komuniti mengenai kepentingan penjagaan warga emas secara beretika dan patuh syariah. • Memberi latihan merangkumi aspek penjagaan fizikal, emosi dan sosial termasuk pertolongan cemas dan pemantauan kesihatan asas. • Latihan khusus mengenai keperluan syariah dalam penjagaan warga emas seperti pengurusan ibadah, aurat dan adab penjagaan. • Memberi sijil asas kepada peserta yang lulus serta menubuhkan kumpulan sokongan komuniti bagi sokongan berterusan dan

	kemajuan projek.		perkongsian pengetahuan.
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kg Lok Bonu	Kg Torong Logong, Pulau Gaya	Kanaan Home
Tempoh	4 bulan	4 bulan	4 bulan

6.0 RUJUKAN

Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 22, no. 1 (2021).

Majlis Daerah Putatan, "Perutusan," accessed December 10, 2024, https://mdputatan.sabah.gov.my/page.php?page=perutusan&menu=INFO%20MDPTN&sub=Latar%20Belakang%20Mdptn.

Wikipedia, "Putatan," accessed December 10, 2024, https://ms.wikipedia.org/wiki/Putatan.

Malaysian Parliament, "Profile of Members of Parliament," accessed December 22, 2024, https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4212

Jabatan Perangkaan Malaysia, My Local Stats Putatan 2023 (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023)

Jabatan Perangkaan Malaysia, P.173 Putatan (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), hlm. 3.

Jabatan Perangkaan Malaysia, P.173 Putatan (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), hlm. 29.

Jabatan Perangkaan Malaysia. Putatan: Statistik Sosioekonomi Negeri Sabah 2020. https://www.dosm.gov.my

Parlimen Putatan Hos Program Jualan Keluarga Malaysia Pertama Peringkat Negeri Sabah," Jesselton Times, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, https://jesseltontimes.com/2021/12/04/parlimen-putatan-hos-program-jualan-keluarga-malaysia-pertama-peringkat-negeri-sabah/

"KPDNHEP Sabah Lancar Program Jualan Keluarga Malaysia di Putatan," Sabah Media, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, https://sabahmedia.com/2021/12/04/kpdnhep-sabah-lancar-program-jualan-keluarga-malaysia-di-putatan/

Peruntukan RM553.07 Juta Tingkat Tahap Sara Diri Tahun Ini," Sabah Media, 4 Februari 2024, diakses 7 April 2025, https://sabahmedia.com/2024/02/04/peruntukan-rm553-07-juta-tingkat-tahap-sara-diri-tahun-ini/

“Ambil Peluang Disediakan Pertubuhan Peladang Negeri Sabah,” Utusan Borneo, 8 Julai 2023, diakses 7 April 2025, https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/08/ambil-peluang-disediakan-pertubuhan-peladang-negeri-sabah.

“Perikanan Sabah Jana RM643 Juta,” Utusan Borneo, 18 Julai 2021, diakses 7 April 2025, https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/18/perikanan-sabah-jana-rm643-juta.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Senarai Projek PPR. Diakses 31 Mei 2025. https://teduh.kpkt.gov.my/project-ppr?download=1.

Nabalu News. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." Nabalu News, 11 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. https://www.nabalunews.com/post/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor.

Agust Dean. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." Daily Express, 9 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. https://www.dailyexpress.com.my/news/243462/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor/.

"Tiga Rumah Setinggan Terbakar di Kg Dumpil." Utusan Borneo, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/23/tiga-rumah-setinggan-terbakar-di-kg-dumpil

"Tiga Rumah Setinggan Musnah Terbakar." Berita Harian, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/703257/tiga-rumah-setinggan-musnah-terbakar.

"Pulau Gaya Perlu Klinik Kesihatan Sendiri." Harian Metro, 4 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/438128/pulau-gaya-perlu-klinik-kesihatan-sendiri.

CodeBlue. "MP Wants Government Clinic At Pulau Gaya." CodeBlue, 27 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. https://codeblue.galencentre.org/2019/03/mp-wants-government-clinic-at-pulau-gaya/.

Jeffrey Nor. "Naiktaraf Segera Klinik Kesihatan Putatan kepada Hospital Awam." Sabah News Today, 1 Jun 2023. Diakses 31 Mei 2025.

https://sabahnewstoday.net/naiktaraf-segera-klinik-kesihatan-putatan-kepada-hospital-awam-jeffrey-nor/.

"Lawatan YB Menteri Kesihatan Ke Klinik Kesihatan Putatan, Putatan, Sabah." Kementerian Kesihatan Malaysia, 8 April 2023. Diakses 31 Mei 2025. https://moh.gov.my/index.php/pages/view/6778.

Asyikin Asmin. "Sambungan Haram Antara Unsur Sabotaj Bekalan Air di Sabah." Sinar Harian, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. https://www.sinarharian.com.my/article/711577/edisi/sabah-sarawak/sambungan-haram-antara-unsur-sabotaj-bekalan-air-di-sabah.

Florieta Diet. "Wujud Unsur Sabotaj dalam Pengurusan Air di Sabah – Shahelmey." Sabah Media, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. https://sabahmedia.com/2025/02/08/wujud-unsur-sabotaj-dalam-pengurusan-air-di-sabah-shahelmey/.

Laporan Pemetaan Isu Parlimen
P.189 Semporna

Disediakan oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx
Nor Amirul Pukin
Nurrul Fazlina Osman, Fatimah Mohd Yasin
Prof. Madya Dr. Ramli
Jamal Gabir
Mohd Yusri Wahid

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **359 – 377**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **378 -384**
1.1 Geografi/Topografi 378
1.2 Komposisi Penduduk 379
1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 380
1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 381

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **385 – 393**
2.1 Pendekatan Kajian 385
2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 390
2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 391
2.4 Keterbatasan Kajian 393

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **394 – 411**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **412 – 508**
4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 412
4.2 Pengutamaan Isu 497

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **509**

6.0 RUJUKAN **513**

P.189 SEMPORNA

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.189 Semporna

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN SEMPORNA,
YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE APDAL

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

7 Feb - 11 Feb 2025
(Jumaat - Selasa)

HARI 1

1. FGD 1 : Komuniti Kg. Gading-Gading
2. FGD 2: Komuniti Kg. Lihak-Lihak

HARI 2

3. FGD 3: Komuniti Kg. Mentelitip
4. FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi Timbayan
5. FGD 5: Komuniti Kg. Bangau-bangau
6. Lawatan Tapak 1 & 2 - Kg. Tampi-tampi & Sungai Tuhok

HARI 3

7. FGD 6: Komuniti Kg. Pababag
8. FGD 7: Komuniti Kg. Tandoan
9. FGD 8: Komuniti Kg. Selakan
10. FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya
11. Lawatan Tapak 3: Pulau Omadal

HARI 4

12. FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan
13. FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan
14. FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-tabak
15. FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa
16. Lawatan tapak 4: SK Pulau Bum Bum

HARI 5

17. FGD 14: Komuniti NGO
18. Lawatan Tapak 5: Kg. Simunul

PASUKAN PENYELIDIK

FATIMAH MOHD YASIN
(Ketua Penyelidik)

NURRUL FAZLINA OSMAN

NOR AMIRUL BIN PUKIN

ASSOC. ASSOC. DR. RAMLI DOLLAH

JAMAL BIN GABIR

YUSRI BIN WAHID

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 7-11 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)

01

10 Januari 2025
Mesyuarat Awalan

02

18 Januari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

03

28 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan

04

7 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Kg.Gading-Gading

05

7 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Kg. Lihak-Lihak

06

8 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Kg. Mentelitip

07

8 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi Timbayan

08

8 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Kg. Bangau-bangau

09

8 Februari 2025
Lawatan Tapak 1 & 2 - Kg. Tampi-tampi & Sungai Tunok

10

9 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Kg. Pababag

11

9 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Kg. Tandoan

12

9 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Kg. Selakan

13

9 Februari 2025
FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya

14

9 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Pulau Omadal

15

10 Februari 2025
FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan

16

10 Februari 2025
FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan

17

10 Februari 2025
FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-tabak

18

10 Februari 2025
FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa

19

10 Februari 2025
Lawatan Tapak 4: SK Pulau Bum Bum

20

11 Februari 2025
FGD 14: Komuniti NGO

21

11 Februari 2025
Lawatan tapak 5: Kg. Simunul

10 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mc Jeanet, Fatimah dan Nurrul Fazlina telah membuat satu perbincangan dan persetujuan bagi memulakan mesyuarat awalan bersama Penyelaras/Kordinator Ahli Parlimen Warisan, Tuan Muqoffin di Cyberjaya. Perbincangan ini telah mendapat persetujuan daripada YB Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal bagi menjalankan pemetaan isu di kawasan Parlimen Semporna bagi tahun 2025. Sesi seterusnya iaitu sesi pemprofilan dipersetujui dijalankan pada 16 Januari 2025 dan sesi pra-lawatan pada 17 Januari 2025.

18 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Nurrul Fazlina dan Fatimah telah mengadakan mesyuarat awal dengan YB Haji Jamil (ADUN Bugaya) dan Tn. Alexander Liew di Pusat Khidmat Parlimen Semporna. Mesyuarat tersebut menumpukan kepada persiapan bagi latihan pemetaan isu di kawasan tersebut. Hasil daripada mesyuarat itu, lawatan tapak untuk pemetaan isu telah dijadualkan berlangsung dari 7 hingga 11 Februari 2025.

28 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Satu mesyuarat telah diadakan dengan Tn. Alexander Liew, DO Semporna dan Tuan ADO, Tuan Hj Azis Hj Bool, sebagai sebahagian daripada persiapan pra-lawatan ke kawasan Parlimen Semporna. Mewakili APPGM-SDG ialah Nurrul Fazlina, dan Pegawai Dasar dan Penyelidikan Wilayah Sabah, Fatimah. Perbincangan tertumpu kepada persiapan bagi sesi antara agensi yang dijadualkan pada 20 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada Mac 2025.

FGD 1: KOMUNITI KG. GADING-GADING

FGD 1 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kg. Gading-Gading. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Syed Jaafar (Ketua Kampung) dan 15 orang Komuniti Kg. Gading-Gading. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada kesihatan; **(2)** isu pendidikan; **(3)** isu peluang pekerjaan; **(4)** isu jalan raya; **(5)** isu akses kepada air; **(6)** isu pengangkutan; dan **(7)** isu infrastruktur.

FGD 2: KOMUNITI KG. LIHAK-LIHAK

FGD 2 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Lihak-Lihak yang telah dihadiri oleh En. Adam Saban (Ketua Kampung), En. Abdul Rasul Kullani (Ketua JKK) serta 9 orang Kampung. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu kesihatan; **(2)** isu keselamatan; **(3)** isu infrastruktur; **(4)** isu pendidikan (keciciran); **(5)** isu telekomunikasi; **(6)** isu pertanian; **(7)** konflik manusia dan hidupan liar; **(8)** isu pengurusan sampah; dan **(9)** isu banjir.

FGD 3: KOMUNITI KG. MENTELITIP

FGD 3 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Mentelitip. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Qalbi Jaulan (Wakil komuniti) dan 7 orang Komuniti Kampung Menteritip. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kesihatan; **(2)** isu infrastruktur (sistem saliran dan perparitan); **(3)** isu dokumentasi; **(4)** isu keciciran pelajar; **(5)** isu dadah; **(6)** conflik manusia dan hidupan liar (monyet); dan **(7)** isu pengurusan sampah.

FGD 4: KOMUNITI KG. TAMPI-TAMPI TIMBAYAN

FGD 4 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Tampi-Tampi Timbayan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Hassab Yasin (Ketua Kampung), En. Mohd Yasin (Ketua Mukim) dan 13 orang Komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu air; **(2)** isu elektrik; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu jalan raya; dan **(5)** isu conflik manusia dan hidupan liar (monyet).

FGD 5: KOMUNITI KG. BANGAU-BANGAU

FGD 5 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Bangau-Bangau. Sesi ini telah dihadiri oleh 9 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah kampung; **(2)** isu dokumentasi; **(3)** konflik nelayan dan pengusaha pelancongan; **(4)** isu dadah; **(5)** isu pengurusan sampah; dan **(6)** isu jambatan.



LAWATAN TAPAK 1 & 2 - KG. TAMPI-TAMPI & KAMPUNG SUNGAI TUHOK

Lawatan tapak telah dijalankan dengan tujuan meninjau dan mengenal pasti alternatif sumber air yang berpotensi sebagai penyelesaian kepada masalah bekalan air di Semporna. Salah satu alternatif yang sedang digunakan di kawasan Kampung Sungai Tuhok adalah penggunaan air telaga yang disalurkan melalui pam air.

FGD 6: KOMUNITI KG. PABABAG

FGD 6 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Pababag. Sesi ini telah dihadiri oleh 14 orang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada sumber air; **(2)** isu akses kepada elektrik; **(3)** isu akses kepada fasilitas kesihatan; **(4)** isu status tanah kampung; **(5)** isu Infrastruktur; **(6)** pendapatan isi rumah rendah; **(7)** isu golongan wanita; **(8)** isu pengurusan yang baik; dan **(9)** gangguan hidupan liar.

FGD 7: KOMUNITI KG. TANDOAN

FGD 7 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Tandoan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Johan (Ketua Kampung) dan 21 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah kampung; **(2)** isu akses kepada elektrik; **(3)** isu akses kepada air bersih; **(4)** isu hidupan liar (monyet dan babi hutan); **(5)** isu akses kepada kesihatan; dan **(6)** isu kemudahan pengangkutan.

FGD 8: KOMUNITI KG. SELAKAN

FGD 8 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Salakan. Sesi ini telah dihadiri oleh 28 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada elektrik; **(2)** isu akses kepada air bersih; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu akses kepada fasilitas kesihatan; **(5)** isu kemudahan pengangkutan; **(6)** isu pengurusan sampah

FGD 9: KOMUNITI KG. AMAN JAYA

Sesi FGD 8 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Aman Jaya. Sesi ini telah dihadiri oleh 18 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada jaringan telefon; **(2)** isu pengurusan sampah; **(3)** isu menjana pendapatan; **(4)** isu infrastruktur; **(5)** isu gejala sosial (lumba haram).



LAWATAN TAPAK 3: PULAU OMADAL

Tujuan lawatan tapak adalah untuk meninjau keadaan masyarakat Bajau Laut di sekitar pulau tersebut. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk menilai alternatif pendidikan yang disediakan kepada penduduk, iaitu Iskul Sama Di Laut Omadal.

FGD 10: KOMUNITI KG. SISIPAN

FGD 10 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Sisipan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Mohd Hasbi (JKKK) dan 10 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu air di mana mereka bergantung kepada air perigi; **(2)** masalah sosial seperti kecurian; **(3)** konflik manusia dan hidupan liar; **(4)** isu kebajikan; dan **(5)** konflik nelayan dan kapal pukat tunda.

FGD 11: KOMUNITI KG. KABIMBANGAN

FGD 11 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kam Kabimbangan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Mohd Arbi (Ketua Kampung) dan 23 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah; **(2)** isu akses kepada air; **(3)** akses kepada pendidikan (latihan kepada golongan wanita); **(4)** isu elektrik; **(5)** isu pengangkutan; **(6)** isu akses kesihatan; **(7)** isu keselamatan (pengangkutan); **(8)** isu Infrastruktur; dan **(9)** isu pengurusan sampah.

FGD 12: KOMUNITI KG. TABAK-TABAK

FGD 12 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Tabak-Tabak. Sesi ini telah dihadiri oleh 7 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses air; **(2)** isu telekomunikas (jaringan capaian); **(3)** konflik manusia dan hidupan liar; **(4)** kekurangan penduduk; dan **(5)** isu infrastruktur (jambatan)

FGD 13: KOMUNITI KG. BERJASA

FGD 13 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Kabimbangan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Abdul Gabin (JPKK) dan 38 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada air; **(2)** isu dokumentasi; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu pendidikan; **(5)** isu peluang pekerjaan; dan **(6)** isu pengurusan sampah.

LAWATAN TAPAK 4: S.K. PULAU BUM BUM

Lawatan tapak telah dijalankan ke S.K. Pulau Bum-Bum K9 oleh pasukan penyelidik bagi meninjau keadaan dan kemudahan di sekolah tersebut. SK Pulau Bum Bum K9 berfungsi sebagai sekolah berpusat yang menampung pelajar dari pelbagai kawasan sekitar Pulau Bum-Bum, menjadikannya institusi pendidikan penting bagi komuniti setempat.

FGD 14: KOMUNITI NGO DAN BELIA

FGD 14 telah diadakan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut dihadiri oleh ADO Semporna, Tn. Hj. Abdul Aziz, serta penyertaan daripada 14 NGO di Semporna. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** masalah bekalan air; **(2)** isu pendidikan; **(3)** isu kebajikan dan sosial; **(4)** isu pelancongan; **(5)** capaian Internet yang terhad; **(6)** kadar gaji yang rendah; **(7)** isu keselamatan; **(8)** kenaikan harga barang; **(9)** bekalan makanan yang tidak mencukupi; **(10)** masalah haiwan liar dan terbiar; **(11)** masalah pengurusan sampah; **(12)** isu dokumentasi (*stateless*); dan **(13)** birokrasi dalam proses kerja.

PENEMUAN SIGNIFIKAN

1. Waste management - Agensi dan penduduk
2. Mentaliti dan kesedaran terhadap kebersihan daerah pelancongan
3. Pembangunan Belia dan NGO local dalam kepimpinan ekonomi dan sosial

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.189 Semporna

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Hulu Selangor
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Hulu Selangor
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 14	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 11
Jadual 15	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 12
Jadual 16	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 13
Jadual 17	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 14
Jadual 18	Ringkasan Isu 1
Jadual 19	Ringkasan Isu 2
Jadual 20	Ringkasan Isu 3
Jadual 21	Ringkasan Isu 4
Jadual 22	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Hasil akuakultur rumpai laut
Rajah 2	Memerhati kaedah pengajaran oleh guru Iskul Sama Dilaut, Pulau Omadal
Rajah 3	Lawatan tapak ke kawasan kesan pengurusan sisa yang tidak sistematik di Pulau Pababag
Rajah 4	Lawatan ke Iskul Sama di Laut, NGO yang menyediakan pendidikan
Rajah 5	Sumber air bawah tanah yang disalurkan ke tangki di kawasan Sungai Tuhok
Rajah 6	Pemerhatian dalam kalangan Masyarakat Bajau Laut, Pulau Omadal
Rajah 7	Melihat kegiatan ekonomi tempatan di Pulau Pababag

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
FGD	*Focus Group Discussion*
DUN	Dewan Undangan Negeri
PN-PAS	Perikatan Nasional-Parti Islam Se-Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
SDG	*Sustainable Development Goals*
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal

Parlimen Semporna terletak di negeri Sabah dan meliputi kawasan seluas kira-kira 1,116 kilometer persegi. Kawasan parlimen ini merangkumi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Sulabayan, DUN Bugaya, dan DUN Senallang. Menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), parlimen Semporna mempunyai jumlah penduduk seramai 165,587 orang. Parlimen Semporna terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Semporna serta Majlis Daerah Semporna. Pejabat Daerah Semporna bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran daerah, pengurusan tanah, pembangunan tempatan, dan penyelesaian isu-isu komuniti. Majlis Daerah Semporna pula memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan awam seperti pengurusan sisa pepejal, penyelenggaraan infrastruktur awam, dan pembangunan kawasan pekan. Kedua-dua entiti ini saling melengkapi dalam memastikan kesejahteraan penduduk Parlimen Semporna serta merancang pelbagai inisiatif sosioekonomi yang bersesuaian dengan keperluan tempatan.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang diadakan pada 19 November 2022, kerusi Parlimen Semporna telah dimenangi oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal dari Parti Warisan dengan memperoleh 25,398 undi. Majoriti undi yang diperoleh oleh YB Shafie Apdal ialah sebanyak 14,948 undi. Justeru, pemetaan isu Parlimen Semporna diadakan dengan kerjasama rapat YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Semporna terletak di pantai timur negeri Sabah dan merupakan sebahagian daripada daerah Semporna. Ia bersempadan dengan Laut Sulu di timur dan terdiri daripada kawasan pesisir, kepulauan, serta kawasan tanah rendah dan berpaya. Kawasan ini turut merangkumi gugusan pulau-pulau yang menjadi tarikan utama pelancong, termasuk Pulau Sipadan, Pulau Mabul, dan Pulau Bum-Bum yang merupakan antara pulau terbesar di Sabah. Secara geografi, Semporna terletak dalam kawasan pesisir tropika yang kaya dengan biodiversiti marin dan ekosistem bakau.

Parlimen Semporna memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan negeri Sabah kerana kedudukannya yang strategik sebagai pintu masuk utama ke beberapa pulau tercantik di dunia. Ekonomi tempatan banyak bergantung kepada industri pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti selaman skuba, penginapan pelancong, serta aktiviti perikanan tradisional dan akuakultur. Di samping itu, kawasan ini juga berpotensi besar untuk pembangunan ekopelancongan berasaskan komuniti.

Kedudukan geografinya yang berhampiran dengan sempadan perairan antarabangsa menjadikan Semporna lokasi penting bagi agensi keselamatan negara.

Topografi kawasan Parlimen Semporna didominasi oleh kawasan dataran rendah pesisir dan kawasan paya bakau, di samping pulau-pulau karang yang membentuk lanskap laut yang memukau. Pulau-pulau ini dikelilingi oleh terumbu karang yang kaya dengan spesies marin, menjadikan Semporna sebagai antara destinasi menyelam terbaik di dunia[41]. Di kawasan pedalaman, terutama di sekitar Pulau Bum-Bum dan tanah besar Semporna, terdapat penempatan kampung air serta perkampungan tradisional yang membentuk struktur sosial-geografi unik. Selain itu, kawasan sungai dan saliran semula jadi memainkan peranan penting dalam menyokong kehidupan harian penduduk serta ekosistem setempat.

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di kawasan Parlimen Semporna pada tahun 2023 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 186,200 orang. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Bumiputera, yang berjumlah 104,200 orang atau 55.9 peratus daripada keseluruhan populasi. Kumpulan bukan warganegara merupakan kumpulan kedua terbesar dengan jumlah seramai 79,600 orang, bersamaan 42.7 peratus daripada jumlah penduduk. Seterusnya, kaum Cina mencatatkan jumlah seramai 1,000 orang (0.5 peratus), diikuti oleh kaum lain-lain sebanyak 1,300 orang (0.7 peratus) dan kaum India seramai 100 orang (0.1 peratus). Komposisi etnik ini menggambarkan kepelbagaian demografi di Semporna, dengan percampuran antara warganegara dan bukan warganegara yang mewarnai lanskap sosial, budaya, dan ekonomi kawasan ini.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Semporna

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	104,200	56.0
2.	Cina	1,000	0.5
3.	India	100	0.1
4.	Bukan Warganegara	1,300	0.7
5.	Lain-lain	79,600	42.7
JUMLAH KESELURUHAN		186,200	100

[41] Setiausaha Kerajaan Negeri, 2025. *Pulau Sipadan*. Accessed on 12 April 2025. https://skn.sabah.gov.my/iknow/pelancongan-alam/pantai-pulau

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kedudukan geografi Semporna sebagai sebuah daerah maritim di pantai timur Sabah telah memberikan kelebihan strategik dalam pembangunan ekonomi tempatan. Kegiatan ekonomi utama di kawasan ini secara umumnya bertumpu kepada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Ketiga-tiga sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi daerah, malah turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Semporna.

Sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Semporna. Dengan keluasan tanah pertanian dianggarkan sebanyak 54,222.5 hektar, kawasan ini mempunyai tanah yang subur serta iklim tropika yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman. Tanaman ladang seperti kelapa sawit, koko, ubi kayu dan jagung diusahakan secara komersial, manakala sayur-sayuran seperti kacang panjang, sawi, dan terung serta buah-buahan seperti durian, mangga dan pisang ditanam bagi tujuan kegunaan sendiri dan pendapatan tambahan. Aktiviti ini membuktikan bahawa sektor pertanian berpotensi besar dalam menyokong ekonomi isi rumah khususnya di kawasan luar bandar.

Selain itu, sektor perikanan juga menjadi tonggak ekonomi penting di Semporna. Daerah ini merupakan pusat utama penternakan rumpai laut di Sabah, merangkumi kira-kira 77.7 peratus kawasan penternakan di negeri ini. Rumpai laut seperti *Kappaphycus*, *Eucheuma*, dan *Gracilaria sp.* diternak secara meluas di perairan terlindung yang sesuai untuk pengkulturan. Pendekatan komuniti melalui Projek Estet Mini Rumpai Laut di Pulau Selakan telah memperlihatkan kejayaan dalam pengurusan bersepadu hasil laut secara komersial. Laporan Bernama (2023) menyatakan bahawa Semporna menyumbang sebanyak 54 peratus daripada keseluruhan hasil akuakultur rumpai laut negara, menunjukkan kepentingan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama kepada komuniti pesisir dan pulau[42].

[42] Bernama, "Sabah Penyumbang Utama Pengeluaran Rumpai Laut Negara," Astro Awani, 2023, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sabah-penyumbang-utama-pengeluaran-rumpai-laut-negara-461730

Rajah 1: Hasil akuakultur rumpai laut
Sumber: Bernama, 2023 [11]

Sektor pelancongan pula menjadi penyumbang penting ketiga kepada ekonomi daerah ini. Keindahan semula jadi gugusan pulau seperti Sipadan, Mabul dan Bohey Dulang telah meletakkan Semporna sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa[43]. Aktiviti seperti selaman skuba, *snorkeling* dan ekopelancongan telah membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan bagi penduduk setempat. Pelancongan komuniti juga memberi peluang kepada belia dan wanita di pulau-pulau untuk terlibat dalam bidang hospitaliti, pemandu pelancong dan penjualan hasil kraftangan. Menurut laporan media tempatan, Semporna menerima purata 2,000 pelancong setiap hari pada tahun 2023, dengan jumlah pelawat mencecah lebih 40,000 orang pada bulan Mei sahaja[44].

Kegiatan ekonomi utama di kawasan Parlimen Semporna memperlihatkan potensi besar dalam memperkukuh pembangunan daerah menerusi gabungan sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Ketiga-tiga sektor ini saling melengkapi dan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar. Pembangunan berasaskan komuniti serta sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan kelestarian dan kesejahteraan ekonomi jangka panjang bagi masyarakat Semporna.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kawasan Parlimen Semporna terletak di bahagian timur negeri Sabah dan merangkumi pelbagai bentuk muka bumi, termasuk kawasan bandar, kampung pesisir, penempatan

[43] Rosmiza M.Z. et al., "Economic Impact of Marine Ecotourism on the Local Community in Semporna, Sabah, Malaysia," Pakistan Journal of Life and Social Sciences 23 (2025), accessed April 12, 2025, https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602_Economic_Impact_of_Marine_Ecotourism_on_the_Local_Community_in_Semporna_Sabah_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf

[44] Utusan Borneo, "Aktiviti Pelancongan di Semporna Kembali Rancak Tahun Ini," 2023, https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/aktiviti-pelancongan-di-semporna-kembali-rancak-tahun-in

atas air, gugusan pulau tropika, serta kawasan hutan bakau. Geografi unik ini bukan sahaja membentuk landskap semula jadi yang indah, tetapi turut menyumbang kepada kepelbagaian sumber marin dan biodiversiti. Kawasan ini menjadi tumpuan pelancongan marin kerana keindahan terumbu karangnya yang tersenarai antara yang terbaik di dunia, terutamanya di sekitar Pulau Sipadan, Pulau Mabul dan Pulau Bohey Dulang.

Lokasi Fizikal

Semporna memiliki ciri-ciri geografi pesisiran yang menjadikannya terdedah kepada cabaran pembangunan yang berbeza berbanding kawasan pedalaman. Misalnya, banyak perkampungan dibina atas air atau di pulau-pulau terpencil yang hanya boleh diakses melalui bot. Keadaan ini menimbulkan isu logistik dalam penyampaian perkhidmatan asas seperti air bersih, pengurusan sisa pepejal, kesihatan, dan pendidikan. Walaupun terdapat pelaburan dalam infrastruktur asas seperti pembinaan jeti dan sistem paip utama, cabaran pengagihan dan penyelenggaraan tetap menjadi isu berpanjangan.

Selain itu, pengurusan sisa pepejal merupakan satu lagi cabaran kritikal di kawasan ini. Di kebanyakan kampung atas air dan pulau-pulau kecil, sistem kutipan sampah tidak beroperasi secara konsisten, atau langsung tidak wujud. Akibatnya, penduduk terpaksa membuang sampah ke laut atau membakarnya secara terbuka. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan awam, tetapi turut memberi kesan buruk kepada ekosistem marin dan sektor pelancongan. Laporan WWF-Malaysia (2020) menunjukkan bahawa pencemaran sisa pepejal di kawasan terumbu karang sekitar Semporna memberi tekanan kepada habitat marin dan menjejaskan reputasi destinasi pelancongan antarabangsa.

Walaupun kemudahan asas seperti klinik kesihatan, sekolah dan pasar tersedia di pusat bandar Semporna, jurang perkhidmatan masih wujud antara kawasan pusat dan kawasan luar bandar serta kepulauan. Kekurangan pengangkutan awam yang efisien dan kos perjalanan yang tinggi menyukarkan penduduk luar bandar untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan ini. Justeru, isu geografi dan kedudukan fizikal Semporna menjadi faktor utama yang perlu ditangani secara strategik dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara komuniti pusat dan komuniti pinggiran.

Secara keseluruhan, keunikan lokasi fizikal Semporna membuka potensi besar kepada pembangunan pelancongan dan ekonomi komuniti, namun pada masa yang sama menuntut pendekatan pembangunan yang sensitif kepada keadaan geografi. Penekanan kepada pembangunan infrastruktur asas secara inklusif dan berdaya tahan adalah penting bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai secara adil oleh semua lapisan masyarakat. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 6:** Air bersih dan Sanitasi
- **SDG 11:** Bandar dan Komuniti yang Mapan
- **SDG 12:** Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab

Keadaan ekonomi tempatan yang dominan

Kegiatan ekonomi utama di Semporna tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Pertanian melibatkan tanaman seperti kelapa sawit, koko, ubi kayu, jagung, buah-buahan dan sayur-sayuran, manakala perikanan memberi tumpuan kepada penternakan rumpai laut yang dijalankan secara komuniti seperti di Pulau Selakan. Selain itu, Semporna turut menjadi destinasi pelancongan marin yang terkenal dengan tarikan pulau-pulaunya, sekali gus menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui sektor perkhidmatan dan pelancongan. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 1:** Tiada Kemiskinan
- **SDG 8:** Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi
- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

Budaya (nilai masyarakat) semporna

Masyarakat di Semporna kaya dengan kepelbagaian budaya, terdiri daripada pelbagai etnik termasuk Bajau, Suluk, dan komuniti Bumiputera lain yang mempunyai tradisi serta adat resam tersendiri. Nilai-nilai budaya ini menjadi asas kepada keharmonian sosial dan identiti komuniti tempatan, khususnya dalam kehidupan seharian dan amalan keagamaan. Penduduk aktif dalam penganjuran majlis-majlis keramaian, upacara tradisional dan program komuniti yang mengeratkan hubungan antara generasi dan kumpulan etnik. Dalam sektor pelancongan, mereka turut memainkan peranan penting melalui penglibatan dalam perniagaan kecil seperti homestay, kraftangan, dan makanan tradisional yang bukan sahaja menjana pendapatan tetapi juga mempromosikan warisan budaya Semporna kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 8:** Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi
- **SDG 14:** Bandar komuniti yang Mampan
- **SDG 17:** Kerjasama Demi Matlamat

Nilai sejarah

Kebergantungan masyarakat Semporna terhadap sumber laut merupakan satu nilai sejarah yang berakar umbi sejak zaman dahulu, terutamanya dalam kalangan komuniti maritim seperti Bajau Laut yang secara tradisional hidup secara nomad di perairan sekitar kepulauan Semporna. Aktiviti seperti menangkap ikan, memungut hasil laut, dan

menjalankan pertukaran barangan melalui laluan laut bukan sahaja menjadi asas kelangsungan hidup, malah membentuk struktur ekonomi dan sosial masyarakat setempat. Sehingga kini, kebergantungan ini masih ketara apabila sektor perikanan dan ekopelancongan laut menjadi antara pemacu utama ekonomi Semporna, menjadikan hubungan antara komuniti dan laut sebagai satu kesinambungan sejarah yang relevan dalam pembangunan ekonomi moden. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Semporna terletak pada gabungan warisan budaya maritim dan keindahan alam semula jadi yang luar biasa. Terkenal sebagai "syurga laut" Malaysia, Semporna merupakan pintu masuk ke beberapa pulau tercantik di dunia seperti Sipadan, Mabul, dan Mataking, yang kaya dengan biodiversiti marin dan menjadi tumpuan penyelam dari seluruh dunia. Selain itu, kehadiran komuniti Bajau Laut yang masih mengamalkan cara hidup tradisional di atas perahu atau rumah atas air menjadikan Semporna satu-satunya tempat di Malaysia yang mengekalkan identiti etnik nomad laut secara nyata. Tradisi ini bukan sahaja mencerminkan hubungan rapat antara manusia dan laut, malah menjadi tarikan pelancongan budaya yang unik. Gabungan budaya, ekosistem laut yang kaya, serta warisan sejarah sebagai pusat perdagangan maritim menjadikan Semporna sebuah kawasan yang benar-benar istimewa di rantau Asia Tenggara. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 11:** Bandar dan Komuniti yang Mampan
- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Bagi memulakan kajian ini, kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti beberapa isu yang timbul dan relevan. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik, data dan maklumat yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian di kawasan tersebut.

Mesyuarat awalan oleh Puan Fatimah Mohd Yassin, Cik Nurrul Fazlina dan Cik Mc Jeanet bersama Encik Muqoffin telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Cyberjaya untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian pemetaan isu di Parlimen Semporna. Dalam mesyuarat tersebut, pihak yang terlibat telah mendapat persetujuan daripada YB Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal untuk menjalankan pemetaan isu di kawasan Parlimen Semporna bagi tahun 2025.

Pada 14 Januari 2025, Nurrul Fazlina dan Fatimah Mohd Yassin telah mengadakan mesyuarat bersama YB Haji Jamil (ADUN Bugaya) dan Encik Alexander Liew di Pusat Khidmat Parlimen Semporna. Mesyuarat tersebut memfokuskan persiapan bagi latihan pemetaan isu yang akan dijalankan di kawasan Semporna. Hasil daripada mesyuarat ini, lawatan tapak pemetaan isu telah dijadualkan pada 7 hingga 11 Februari 2025.

Pada 6 Februari 2025, Nurrul Fazlina dan Fatimah telah mengadakan satu mesyuarat dengan En.Alexander Liew, Pegawai Daerah Daerah Semporna, Penolong Pegawai Daerah, En.Hj Azis Hj Bool, untuk mempersiapkan pra-lawatan ke kawasan Parlimen Semporna. Perbincangan tertumpu kepada persiapan bagi sesi antara agensi yang dijadualkan pada 20 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada Mac 2025.

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Semporna.
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.

- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran, sama ada penduduk lokal, penduduk kampung, NGO dan agensi kerajaan berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Semporna.

Sepanjang tempoh lima hari kerja lapangan, bermula pada 7 hingga 11 Februari 2025, sebanyak 14 sesi *Focus Group Discussio*n (FGD) telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima hari melibatkan penyertaan aktif daripada komuniti tempatan serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang beroperasi di sekitar kawasan Parlimen Semporna. Pelaksanaan sesi-sesi FGD ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan holistik dan mendalam daripada pelbagai kumpulan sasaran, merangkumi pelbagai latar belakang dan kepakaran, bagi mengenal pasti isu-isu utama yang membelenggu masyarakat setempat. Jadual di bawah menunjukkan jadual ringkas FGD bagi pemetaan isu di Parlimen Semporna melibatkan tiga DUN utama di Semporna iaitu Sulabayan, Bugaya dan Senallang.

Jadual 2: Tentatif ringkas bagi program pemetaan isu di Parlimen Semporna

TARIKH	FGD
7 Februari 2025, Jumaat	• FGD 1: Komuniti Kampung Gading-Gading • FGD 2: Komuniti Kampung Lihak-Lihak
8 Februari, 2025 Sabtu	• FGD 3: Komuniti Kampung Mentelitip • FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi, Timbayan • FGD 5: Komuniti Kg Bangau-Bangau • Lawatan Tapak 1: Kg. Tampi-Tampi • Lawatan Tapak 2: Sungai Tohok
9 Februari 2025, Ahad	• FGD 6: Komuniti Pulau Pababag • FGD 7: Komuniti Pulau Tandoan • FGD 8: Komuniti Pulau Selakan • FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya • Lawatan Tapak 3: Pulau Omadal
10 Februari 2025, Isnin	• FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan, Pulau Bum-Bum • FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan, Pulau Bum-Bum • FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-Tabak, Pulau Bum-Bum • FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa, Pulau Bum-Bum • Lawatan Tapak 4: SK Pulau Bum-Bum
11 Februari 2025, Selasa	• FGD 14: Komuniti NGO Parlimen Semporna • Lawatan Tapak 5: Kg. Simunul

Dalam usaha memahami secara mendalam permasalahan utama yang berlaku di Parlimen Semporna, pelbagai pendekatan telah digunakan bagi memastikan data yang

diperoleh bersifat menyeluruh dan reflektif terhadap realiti sebenar di lapangan. Selain menjalankan sesi perbincangan kumpulan berfokus (FGD) bersama penduduk kampung serta pemerhatian dan lawatan tapak ke kawasan-kawasan terlibat, kajian ini turut menggabungkan kaedah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Temu bual ini dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pemimpin komuniti, ketua kampung, aktivis tempatan serta penduduk yang terkesan secara langsung dengan isu yang dibangkitkan. Maklumat daripada penduduk kampung dan ketua komuniti yang berada di barisan hadapan dalam menghadapi isu ini amat penting kerana mereka memiliki pemahaman tempatan yang mendalam, termasuk faktor budaya, sosial, dan ekonomi yang turut mempengaruhi keadaan semasa. Dengan melibatkan suara komuniti secara langsung, dapatan kajian ini diyakini bukan sahaja lebih tepat dan relevan, tetapi juga mampu mencerminkan keperluan serta aspirasi sebenar masyarakat setempat. Pendekatan ini seterusnya dapat membantu dalam merangka cadangan penyelesaian yang lebih berkesan, praktikal dan lestari untuk menangani isu-isu yang dikenal pasti di kawasan Parlimen Semporna.

Selain perbincangan dalam bentuk FGD, pasukan penyelidik turut menjalankan beberapa siri lawatan tapak dan pemerhatian lapangan di beberapa kawasan utama iaitu Kg Tampi-Tampi, Sg Tohok, Pulau Omadal, Pulau Pababag, Sekolah Kebangsaan Pulau Bum-Bum dan beberapa kawasan yang dilawati. Aktiviti ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar dan situasi semasa berkaitan dengan isu-isu mendesak seperti masalah bekalan air bersih, cabaran dalam penyampaian pendidikan formal dan tidak formal, serta isu dokumentasi yang sering dihadapi oleh sebahagian besar komuniti di kawasan berkenaan.

Terdapat beberapa kawasan yang telah dilawati semasa sesi lawatan tapak dan pemerhatian lapangan dijalankan. Pemerhatian secara langsung di kawasan-kawasan ini membolehkan pasukan penyelidik mengenal pasti pelbagai isu kritikal yang dihadapi oleh penduduk setempat. Antara isu utama yang berjaya dikenal pasti sepanjang lawatan ini termasuk masalah pembuangan sampah sarap yang tidak terkawal, kesukaran akses kepada sumber air bersih, kewujudan masyarakat tanpa dokumen pengenalan diri atau berstatus tanpa negara, serta cabaran berkaitan ekonomi penduduk yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Selain itu, beberapa isu lain turut dikenal pasti yang berkait rapat dengan aspek sosial, kesihatan awam dan infrastruktur asas. Pemerhatian di lapangan memberi gambaran yang lebih jelas dan mendalam terhadap keadaan sebenar yang dihadapi oleh masyarakat di Parlimen Semporna. Rajah-rajah yang disertakan di bawah merupakan sebahagian daripada dokumentasi visual lawatan tapak dan pemerhatian yang telah dilaksanakan sepanjang kajian ini.

Rajah 2: Lawatan tapak ke kawasan kesan pengurusan sisa yang tidak sistematik di Pulau Pababag
Sumber: Kerja Lapangan

Rajah 3: Memerhati kaedah pengajaran oleh guru Iskul Sama Dilaut, Pulau Omadal
Sumber: Kerja Lapangan

Rajah 4: Lawatan ke Iskul Sama di Laut, NGO yang menyediakan pendidikan tidak
Sumber: Kerja Lapangan

Rajah 5: Sumber air bawah tanah yang disalurkan ke tangki di kawasan Sungai Tuhok
Sumber: Kerja Lapangan

Rajah 6: Pemerhatian dalam kalangan Masyarakat Bajau Laut, Pulau Omadal
Sumber: Kerja Lapangan

Rajah 7: Melihat kegiatan ekonomi tempatan di Pulau Pababag
Sumber: Kerja Lapangan

Perjumpaan dan Dialog Bersama NGO

Perjumpaan dan dialog bersama NGO yang aktif telah diadakan di Pejabat Daerah Semporna pada 11 Februari 2025 di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Semporna. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Encik Haji Abd Azis Abd Bool, Penolong Pegawai Daerah Kanan Semporna. Sepanjang pertemuan ini, beberapa isu penting telah dibincangkan, termasuk usaha mengenalpasti masalah yang relevan dan mendesak di kawasan parlimen ini. Isu-isu yang dibangkitkan merangkumi pelbagai aspek seperti isu air, masalah dokumentasi, kebajikan masyarakat, alam sekitar serta pembangunan sosio-ekonomi setempat. Dalam perbincangan ini, pihak NGO turut memberikan pandangan serta cadangan penyelesaian bagi menangani isu-isu tersebut secara efektif.

Selain meneliti peranan NGO dalam membangunkan masyarakat, perjumpaan dan dialog ini turut memberi perhatian kepada kekangan serta cabaran yang dihadapi oleh NGO dalam melaksanakan aktiviti mereka di kawasan ini. Antara cabaran utama yang dibangkitkan ialah kekurangan dana, sokongan logistik, kerjasama antara NGO dan agensi kerajaan, serta kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam program-program anjuran NGO. Dalam sesi perkongsian, beberapa NGO turut berkongsi pengalaman mereka dalam menangani pelbagai isu utama di Semporna. Mereka menceritakan kejayaan serta inisiatif yang telah mereka jalankan, termasuk program penyediaan bekalan air bersih kepada warga tanpa dokumen serta program peningkatan taraf hidup komuniti setempat. Selain itu, mereka juga berkongsi strategi dan pendekatan yang berkesan dalam menangani cabaran yang dihadapi, termasuk memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara NGO, sektor swasta, dan pihak kerajaan.

Perjumpaan ini berakhir dengan beberapa resolusi penting, antaranya keperluan untuk memperkukuhkan koordinasi antara NGO dan pihak berkuasa tempatan, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan NGO, serta mencari penyelesaian bersama bagi memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan. Kesepakatan ini diharapkan dapat memperkasakan peranan NGO dalam pembangunan komuniti di Semporna dan mewujudkan impak yang lebih besar dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

Mesyuarat Inter-Agensi Dialog

Sebagai langkah penyelarasan dan pengesahan terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti, satu Mesyuarat Inter-Agensi Semporna telah diadakan pada 25 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Semporna. Sesi dialog yang berlangsung selama setengah hari ini melibatkan pelbagai wakil daripada agensi kerajaan dan bertujuan memastikan setiap isu yang dibangkitkan mempunyai kesepadanan dengan mandat serta pelan tindakan agensi terlibat.

Penyelarasan antara pihak komuniti dan agensi pelaksana ini memainkan peranan penting dalam merangka intervensi yang lebih efektif dan mampan, sekali gus memperkukuh pelaksanaan tindakan susulan terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti di peringkat daerah.

Pasukan Penyelidik

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Semporna adalah seperti berikut:

1.	Fatimah Mohd Yasin	:	Ketua Penyelidik
2.	Nurrul Fazlina Osman	:	Pembantu Penyelidik
3.	Nor Amirul Bin Pukin	:	Pembantu Penyelidik
4.	Prof Madya. Dr Ramli Dollah	:	Pensyarah/Penyelidik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS
5.	Jamal Gabir	:	Penyelidik, Institut Kajian Sabah, UCSF
6.	Mohd Yusri Wahid	:	Pegawai Eksekutif, Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC)

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Dalam pelaksanaan sesuatu penyelidikan, aspek etika memainkan peranan penting dalam memastikan hak, privasi dan kerahsiaan peserta sentiasa dijaga dan dihormati. Dalam hal ini, Ketua Penyelidik mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan termaklum (*informed consent*) daripada setiap peserta sebelum sebarang data dikumpul adalah satu keperluan asas dalam amalan penyelidikan yang beretika. Ini termasuk mendapatkan keizinan secara jelas untuk merakam suara, mengambil video dan gambar para peserta yang terlibat dalam kajian ini. Sekiranya terdapat peserta dalam FGD yang tidak bersetuju untuk dirakam atau diambil gambarnya, maka maklumat yang dikongsikan oleh peserta tersebut tidak boleh direkodkan atau digunakan dalam sebarang bentuk laporan, penerbitan atau perkongsian di platform umum. Ini bagi menghormati hak privasi dan kerahsiaan peserta serta mematuhi prinsip keizinan bebas dan sukarela. Ringkasnya, amalan etika dalam penyelidikan bukan sahaja melindungi peserta, tetapi juga memperkukuh kredibiliti dan keabsahan hasil penyelidikan. Ketelusan, hormat terhadap hak peserta, dan pematuhan kepada prinsip etika penyelidikan merupakan tonggak penting dalam menghasilkan kajian yang bertanggungjawab dan berimpak. Selain itu, penyelidik juga bertanggungjawab memastikan bahawa tiada tekanan atau paksaan dikenakan ke atas peserta untuk memberikan persetujuan. Peserta berhak untuk menarik diri atau menolak sebarang bentuk rakaman tanpa sebarang implikasi negatif terhadap mereka.

Untuk kajian ini pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Semporna ini, semua peserta memberikan kerjasama penuh dan tiada halangan daripada mereka untuk dirakam atau dikongsikan maklumat yang dikemukakan. Ini mencerminkan tahap kesedaran dan keterbukaan peserta terhadap objektif kajian serta keyakinan terhadap integriti penyelidik dalam menjaga kerahsiaan dan penggunaan data.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Semasa pelaksanaan lawatan kajian ke Parlimen Semporna, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pasukan penyelidik adalah berkaitan dengan kekangan masa. Hal ini berpunca daripada kedudukan kampung-kampung yang terlibat dalam kajian ini, sama ada di tanah besar atau pun di pulau-pulau di daerah Semporna terletak agak jauh antara satu sama lain. Faktor geografi ini telah memberi kesan langsung terhadap perancangan logistik dan pengurusan masa sepanjang pelaksanaan lawatan. Tambahan pula, aspek pengangkutan turut menjadi halangan signifikan, terutamanya dalam penggunaan bot sebagai pengangkutan utama untuk bergerak dari satu kampung ke kampung lain. Keadaan ini bukan sahaja mengambil masa yang lebih panjang, malah turut terikat dengan faktor cuaca dan keselamatan perjalanan. Disebabkan kekangan ini, ketua penyelidik terpaksa membuat penyesuaian dengan mengehadkan masa sesi FGD kepada kawasan-kawasan yang dipilih ini. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan kajian dapat diteruskan secara efektif tanpa menjejaskan perancangan keseluruhan projek. Walaupun begitu, penyesuaian ini tidak menjejaskan objektif kajian. Sesi FGD yang dijalankan masih berjaya mengumpulkan input yang bermakna dan berkualiti daripada peserta, membuktikan bahawa pendekatan yang bersifat fleksibel dan strategik mampu menangani kekangan lapangan dengan baik. Pendekatan ini turut menekankan kepentingan perancangan logistik yang teliti, khususnya dalam konteks kajian lapangan di kawasan luar bandar dan terpencil seperti Semporna.

Satu lagi cabaran yang dikenal pasti semasa pelaksanaan sesi FGD adalah tahap pemahaman komuniti terhadap isu-isu utama yang memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka. Dalam banyak keadaan, penduduk kampung tidak menyedari sepenuhnya kepentingan isu-isu tertentu di kawasan mereka. Ini menyebabkan mereka cenderung untuk menekankan perkara yang lebih kelihatan atau bersifat harian, dan bukan semestinya yang paling kritikal dari segi jangka panjang. Sebagai contoh, semasa sesi FGD yang dijalankan bersama penduduk di Kampung Pababag, mereka pada awalnya menyatakan bahawa isu sampah yang memasuki kawasan kampung adalah masalah utama yang dihadapi. Namun begitu, apabila fasilitator mula membimbing perbincangan dengan mengemukakan pertanyaan perbandingan antara isu sampah dan isu pemilikan tanah, hampir semua peserta akhirnya mengakui bahawa isu pemilikan tanah adalah lebih penting dan mendesak dalam kehidupan mereka. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa proses FGD tidak boleh sepenuhnya diserahkan kepada informan

tanpa bimbingan yang bersesuaian. Dalam keadaan tertentu, intervensi daripada fasilitator adalah amat penting bagi membantu peserta memahami dan menilai semula keutamaan isu secara lebih mendalam dan menyeluruh. Oleh itu, peranan fasilitator bukan sahaja untuk mengendalikan sesi perbincangan, tetapi juga sebagai pemudah cara yang membantu komuniti menyusun pemikiran mereka secara lebih sistematik. Ini memastikan bahawa isu-isu yang dibangkitkan dalam FGD benar-benar mencerminkan realiti dan keperluan sebenar komuniti, sekali gus memperkukuh kualiti dapatan kajian.
Salah satu cabaran utama yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian ini ialah ketidaksepadanan antara keutamaan isu (dan tempat) yang dikenalpasti oleh wakil rakyat dengan keperluan sebenar yang dirasai oleh komuniti setempat. Perbezaan ini bukan sahaja mencerminkan jurang dalam persepsi terhadap keutamaan pembangunan, tetapi turut menjejaskan proses penentuan tumpuan dasar dan intervensi yang benar-benar berkesan di peringkat akar umbi. Dalam beberapa sesi FGD dan perbincangan bersama komuniti, didapati bahawa isu-isu yang dianggap kritikal oleh penduduk seperti pemilikan tanah, akses kepada infrastruktur asas, dan kelangsungan ekonomi setempat kadangkala kurang diberi perhatian sewajarnya dalam agenda pembangunan yang diketengahkan oleh pihak wakil rakyat. Sebaliknya, tumpuan lebih diberikan kepada projek berskala besar atau inisiatif jangka pendek yang mungkin tidak sejajar dengan keperluan harian masyarakat tempatan. Cabaran ini menuntut satu pendekatan yang lebih inklusif dan dialog yang berterusan antara pembuat dasar dan komuniti. Kajian ini menggariskan betapa pentingnya untuk memastikan proses perancangan pembangunan mengambil kira suara akar umbi, serta keperluan sebenar berdasarkan pengalaman dan cabaran harian yang dihadapi oleh penduduk. Oleh itu, penyelarasan antara pihak berkepentingan perlu ditingkatkan, dan kaedah seperti FGD boleh berfungsi sebagai jambatan komunikasi yang mempertemukan persepsi antara kedua-dua pihak. Hanya dengan pendekatan yang lebih peka dan responsif, keutamaan pembangunan dapat diselaraskan dengan realiti setempat secara lebih berkesan.

Salah satu limitasi penting yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian ini ialah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan. Walaupun usaha yang berterusan telah dilakukan oleh pihak penyelidik bagi mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan belia, wanita, pemimpin masyarakat, nelayan, petani, serta kumpulan minoriti namun terdapat beberapa kelompok yang tetap sukar untuk didekati. Faktor utama yang menyumbang kepada kesukaran ini termasuk jarak geografi yang jauh dan terasing, terutama bagi kampung-kampung pedalaman atau pulau-pulau kecil yang hanya boleh diakses melalui perjalanan air atau laluan darat yang mencabar. Di samping itu, kekangan masa yang dihadapi sepanjang tempoh lawatan lapangan, penduduk kampung yang bekerja, turut menyulitkan usaha mendapatkan penyertaan secara menyeluruh daripada semua kumpulan sasaran. Akibat daripada kekangan-kekangan ini, dapatan kajian lebih

tertumpu kepada maklumat yang diperoleh daripada kumpulan yang berjaya ditemui dan bersetuju untuk terlibat dalam sesi-sesi perbincangan. Keadaan ini secara tidak langsung mengehadkan keluasan perspektif yang dapat dihimpunkan dalam analisis akhir kajian. Meskipun demikian, penyelidik mengambil pendekatan mitigasi dengan memastikan variasi latar belakang dalam kalangan peserta yang terlibat, supaya wacana yang dijalankan tetap dapat mewakili sebahagian besar realiti lapangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu keterbatasan utama dalam kajian ini adalah kekurangan data rasmi dan statistik terkini daripada agensi berkaitan, terutamanya melibatkan isu penduduk tanpa dokumen di Semporna. Ketidaksediaan data yang sahih, lengkap dan boleh diakses telah menyukarkan proses penilaian berskala dan pemetaan sebenar terhadap jumlah serta profil komuniti rentan ini. Hal ini berpunca daripada sifat isu yang sensitif dan kompleks, termasuk aspek keselamatan, identiti kewarganegaraan, dan status sah individu yang tidak didaftarkan secara rasmi. Sebahagian besar maklumat hanya diperoleh melalui pemerhatian lapangan, perkongsian lisan komuniti, dan input daripada NGO tempatan, yang bersifat kualitatif dan tidak mewakili keseluruhan populasi. Keterbatasan ini memberi implikasi terhadap tahap generalisasi hasil kajian, dan justeru itu, dapatan berkaitan komuniti stateless diinterpretasikan secara berhati-hati dengan mengambil kira had akses kepada data rasmi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah 19 isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	**Kekurangan akses kepada bekalan air bersih**	Kesukaran mendapatkan bekalan air bersih menyebabkan penduduk menggunakan sumber air alternatif lain seperti air hujan kerana ketiadaan akses air bersih yang mencukupi. Terdapat penduduk kampung yang membeli air dari luar kawasan dengan kos tinggi (contoh: RM60 per tangki di Kg. Tabak-tabak). Terdapat penduduk kampung yang	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.1*** **-** Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minum yang selamat dan mampu milik untuk semua. ***Sasaran 6.4*** - Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air merentas semua sektor dan memastikan pembekalan air yang lestari untuk menangani kekurangan air.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menggunakan sumber alternatif lain seperti air perigi tetapi sumber air tersebut masin, seperti di Kg. Sisipan				
2.	**Kekurangan akses kepada bekalan tenaga elektrik**	Terdapat penduduk yang bergantung kepada sumber bekalan tenaga elektrik lain seperti *generator* sebagai sumber bekalan setiap hari kerana belum mendapat bekalan elektrik. Meter elektrik tidak diselenggara dengan baik di Kg. Kabimbangan, menyebabkan penduduk menghadapi masalah bekalan.	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan	**Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih** ***Sasaran 7.1*** - Menyediakan akses universal kepada tenaga yang moden dan boleh dipercayai. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2*** - Mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan dasar seperti tenaga.
3.	**Akses kepada kesihatan yang rendah**	Kedudukan hospital yang jauh menyebabkan penduduk mempunyai	Sosial	Penduduk setempat	DUN Sulabayan	**Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kesukaran untuk mendapatkan rawatan segera. Terdapat kemudahan klinik bergerak namun hanya beroperasi secara berkala dan terhad kepada perkhidmatan tertentu. Terdapat kejadian ibu mengandung dan bersalin semasa di dalam perjalanan ke hospital meninggal dunia. (Kg Kabimbangan) Penduduk yang tidak mempunyai dokumen (Kg Bangau-bangau) terpaksa mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta yang mempunyai kadar		Kanak-Kanak	DUN Bugaya DUN Senallang	***Sasaran 3.1*** - Mengurangkan kadar kematian ibu. ***Sasaran 3.8*** - Memberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu untuk semua. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.3*** - Memastikan kesaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan sosial.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		bayaran perkhidmatan yang mahal.				
4.	**Keadaan kemudahan jalan raya yang tidak baik**	Keadaan jalan raya yang berlubang dan tidak berturap menyebabkan pergerakan penduduk terhad, terutama pada musim hujan kerana perkhidmatan bas yang tidak dapat melalui jalan raya tersebut.	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.1*** - Meningkatkan infrastruktur berkualiti, berdaya tahan dan mampan, terutama di negara membangun. **Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.2*** - Memberikan akses yang selamat, mudah, dan berpatutan kepada sistem pengangkutan untuk semua.
5.	**Infrastruktur dan kemudahan awam yang tidak kondusif**	Kawasan kampung tidak mempunyai tempat perkumpulan yang kondusif untuk menjalankan aktiviti komuniti. Walaupun terdapat dewan di Kg	Sosial	Penduduk tempatan	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** ***Sasaran 9.1*** - Meningkatkan infrastruktur yang berkualiti dan berdaya tahan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Kabimbangan namun keadaan dewan tersebut usang dan tidak selamat untuk digunakan. Kekurangan pengangkutan awam dan kos pengangkutan yang tinggi menyebabkan pergerakan penduduk untuk mendapatkan akses kemudahan adalah terhad. Kemudahan jeti dan jambatan yang uzur (Kg. Gading-gading, Kg. Bangau-bangau, Kg. Tandoan, Kg. Tabak-tabak)				**Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.3*** - Memastikan kesaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan pengangkutan. **Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.1*** - Menyediakan penempatan yang selamat dan berdaya tahan. ***Sasaran 11.2*** - Memberikan akses yang selamat, mudah, dan berpatutan kepada sistem pengangkutan untuk semua. **Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh** ***Sasaran 16.6*** - Meningkatkan pengurusan yang bertanggungjawab, berkesan dan inklusif di semua peringkat.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	**Masalah sosial (Jenayah, kecurian, dadah, penyeludupan, lumba haram, dan gelandangan)**	Masalah sosial seperti kes kecurian dan pecah rumah kerap berlaku terutama di Kg. Menteritip dan Kg. Sisipan. Terdapat beberapa kampung yang dikenal pasti sebagai tempat pengedaran dan penyalahgunaan dadah. (Kg. Tampi-tampi Timbayan, Kg. Bangau-bangau Terdapat usaha pihak RELA di Kg. Sisipan untuk menjalankan pemantauan namun tidak berkesan dalam menangani masalah keselamatan. Terdapat gejala yang tidak sihat seperti lumba haram	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.5*** - Meningkatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan dadah. **Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh** ***Sasaran 16.1*** - Mengurangkan semua bentuk keganasan di seluruh dunia.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		di Kg. Aman Jaya yang mengganggu keselamatan penduduk.				
7.	**Keciciran pelajar**	Jarak sekolah menengah yang jauh dari kampung (Semporna dan Kunak) menyebabkan ramai pelajar berhenti sekolah. Masalah dokumentasi seperti ketiadaan surat lahir di Kg. Bangau-bangau dan Kg. Berjasa menyukarkan pendaftaran sekolah. Ramai pelajar di Kg. Berjasa tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira.	Sosial	Penduduk setempat Belia	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.1*** - Menjamin pendidikan yang inklusif dan berkualiti untuk semua. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.3*** - Mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada pendidikan berkualiti.
8.	**Isu dokumentasi**	Terdapat penduduk yang tidak mempunyai dokumen sah seperti sijil	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.3*** - Tanpa dokumentasi, individu tidak dapat mengakses

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		lahir dan kad pengenalan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan bantuan kerajaan. Ketiadaan dokumen ini disebabkan oleh ibu bapa yang tidak mempunyai sijil nikah yang sah menyebabkan kesukaran dalam permohonan untuk mendapatkan dokumen sah. Kg. Berjasa mempunyai 200 lebih penduduk yang tidak mempunyai dokumen rasmi seperti kad pengenalan, sijil lahir, dan sijil nikah.		Belia Kanak-Kanak	DUN Bugaya DUN Senallang	sistem perlindungan sosial seperti bantuan kebajikan atau subsidi. **Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 3.8*** - Ketiadaan dokumen pengenalan menghalang akses kepada perkhidmatan kesihatan awam. **Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.1*** - Pelajar tanpa dokumen rasmi seperti surat beranak sukar mendaftar ke sekolah. ***Sasaran 4.5*** - Individu tanpa dokumen sering termasuk dalam kategori “vulnerable groups”. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 10.2 - Dokumentasi ialah asas kepada penyertaan sosial dan politik. **Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh** ***Sasaran 16.9*** - Menjelang 2030, menyediakan identiti sah untuk semua, termasuk pendaftaran kelahiran
9.	**Isu kebajikan**	Ramai penduduk dalam kategori miskin tegar tetapi tidak tidak tersenarai di dalam sistem e-Kasih dan PPRT. Terdapat beberapa ibu tunggal yang dikenal pasti di Kg. Kabimbangan dan memerlukan bantuan namun mempunyai kesukaran di dalam permohonan bantuan kebajikan.	Sosial	Penduduk Kampung Wanita	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.3*** - Menjamin akses kepada bantuan sosial bagi golongan yang paling memerlukan. **Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan** ***Sasaran 10.2*** - Mengurangkan ketidaksamaan dalam pemberian bantuan sosial.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Di Kg Berjasa terdapat bantuan yang dijalankan namun bantuan tersebut tidak mencapai kepada sasaran yang betul.				
10.	**Ketidakseimbangan sasaran di dalam kursus dan latihan**	Kursus yang dijalankan oleh agensi hanya menyasarkan golongan wanita, menyebabkan golongan lelaki kurang mendapat manfaat pembangunan kemahiran.	Sosial	Penduduk Kampung Belia Wanita	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti** ***Sasaran 4.4*** - Meningkatkan kemahiran dan latihan yang relevan dengan pasaran kerja. **Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.6*** - Meningkatkan kadar penyertaan belia dalam latihan kemahiran dan pekerjaan yang produktif.
11.	**Isu status tanah**	Penduduk tidak memiliki hak milik rasmi terhadap tanah kerana status kampung yang belum diwartakan untuk digazetkan.	Sosial	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.4*** - Memastikan hak milik tanah yang sah. **Matlamat 2: Tiada Kelaparan**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Ketiadaan geran tanah menyebabkan penduduk kampung mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kerajaan atau menjalankan aktiviti ekonomi secara sah walaupun telah menetap di kampung tersebut di dalam tempoh yang lama. Penduduk hanya diberi sebidang kecil tanah (1 ekar), manakala selebihnya dijual kepada syarikat luar. Tanah yang sepatutnya digunakan untuk pertanian dan penempatan kini dikawal oleh pihak luar, menyukarkan penduduk tempatan untuk				***Sasaran 2.3*** - Meningkatkan produktiviti pertanian melalui akses kepada sumber dan teknologi. **Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan** ***Sasaran 10.3*** - Mengurangkan ketidaksamaan dalam hak milik tanah.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		membangun secara ekonomi. Kos dan proses mendapatkan geran tanah juga membebankan penduduk.				
12.	**Etika pemakaian pelancong yang tidak ketat**	Etika pemakaian pelancong perlu diperbaiki agar tiada masalah sosial berlaku	Sosial	Pelancong	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh** ***Sasaran 16.B*** - Menggalakkan undang-undang dan dasar bukan diskriminasi bagi pembangunan mampan. **Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.9*** - Merangka dan melaksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
13.	**Kekurangan peluang pekerjaan**	Ramai belia terpaksa berhijrah ke bandar kerana ketiadaan peluang pekerjaan di kawasan Semporna. Penduduk bergantung kepada pekerjaan sektor pertanian dan perikanan yang tidak stabil. Aktiviti pelancongan tidak memberi manfaat kepada penduduk setempat dimana pengusaha-pengusaha pelancongan lebih memilih mengambil warga asing sebagai pekerja kerana kadar gaji yang rendah.	Ekonomi	Penduduk Kampung Belia	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.2*** - Menurunkan jumlah penduduk miskin. **Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.5*** - Menjamin pekerjaan yang adil dan setara serta pendapatan yang mencukupi.
14.	**Pendapatan isi rumah rendah**	Ketua isi rumah bergantung kepada aktiviti pertanian secara kecil-kecilan dan aktiviti	Ekonomi	Penduduk Kampung Belia	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.1*** - Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perikanan yang bermusim menyebabkan pendapatan tidak stabil. Kenaikan kos sara hidup memburukkan keadaan ekonomi keluarga, terutama bagi yang bekerja gaji harian. Golongan wanita juga tidak mempunyai aktiviti ekonomi menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang menjana pendapatan dan hanya bergantung dengan pendapatan suami.		Wanita	DUN Senallang	untuk semua orang di seluruh dunia. ***Sasaran 1.2*** - Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh perkadaran lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya. **Matlamat 5: Kesaksamaan Gender** ***Sasaran 5.1*** - Menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. ***Sasaran 5.4*** - Mengiktiraf dan menghargai kerja penjagaan dan kerja rumah tidak berbayar melalui penyediaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
15.	**Gangguan terhadap aktiviti perikanan**	Kawasan tangkapan nelayan mengecil kerana terdapat aktiviti pelancongan seperti homestay dan *resort* yang menghalang kegiatan menangkap ikan dan ketam di kawasan perairan berdekatan. Terdapat nelayan luar yang menggunakan pukat tunda menyebabkan ikan berkurangan dan menjejaskan mata pencarian nelayan tempatan. ini menyebabkan hasil tangkapan semakin berkurang dan pendapatan nelayan menurun.	Ekonomi	Nelayan	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 2: Tiada Kelaparan** ***Sasaran 2.3*** - Meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan. **Matlamat 14: Hidupan di Laut** ***Sasaran 14*** - Mengatur secara berkesan aktiviti penangkapan ikan dan menghapuskan amalan penangkapan yang berlebihan dan merosakkan.
16.	**Ketiadaan pusat**	Penduduk tidak mempunyai pusat	Ekonomi	Penduduk Kampung	DUN Sulabayan	**Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	kebudayaan dan latihan ekonomi	kebudayaan untuk mempromosikan hasil seni dan kraftangan tempatan sebagai sumber pendapatan alternatif.			DUN Bugaya	***Sasaran 8.2*** - Meningkatkan pengeluaran dan penggunaan yang mampan. **Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** ***Sasaran 12.2*** - Menggunakan sumber daya alam dengan berkesan.
17.	**Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan yang rendah**	Kawasan pelancongan yang berpotensi seperti jeti di Kg. Gading-gading belum dibangunkan sepenuhnya. Penduduk tidak mempunyai modal atau kemahiran untuk menjalankan perniagaan berkaitan pelancongan.	Ekonomi	Pengusaha pelancongan	DUN Sulabayan DUN Senallang	**Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** ***Sasaran 8.9*** - Meningkatkan sektor pelancongan yang mampan. **Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** ***Sasaran 1.2*** - Menurunkan jumlah penduduk miskin.
18.	**Gangguan hidupan liar**	Haiwan liar seperti monyet dan babi hutan merosakkan tanaman penduduk kampung.	Alam Sekitar	Penduduk Kampung Nelayan	DUN Sulabayan DUN Bugaya	**Matlamat 15: Hidupan di Daratan** ***Sasaran 15.1*** - Menjamin pemuliharaan dan pemulihan ekosistem daratan dan spesies,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Kg. Gading-gading menghadapi ancaman buaya yang membahayakan nelayan dan penduduk yang menggunakan air sungai. Obor-obor di Kg. Tandoan mengganggu aktiviti perikanan dan keselamatan penduduk yang bekerja di laut. Kg. Salakan melaporkan gangguan ular yang membahayakan keselamatan penduduk.			DUN Senallang	termasuk hutan, kawasan padang pasir, kawasan basah, dan kawasan gunung.
19.	**Pengurusan sampah yang tidak sistematik**	Ketiadaan pengurusan sampah yang sistematik menyebabkan penduduk terpaksa membuang sampah ke laut.	Alam Sekitar	Penduduk Kampung Penduduk kampung atas air	DUN Sulabayan DUN Bugaya DUN Senallang	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** ***Sasaran 11.6*** - Mengurangkan impak negatif daripada sampah dan pencemaran.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Terdapat keperluan untuk pembinaan tembok bagi menghalang sampah masuk ke kawasan perkampungan (Kg. Kabimbangan) Ketiadaan tempat pengumpulan sampah menyebabkan sampah tidak dapat diurus dengan baik. (Kg Aman Jaya dan Kg Menteritip)				**Matlamat 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim** ***Sasaran 13.3*** - Meningkatkan kesedaran dan pendidikan perubahan iklim. **Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi** ***Sasaran 6.3*** - Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, membuang bahan kimia dan bahan berbahaya, serta mengurangkan pelepasan air sisa yang tidak dirawat.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kampung Gading-Gading **Tarikh:** 07 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan *2.* Pejabat Pendidikan Daerah Semporna
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Penduduk menjelaskan kesukaran penduduk kampung untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan akibat kekangan pengangkutan dan jarak klinik yang jauh. Peserta FGD menjelaskan bahawa mereka sebelum ini berklinik di Kunak, namun kini perlu ke Semporna untuk rawatan. Hal ini menimbulkan cabaran besar khususnya bagi suri rumah yang tidak mempunyai kenderaan sendiri dan suami bekerja jauh di Kota Kinabalu.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bas yang ada hanya sampai ke Kunak, menyebabkan mereka perlu menempuh perjalanan berlapis bermula dari kampung ke Kunak, kemudian ke Semporna atau Tagasan. Tambahan pula, isu penerimaan pesakit di klinik berbeza kawasan (contohnya Tagasan dan Pangi) menjadikan akses rawatan semakin sukar.	
		Peserta menjelaskan isu infrastruktur jalan tidak lengkap yang menjejaskan akses penduduk dan pasukan keselamatan di kawasan kampung. Menurut peserta FGD, jalan berturap hanya dibuat hingga ke kawasan sekolah dan tidak disambung hingga ke pos pasukan keselamatan PGA Batalion 22 Kunak serta helipad yang terletak kira-kira 1 kilometer dari situ. Penduduk juga memaklumkan bahawa mereka pernah mengemukakan permohonan kepada pihak JKR untuk menambah baik jalan tersebut, namun belum ada tindakan lanjut diambil. Keadaan ini	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan, kemudahan perhubungan, dan kesiapsiagaan pasukan keselamatan di kawasan tersebut.	
		Peserta menjelaskan isu bekalan air bersih yang terhad dan masalah kebocoran paip di kampung. Penduduk memaklumkan bahawa bekalan air hanya disalurkan dua hari seminggu, iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Selain itu, terdapat banyak paip bocor yang menyebabkan pembaziran air, namun aduan yang dibuat tidak mendapat sebarang tindakan daripada pihak berkuasa. Keadaan ini menjejaskan kehidupan harian penduduk dan menunjukkan kelemahan dalam penyelenggaraan serta pengurusan infrastruktur asas.	**Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan:** Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan menjelaskan bahawa Kampung Pababag tidak mempunyai akses kepada air bersih dan hanya bergantung kepada air perigi. Beliau menegaskan bahawa penyaluran air bersih ke kampung tersebut adalah mungkin dilaksanakan, sama ada dari Pekan Semporna ke Balimbang atau melalui sambungan dari tanah besar Pababag melalui Kampung Tampi Kapor dan Lihak-Lihak. Isu air bersih dianggap sebagai keperluan utama yang perlu diberi perhatian segera.
		Peserta menjelaskan kekurangan kemudahan asas dan isu keselamatan infrastruktur di kampung. Penduduk mencadangkan pembinaan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dewan terbuka atau gelanggang sukan bagi menyediakan ruang aktiviti untuk kanak-kanak dan belia yang kini tiada kemudahan rekreasi. Selain itu, mereka turut membangkitkan keadaan jeti dan jambatan yang uzur, yang pernah menyebabkan kematian akibat runtuhan, dan hanya dibaiki selepas tragedi berlaku. Hal ini menunjukkan kelewatan tindakan pihak berkuasa serta keperluan mendesak untuk penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur asas yang selamat.	
2.	Cabaran pendidikan bagi pelajar tanpa dokumen dan kos pengangkutan tinggi di kawasan luar bandar.	Peserta menjelaskan dua isu utama berkaitan pendidikan di kampung, iaitu masalah pendaftaran dan kesinambungan persekolahan bagi kanak-kanak tanpa dokumen serta beban kos pengangkutan bagi pelajar yang tinggal jauh dari sekolah.	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Peserta FGD menjelaskan bahawa walaupun terdapat murid tanpa dokumen pengenalan diri, mereka masih dibenarkan bersekolah jika salah seorang ibu bapa mempunyai kad pengenalan. Namun, cabaran timbul apabila pelajar ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, kerana ketiadaan dokumen menjadi halangan utama untuk pendaftaran rasmi. Selain itu, pelajar yang tinggal di luar kawasan terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi (RM150 sebulan) atau tinggal di asrama kerana jarak ke sekolah terlalu jauh.	berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.
3.	Keterbatasan ekonomi sara diri dan cabaran akses kepada bantuan agensi di kawasan terpencil	Peserta menjelaskan kesukaran ekonomi dan keterasingan komuniti luar bandar yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Peserta FGD menjelaskan bahawa aktiviti ekonomi penduduk kebanyakannya bersifat sara diri, seperti menangkap ikan menggunakan peralatan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tradisional dan mendayung ke laut tanpa sokongan teknologi moden. Mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan, disebabkan oleh pelbagai rintangan termasuk lokasi terpencil dan kurangnya perhatian daripada pihak berwajib. Hal ini menyebabkan penduduk terpaksa bergantung sepenuhnya kepada sumber semula jadi untuk kelangsungan hidup tanpa pendapatan tetap.	
4.	Kekangan akses barangan keperluan dan pergantungan tinggi terhadap pusat bandar akibat kekurangan kemudahan di kampung.	Peserta menjelaskan cabaran akses terhadap kemudahan asas dan keperluan harian yang dihadapi oleh penduduk luar bandar, khususnya mereka yang tinggal jauh dari pusat bandar Kunak. Peserta FGD menerangkan bahawa mereka perlu berulang-alik ke Kunak atau Tawau untuk mendapatkan barangan asas seperti	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keperluan rumah dan peralatan sekolah kerana tiada kedai lengkap di kampung. Mereka juga menyebut tentang keperluan untuk tinggal di asrama bagi pelajar yang bersekolah jauh, dan apabila pulang hujung minggu, mereka perlu mengatur perjalanan yang panjang dan memakan masa. Walaupun kemudahan sekolah dianggap memadai, akses terhadap barangan dan ekonomi tempatan masih terhad.	

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kampung Lihak-Lihak **Tarikh:** 07 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna 2. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna
1.	Keperluan infrastruktur dan perkhidmatan awam	Penduduk di kawasan Lihak-Lihak menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan kesihatan kerana ketiadaan klinik tetap di kawasan mereka. Lokasi kampung yang terpencil dan jauh dari hospital di Kunak serta Semporna menyebabkan penduduk terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk mendapatkan rawatan, termasuk bagi kes kecemasan seperti bersalin, yang kadangkala berisiko melahirkan sebelum sempat tiba di hospital. Dahulu pernah wujud sebuah Klinik Desa di kawasan ini, namun bangunan tersebut dirobohkan apabila pembinaan jalan dijalankan dan sehingga kini belum ada tindakan untuk membina semula klinik baharu walaupun terdapat tapak kosong yang sesuai. Kini,	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		perkhidmatan kesihatan hanya dijalankan sebulan sekali oleh pasukan kesihatan bergerak bagi rawatan ringan, manakala kes serius perlu dirujuk ke hospital. Penduduk menegaskan keperluan mendesak untuk membina semula klinik tetap bagi memudahkan akses rawatan, terutamanya bagi kes kecemasan dan pemeriksaan kehamilan.	
		Penduduk kampung menghadapi masalah liputan rangkaian telefon yang lemah di kawasan mereka, termasuk di sekitar dewan kampung. Isu ini telah lama dibangkitkan kepada pihak berwajib melalui ketua kampung, dan kini difahamkan ada usaha untuk mengemukakan cadangan pembinaan pencawang bagi memperbaiki kekuatan isyarat telefon di kawasan tersebut.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Penduduk Kampung Lihak-Lihak menekankan keperluan mendesak untuk membina sebuah dewan serbaguna di kampung mereka. Sebagai kawasan pusat dan zon mengundi, kampung ini sering menjadi lokasi perhimpunan serta aktiviti melibatkan penduduk dari kampung lain. Namun, ketiadaan dewan menyebabkan mereka terpaksa meminjam dewan sekolah bagi setiap acara. Kini, pihak sekolah mengenakan syarat agar permohonan penggunaan dewan dibuat sebulan lebih awal, yang menyukarkan perancangan segera. Situasi ini menimbulkan kesulitan kepada penduduk dan mengukuhkan keperluan pembinaan dewan serbaguna sendiri di Kampung Lihak-Lihak.	*Tiada maklum balas*
		Penduduk menjelaskan bahawa di kawasan mereka hanya terdapat sekolah rendah kerana bilangan pelajar tidak mencukupi untuk menubuhkan sekolah menengah. Oleh itu,	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pelajar terpaksa melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah di Semporna. Sebahagian pelajar tinggal di asrama, manakala yang lain berulang-alik menggunakan kenderaan sendiri, dihantar oleh ibu bapa, atau menaiki kereta sewa. Namun, kos pengangkutan menjadi beban kepada keluarga, terutama bagi mereka yang bekerja sebagai petani, kerana tambang bulanan sekitar RM200 dianggap tinggi. Situasi ini menggambarkan cabaran penduduk luar bandar dalam mendapatkan akses pendidikan menengah yang mudah dan mampu milik.	daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.
		Penduduk memaklumkan bahawa kampung mereka pernah mengalami beberapa kejadian kebakaran serius yang menyebabkan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kemusnahan teruk, termasuk kejadian pada bulan Ramadan tahun lalu di mana beberapa rumah hangus sepenuhnya. Mereka menjelaskan bahawa apabila insiden berlaku, panggilan kecemasan perlu melalui jabatan tertentu dan menyebabkan kelewatan ketibaan pasukan bomba. Akibatnya, api sudah memusnahkan keseluruhan rumah sebelum bantuan tiba. Oleh itu, penduduk menekankan keperluan mendesak untuk menubuhkan balai bomba di kawasan mereka bagi memastikan tindak balas pantas dan mengurangkan kerosakan serta kehilangan harta benda pada masa hadapan.	
		Penduduk menerangkan bahawa masalah utama yang dihadapi kini ialah liputan talian telefon yang lemah. Walaupun tiang pencawang telah didirikan, rangkaian masih belum berfungsi sepenuhnya kerana proses penyambungan talian belum selesai. Mereka berharap pembinaan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pencawang tersebut dapat disiapkan segera bagi memperbaiki capaian komunikasi di kawasan tersebut.	
2.	Isu keselamatan dan gejala sosial	Peserta FGD menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan gejala sosial dan keselamatan di kawasan mereka, termasuk kehadiran ramai pendatang asing serta aktiviti pengedaran dadah yang semakin berleluasa di sekitar kampung. Isu ini dikatakan menjejaskan keselamatan penduduk di sembilan kampung sekitar seperti Kampung Lihak-Lihak, Kampung Sungai Nasip, Kampung Sungai Baru, Kampung Siaban, Kampung Rasap, Kampung Tampi Kapor serta tiga kawasan Bakong-Bakong iaitu Bakong-Bakong Sajadah, Bakong-Bakong Sapi dan Bakong-Bakong Kambing. Peserta menegaskan keperluan untuk mewujudkan balai polis atau meningkatkan kehadiran pihak berkuasa bagi	**Ibu Pejabat Daerah Semporna:** Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		membendung masalah sosial yang semakin membimbangkan di kawasan tersebut.	berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.
3.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dan kehidupan alam	Penduduk menghadapi gangguan haiwan liar, khususnya monyet. Walaupun penduduk berminat untuk bercucuk tanam, usaha mereka sering terganggu kerana monyet merosakkan tanaman. Monyet bukan sahaja memakan hasil tanaman, malah kadang-kadang menumbangkan atau merosakkan tanaman tanpa dimakan, menyebabkan penduduk hilang motivasi untuk bertani, terutama bagi tanaman yang ditanam untuk dijual. Penduduk juga menghadapi risiko keselamatan, kerana sesetengah monyet boleh menyerang manusia, mengakibatkan kecederaan yang memerlukan rawatan hospital. Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti pertanian di kampung terjejas bukan hanya dari segi hasil tetapi juga keselamatan, menambah cabaran	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kepada penduduk yang bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan.	
4.	Pengurusan sampah yang tidak sistematik	Penduduk membuang sampah secara tidak teratur, termasuk ke sungai di sekitar jambatan, yang menyebabkan sampah hanyut dan turut dimanfaatkan oleh monyet atau anjing. Terdapat amalan pembuangan yang berbeza mengikut jenis sampah; sampah basah dibuang begitu sahaja kerana dimakan oleh anjing, manakala sampah kering dikumpulkan dan dibuang di satu lokasi tertentu. Keadaan ini menunjukkan kekurangan kemudahan pengurusan sampah yang sistematik, sekaligus menimbulkan isu kebersihan dan kesan terhadap alam sekitar di kawasan kampung.	*Tiada maklum balas*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kampung Mentelitip **Tarikh:** 08 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna
1	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Transkrip ini menggambarkan beberapa isu berkaitan akses kesihatan di kampung: Pertama, kos pengangkutan yang tinggi menyebabkan sesetengah penduduk tidak mampu ke hospital, sekali gus menghalang mereka mendapatkan rawatan. Kedua, penduduk menekankan keperluan klinik tetap di kampung kerana kesukaran untuk ke pekan atau bandar apabila sakit. Ketiga, klinik bergerak yang ada kini kurang teratur; kadangkala mereka datang tanpa jadual tetap atau meninggalkan kampung tanpa pemberitahuan, menyebabkan penduduk sukar merancang dan mengakses perkhidmatan kesihatan secara konsisten. Secara keseluruhan, isu utama ialah akses kesihatan yang terhad dari segi kos, lokasi, dan pengurusan perkhidmatan.	*Tiada maklum balas*
		Penduduk menyatakan keadaan jalan dan sistem perparitan di kampung mereka menjadi isu sosial yang serius. Jalan yang rosak menyukarkan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pergerakan, termasuk akses pelajar ke sekolah, dan risiko jalan putus apabila hujan meningkat. Selain itu, sistem perparitan yang tidak mencukupi menyebabkan banjir dan merosakkan jalan walaupun selepas baik pulih. Secara keseluruhan, penduduk menekankan keperluan pembaikan jalan dan sistem perparitan yang berkesan bagi memastikan mobiliti selamat dan infrastruktur kampung lebih tahan cuaca.	
		Peserta FGD menyuarakan beban kewangan yang dihadapi keluarga di kampung akibat tiada sekolah menengah berdekatan. Anak-anak terpaksa menumpang bas ke sekolah di Tagasan dengan kos sekitar RM100 seorang sebulan, yang boleh mencecah RM400 untuk keluarga dengan empat anak. Bagi penduduk berpendapatan rendah, jumlah ini sangat membebankan. Oleh itu, mereka menegaskan keperluan mendesak untuk menubuhkan sekolah menengah berhampiran bagi mengurangkan kos pengangkutan dan memudahkan akses pendidikan.	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.
		Penduduk kampung menyuarakan masalah bau sampah yang serius dari tapak pembuangan berhampiran kawasan mereka, yang menyebabkan kerap sakit seperti selsema, demam, dan alahan. Masalah ini timbul terutama ketika hujan atau apabila arah angin bertiup ke kampung, dan sebelumnya tiada keluhan kesihatan kerana kawasan itu bebas sampah. Penduduk juga menyedari bahawa tapak pembuangan tersebut telah disewa oleh pihak tertentu dengan persetujuan majlis daerah, tetapi keberadaan dan bau busuknya menimbulkan kebimbangan serta ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat kampung.	*Tiada maklum balas*
		Peserta FGD menyatakan bahawa kemudahan sukan untuk belia di kampung mereka kebanyakannya telah rosak dan masih belum	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diperbaiki, menyebabkan aktiviti sukan dan rekreasi bagi golongan muda terhad.	
2.	Isu pekerjaan dan ekonomi belia di kawasan luar bandar	Transkrip ini menjelaskan bahawa ekonomi penduduk kampung bergantung kepada pertanian, khususnya sawit, yang kini berumur 20–25 tahun dan menghasilkan hasil yang menurun. Pendapatan isi rumah rendah, menyebabkan golongan belia sukar mendapatkan pekerjaan tetap. Sesetengah penduduk bekerja sambilan atau menjalankan aktiviti kampung seperti menyabit, manakala sebahagian lain memasuki pasukan keselamatan. Isu pengangguran belia juga semakin menekan disebabkan oleh gaji rendah, ketidakpatuhan majikan terhadap undang-undang pekerjaan, dan masalah dokumentasi seperti tiada kad pengenalan. Akibatnya, ramai belia berhijrah ke Semenanjung untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, sementara peluang pekerjaan tempatan tidak mencukupi atau tidak adil.	*Tiada maklum balas*

Jadual 7 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kampung Timbayan, Tampi Tampi **Tarikh:** 08 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Sabah Electricity
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Transkrip ini menggambarkan isu utama akses air bersih di kampung yang berlarutan. Penduduk menegaskan bahawa walaupun ketua kampung telah beberapa kali menghubungi Jabatan Air, masalah penghantaran air tidak diselesaikan dan mereka sering menghadapi alasan teknikal seperti keadaan jalan berbukit. Air graviti yang ada hanya sesuai untuk mandi, manakala air minum terpaksa dibeli daripada Jabatan Air atau lori swasta dengan kos sekitar RM40 untuk satu tangki 400 liter, yang masih bukan air bersih sepenuhnya. Situasi ini menimbulkan beban kewangan tambahan, terutama bagi keluarga berpendapatan rendah atau yang mempunyai anak tidak berkerjaya. Secara keseluruhan, isu air bersih dianggap sebagai keperluan asas yang kritikal, bersama-sama dengan keadaan jalan yang turut menjejaskan kualiti hidup penduduk.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketiadaan bekalan elektrik menyebabkan penduduk mencadangkan supaya kawasan ini dipasangkan sistem solar bagi menjimatkan kos sara hidup yang tinggi. Pemasangan solar dilihat sebagai langkah praktikal untuk mengurangkan perbelanjaan elektrik dan meringankan beban kewangan penduduk.	**Sabah Electricity:** Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia.
		Transkrip ini menekankan beberapa isu utama di kampung berkaitan akses kesihatan dan kebajikan. Penduduk menyatakan bahawa klinik jauh dan sukar diakses kerana kenderaan jarang masuk, menyebabkan mereka terpaksa menunggu berjam-jam atau menanggung kos tambang yang tinggi, sekali gus menyukarkan ibu tunggal atau balu yang tiada pendapatan untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, terdapat masalah dalam pemberian bantuan kebajikan; ibu tunggal yang memerlukan kadangkala tidak menerima bantuan kerana proses pemilihan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dianggap rumit atau tidak jelas, mungkin ditentukan oleh pegawai di pejabat kebajikan. Secara keseluruhan, isu utama adalah **akses kesihatan dan keadilan dalam pemberian bantuan kebajikan kepada golongan rentan.**	
2.	Isu kebajikan dan bantuan sosial	Peserta FGD menyuarakan isu berkaitan kebajikan, khususnya bantuan kepada ibu tunggal. Beliau menekankan bahawa ibu tunggal yang tiada pendapatan sering tidak dipilih atau diluluskan untuk bantuan, walaupun mereka mempunyai anak yang bergantung. Keputusan untuk memilih penerima bantuan dikaitkan dengan pejabat kebajikan tempatan, tetapi prosesnya dianggap rumit dan memerlukan pelbagai pertimbangan sebelum kelulusan diberikan, menyebabkan sebahagian golongan yang memerlukan tertinggal.	*Tiada maklum balas*
3.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Penduduk melaporkan masalah serangan monyet di kawasan mereka yang sering merosakkan barang dapur dan makanan, menambah beban kos sara hidup yang sedia tinggi. Monyet-monyet tersebut bukan sahaja mengambil makanan tetapi juga merosakkan atau memecahkan barang, seperti gula, tepung,	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dan biskut. Penduduk mencadangkan supaya pihak PERHILITAN dipanggil untuk menangkap atau mengawal monyet-monyet ini bagi mengurangkan kerosakan dan kesulitan yang dihadapi.	
4.	Cabaran nelayan tradisional dalam menjalankan kegiatan perikanan	Peserta FGD menjelaskan bahawa kehidupan nelayan bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca dan rezeki. Pendapatan mereka tidak menentu; kadangkala mendapat hasil yang mencukupi, kadang-kadang hanya sedikit atau baki sahaja.	*Tiada maklum balas*

Jadual 8 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kampung Bangau-Bangau **Tarikh:** 08 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Daerah Semporna 2. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna
1.	Isu penempatan dan pengiktirafan warisan kampung	Transkrip ini menekankan isu penempatan dan pengiktirafan warisan kampung. Kampung ini ditubuhkan pada 1955 dan telah diusulkan sebagai kampung warisan sejak 2018, diluluskan pada 2020, namun pelaksanaannya tidak jelas selepas pertukaran kerajaan, termasuk peruntukan yang sepatutnya digunakan untuk membina rumah. Selain itu, penduduk Kampung Bangau-bangau menegaskan keutamaan mereka ialah mempunyai penempatan tetap, termasuk di kawasan laut (KUL), untuk memastikan keselamatan dan hak mereka terjamin, tanpa mengira siapa wakil rakyat di kawasan tersebut.	*Tiada maklum balas*
2.	Isu dokumentasi dan status warganegara	Peserta ini menyuarakan isu dokumentasi dan status warganegara dalam kalangan penduduk Kampung Bangau-bangau. Pertama, ramai penduduk, terutamanya yang berumur sekitar 40 tahun dengan keluarga besar, menghadapi kesukaran mengurus dokumen penting kerana	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kekurangan pendidikan dan rasa takut berurusan dengan pihak beruniform. Kedua, isu perkahwinan dan kelahiran anak timbul apabila salah seorang pasangan adalah warganegara Bajau Laut (PTI), menyebabkan anak mereka menghadapi kesukaran mendapatkan sijil lahir dan akses pendidikan. Sebelum ini, undang-undang membenarkan anak-anak daripada pasangan sebegini mendapat sijil lahir dan bersekolah, tetapi perubahan undang-undang terkini menimbulkan kekeliruan. Penduduk berharap undang-undang yang lebih memahami situasi komuniti Bangau-bangau dapat dikembalikan bagi memastikan hak dokumentasi dan pendidikan anak-anak mereka terjamin.	
3.	Cabaran ekonomi dan ketergantungan nelayan terhadap sumber alternatif.	Transkrip ini menjelaskan isu ekonomi penduduk nelayan di kampung tersebut. Kawasan laut yang sebelum ini menjadi sumber rezeki kini dilarang kerana perlindungan taman laut dan aktiviti pelancongan, menyebabkan nelayan kehilangan akses menangkap hasil laut. Akibatnya, mereka terpaksa mencari pekerjaan lain seperti berniaga runcit, tetapi pendapatan sangat tidak menentu,	**Pejabat Daerah Semporna:** Aktiviti pukat tunda di sekitar Pulau Pababag sebelum ini menyebabkan penduduk kampung kehilangan sumber rezeki kerana ikan mudah tersangkut. Kini, kehadiran pukat tunda berkurangan disebabkan adanya struktur 'bagang', walaupun pemantauan pihak berkuasa marin terhadap aktiviti ini tidak diketahui sepenuhnya. Selain isu perikanan, masalah prasarana

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		antara RM500 hingga RM1,000 sebulan. Penduduk mencadangkan supaya geran tanah diberikan, contohnya 5 ekar setiap keluarga, sebagai alternatif untuk menambah sumber pendapatan dan menampung kehidupan mereka.	menjadi isu utama, termasuk jambatan yang baru-baru ini roboh akibat air pasang besar. Penduduk mencadangkan agar jambatan dibina semula menggunakan konkrit bagi ketahanan jangka panjang. Selain itu, keperluan terhadap kemudahan asas lain seperti balai raya, dewan dan masjid turut ditekankan sebagai keperluan penting bagi pembangunan Pulau Pababag.
4.	Penyalahgunaan dadah dan kesannya terhadap pendidikan dan sosial belia	Transkrip ini menekankan isu sosial berkaitan penyalahgunaan dadah dan gam di kalangan penduduk, terutama remaja dan pelajar. Penduduk menyatakan bahawa dadah seperti syabu dan gam mudah diperoleh, termasuk oleh kanak-kanak dan pelajar sekolah rendah. Aktiviti ini bukan sahaja membahayakan generasi muda tetapi juga menjejaskan pendidikan, dengan ramai anak-anak mula ponteng sekolah atau berisiko terhenti belajar kerana pengaruh dadah. Penduduk menggesa agar isu ini dibawa ke peringkat parlimen untuk tindakan serius, kerana ia memberi kesan negatif terhadap pembangunan sosial dan masa depan belia di kampung.	**Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:** Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.
5.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta menyuarakan isu pengurusan sampah di Semporna yang kurang berkesan. Penduduk menjelaskan bahawa kerana tiada sistem pelupusan sampah yang baik, sampah sering dibuang ke laut, mengakibatkan pencemaran, terutamanya di kawasan pelancongan. Sampah plastik yang berselerak juga menjejaskan aktiviti seperti navigasi bot. Penduduk mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah proaktif, termasuk membeli atau mengutip sampah, bagi mengurangkan pembuangan ke laut dan mengekalkan kebersihan serta kelestarian alam sekitar.	*Tiada maklum balas*
		Peserta menyuarakan isu kelewatan dan pengurusan kurang cekap di hospital kecemasan Semporna. Penduduk melaporkan bahawa walaupun telah mengambil nombor giliran, pesakit terpaksa menunggu 2–3 jam sebelum dipanggil, dan beberapa kes ketidakpuasan ini pernah tular di media sosial. Aduan rasmi telah dibuat melalui saluran kementerian dan laman web hospital, tetapi masalah masih berterusan.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Isu ini menimbulkan rasa frustrasi kerana layanan kecemasan sepatutnya lebih cepat dan berkesan.	
		Peserta menjelaskan isu bekalan air di kampung yang tidak konsisten. Walaupun ada sistem bekalan, air hanya masuk jarang-jarang, sekitar sekali atau dua kali seminggu, dan kadang-kadang terputus selama beberapa hari sebelum disambung semula. Situasi ini menyukarkan kehidupan harian penduduk.	*Tiada maklum balas*

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kampung Pababag **Tarikh:** 09 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Ketua Anak Negeri Sulabayan 2. Sabah Electricity 3. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna 4. Pejabat Daerah Semporna
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Transkrip ini menjelaskan masalah bekalan air di kampung yang tidak mencukupi dan tidak stabil. Penduduk terpaksa bergantung kepada beberapa perigi sahaja (lebih kurang 5 buah) dan kadang-kadang membeli pam air sendiri untuk menyalurkan air ke rumah. Kapasiti perigi tidak mencukupi untuk menampung jumlah penduduk yang ramai (sekitar 100 rumah), menyebabkan mereka terpaksa bergilir-gilir mendapatkan air. Usaha kerajaan untuk membantu, seperti memasang pam atau perigi tambahan, amat terbatas atau tidak berkesan kerana cepat rosak.	**Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan**: Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan menjelaskan bahawa Kampung Pababag tidak mempunyai akses kepada air bersih dan hanya bergantung kepada air perigi. Beliau menegaskan bahawa penyaluran air bersih ke kampung tersebut adalah mungkin dilaksanakan, sama ada dari Pekan Semporna ke Balimbang atau melalui sambungan dari tanah besar Pababag melalui Kampung Tampi Kapor dan Lihak-Lihak. Isu air bersih dianggap sebagai keperluan utama yang perlu diberi perhatian segera.
		Penduduk kampung menggunakan tenaga solar sebagai sumber utama elektrik. Menurutnya, kemudahan tenaga solar itu dibekalkan oleh kerajaan dan digunakan secara menyeluruh oleh semua rumah di pulau berkenaan. Ini bermakna keseluruhan pulau tidak mempunyai bekalan	**Sabah Electricity:** Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		elektrik arus perdana (karan), sebaliknya hanya bergantung kepada tenaga solar untuk memenuhi keperluan harian.	belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia
		Peserta menyuarakan keperluan infrastruktur asas di kampung, khususnya dewan serbaguna dan jambatan. Penduduk menjelaskan bahawa mereka tiada dewan untuk majlis seperti perkahwinan atau pengebumian, berbeza dengan kampung lain yang sudah ada. Selain itu, jambatan yang menghubungkan kampung ke sekolah penting untuk keselamatan murid; sebelum ini, jambatan roboh (tahun 2023) dan menyebabkan risiko kepada pelajar, memaksa mereka bergantung pada perahu atau pinjaman jambatan sementara. Penduduk menekankan bahawa kewujudan dewan dan jambatan tetap amat diperlukan untuk keselamatan dan kemudahan harian.	*Tiada maklum balas*
		Peserta menyuarakan cabaran akses pendidikan menengah bagi pelajar di kampung tersebut. Pelajar yang ingin melanjutkan ke sekolah	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menengah terpaksa pergi ke SMK Bugaya 2 menggunakan bot dan bas, dengan kos sekitar RM150 sebulan sebelum termasuk makan dan belanja harian. Kos yang tinggi ini menyebabkan ramai pelajar, terutama dari keluarga berpendapatan rendah, tidak mampu meneruskan pendidikan, sehingga hanya mampu belajar hingga UPSR atau terpaksa berhenti sekolah.	menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.
2.	Kesukaran mendapatkan permohonan lesen perikanan bagi nelayan kecil	Transkrip ini menerangkan kesukaran nelayan kampung mendapatkan lesen perikanan untuk aktiviti menangkap ikan, khususnya bagi operasi bagang atau penggunaan pukat tunda. Walaupun nelayan ingin mematuhi undang-undang, proses permohonan lesen dianggap rumit dan tidak mesra, memerlukan mereka pergi ke pejabat di	**Pejabat Daerah Semporna:** Aktiviti pukat tunda di sekitar Pulau Pababag sebelum ini menyebabkan penduduk kampung kehilangan sumber rezeki kerana ikan mudah tersangkut. Kini, kehadiran pukat tunda berkurangan disebabkan adanya struktur 'bagang', walaupun pemantauan pihak berkuasa marin terhadap aktiviti ini tidak diketahui

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kunak atau Kota Kinabalu. Akibatnya, nelayan kecil terpaksa beroperasi tanpa lesen demi kelangsungan hidup, walaupun berisiko ditangkap oleh penguatkuasa.	sepenuhnya. Selain isu perikanan, masalah prasarana menjadi isu utama, termasuk jambatan yang baru-baru ini roboh akibat air pasang besar. Penduduk mencadangkan agar jambatan dibina semula menggunakan konkrit bagi ketahanan jangka panjang. Selain itu, keperluan terhadap kemudahan asas lain seperti balai raya, dewan dan masjid turut ditekankan sebagai keperluan penting bagi pembangunan Pulau Pababag
3.	Ketiadaan geran tanah kampung	Masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung ialah ketiadaan geran tanah untuk kawasan kampung dan penternakan. Penduduk telah memohon beberapa kali untuk mendapatkan geran, namun sehingga kini masih belum ada kepastian atau bukti yang jelas. Ada pihak tertentu yang pernah berjanji untuk mengeluarkan geran, terutama semasa musim pilihan raya apabila pemimpin datang melawat kawasan mereka. Walaupun janji-janji tersebut telah dibuat, penduduk masih tidak menerima sebarang hasil sehingga kini. Situasi ini menimbulkan rasa kecewa dan ketidakpastian dalam kalangan penduduk, kerana tanpa geran tanah mereka berasa tidak mempunyai jaminan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		hak milik yang sah ke atas penempatan atau kawasan penternakan mereka..	
4.	Kekangan petani dalam memasarkan hasil pertanian	Peserta menjelaskan dua isu utama yang dihadapi komuniti kampung berkaitan tanah dan pemasaran hasil pertanian. Pertama, penduduk kampung menghadapi masalah tiada geran tanah untuk tapak penternakan atau pertanian mereka. Walaupun telah berkali-kali memohon dan menerima janji daripada pihak berkuasa, termasuk ketika musim pilihan raya, sehingga kini tiada tindakan konkrit atau bukti rasmi diberikan. Kedua, mereka menghadapi cabaran pemasaran hasil pertanian seperti pisang dan ubi. Proses menjual hasil pertanian melibatkan kos logistik yang tinggi, termasuk bayaran untuk pengangkutan menggunakan gerobak atau bot, minyak, dan caj tambahan, menyebabkan keuntungan yang diperoleh menjadi sangat terhad walaupun hasil dijual.	*Tiada maklum balas*
5.	Isu pencemaran sampah laut dan usaha komuniti menangani masalah tersebut	Peserta menjelaskan isu sampah yang dibawa oleh air pasang besar ke kawasan kampung. Setiap kali air pasang masuk, sampah seperti botol mineral, plastik, dan sisa kompek terhanyut dari laut ke kawasan pesisir kampung. Komuniti	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kampung berusaha menangani masalah ini melalui gotong-royong setiap hari Khamis, dengan mengumpul dan membakar sampah yang terkumpul, yang boleh mencapai 10–20 kilogram setiap sesi. Walaupun usaha ini berterusan, sampah terus datang dari laut, menimbulkan keperluan untuk tembok atau infrastruktur untuk menghalang sampah agar tidak masuk ke kawasan kampung.	
6.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Penduduk menjelaskan isu keselamatan dan gangguan daripada haiwan liar di kawasan kampung. Masyarakat menghadapi masalah dengan monyet dan babi liar yang merosakkan tanaman seperti pisang, ubi, dan kelapa, serta menimbulkan rasa takut terutama kepada budak-budak yang berjalan kaki ke sekolah. Babi dikatakan datang dari kawasan hutan dan bakau berdekatan, ada yang berenang merentas ke kawasan kampung, dan tiada tindakan penembakan dilakukan kerana penduduk takut atau tiada penguatkuasa hadir. Selain itu, buaya juga ada di kawasan perairan berdekatan, walaupun kehadirannya masih jarang. Jabatan Hidupan Liar didakwa jarang turun untuk	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mengurus isu ini, menyebabkan masalah haiwan liar terus menjejaskan keselamatan dan hasil pertanian komuniti.	

Jadual 10 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kampung Tandoan **Tarikh:** 09 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Sabah Electricity 2. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna
1.	Isu pemilikan tanah dan sekatan pembangunan akibat hutan simpan	Peserta menerangkan isu pemilikan tanah dan kekangan pembangunan di kawasan kampung. Penduduk mengalami kesukaran kerana tanah mereka masih tidak mempunyai geran, walaupun sudah bertahun-tahun mereka memohon. Tanah yang ingin digunakan untuk rumah atau kebun sebenarnya terletak di kawasan hutan simpanan, menyebabkan pihak Forest / Jabatan Perhutanan kerap hadir untuk memantau, memberi amaran, atau menghalang aktiviti pertanian. Akibatnya, komuniti terpaksa menanam kebun di kawasan tepi sungai ("siring") sahaja, kerana tanah di darat tidak dibenarkan digunakan. Keadaan ini menimbulkan kesukaran hidup dan mengehadkan peluang ekonomi penduduk kampung.	*Tiada maklum balas*
2.	Tiada sistem kemudahan asas dan	Peserta menjelaskan isu bekalan elektrik dan tenaga solar di kampung Tandoan. Kampung ini tidak mempunyai solar dan peruntukan elektrik	**Sabah Electricity:** Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	perkhidmatan yang baik	rasmi, berbeza dengan kampung lain yang telah dipasangkan sistem solar. Kekurangan ini menyebabkan penduduk, termasuk pelajar, menghadapi kesukaran untuk belajar pada waktu malam, kerana mereka masih bergantung kepada generator peribadi. Selain itu, masalah ini berkait rapat dengan status tanah yang berada di hutan simpanan, jadi peruntukan pemasangan solar sukar dilaksanakan.	masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia.
		Peserta FGD menerangkan bahawa masalah bekalan air merupakan isu utama dalam kehidupan seharian mereka. Kampung tersebut tidak mempunyai sumber air tetap, menyebabkan penduduk terpaksa membeli air dari Semporna untuk kegunaan harian. Jika ada hujan, mereka bergantung kepada tadahan air hujan, namun keadaan menjadi sukar apabila musim kering atau apabila mereka tidak mempunyai wang untuk membeli air.	
		Peserta menjelaskan isu akses kesihatan di kawasan pulau terpencil. Klinik bergerak (Klinik 1Malaysia) hanya datang setiap 2 minggu sekali, dan kadang-kadang tidak melintasi jambatan yang rosak kerana keselamatan. Penduduk	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terpaksa naik perahu sendiri untuk mendapatkan ubat atau rawatan, yang menimbulkan kesukaran terutama untuk wanita mengandung dan bayi, kerana perjalanan boleh mengambil masa 30 minit hingga 1 jam bergantung enjin bot. Kekurangan ini menunjukkan keterbatasan perkhidmatan kesihatan bergerak di kawasan terpencil dan halangan infrastruktur.	
		Kemudahan jambatan dan jeti dalam keadaan yang daif. Jambatan utama pernah roboh, namun bantuan yang diterima daripada pihak berwajib tidak mencukupi yang mana hanya beberapa batang kayu (beruti) yang tidak memadai untuk membaiki sepenuhnya kerana masih perlu membeli paku dan tiang tambahan. Pondok jeti yang dahulunya menjadi tempat menunggu juga sudah rosak akibat hentaman bot dan tidak lagi dapat digunakan. Penduduk kampung terpaksa bergotong-royong, mengutip sumbangan sesama sendiri untuk membaiki jambatan setiap kali berlaku kerosakan. Mereka mengakui keadaan ini amat menyukarkan kerana jambatan merupakan satu-satunya akses penting untuk bergerak ke laut.	*Tiada maklum balas.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Peserta menerangkan masalah pengurusan sampah di kawasan pulau atau pesisir, di mana penduduk membuang sampah terus ke laut kerana tiada tanah atau kawasan khas untuk mengumpul sampah. Berlainan dengan bandar yang mempunyai tempat pembuangan sampah tersusun, di kampung ini sampah dibuang ke air masin dan hanyut, menyebabkan persekitaran tercemar dan tiada sistem pengurusan sampah yang berkesan.	*Tiada maklum balas*
3.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Penduduk menerangkan cabaran dalam aktiviti pertanian di pulau yang sering diganggu oleh haiwan liar. Mereka menyatakan tanaman seperti ubi dan pisang sering rosak kerana dimakan oleh babi pada waktu malam dan monyet pada waktu siang. Kekangan utama ialah ketiadaan pagar yang kukuh untuk melindungi tanaman kerana kos untuk membinanya terlalu tinggi bagi penduduk kampung. Peserta FGD juga menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menjalankan aktiviti pertanian kerana tanaman sering dimusnahkan oleh monyet pada waktu siang dan babi pada waktu malam.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Ketidakstabilan pendapatan dan kebergantungan ekonomi keluarga kepada hasil tangkapan nelayan	Peserta menjelaskan menjelaskan ketergantungan penduduk terhadap pendapatan nelayan untuk menampung kehidupan keluarga. Pendapatan bulanan biasanya rendah, sekitar RM250–RM300, dan sangat bergantung kepada rezeki atau hasil tangkapan ikan. Jika hasil tangkapan sedikit, keluarga terpaksa menghadapi kekurangan sumber makanan dan kewangan.	*Tiada maklum balas*
5.	Cabaran pengangkutan dan kos tinggi untuk akses pendidikan di kawasan luar bandar atau pulau	Peserta menerangkan kos pengangkutan yang tinggi untuk pelajar di kawasan pulau atau kampung pesisir. Pelajar yang ingin ke sekolah terdekat perlu menggunakan bot, dengan kos sekitar RM50 sehari untuk pergi balik atau RM35 untuk perjalanan satu hala. Kos ini menjadi beban bagi keluarga, terutama yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah. Selain itu, pengangkutan yang susah turut menambah tekanan kerana perlu memastikan keselamatan dan pengawasan anak-anak semasa perjalanan.	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.

Jadual 11 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kampung Selakan **Tarikh:** 09 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 28 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:**
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta menjelaskan krisis bekalan air bersih yang serius di kampung berkenaan, di mana penduduk bergantung sepenuhnya kepada air hujan sebagai sumber utama. Walaupun pernah dibina sistem air graviti, ia tidak lagi berfungsi kerana tiada penyelenggaraan daripada pihak berwajib. Akibatnya, masyarakat terpaksa mengumpul air hujan menggunakan tangki atau membeli air dari luar kampung, dengan kos yang tinggi sekitar RM30 hingga RM50 bagi setiap tangki, yang biasanya dikongsi antara beberapa isi rumah. Keadaan ini menjadi lebih teruk ketika musim kemarau, apabila air hujan tidak dapat ditadah dan penduduk terpaksa membeli air minuman dalam kotak (mineral) yang hanya bertahan beberapa hari. Walaupun ada usaha membuat perigi, airnya bersifat masin dan tidak sesuai	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diminum. Penduduk juga menegaskan keperluan mendesak untuk menambah bilangan tangki tadahan air di setiap rumah bagi menjamin kelangsungan hidup. Selain isu air, mereka turut menyuarakan kebimbangan terhadap kerosakan rumah, kekurangan tindak balas terhadap permohonan bantuan, dan keperluan pos keselamatan bagi mengawal laluan keluar masuk kampung.	
		Peserta menjelaskan beban kewangan penduduk terhadap bayaran elektrik solar yang dianggap tinggi dan sukar ditanggung, khususnya bagi isi rumah berpendapatan rendah serta keluarga besar dengan ramai anak bersekolah. Walaupun penggunaan elektrik tidak tinggi, bil bulanan dikatakan mencecah antara RM70 hingga RM100, dan dalam sesetengah kes, tunggakan boleh mencapai ratusan hingga ribuan ringgit kerana ketidakmampuan membayar secara konsisten. Sebahagian peserta mencadangkan agar bayaran elektrik dikurangkan atau dikecualikan bagi golongan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap,	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memandangkan keutamaan perbelanjaan mereka tertumpu pada keperluan asas seperti makanan dan pendidikan anak-anak. Walaupun masih terdapat usaha membayar secara ansuran, tunggakan yang berterusan menunjukkan tekanan ekonomi yang ketara dalam kalangan penduduk luar bandar ini.	
		Peserta menjelaskan isu kritikal infrastruktur asas di kawasan pulau, khususnya berkaitan jambatan, jeti, dan tembok penghakis pantai yang menjadi keperluan utama penduduk untuk keselamatan dan pergerakan harian. Peserta FGD menjelaskan bahawa jambatan penghubung antara rumah ke rumah berada dalam keadaan usang dan tidak selamat, dengan struktur kayu yang reput serta berisiko runtuh terutama ketika hujan atau air pasang. Walaupun terdapat jambatan utama yang telah disimen hasil projek terdahulu, sambungan jambatan kecil di kawasan rumah penduduk tidak diselenggara dan kini berisiko membahayakan nyawa.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Selain itu, jeti kampung juga mengalami kerosakan teruk, dengan kayu bawah yang reput dan panjang jeti yang semakin pendek selepas kemalangan melibatkan bot tentera. Penduduk berharap agar jeti tersebut diperpanjang semula hingga ke laut dalam bagi memudahkan keluar masuk, terutama ketika air surut. Tambahan pula, masalah hakisan pantai dan ombak besar menjejaskan keselamatan rumah dan persekitaran kampung. Penduduk mencadangkan pembinaan tembok penghakis atau tembok penghadang ombak dan sampah bagi mengurangkan impak hakisan yang semakin ketara.	
		Peserta menjelaskan isu pengurusan dan pelupusan sampah yang menjadi cabaran utama penduduk pulau. Peserta FGD menyatakan bahawa tiada sistem pelupusan sampah yang teratur, menyebabkan penduduk terpaksa mencari alternatif sendiri untuk menguruskan sisa domestik.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Walaupun aktiviti gotong-royong membersihkan pantai dijalankan secara berkala sama ada setiap minggu atau beberapa kali sebulan, namun masalah besar timbul selepas proses pembersihan, apabila sampah yang dikutip tidak mempunyai tempat pelupusan khusus. Penduduk sering membakar sampah di kawasan kebun atau hutan, namun bimbang terhadap risiko pencemaran udara dan keselamatan alam sekitar. Selain itu, sampah yang dihanyutkan oleh laut dan ombak turut menyumbang kepada pencemaran di kawasan pantai. Penduduk mengusulkan agar kerajaan atau agensi berkaitan membantu membina sistem halangan atau perangkap sampah di pesisir pantai bagi mengelakkan sisa terapung daripada terkumpul di kawasan kediaman. Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan keperluan mendesak terhadap sistem pelupusan sampah yang bersepadu serta sokongan prasarana pengurusan sisa pepejal	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		yang sesuai dengan konteks penempatan pulau kecil.	
		Peserta menjelaskan kekurangan akses kepada kemudahan kesihatan asas di kawasan pulau. Menurut peserta FGD, tiada hospital atau klinik desa berhampiran, dan perkhidmatan klinik bergerak juga jarang hadir, menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan perubatan apabila diperlukan. Ketiadaan kemudahan kesihatan ini memberi implikasi besar terhadap kesejahteraan dan keselamatan penduduk, terutamanya bagi golongan rentan seperti warga emas, ibu mengandung, dan kanak-kanak. Dalam keadaan kecemasan, mereka terpaksa bergantung kepada pengangkutan air untuk ke tanah besar, yang boleh menjejaskan peluang untuk mendapatkan rawatan segera.	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*
2.	Ketidaktentuan pendapatan nelayan dan isu kecurian hasil laut.	Peserta menjelaskan sumber pendapatan nelayan yang tidak menentu dan bergantung sepenuhnya kepada hasil laut seperti memancing, merembat, atau membubuk. Pendapatan bulanan dianggarkan sekitar RM800,	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dan hanya kadang-kadang meningkat sehingga RM2,000 jika hasil tangkapan banyak. Namun, keadaan ini tidak konsisten dan sukar dijangka, menjadikan mereka sukar menampung kos sara hidup serta bayaran utiliti seperti bil elektrik. Selain itu, nelayan juga menghadapi masalah kecurian hasil laut, khususnya peralatan dan hasil tangkapan seperti bubuk (alat perangkap ikan), yang menyebabkan kerugian tambahan. Isu keselamatan di laut ini menambah tekanan terhadap pendapatan mereka yang sudah pun tidak stabil	
3.	Ketiadaan sumber pendapatan bagi warga tua dan tidak sihat.	Peserta menjelaskan aspirasi dan keperluan pembangunan sosioekonomi serta pendidikan komuniti wanita di pulau. Peserta FGD mencadangkan agar kerajaan membantu mereka mewujudkan kebun dusun pelbagai tanaman di kawasan lereng bukit yang berpotensi dijadikan sumber ekonomi baharu. Usaha ini dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap hasil laut dan membuka peluang pekerjaan tempatan.	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Selain itu, peserta juga menekankan keperluan pendidikan asas agama dan literasi, terutamanya bagi golongan ibu-ibu yang masih ramai buta huruf dan tidak mahir mengaji serta sembahyang. Mereka menunjukkan kesediaan tinggi untuk belajar, malah sanggup bergotong-royong menyediakan makanan bagi tenaga pengajar sekiranya dihantar ustaz atau ustazah ke kampung mereka. Mereka turut mencadangkan program kemahiran seperti menjahit dan membuat kuih bagi memperkasakan ekonomi wanita. Ketiadaan peluang pekerjaan menjadikan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan suami, menyebabkan keadaan ekonomi isi rumah sering tidak stabil.	
4.	Pertikaian antara komuniti dan pihak pengurusan taman laut	Peserta menjelaskan ketegangan antara komuniti tempatan dan pihak pengurusan taman laut, khususnya berkaitan aktiviti pelancongan dan penyelaman (diving) di Pulau Selakan yang terletak dalam kawasan Taman Tun Sakaran, Semporna.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Menurut peserta FGD, beliau bersama rakan kongsinya menjalankan perniagaan homestay dan aktiviti menyelam untuk pelancong, namun menghadapi halangan operasi akibat peraturan taman laut. Pihak taman laut didakwa tidak membenarkan aktiviti diving dijalankan atas alasan keselamatan, walaupun kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan taman dan pernah membenarkan aktiviti komuniti tempatan sebelum ini. Peserta turut menyuarakan rasa ketidakadilan dalam penguatkuasaan undang-undang, di mana komuniti tempatan dikenakan kompaun tinggi (RM2,000–RM3,000) tanpa notis rasmi bertulis, hanya berdasarkan arahan lisan. Beliau juga menegaskan bahawa komuniti asal sepatutnya mempunyai keistimewaan atau kelonggaran khas dalam menjalankan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut.	

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kampung Aman Jaya **Tarikh:** 09 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Menurut peserta FGD, pencawang elektrik di kawasan mereka sudah lama dibina, namun bekalannya lemah dan tidak stabil. Mereka menjelaskan bahawa sistem pendawaian hanya menggunakan "wayar hitam dua sahaja" sedangkan sepatutnya tiga untuk menampung jumlah rumah yang kini meningkat kepada lebih 100 buah. Situasi ini menunjukkan infrastruktur elektrik yang tidak dinaik taraf selaras dengan pertambahan populasi, menyebabkan bekalan elektrik tidak mencukupi.	*Tiada maklum balas*
		Peserta menerangkan masalah bekalan air bersih dan tekanan air rendah yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan perbincangan kumpulan fokus (FGD). Peserta pertama menjelaskan bahawa bekalan air sering tersekat-sekat dan tekanan air lemah, walaupun penggunaan air harian adalah rendah.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Namun begitu, bil air yang diterima sangat tinggi dan tidak sepadan dengan penggunaan sebenar, mencecah sehingga RM1,000 lebih. Aduan telah dibuat kepada pihak berkenaan, tetapi mereka memberi alasan bahawa paip pengguna rosak atau berlaku kecurian air, sedangkan hasil semakan penduduk mendapati tiada kebocoran atau penggunaan luar biasa. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana dianggap tidak munasabah dan membebankan. Peserta kedua pula menyatakan bahawa bekalan air di kawasan luar masih memuaskan, namun pendalaman mengalami kekurangan bekalan, kemungkinan disebabkan masalah voltan atau tekanan pam air yang rendah.	
		Peserta menjelaskan bahawa masjid menjadi satu-satunya tempat tumpuan masyarakat, termasuk untuk solat hari raya dan pelbagai aktiviti kampung. Masjid sering tidak mampu menampung jumlah jemaah yang ramai, sehingga jemaah terpaksa berada di luar kawasan masjid. Walaupun ada cadangan untuk membesarkan masjid, kekangan utama ialah	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ketiadaan tanah tambahan dan kekurangan sokongan kewangan. Selain itu, peserta turut menekankan bahawa kampung tidak mempunyai balai raya. Ketiadaan fasiliti ini menyukarkan pelaksanaan aktiviti komuniti seperti program masakan, kursus anjuran pertanian, atau aktiviti KEMAS, sehingga penduduk terpaksa menggunakan rumah individu sebagai tempat berkumpul sementara.	
		Jalan raya menuju ke kampung sangat daif, dengan banyak lubang yang membahayakan pengguna jalan. Keadaan ini sering menyebabkan kerosakan kenderaan seperti tayar bocor. Disebabkan tiada tindakan penyelenggaraan rasmi, penduduk kampung sendiri bergotong-royong untuk menutup lubang-lubang jalan tersebut sebagai usaha sementara.	*Tiada maklum balas*
2.	Ketiadaan sistem pelupusan sampah mendorong amalan pembakaran dan penanaman sisa, meningkatkan risiko	Peserta menjelaskan bahawa tiada sistem pelupusan sampah yang teratur, menyebabkan penduduk terpaksa membakar atau menanam sampah termasuk plastik di kawasan sekitar rumah. Kaedah ini menimbulkan masalah pencemaran udara dan tanah, serta menjadi	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kesihatan seperti denggi dan malaria.	punca pembiakan nyamuk akibat air bertakung di kawasan pelupusan tidak formal. Disebut juga bahawa pernah berlaku kes denggi dan malaria di kawasan tersebut, walaupun kini telah dikawal oleh pihak Kesihatan. Namun, keadaan ini menggambarkan kerentanan komuniti terhadap penyakit bawaan vektor akibat persekitaran yang tidak bersih dan ketiadaan infrastruktur asas seperti tapak pelupusan sampah.	
3.	Kekurangan peluang menjana pendapatan	Peserta menerangkan bahawa suami bekerja sebagai penanam atau nelayan, manakala isteri menjalankan kedai runcit kecil atau bercucuk tanam sayur-sayuran. Pendapatan keluarga bergantung kepada hasil kebun dan jualan produk pertanian seperti lada dan sawit, dengan anggaran sekitar RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, bergantung pada musim dan hasil. Selain itu, peserta turut menyebut penyertaan dalam kursus KEMAS seperti memasak dan menjahit, namun usaha untuk menjadikan kemahiran tersebut sebagai sumber pendapatan	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		berterusan terbantut akibat kekurangan modal dan tiada bantuan dana susulan.	
4.	Masalah gejala sosial	Peserta menyatakan bahawa kehadiran polis di kawasan mereka sangat jarang, dan rondaan hanya dilakukan apabila ada kes berlaku. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana kejadian lumba haram di jalan raya utama sering berlaku, menyebabkan bunyi bising dan membahayakan pengguna jalan raya hingga mengorbankan nyawa. Selain itu, kes pecah rumah, kecurian peralatan bengkel dan hasil sawit, serta vandalisme seperti membaling batu ke arah kenderaan turut dilaporkan oleh penduduk. Walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa, tindakan susulan dilihat terhad dan tidak berkesan.	**Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:** Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.

Jadual 13 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Komuniti Kampung Sisipan, Pulau Bum-Bum **Tarikh:** 10 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:**
1	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Penduduk memaklumkan bahawa bekalan air paip yang pernah beroperasi sejak tahun 1990-an kini telah terhenti sepenuhnya, dengan tempoh enam bulan terakhir tiada lagi bekalan dari pekan Semporna. Akibatnya, penduduk bergantung sepenuhnya kepada air hujan untuk kegunaan harian seperti memasak dan mandi, manakala air minuman terpaksa dibeli di pekan dengan kos sekitar RM9 bagi setiap kotak mineral membebankan keluarga berpendapatan rendah. Masalah turut diperburuk oleh kandungan garam tinggi dalam air perigi tempatan, menjadikannya tidak sesuai untuk diminum. Penduduk yang memiliki kenderaan terpaksa mengangkut air dari kampung lain menggunakan tong dan van, manakala keluarga tanpa kenderaan menghadapi kesukaran yang lebih besar, terutama ketika musim kemarau.	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2	Gejala sosial dan sistem keselamatan yang tidak berkesan	Kadar kecurian yang semakin tinggi menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Pasukan RELA yang sedia ada juga didapati kurang berkesan dalam menjalankan rondaan dan kawalan keselamatan. Selain itu, terdapat juga kes pecah masuk rumah dan aktiviti penyalahgunaan dadah yang dilaporkan berlaku di kampung bersebelahan, menunjukkan peningkatan gejala sosial yang membimbangkan dan perlunya tindakan lebih tegas daripada pihak berkuasa.	**Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna** Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.
3	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Penduduk sering berdepan dengan gangguan daripada monyet yang semakin berani memasuki kawasan rumah untuk mencari makanan, malah ada yang memecah masuk dan merosakkan harta benda.	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Selain itu, tanaman penduduk turut mengalami kerosakan teruk akibat serangan kumpulan monyet dan babi hutan yang berkeliaran bebas di kawasan kampung. Kehadiran haiwan liar ini bukan sahaja menjejaskan sumber makanan dan pendapatan penduduk, malah turut menimbulkan rasa tidak selamat, terutamanya kepada kanak-kanak dan warga emas.	
4	Masalah sosio-ekonomi warga emas pulau	Ramai warga emas di kawasan pulau hidup dengan sumber pendapatan yang terhad. Kebanyakan mereka tidak lagi bekerja kerana faktor usia, kesihatan atau peluang kerja yang sangat terhad di pulau. Ada yang bergantung pada pencen kecil, bantuan anak-anak, atau bantuan kebajikan, tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup harian. Selain itu, mereka bergantung kepada bantuan anak-anak, kerajaan atau hasil kecil seperti jualan ikan dan tanaman. Hal ini ditambah dengan peluang pekerjaan yang terhad memburukkan lagi keadaan ekonomi mereka.	*Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.*

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 11

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 11: Dialog Bersama Komuniti Kampung Kabimbangan, Pulau Bum-Bum **Tarikh:** 10 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:**
1.	Konflik tanah adat (NCR) antara penduduk dengan Syarikat Cepat Hebat	Penduduk Pulau Tumanggung menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung isu tanah adat yang didakwa telah diceroboh dan diberikan kepada pihak luar. Menurut mereka, nenek salah seorang penduduk pernah memohon tanah seluas 10 ekar pada tahun 1994 dan permohonan tersebut telah diluluskan oleh pihak berkuasa. Namun, hanya sebahagian kecil tanah iaitu satu ekar yang diberikan kepada penduduk kampung, manakala selebihnya telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta, Syarikat Cepat Hebat. Situasi ini menimbulkan kekecewaan kerana penduduk menganggap hak mereka sebagai pewaris tanah nenek moyang sejak akhir 1800-an telah dinafikan. Mereka menegaskan bahawa tanah tersebut merupakan harta turun-temurun dan hak asasi yang sepatutnya dipertahankan. Penduduk juga meluahkan kebimbangan sekiranya keseluruhan pulau itu akhirnya dimiliki	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		oleh pihak luar, sekali gus menjejaskan masa depan komuniti setempat. Susulan itu, mereka berharap pihak atasan dapat menilai semula kes ini dan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk melalui mahkamah anak negeri, demi memastikan hak masyarakat kampung dilindungi.	
2.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Penduduk Pulau Bum-Bum berdepan masalah bekalan air bersih yang berlarutan hampir 20 tahun. Walaupun ada sistem paip, bekalan air tidak disalurkan kerana saluran paip didakwa pecah. Alasan yang diberikan pihak berkenaan ialah kos pembaikan terlalu tinggi dan peralatan untuk menyedut air dianggap mahal serta tidak berbaloi secara ekonomi. Keadaan ini menyebabkan masalah berpanjangan tanpa tindakan serius daripada pihak berkuasa, sekali gus menjejaskan kehidupan harian penduduk pulau.	*Tiada maklum balas*
		Penduduk, khususnya ibu-ibu di kampung, sebenarnya mempunyai pelbagai kemahiran seperti memasak, menjahit, dan kraftangan. Namun, program latihan dan kelas yang pernah dianjurkan gagal diteruskan kerana tiada	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kemudahan asas seperti bangunan, ruang khusus, dan peralatan yang sesuai. Akibatnya, kelas hanya dijalankan di rumah atau secara tidak formal, dan lama-kelamaan program itu terhenti. Hal ini menyebabkan kemahiran yang ada tidak dapat dikembangkan atau dipromosikan ke luar komuniti, sekali gus mengehadkan potensi menjana pendapatan.	
		Penduduk kampung berdepan masalah pengurusan sampah kerana tidak mempunyai sistem pelupusan yang teratur. Kebanyakan sampah hanya dibakar atau dibuang ke sungai. Walaupun ada aktiviti gotong-royong yang dijalankan, ia lebih bersifat sementara dan tidak menyelesaikan masalah asas pembuangan sampah. Selain itu, sampah juga tidak dapat dijual atau dihantar ke pekan Semporna kerana tiada pihak yang mahu membelinya, sekali gus menyebabkan isu ini terus berlarutan.	*Tiada maklum balas*

Jadual 15. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 12

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 12: Dialog Bersama Komuniti Kampung Tabak-Tabak, Pulau Bum-Bum **Tarikh:** 10 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta FGD berkongsi tentang kesukaran mendapatkan bekalan air bersih di kampung mereka. Air minum perlu diambil dari kawasan sekolah melalui paip, kemudian diangkut menggunakan lori tangki. Penduduk terpaksa membeli air tersebut pada harga sekitar RM 90 bagi satu drom atau tangki, dan jika perlu dua tangki, kosnya akan menjadi semakin membebankan. Ketua kampung menjelaskan bahawa aduan sudah pernah dibuat kepada pihak kerajaan dan pejabat daerah mengenai keadaan ini, kerana harga air yang tinggi sangat membebankan penduduk. Mereka berharap agar kerajaan dapat menyediakan kemudahan bekalan air paip terus ke rumah-rumah penduduk. Jika ini dapat direalisasikan, mereka tidak lagi perlu	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bergantung kepada pembelian air mahal melalui lori tangki.	
		Peserta mengetengahkan masalah berkaitan dengan pengangkutan awam yang diperlukan menghubungkan jalan laut dan darat melalui pengangkutan awam. Majoriti penduduk berdepan dengan masalah pengangkutan yang melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi, sebahagian daripada penduduk memilih untuk menyewa kenderaan yang menyediakan khidmat penghantaran walaupun pada harga diluar kemampuan untuk menyelesaikan urusan.	*Tiada maklum balas*
		Salah seorang peserta yang mewakili kumpulan lain telah mengetengahkan isu rangkaian telekomunikasi dengan menyatakan bahawa terdapat masalah dalam komunikasi melalui telefon, di mana liputan talian tidak stabil dan adakalanya langsung tiada.	*Tiada maklum balas*
		Peserta menginginkan kawasan kampung mereka diberikan pengawasan dan kawalan keselamatan oleh pihak Polis bagi meningkatkan kadar keselamatan di kawasan ini	**Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:** Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Peserta juga mencadangkan untuk menempatkan pondok polis di kawasan ini bagi mengelakkan hal-hal yang tidak diingini berlaku	mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.
		Peserta menyatakan hasrat beliau untuk membina satu jambatan menghubungkan kawasan pulau dan pekan Semporna mengikut kawasan strategik yang terpilih. Penduduk di kawasan ini turut menyuarakan harapan agar pihak kerajaan dapat menyalurkan bantuan bagi pembinaan atau pembaikan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jambatan yang menghubungkan rumah ke rumah. Keperluan ini timbul susulan kerosakan akibat bencana yang melanda serta keadaan jambatan sedia ada yang semakin usang dan tidak selamat digunakan. Tambahan pula, majoriti penduduk terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, sekali gus menyukarkan mereka untuk menanggung kos baik pulih secara persendirian.	
2.	Penghijrahan penduduk ke luar kampung	Peserta menerangkan perubahan demografi dan penghijrahan penduduk dari kampung asal ke kawasan Felda seperti Felda Umas dan Felda Sahabat. Menurut peserta FGD, penduduk kampung kini semakin berkurangan berbanding dahulu kerana ramai yang telah berpindah ke kawasan Felda untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih stabil. Peserta turut menjelaskan bahawa sebahagian besar penduduk yang berpindah merupakan hasil daripada inisiatif dan arahan terdahulu yang	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dikaitkan dengan Tun Sakaran, di mana beliau diberikan mandat untuk membawa penduduk setempat ke kawasan penempatan Felda. Ini menunjukkan peranan pemimpin tempatan yang aktif dalam proses penempatan semula dan pembangunan komuniti pada masa lalu. Selain itu, peserta juga menyentuh tentang kejayaan generasi muda yang telah berpindah ke Felda, di mana anak-anak mereka kini mendapat peluang pendidikan sehingga ke universiti dan seterusnya memperoleh pekerjaan tetap. Kenyataan ini menunjukkan bahawa walaupun penghijrahan menyebabkan kampung asal kekurangan penduduk muda, ia juga membawa kesan positif dari segi peningkatan taraf sosioekonomi keluarga yang berpindah.	

Jadual 16. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 13

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 13: Dialog Bersama Komuniti Kampung Berjasa, Pulau Bum-Bum **Tarikh:** 10 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 22 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Sabah Electricity
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta FGD menjelaskan bahawa sumber bekalan air paip telah disediakan dari Semporna ke kampung, namun saluran air tersebut tidak sampai ke setiap rumah. Walaupun sistem paip telah dibina sebelum pandemik COVID-19, ia tidak berfungsi dengan baik dan sering rosak, menyebabkan penduduk terpaksa mencari alternatif lain untuk mendapatkan air. Penduduk kampung kini bergantung kepada pembelian air tangki dengan harga sekitar RM40 satu tangki, yang membebankan terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah. Dalam keadaan terdesak, mereka juga menggunakan air perigi untuk memasak atau mandi, namun air tersebut tidak sesuai diminum. Apabila bekalan air tiada, mereka terpaksa menggunakan air mineral untuk minuman dan keperluan asas.	*Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Masalah ini turut memberi kesan langsung kepada kehidupan suri rumah dan anak-anak, terutama dari segi kebersihan dan kesihatan. Seorang peserta menggambarkan bagaimana anak-anak terpaksa ke sekolah tanpa mandi kerana ketiadaan air, walaupun tetap menekankan pentingnya hadir ke sekolah. Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bahawa isu kekurangan air bukan hanya masalah infrastruktur, tetapi juga menjejaskan kesejahteraan, kesihatan, dan maruah komuniti. Penduduk mencadangkan agar Jabatan Air turun padang meneliti masalah sebenar serta menyediakan tangki tadahan air hujan sebagai langkah sementara untuk menampung keperluan asas mereka.	
		Ketiadaan infrastruktur elektrik yang lengkap menyebabkan penduduk bergantung kepada generator atau tenaga solar yang terhad dan mahal untuk diselenggara.	**Sabah Electricity:** Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia
		Penduduk menghadapi masalah jambatan kayu yang semakin usang dan membahayakan keselamatan. Jambatan ini menjadi laluan harian utama penduduk untuk ke sekolah, surau, dan kedai, namun keadaannya yang reput serta licin ketika hujan menimbulkan risiko kemalangan. Walaupun penduduk telah beberapa kali membuat permohonan untuk baik pulih, sehingga kini masih tiada tindakan diambil oleh pihak berkenaan. Hal ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penduduk kerana mereka merasakan seolah-olah diabaikan, sedangkan keadaan jambatan itu semakin kritikal dan boleh mengancam nyawa	*Tiada maklum balas*
2.	Ketidaktelusan dalam agihan bantuan sosial	Peserta FGD menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pengagihan rumah PPRT, di mana rumah yang sepatutnya untuk penduduk kampung mereka diberikan ke kawasan lain. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keadilan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dalam proses pemilihan penerima bantuan, serta kemungkinan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan projek. Selain itu, isu kedua yang dibangkitkan berkaitan dengan kriteria kelayakan penerima bantuan e-Kasih, di mana salah seorang peserta mempersoalkan mengapa individu tanpa anak tidak layak menerima bantuan, walaupun mereka tergolong dalam kumpulan rakyat berpendapatan rendah. Peserta menyatakan kekeliruan kerana program e-Kasih sepatutnya menyeluruh untuk semua rakyat Malaysia yang layak secara ekonomi, tanpa diskriminasi terhadap status keluarga.	
3.	Krisis dokumentasi dan hak kewarganegaraan	Beberapa peserta FGD berkongsi pengalaman bahawa ramai penduduk dianggarkan sekitar 200 orang masih tidak memiliki IC yang sah. Antara punca utama ialah perkahwinan tanpa dokumen rasmi (terutamanya antara warga tempatan dengan warga asing), kekurangan rekod kelahiran anak, serta ralat ejaan dalam dokumen rasmi yang menyebabkan proses pendaftaran menjadi rumit dan tertangguh.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Isu ini bukan sahaja menjejaskan hak kerakyatan dan akses kepada perkhidmatan awam, tetapi juga memberi kesan langsung kepada pendidikan anak-anak, seperti yang dinyatakan oleh seorang peserta yang bimbang kerana anaknya sukar bersekolah akibat kelewatan mendapatkan IC. Selain itu, peserta turut menzahirkan kekecewaan terhadap janji-janji politik yang tidak ditunaikan, termasuk janji pemberian IC dan bantuan semasa musim pilihan raya. Keadaan ini menunjukkan ketergantungan masyarakat kepada janji sementara dan campur tangan politik, tanpa penyelesaian dasar yang kukuh dan berterusan. Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan krisis identiti dan keterpinggiran birokrasi yang dihadapi komuniti luar bandar dan kepulauan di Sabah di mana kekangan dokumentasi asas menghalang mereka menikmati hak warganegara penuh serta pembangunan sosial yang setara.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Peserta menerangkan isu keselamatan dan kawalan haiwan liar, khususnya anjing yang berkeliaran di kawasan kampung dan sekolah. Peserta FGD berkongsi pengalaman peribadi apabila anaknya yang sedang mengikuti kelas tambahan SPM telah digigit anjing, dan turut menyatakan bahawa sudah terdapat beberapa kes gigitan lain melibatkan pelajar di kawasan tersebut, meskipun sekolah itu berpagar. Walaupun tiada kes kematian dilaporkan, kejadian ini menunjukkan tahap risiko yang tinggi terhadap keselamatan pelajar dan penduduk, terutama apabila haiwan liar tidak dikawal atau divaksin. Peserta juga merujuk kepada kes lain yang tular di media sosial (di Tanjong Kapor) sebagai contoh kebimbangan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat.	*Tiada maklum balas*
5.	Kekurangan peluang pekerjaan	Aktiviti ekonomi tempatan sangat terhad kerana ketiadaan industri atau sektor ekonomi yang aktif. Keadaan ini menyebabkan peluang pekerjaan tetap dan berkemahiran hampir tidak wujud, lalu menolak ramai belia untuk berhijrah ke bandar bagi mencari sumber pendapatan yang	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		lebih baik. Dalam masa yang sama, kebanyakan penduduk hanya bergantung kepada sektor tidak formal seperti pertanian kecil-kecilan, menangkap ikan, atau kerja sambilan, yang tidak dapat menjamin kestabilan pendapatan jangka panjang.	

Jadual 17 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 14

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 14: Dialog Bersama Non-Governmental Organizations (NGO) Semporna **Tarikh:** 11 Februari 2025 **Bilangan peserta:** 15 NGO Khidmat Bakti Anak Semporna, Pengerusi Kampung Burung, Persatuan Belia (Pn Norita), Persatuan Belia Kampung (Pn Atikah), Labuan Sannang, Pengerusi Kelab Belia Pemikir Kampung Pusat Teluk Pulau Bum-Bum Semporna, Komuniti Kampung Senang Hati, Persatuan Penduduk Komuniti Kampung Terusan Baru, Green Semporna, Pengerusi Persatuan Kampung Lihak-lihak, Pertubuhan Komuniti Tanjong Kapor, Pertubuhan Kebajikan Sedulu, Pengerusi Kelab Belia Komuniti Terusan Tengah, Pengerusi Prihatin, Ahli Dewan Belia Sabah/ Pengerusi Seni Silat Sakti Sabah **Kaedah FGD:** Perbincangan Meja Bulat			**Agensi yang memberikan maklum balas:** 1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna**:**
1	Kekangan dan cabaran birokrasi	Sebanyak 11 menara air telah dibina, termasuk projek terbaharu pada tahun 2025 yang menggunakan teknologi pam air solar. Projek ini berjaya memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 penduduk kampung, yang kini boleh mendapatkan bekalan air bersih terus di hadapan rumah tanpa perlu mengambil air dari telaga atau berjalan jauh untuk menimba air. Responden juga menjelaskan bahawa projek ini telah dilaksanakan selama hampir dua tahun, meliputi empat buah pulau di Semporna. Usaha	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ini didanai melalui sokongan Teras Fund hasil crowdfund, serta kerjasama dengan beberapa agensi dan yayasan lain. Namun begitu, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, mereka tidak pernah menerima bantuan rasmi daripada Sabah, kecuali bantuan zakat sebanyak RM16,000 pada tahun 2023.	
2	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Isu pendidikan yang dibangkitkan oleh penduduk setempat menekankan keadaan sekolah daif yang masih berterusan di beberapa kawasan pedalaman dan kepulauan Semporna. Contohnya, SK Sungai Tuhok di DUN Bugaya yang ditubuhkan sejak tahun 1965 masih menggunakan bangunan papan usang sehingga kini. Sekolah tersebut tidak mempunyai pagar, manakala struktur bangunannya pula semakin rapuh sehingga membahayakan keselamatan pelajar dan guru, termasuk kes guru yang terjatuh akibat tangga yang rosak. Situasi ini menyebabkan pelajar terdedah kepada ancaman luar seperti gangguan anjing kerana ketiadaan pagar sekolah. Keadaan serupa turut berlaku di sekolah-sekolah lain seperti di Sumandeh, Larapan, Pulau Mabul dan Manampilik yang	**Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:** Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		masih dalam keadaan usang dengan bumbung bocor serta tidak pernah menerima baik pulih menyeluruh. Hal ini bukan sahaja menjejaskan suasana pembelajaran yang selesa, malah menunjukkan kekurangan perhatian terhadap infrastruktur pendidikan di kawasan terpencil. Justeru, penduduk menuntut agar isu sekolah daif ini diberi perhatian serius dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi, termasuk ke Parlimen, supaya pelajar di kawasan ini turut menikmati hak pendidikan yang selamat dan berkualiti.	Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.
		Petikan ini menggambarkan isu kritikal berkaitan sistem kesihatan di Semporna, khususnya mengenai kelemahan prasarana hospital, kekurangan tenaga kerja, dan tahap perkhidmatan kecemasan yang tidak memadai. Peserta FGD yang juga Pengerusi Ahli Lembaga Hospital Semporna menzahirkan rasa kecewa terhadap keadaan semasa hospital daerah tersebut yang terlalu padat, tidak moden, dan kekurangan fasiliti penting. Beliau menyatakan bahawa ramai pesakit tidak sempat diselamatkan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		semasa menerima rawatan kecemasan akibat kelewatan perkhidmatan dan kekurangan doktor. Selain itu, beliau turut menekankan jurang kesihatan antara rakyat biasa dan golongan berkemampuan, di mana mereka yang kaya mampu berubat di hospital canggih di Kota Kinabalu, sementara masyarakat berpendapatan rendah tidak mempunyai pilihan selain bergantung pada kemudahan tempatan yang serba kekurangan. Kekecewaan turut dizahirkan apabila Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Hospital meletak jawatan kerana kecewa dengan keadaan perkhidmatan. Isu kekurangan doktor, jururawat, dan kemudahan hospital turut ditekankan, disertai cadangan agar hospital baharu dibina di Semporna bagi menampung pertambahan penduduk dan memastikan rakyat luar bandar mendapat rawatan kesihatan yang berkualiti.	
		Petikan ini menyorot isu sosial dan alam sekitar yang kritikal di Semporna, khususnya berkaitan pembuangan sampah dan pencemaran laut yang	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		semakin meruncing walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dilaksanakan. Peserta FGD menjelaskan bahawa masalah sampah di Semporna bukan sahaja melibatkan daratan, tetapi juga kawasan laut, terutama di sekitar rumah-rumah atas air, homestay dan resort pelancongan. Faktor utama dikenal pasti ialah kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelancong, selain kegagalan pelaksanaan sistem pengurusan sampah oleh kontraktor sedia ada yang dianggap tidak berkesan. Walaupun terdapat inisiatif seperti "Projek Monyet" dan pelan pembersihan laut oleh pihak majlis daerah, keberkesanannya dilihat rendah kerana masalah penguatkuasaan dan kekurangan penglibatan masyarakat setempat. Peserta mencadangkan agar NGO tempatan digerakkan secara aktif dan diberikan bantuan atau peruntukan khusus untuk melaksanakan program kesedaran serta gotong-royong komuniti.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pendekatan berasaskan komuniti ini diyakini lebih berkesan kerana mampu membina tanggungjawab kolektif dan kesedaran sivik jangka panjang, berbanding pendekatan kontraktor semata-mata. Peserta juga menegaskan bahawa perubahan sikap masyarakat terhadap kebersihan alam sekitar perlu dibentuk sejak awal, seperti proses mendidik anak kecil untuk berpakaian, yang akhirnya menjadi kebiasaan dalam budaya mereka.	
3.	Etika pemakaian pelancong dan hal-hal yang berkaitan dengan pelancong;	Peserta menerangkan tentang keperluan pemakaian etika pelancongan, khususnya kerana Semporna merupakan kawasan majoriti Islam. Walaupun Sabah tidak menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri (berdasarkan Perkara 20), sensitiviti masyarakat setempat perlu dihormati melalui garis panduan berpakaian yang sesuai. Peserta berpendapat bahawa kod etika pemakaian wajar diterapkan kepada pelancong sebagai langkah utama untuk menjaga keharmonian sosial dan menghormati budaya serta agama masyarakat tempatan.	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Peserta turut melahirkan kebimbangan mengenai pengurusan sektor pelancongan yang didominasi oleh pihak luar, khususnya dari China. Beliau menyorot fenomena di mana pelancong yang datang ke Semporna dilaporkan mencecah jutaan orang, tetapi jumlah pelancong yang benar-benar menyumbang kepada ekonomi tempatan adalah jauh lebih rendah. Hal ini disebabkan banyak pakej pelancongan dikendalikan sepenuhnya oleh pengusaha dari China, termasuk bas, restoran, dan perkhidmatan di pulau. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan seolah-olah terpinggir dan hanya menjadi pemerhati di tanah sendiri, tanpa memperoleh manfaat ekonomi yang sepatutnya.	
4.	Jurang digital di pendalaman dan kepulauan	Capaian rangkaian internet mudah alih di kawasan kepulauan Semporna yang masih jauh ketinggalan. Walaupun masalah seperti air, jalan raya, dan infrastruktur asas telah dibangkitkan, beliau menambah bahawa masalah internet juga merupakan isu kritikal yang memberi kesan langsung kepada kehidupan penduduk. Di Pulau Bum-Bum, capaian internet mudah alih seperti Maxis dan Digi hampir tidak wujud. Keadaan ini	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyebabkan pelajar dan masyarakat sukar mengakses maklumat, sama ada untuk tujuan pembelajaran, perhubungan, mahupun hal-hal berkaitan pembangunan.	
5.	Ketidakpatuhan gaji minimum	Walaupun kerajaan Malaysia telah menetapkan gaji minimum sekitar RM1,500–1,700, terdapat kedai-kedai dan majikan di Semporna yang masih membayar pekerja serendah RM600 ke bawah. Sebahagian besar pekerja di sektor runcit dan kedai di Semporna adalah individu tanpa dokumen pengenalan diri (tiada IC) atau pendatang tanpa izin. Walaupun ada juga pekerja tempatan, mereka tetap menerima gaji rendah yang tidak setimpal dengan peraturan gaji minimum. Akibatnya, ramai anak muda Semporna memilih untuk berhijrah ke negeri lain atau ke luar negara bagi mencari pekerjaan dengan gaji yang lebih baik.	*Tiada maklum balas*
6.	Isu keselamatan perairan	Semporna merupakan kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa yang sering menerima kehadiran pelancong dari luar negara seperti China, Korea dan lain-lain namun masih berdepan dengan isu keselamatan perairan. Terdapat cadangan agar pos-pos keselamatan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ditambah bilangan dan keberadaannya, termasuk penempatan anggota keselamatan yang lebih kerap dan meluas di kawasan perairan.	
6.	Kenaikan harga barang	Harga barang melonjak naik secara langsung memberi kesan kepada semua orang tidak mengira kaya atau miskin. Tekanan ini dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.	*Tiada maklum balas*
7.	Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam	Terdapat beberapa kes kematian yang dikaitkan dengan serangan anjing liar yang berkeliaran tanpa pemilik. Situasi ini menimbulkan masalah kerana pengurusan anjing liar sering bertentangan dengan akta sedia ada, khususnya yang berkait dengan perlindungan hidupan liar. Oleh itu, dicadangkan agar pindaan undang-undang di peringkat Parlimen dibuat supaya pihak berkuasa mempunyai kuasa yang jelas untuk menangani atau menghapuskan anjing liar tanpa melanggar peraturan. Peserta FGD berkongsi pengalaman melihat sendiri kejadian di mana beberapa penduduk ditangkap oleh pihak PERHILITAN kerana	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mematikan anjing liar, hasil laporan daripada Ketua Kampung. Situasi ini menimbulkan persoalan besar dalam kalangan masyarakat iaitu persoalan mengapa apabila manusia bertindak terhadap haiwan, mereka dikenakan tindakan undang-undang seperti ditangkap atau didenda, sedangkan apabila anjing liar membahayakan atau menyebabkan kecederaan kepada manusia, isu tersebut tidak ditangani dengan tindakan yang setimpal.	
8.	Isu gelandangan dan ketiadaan dokumentasi	Petikan ini mengetengahkan dua isu sosial utama di Semporna, iaitu masalah gelandangan tanpa dokumentasi sah dan isu ketiadaan dokumen pengenalan diri (IC dan sijil lahir) dalam kalangan penduduk di pulau-pulau sekitar daerah tersebut. Pertama, peserta FGD mencadangkan agar sebuah pusat khas diwujudkan untuk menempatkan golongan gelandangan yang tidak berdokumen, bagi memastikan mereka tidak berkeliaran tanpa arah dan terdedah kepada pelbagai risiko sosial. Cadangan tersebut turut menyarankan supaya pusat berkenaan	*Tiada maklum balas*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dilengkapi kemudahan asas seperti makanan dan minuman, serta program latihan kemahiran yang dapat membantu mereka keluar daripada situasi tersebut dan akhirnya menjadi individu yang mempunyai peluang pekerjaan serta potensi ekonomi. Kedua, isu penduduk tanpa dokumen pengenalan diri masih menjadi masalah berterusan di beberapa kawasan seperti Pulau Mabul, Sulabayan, Bum-Bum, Larapan dan Sumandeh. Peserta menyambut baik usaha Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah turun padang ke Pulau Mabul untuk proses dokumentasi, namun menegaskan bahawa usaha ini perlu diperluas ke pulau-pulau lain bagi memastikan pelajar-pelajar sekolah dan penduduk tempatan memiliki dokumen sah. Keseluruhannya, perbincangan ini menggambarkan keterikatan antara isu gelandangan, ketiadaan dokumen, dan kerentanan sosial, di mana ketiadaan dokumen bukan sahaja menjejaskan akses terhadap pendidikan dan pekerjaan, tetapi juga	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		meningkatkan risiko kemiskinan serta pengasingan sosial.	
9.	Penguasaan ekonomi oleh warga asing	Peserta FGD menyatakan bahawa pasar monopoli dikuasai oleh warga asing, sehingga peluang ekonomi untuk penduduk tempatan terhad. Walaupun masalah ini telah berlarutan sejak peserta masih sekolah hingga kini berumur lebih 40 tahun, penguatkuasaan oleh kerajaan tempatan (KKTP), Imigresen, atau PDRM tidak efektif. Masalah ini telah berlarutan sejak sekian lama tanpa penyelesaian yang jelas. Penguasaan berterusan oleh pihak luar dalam sektor ekonomi tempatan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan hak dan peluang mereka semakin terhakis.	*Tiada maklum balas*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Cabaran pengurusan sisa pepejal dan implikasinya terhadap alam sekitar serta pembangunan pelancongan di Semporna

Daerah Semporna yang terkenal dengan keindahan marin dan industri pelancongan yang berkembang pesat kini berdepan cabaran serius berkaitan pengurusan sampah domestik. Isu pembuangan sampah secara tidak terkawal, khususnya oleh penduduk yang tinggal di rumah atas air, telah menimbulkan kebimbangan besar dalam kalangan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan. Pencemaran laut yang berterusan bukan sahaja menjejaskan alam sekitar, tetapi turut memberi impak besar terhadap ekonomi dan kesejahteraan masyarakat tempatan. Pendekatan menyeluruh yang melibatkan pendidikan, infrastruktur, dan penguatkuasaan diperlukan bagi menangani isu ini secara mampan.

- **Kaedah pelupusan sampah yang tidak lestari**

  Cara pelupusan sampah yang tidak lestari merujuk kepada kaedah pembuangan atau pengurusan sisa yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kesihatan awam, dan kesejahteraan komuniti. Di Semporna, isu pembuangan sampah ke laut menjadi kebiasaan dalam kalangan penduduk yang tinggal di rumah atas air di beberapa kampung di Semporna. Keadaan ini berpunca daripada ketiadaan kawasan tanah yang sesuai untuk dijadikan tempat pembuangan atau pengumpulan sisa, menyebabkan sampah terus dibuang ke dalam air masin. Penduduk menganggap keadaan ini sebahagian daripada gaya hidup kerana sampah akan dihanyutkan oleh arus laut atau pasang surut seperti di Kg. Tandaoan. Penduduk juga melupuskan sampah dengan membuat pembakaran sampah sarap secara terbuka.

  Walau bagaimanapun, kesan jangka panjangnya amat membimbangkan kerana pencemaran laut semakin meningkat, termasuk plastik dan sisa domestik lain yang memberi kesan negatif kepada ekosistem marin, aktiviti perikanan, dan kesihatan masyarakat setempat. Pembuangan sampah ke laut dan pembakaran terbuka ini berlaku di Kg Lihak-lihak, Kg Bangau-Bangau, Kg Tandaoan, dan Kg Kabimbangan, Pulau Bum-Bum.

- **Imej Semporna sebagai destinasi pelancongan antarabangsa akan tercemar**

  Semporna terkenal sebagai pusat pelancongan antarabangsa, khususnya dengan tarikan pulau-pulau dan resort atas air. Namun, masalah sampah yang tidak diurus dengan baik akan memberi kesan serius kepada imej daerah ini. Sampah plastik dan sisa pepejal yang terapung di laut bukan sahaja merosakkan

pemandangan semula jadi[45], tetapi juga mengganggu aktiviti pelancongan seperti menyelam dan bot persiaran. Malah, ada aduan daripada penduduk Kampung Bangau-bangau mengatakan bahawa kipas bot sering tersangkut dengan sampah plastik dan menjejaskan kelancaran operasi pelancongan.

Walaupun ada inisiatif untuk membersihkan laut melalui kontraktor, hasilnya dilihat tidak memuaskan kerana sampah masih banyak terapung di kawasan perairan. Situasi ini menggambarkan kelemahan dalam pelaksanaan dasar dan keberkesanan pihak berkuasa dalam menangani isu alam sekitar. Malah, kebergantungan penuh kepada kontraktor sahaja tanpa melibatkan peranan masyarakat dan NGO menjadikan usaha ini bersifat sementara dan tidak menyentuh akar permasalahan. Penekanan responden bahawa NGO boleh diberi peranan, bantuan dan peruntukan adalah suatu cadangan yang bernas kerana NGO mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat akar umbi, selain lebih fleksibel dalam melaksanakan kempen kesedaran sivik. Namun begitu, cabaran utama tetap terletak pada soal kesedaran masyarakat tempatan dan pelancong, yang masih rendah dalam mengurus sisa dengan betul. Jika aspek kesedaran tidak diperkukuhkan, segala usaha teknikal seperti mengutip sampah dengan bot hanya akan menjadi kerja berulang yang tidak menyelesaikan masalah.

- **Kekurangan infrastruktur dan kemudahan rumah sampah atau tempat pengumpulan sampah**

  Antara punca utama isu sampah berleluasa di Semporna ialah kekurangan kemudahan infrastruktur untuk pengurusan sisa. Kebanyakan kampung tidak mempunyai rumah sampah atau pusat pengumpulan yang sistematik, menyebabkan masyarakat membakar sampah secara terbuka, membuangnya ke sungai, atau membiarkannya hanyut ke laut. Malah, tapak pembuangan sampah yang wujud menimbulkan masalah bau busuk dan pencemaran udara yang menjejaskan kesihatan penduduk. Tapak pembuangan sampah yang berdekatan dengan kawasan penempatan penduduk menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penduduk kampung Mentelitip, malah menjejaskan kesihatan mereka dengan berlakunya penyakit seperti selesema, demam, dan alahan. Bau busuk yang tidak menentu juga dipengaruhi oleh arah angin dan keadaan cuaca seperti hujan, menunjukkan bahawa lokasi tapak pelupusan tidak strategik serta gagal dipantau dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan. Kritikan penduduk terhadap keputusan majlis daerah untuk menyewa tanah sebagai tapak pelupusan tanpa

[45] Pencemaran Jejas Pelancongan: Penyelesaian Mampan Diperlukan," Utusan Borneo, September 12, 2025, accessed [14 September 2025], https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/12/pencemaran-jejas-pelancongan-penyelesaian-mampan-diperlukan

pengetahuan atau penglibatan masyarakat memperlihatkan kurangnya ketelusan dalam proses membuat keputusan.

Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana suara komuniti diambil kira dalam isu yang secara langsung menjejaskan kesejahteraan mereka. Dalam konteks ini, masalah bau busuk bukan sekadar isu teknikal tetapi mencerminkan kelemahan pengurusan sisa pepejal yang tidak mengambil kira aspek kesihatan awam, keperluan perancangan guna tanah yang sesuai, serta hak masyarakat untuk hidup dalam persekitaran yang bersih dan sihat.

Jadual 18. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kaedah pelupusan sampah yang tidak lestari 2. Imej Semporna sebagai destinasi pelancongan antarabangsa akan tercemar 3. Kekurangan infrastruktur dan kemudahan rumah sampah atau tempat pengumpulan sampah
Cadangan	1. Memperkenalkan konsep "Trash to Cash" kepada penduduk tempatan. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penduduk mengenai pengurusan sisa yang mampan serta memperkenalkan keusahawanan hijau melalui kaedah menukarkan sampah kepada pendapatan. 2. Penyediaan tapak pelupusan berpusat yang terkawal dengan memastikan lokasi jauh daripada kawasan penempatan dan mempunyai sistem rawatan bau serta cecair larut resap (leachate). 3. Kerjasama dengan sektor pelancongan dengan mewajibkan resort, homestay, dan operator pelancongan menyediakan sistem pelupusan sisa mesra alam.
Kumpulan sasaran	Golongan surirumah, penduduk atas air, pengusaha pelancongan
Kawasan	Kawasan persekitaran persisiran pantai pekan Semporna dan penempatan atas air.

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.2: Menamatkan pembuangan air terbuka dan menyediakan akses kepada sanitasi dan kebersihan Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Lindungi warisan budaya dan semula jadi dunia 11.6: Mengurangkan kesan alam sekitar bandar
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Cabaran sosio-ekonomi dan budaya dalam pembangunan industri pelancongan di Semporna

Daerah Semporna, Sabah, terkenal sebagai destinasi pelancongan eko yang berpotensi tinggi, namun wujud ketidaksalinghubungan yang ketara antara aktiviti pelancongan dengan pemerkasaan dan perlindungan identiti serta budaya komuniti tempatan, khususnya komuniti Bajau Laut dan Suluk. Isu ketidaksalinghubungan antara aktiviti eko-pelancongan dan identiti tempatan di daerah ini semakin mendapat perhatian dalam kajian sosial dan pembangunan komuniti. Walaupun Semporna terkenal dengan keindahan alam semulajadi dan kepelbagaian budaya, terdapat cabaran besar dalam memastikan pembangunan pelancongan memberi manfaat kepada komuniti tempatan tanpa mengorbankan identiti mereka.

- **Penguasaan Agen Pelancongan Asing**
  Industri pelancongan di Semporna berdepan cabaran besar apabila penguasaan pasaran pelancongan didominasi oleh agen dan pengusaha dari luar negara, khususnya dari Korea, China, dan Jepun. Kebanyakan pelancong yang datang ke Semporna memilih untuk menempah pakej pelancongan terus dari negara asal mereka tanpa melibatkan agen tempatan. Hal ini menyebabkan penduduk setempat terpinggir daripada peluang ekonomi yang sepatutnya dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Dianggarkan jumlah pelancong yang masuk ke Semporna dianggarkan mencecah jutaan orang namun pulangan ekonomi tempatan sangat rendah. Ini kerana pengurusan pelancongan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak luar[46]. Sebagai contoh agen dari China yang menguruskan pelancong China. Mereka bukan sahaja menguruskan pakej pelancongan, malah turut membawa masuk perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan (bas), restoran, dan bahkan pengurusan pulau.

Keadaan ini menyebabkan ekonomi pelancongan "berputar" dalam kalangan komuniti asing sahaja, sementara masyarakat tempatan tidak mendapat manfaat yang setimpal daripada kehadiran pelancong. Situasi ini menggambarkan keadaan "orang tempatan mengemis di bumi sendiri," iaitu satu bentuk marginalisasi ekonomi.

Permasalahan ini juga turut dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Semporna sendiri, YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal semasa perbahasan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat. Menurut YB Datuk, pelancong China mengambil kesempatan membuka perniagaan sehingga menjejaskan mata pencarian pengusaha tempatan di mana terdapat rakyat dari republik itu yang bukan hanya datang untuk melancong tetapi berniaga dengan membuka restoran dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan seperti bot[47].

- **Ketidaksensitifan Budaya oleh Pelancong**

  Salah satu isu sosial dan budaya yang ketara di Semporna ialah pemakaian pelancong asing yang dianggap tidak sopan dan tidak sesuai dengan norma budaya tempatan, khususnya di kawasan majoriti penduduk Muslim. Pelancong yang berpakaian terlalu seksi atau mencolok mata di kawasan pantai dan kampung nelayan menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan penduduk setempat.

  Keadaan ini bukan sekadar soal keselesaan, tetapi turut menyentuh sensitiviti agama dan budaya masyarakat. Dalam konteks Semporna yang mempunyai majoriti Muslim, etika pemakaian dianggap sebagai asas kepada keharmonian sosial dan rasa hormat antara pelancong dan komuniti setempat. Kekurangan

[46] Segera Atasi Pengusaha Pelancongan Haram," Utusan Borneo Online, August 29, 2025, accessed [14 September 2025], https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/29/segera-atasi-pengusaha-pelancongan-haram

[47] Free Malaysia Today, "Peniaga Tempatan Tertekan: Pelancong China Buka Perniagaan Sendiri di Sabah," Free Malaysia Today (Bahasa), October 22, 2024, accessed [14 September 2025], https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/22/peniaga-tempatan-tertekan-pelancong-china-buka-perniagaan-sendiri-di-sabah

garis panduan atau penguatkuasaan etika berpakaian untuk pelancong telah menimbulkan jurang budaya, yang boleh mencetuskan ketegangan dan menjejaskan imej pelancongan yang harmoni.

Ketiadaan garis panduan atau polisi khusus menyebabkan pelancong bebas berpakaian tanpa memikirkan sensitiviti masyarakat tempatan. Peserta mencadangkan agar aspek etika pemakaian dimasukkan sebagai syarat atau panduan rasmi dalam pengurusan pelancongan. Ini penting bagi menjaga keharmonian budaya, melindungi maruah komuniti setempat, dan pada masa sama meningkatkan kualiti pengalaman pelancongan berasaskan nilai saling menghormati.

- **Kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan**
  Isu kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan di Semporna semakin ketara apabila kebanyakan aktiviti pelancongan dikuasai oleh warga asing. Keadaan ini menyebabkan manfaat ekonomi daripada industri pelancongan tidak dinikmati secara menyeluruh oleh penduduk tempatan. Antara faktor utama ialah ketiadaan modal serta kekurangan kemahiran untuk mengusahakan perniagaan berkaitan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan, atau pakej lawatan. Hal ini menyebabkan penduduk hanya menjadi pemerhati kepada industri yang sedang rancak berkembang di kawasan mereka sendiri. Pengusaha pelancongan juga lebih mengutamakan untuk mengambil pekerja dari dalam kalangan warga bukan tempatan.

  Secara keseluruhan, isu kurang keterlibatan komuniti tempatan dalam industri pelancongan di Semporna yang berpunca daripada dominasi pengusaha asing dan kelemahan penguatkuasaan telah menghalang masyarakat setempat daripada menikmati manfaat ekonomi yang sepatutnya. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan peluang pekerjaan dan perniagaan, malah turut menimbulkan rasa terpinggir serta ketegangan sosial dalam kalangan penduduk. Oleh itu, usaha menyeluruh perlu dilaksanakan melalui pengukuhan penguatkuasaan, peningkatan kemahiran dan modal masyarakat, serta penyediaan ruang untuk komuniti menonjolkan budaya dan hasil tempatan agar industri pelancongan benar-benar menyumbang kepada pembangunan inklusif dan kesejahteraan penduduk Semporna.

Jadual 19 Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Penguasaan agen pelancongan asing 2. Ketidaksensitifan budaya oleh pelancong luar 3. Kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan
Cadangan	1. Melaksanakan penguatkuasaan ketat lesen agen asing, menetapkan kuota syarikat tempatan dalam pakej pelancongan, serta menyediakan insentif geran dan pengecualian cukai bagi mengukuhkan peranan komuniti dan mengurangkan dominasi asing dalam industri pelancongan. 2. Pembangunan garis panduan "Responsible Tourism" khusus untuk Semporna yang menekankan sensitiviti budaya. 3. Peruntukan dana pembangunan berasaskan komuniti (CBT) dan program "Community Guide" melibatkan penduduk sebagai pemandu tempatan bertauliah.
Kumpulan sasaran	Golongan belia tempatan, agensi dan pengusaha pelancongan
Kawasan	Pulau-pulau di Semporna
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang Sasaran 8.9: Menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan
SDG 11: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 11.a: Perancangan pembangunan negara dan wilayah yang kukuh
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.b: Membangun dan melaksanakan alat untuk memantau pelancongan mampan

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Komuniti rentan yang terpinggir

Isu komuniti rentan tanpa dokumen pengenalan diri di Semporna merupakan satu cabaran sosial yang berpanjangan dan semakin kompleks. Isu komuniti rentan tanpa dokumen di Semporna berkait rapat dengan definisi ketiadaan dokumen dan status bukan warganegara. Individu tanpa dokumen merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai bukti pengenalan sah seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan, manakala bukan warganegara atau stateless pula merujuk kepada individu yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara[48]. Keadaan ini berlaku akibat faktor seperti kelahiran tidak didaftarkan, status ibu bapa yang tidak jelas, serta kekangan geografi dan kemiskinan. Kekurangan dokumentasi ini membawa implikasi besar terhadap akses mereka kepada hak dan perkhidmatan asas.

- **Implikasi komuniti rentan terpinggir terhadap hak manusia**

  Komuniti tanpa dokumen di Semporna, khususnya etnik Bajau Laut, berdepan dengan kerentanan yang mendalam akibat ketiadaan pengiktirafan identiti dan kewarganegaraan. Ramai dalam kalangan mereka dilahirkan di laut atau penempatan terpencil tanpa akses kepada pendaftaran kelahiran rasmi, menjadikan mereka tergolong dalam kelompok stateless. Keadaan ini menafikan hak asas kepada identiti yang dijamin oleh undang-undang antarabangsa, sekali gus mengekalkan mereka di luar perlindungan sosial dan undang-undang negara.[12]

  Implikasi paling ketara dapat dilihat dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Di Semporna, kanak-kanak Bajau Laut tanpa dokumen tidak layak mendaftar di sekolah kerajaan, menyebabkan mereka bergantung kepada pusat pembelajaran komuniti atau sekolah alternatif yang terhad dari segi kualiti dan capaian[49]. Hal ini menghalang mobiliti sosial generasi muda dan mengekalkan kitaran kemiskinan dalam komuniti tersebut. Dari aspek kesihatan pula, status tanpa dokumen memaksa mereka membayar kadar rawatan tinggi di hospital atau terus dinafikan akses perkhidmatan asas, sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup mereka.

  Selain itu, komuniti rentan ini turut terdedah kepada kehilangan tempat tinggal apabila rumah panggung di pesisir pantai atau laut dirobohkan atas alasan tidak sah. Kes seperti operasi perobohan rumah Bajau Laut di Semporna pada tahun

[48] Ida Lim, "Why Malaysia Has Zero Data on Stateless Persons: Decoding the Official View Through Parliament's Lens," Malay Mail, July 11, 2023, accessed [14 September 2025], https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/11/why-malaysia-has-zero-data-on-stateless-persons-decoding-the-official-view-through-parliaments-lens/78931

[49] Muhamad Azamuddin Mohamad Ali and Muhammad Nur Danish Kaman, "Ke Mana Hala Tuju Pendidikan Kanak-Kanak Pala'u?," Malaysia Gazette, July 16, 2024, accessed 14 September 2025], https://malaysiagazette.com/2024/07/16/ke-mana-hala-tuju-pendidikan-kanak-kanak-palau

2024 memperlihatkan bagaimana ketiadaan dokumen menyebabkan mereka tidak mempunyai perlindungan undang-undang terhadap pemilikan tempat tinggal[50]. Isu pemindahan paksa komuniti Bajau Laut ini mencetuskan perdebatan serius apabila pihak berkuasa menjalankan operasi perobohan rumah di tujuh pulau dalam Taman Marin Tun Sakaran, termasuk Pulau Bohey Dulang dan Pulau Maiga di mana sebanyak 138 struktur rumah telah dirobohkan. Dari perspektif komuniti, tindakan perobohan ini menimbulkan kesan traumatik kerana rumah panggung di pesisir pantai atau laut bukan sekadar tempat tinggal, tetapi juga menjadi pusat kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi mereka.

Dalam konteks ini, operasi kerajaan dilihat sebagai bentuk peminggiran tambahan, walaupun ia dijalankan atas alasan keselamatan. Pihak kerajaan menekankan bahawa operasi tersebut dilakukan bagi memastikan keselamatan awam dan mengawal insiden jenayah, termasuk aktiviti rentas sempadan di kawasan taman marin.[51] Pendekatan ini mencerminkan kepentingan keamanan dan pengurusan kawasan strategik, namun ia juga menimbulkan persoalan mengenai keseimbangan antara keselamatan dan hak asasi manusia. Komuniti tanpa dokumen yang terlibat tidak mempunyai saluran formal untuk memberi suara atau menuntut hak mereka, sehingga menimbulkan ketegangan sosial dan kritikan daripada NGO.

- **Diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan**
  Komuniti rentan tanpa dokumen di Semporna, khususnya Bajau Laut, sering mengalami diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan. Kekurangan pengiktirafan identiti dan status kewarganegaraan menyekat akses mereka kepada pekerjaan formal, menyebabkan ramai terpaksa bergantung kepada kerja tidak tetap dengan upah rendah, seperti menangkap ikan, mengutip hasil laut, atau bekerja sebagai buruh harian di kawasan pelancongan. Dalam sektor pelancongan, mereka turut dieksploitasi sebagai pemandu pelancong atau pekerja resort tanpa perlindungan kontrak yang sah, manakala pendapatan yang diterima sering tidak setimpal dengan sumbangan mereka[52]. Diskriminasi juga

[50] Stephanie Lee, "Hundreds of Bajau Laut Left Without Homes After Demolition Operation in Semporna," The Star, June 7, 2024, accessed September 14, 2025, https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/07/hundreds-of-bajau-laut-left-without-homes-after-demolition-op-in-semporna

[51] Robôh Rumah Atas Air di TMTS Kerana Faktor Keselamatan," Harakah Daily, June 2024, accessed September 14, 2025, https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1098228/roboh-rumah-atas-air-di-tmts-kerana-faktor-keselamatan

[52] Stephanie Lee, "Seen but Never Welcomed: The Bajau Laut of Semporna Continue to Lose Out in Tourism Boom," The Borneo Post, July 17, 2025, accessed September 14, 2025, https://www.theborneopost.com/2025/07/17/seen-but-never-welcomed-the-bajau-laut-of-semporna-continue-to-lose-out-in-tourism-boom/

berlaku apabila pelancong atau pihak pengurusan lebih mengutamakan pekerja yang mempunyai dokumen sah dan mengabaikan hak serta kebajikan komuniti tempatan.

Seterusnya, isu eksploitasi dan ketidakadilan dalam sektor pekerjaan di Semporna, khususnya terhadap golongan belia dan pekerja tanpa dokumen. Peserta FGD menjelaskan bahawa ramai belia berhijrah ke Semenanjung akibat sistem pekerjaan di Sabah yang kurang memuaskan, termasuk gaji rendah dan perlakuan majikan yang tidak adil. Contohnya, pekerja tanpa kad pengenalan kerap menerima gaji jauh di bawah kadar minimum yang ditetapkan, iaitu RM500 hingga RM600 berbanding RM1,500 hingga RM1,700, dan tidak diberikan slip gaji sebagai bukti pembayaran. Situasi ini menyukarkan pekerja untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa atau mendapatkan hak mereka secara sah. Selain itu, peserta turut menekankan bahawa diskriminasi ini berlaku bukan sahaja di sektor swasta, malah juga melibatkan badan berkanun kerajaan, di mana majikan lebih cenderung mengambil pekerja tanpa kad pengenalan untuk mengurangkan kos atau mengelakkan tanggungjawab formal. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja tempatan dan komuniti rentan di Semporna terus menghadapi marginalisasi dalam pasaran pekerjaan, termasuk sektor pelancongan, kerana kekurangan perlindungan undang-undang dan akses kepada pekerjaan rasmi.

- **Kekurangan data rasmi bagi komuniti rentan**
  Kekurangan data rasmi mengenai komuniti tanpa dokumen di Sabah, khususnya komuniti Bajau Laut di Semporna, menimbulkan cabaran besar dalam perancangan dasar dan pelaksanaan intervensi.[53] Tiada statistik yang menyeluruh mengenai jumlah sebenar individu yang tidak mempunyai dokumen dan tiada kewarganegaraan, menyebabkan pihak kerajaan dan organisasi bukan kerajaan sukar menilai skala sebenar masalah serta mengenal pasti keperluan komuniti tersebut secara tepat. Kekosongan data ini juga menyukarkan pengagihan bantuan sosial, penyediaan pendidikan, akses perkhidmatan kesihatan, serta peluang pekerjaan yang formal dan adil. Akibatnya, komuniti rentan terus hidup dalam marginalisasi, dengan hak-hak asas mereka seperti kewarganegaraan, perumahan, dan perlindungan sosial sering diabaikan. Situasi ini menekankan kepentingan pelaksanaan sistem pengumpulan data yang lebih teliti, inklusif, dan berkesan, agar dasar serta program pembangunan dapat dirancang dengan berfokus dan menyasarkan keperluan sebenar komuniti rentan di Semporna. Inisiatif ini juga penting bagi membantu agensi penguatkuasa menjalankan

[53] Pendataan PTI, Bajau Laut Perlu Dimulakan – MAN Semporna," Utusan Borneo, 18 Julai 2025, diakses 14 September 2025, https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/18/pendataan-pti-bajau-laut-perlu-dimulakan-man-semporna

pemantauan dan tindakan secara lebih berkesan terhadap isu berkaitan jenayah dan keselamatan di kawasan Semporna. Dengan adanya pendataan yang lengkap, pihak berkuasa dapat menilai sama ada jumlah komuniti yang tidak mempunyai dokumen dan tidak mempunyai kewarganegaraan ini meningkat atau menurun, dan mengambil tindakan yang sesuai.

Jadual 20 Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Implikasi komuniti rentan terpinggir terhadap hak manusia 2. Diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan 3. Kekurangan data rasmi bagi komuniti rentan
Cadangan	1. Menubuhkan pusat pendaftaran khas di Semporna untuk membantu komuniti Bajau Laut dan individu tanpa dokumen mendapatkan sijil kelahiran, MyKad/MyKid atau dokumen sementara. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama kerajaan negeri, Mahkamah Anak Negeri (MAN) dan NGO. 2. Melaksanakan pendataan menyeluruh bagi komuniti Bajau Laut dan PTI di Semporna, termasuk jumlah, lokasi, usia, dan status dokumen. 3. Menyediakan pangkalan data digital untuk kerajaan, NGO, dan pihak berkepentingan, bagi memudahkan perancangan dasar dan penyaluran bantuan sosial.
Kumpulan Terjejas	Komuniti tiada dokumen dan kewarganegaraan
Kawasan	Pulau-pulau di Semporna
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Sasaran 8.5: Kadar pekerjaan penuh dan kerja yang layak dengan gaji yang sama Sasaran 8.8: M elindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat

SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaa	Sasaran 10.3: Memastikan peluang sama rata dan menamatkan diskriminasi
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh	Sasaran 16.3: Menggalakkan kedaulatan undang-undang dan memastikan akses yang sama kepada keadilan Sasaran 16.9: Menyediakan identiti undang-undang sejagat Sasaran 16.10: Memastikan akses awam kepada maklumat dan melindungi kebebasan asas Sasaran 16.b: Mempromosikan dan menguatkuasakan undang-undang dan dasar tanpa diskriminasi

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 21 Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Melestarikan Alam Sekitar Dan Ekonomi Di Semporna (MASES)	Program Pembangunan Komuniti - Pelancongan Berasaskan Komuniti	Membina Daya Tahan: Memperkasakan Komuniti Rentan di Semporna Melalui Kemahiran Hidup
SDG Berkaitan	SDG 6, 11, 12	SDG 8,11,12	SDG 8,10,16
Objektif	• Projek ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang alam sekitar, pengurusan sisa, dan kelestarian ekonomi. • Projek ini menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti praktikal seperti usaha pembersihan, kitar semula, dan pembinaan "Rumah Sampah". • Projek ini menyokong kerjasama antara komuniti, NGO, dan agensi tempatan bagi memastikan pengurusan sisa dan amalan lestari dapat dijalankan secara berterusan.	• Projek ini bertujuan membangunkan dan mengukuhkan pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Bum-Bum melalui pemetaan produk pelancongan sedia ada dan berpotensi. • Program ini menggalakkan penyertaan dan penglibatan aktif masyarakat dalam semua inisiatif pelancongan. • Projek ini berhasrat membuka potensi pelancongan pulau untuk meningkatkan ekonomi tempatan dan taraf hidup penduduk.	• Projek ini bertujuan memperkasakan komuniti rentan di Semporna melalui pendidikan asas, kemahiran hidup, dan peluang mata pencarian yang mampan. • Projek ini berfokus membina daya tahan masyarakat melalui literasi, latihan keusahawanan, serta pembangunan kemahiran dalam pertanian dan kraf tempatan. • Projek ini menggalakkan tadbir urus inklusif dan meningkatkan kualiti hidup komuniti sambil menyokong rangkuman sosial jangka

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			panjang dan berdikari ekonomi.
Hasil Jangkaan	• Masyarakat Kampung Tanjung Kapor mempunyai kesedaran yang lebih tinggi tentang kepentingan alam sekitar dan pengurusan sisa yang betul. • Komuniti aktif menyertai aktiviti pengurusan sisa seperti pembersihan, kitar semula, dan penyelenggaraan "Rumah Sampah". • Kerjasama berterusan antara komuniti, NGO, dan agensi tempatan mewujudkan amalan lestari yang memberi impak jangka panjang terhadap kelestarian ekonomi dan alam sekitar.	• Komuniti di Pulau Bum-Bum mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang pelancongan berasaskan komuniti dan terlibat secara aktif dalam pembangunan produk pelancongan. • Potensi pelancongan pulau dimanfaatkan untuk meningkatkan ekonomi tempatan dan memperbaiki taraf hidup penduduk secara mampan.	• Peserta memperoleh literasi asas dan akses pendidikan berterusan melalui modul pembelajaran yang disesuaikan untuk semua peringkat umur. • Kemahiran hidup dan keusahawanan peserta dipertingkatkan melalui latihan pertanian moden, pengeluaran kraf dan produk nilai tambah, meningkatkan peluang ekonomi mereka. • Komuniti menjadi lebih inklusif, berdikari dan berdaya tahan dengan tadbir urus tempatan yang disesuaikan, serta peningkatan kesedaran alam sekitar dan pemilikan sosial jangka panjang.
Organisasi	Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK)	Kelab Belia Tinagayan	University College Sabah Foundation

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Aktiviti	• Program ceramah kesedaran tentang alam sekitar, pengurusan sisa, dan kelestarian ekonomi untuk masyarakat Kampung Tanjung Kapor. • Aktiviti praktikal termasuk usaha pembersihan, kitar semula, dan pembinaan "Rumah Sampah" bagi mengurus bahan buangan dengan lebih sistematik. • Masyarakat bekerjasama dengan NGO dan agensi tempatan, membentuk jawatankuasa projek, dan menyertai semakan pasca program untuk memastikan penglibatan dan kesan yang berkekalan.	• Inisiatif pemetaan tapak, pengenalan kepada Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT), dan pembangunan produk pelancongan termasuk konsep homestay. • Peserta mengikuti latihan perkhidmatan pemanduan yang diperakui, pemasaran digital asas, bercerita, penulisan salinan, dan sesi pitching praktikal untuk meningkatkan kemahiran operasi dan promosi. • Aktiviti juga melibatkan penglibatan pihak berkepentingan serta kerjasama dengan agensi berkaitan bagi menyokong kemampanan pelancongan berasaskan komuniti jangka panjang.	• Projek bermula dengan pemetaan komuniti dan perancangan program bagi mengenal pasti keperluan peserta serta menyediakan pelan kerja dan modul pembelajaran. • Peserta mengikuti bengkel literasi asas, kemahiran hidup, serta latihan praktikal dalam pertanian moden dan pembuatan kraf untuk meningkatkan peluang ekonomi. • Projek dilengkapkan dengan dialog strategik, pemantauan, dan sesi penutup yang melibatkan pemimpin, agensi, dan pakar bagi menilai keberkesanan dan memastikan hasil projek berkekalan.
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Lokasi	Tanjung Kapor, Semporna	Kampung Balimbang, Pulau Bum-Bum, Semporna	Pulau Sibangkat, Semporna
Tempoh	3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan	3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan	3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

Ali, Muhamad Azamuddin Mohamad, and Muhammad Nur Danish Kaman. "Ke Mana Hala Tuju Pendidikan Kanak-Kanak Pala'u?" Malaysia Gazette, July 16, 2024. Accessed September 14, 2025. https://malaysiagazette.com/2024/07/16/ke-mana-hala-tuju-pendidikan-kanak-kanak-palau

Bernama. "Sabah Penyumbang Utama Pengeluaran Rumpai Laut Negara." Astro Awani, 2023. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sabah-penyumbang-utama-pengeluaran-rumpai-laut-negara-461730

Free Malaysia Today. "Peniaga Tempatan Tertekan: Pelancong China Buka Perniagaan Sendiri di Sabah." Free Malaysia Today (Bahasa), October 22, 2024. Accessed September 14, 2025. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/22/peniaga-tempatan-tertekan-pelancong-china-buka-perniagaan-sendiri-di-sabah

Ida Lim. "Why Malaysia Has Zero Data on Stateless Persons: Decoding the Official View Through Parliament's Lens." Malay Mail, July 11, 2023. Accessed September 14, 2025. https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/11/why-malaysia-has-zero-data-on-stateless-persons-decoding-the-official-view-through-parliaments-lens/78931

Jabatan Perangkaan Malaysia. My Local Stats: Semporna, 2023.

Lee, Stephanie. "Hundreds of Bajau Laut Left Without Homes After Demolition Operation in Semporna." The Star, June 7, 2024. Accessed September 14, 2025. https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/07/hundreds-of-bajau-laut-left-without-homes-after-demolition-op-in-semporna

Lee, Stephanie. "Seen but Never Welcomed: The Bajau Laut of Semporna Continue to Lose Out in Tourism Boom." The Borneo Post, July 17, 2025. Accessed September 14, 2025. https://www.theborneopost.com/2025/07/17/seen-but-never-welcomed-the-bajau-laut-of-semporna-continue-to-lose-out-in-tourism-boom/

Rosmiza, M.Z., Nur Aqilah Hadifah Mohd Yusri, Fatin Umaira Muhamad Azian, Mohamad Syahrul Nizam Ibrahim, Mohamad Pirdaus Yusoh, and Johan Johnes. 2025. "Economic Impact of Marine Ecotourism on the Local Community in Semporna, Sabah, Malaysia." Pakistan Journal of Life and Social Sciences 23. Accessed April 12, 2025. https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602_Economic_Impact_of_Marine_Ecotourism_on_the_Local_Community_in_Semporna_Sabah_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf

Parlimen Malaysia. "YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal." Accessed April 10, 2024. https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4228

Setiausaha Kerajaan Negeri. 2025. Pulau Sipadan. Accessed April 12, 2025. https://skn.sabah.gov.my/iknow/pelancongan-alam/pantai-pulau

Utusan Borneo. "Aktiviti Pelancongan di Semporna Kembali Rancak Tahun Ini." 2023. https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/aktiviti-pelancongan-di-semporna-kembali-rancak-tahun-in

Utusan Borneo. "Pendataan PTI, Bajau Laut Perlu Dimulakan – MAN Semporna." July 18, 2025. Accessed September 14, 2025. https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/18/pendataan-pti-bajau-laut-perlu-dimulakan-man-semporna

Utusan Borneo. "Pencemaran Jejas Pelancongan: Penyelesaian Mampan Diperlukan." September 12, 2025. Accessed September 14, 2025. https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/12/pencemaran-jejas-pelancongan-penyelesaian-mampan-diperlukan

Utusan Borneo. "Segera Atasi Pengusaha Pelancongan Haram." August 29, 2025. Accessed September 14, 2025. https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/29/segera-atasi-pengusaha-pelancongan-haram

Harakah Daily. "Robôh Rumah Atas Air di TMTS Kerana Faktor Keselamatan." June 2024. Accessed September 14, 2025. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1098228/roboh-rumah-atas-air-di-tmts-kerana-faktor-keselamatan

Melancong. "26 Aktiviti & Tempat Menarik di Semporna." Accessed April 12, 2025.

6 siri jilid yang bertajuk 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' adalah kesinambungan daripada siri terdahulu yang diterbitkan oleh pasukan APPGM-SDG pada tahun 2023 dan 2024. Penerbitan ini mencatatkan usaha kajian lapangan pemetaan isu dan analisis kritikal secara terangkum di 28 kawasan Parlimen seluruh Malaysia bagi tahun 2025, dengan tujuan menyediakan gambaran menyeluruh tentang realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi.

Nilai utama laporan ini terletak pada pendekatan yang sistematik dan terperinci dalam memahami isu-isu tempatan. Melalui penglibatan langsung bersama komuniti, pasukan APPGM-SDG telah mengenal pasti keutamaan yang harus diberi perhatian serta mengumpul data yang kukuh sebagai asas kepada cadangan intervensi. Pendekatan ini menegaskan kepentingan mendengar suara masyarakat dan menggunakan data yang tepat bagi menyokong perancangan dasar dan pelaksanaan di peringkat akar umbi.

Siri 2025 merangkumi Zon Utara, Pantai Timur, Tengah, Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak, di mana setiap jilid memuatkan catatan kajian pemetaan isu yang terperinci. Setiap laporan zon disertakan dengan bahan visual untuk memperkayakan analisis dan memberi konteks yang jelas. Selain itu, suara serta aspirasi komuniti akar umbi diangkat melalui transkripsi sesi perbincangan kumpulan fokus atau *focus group discussions* (FGD), lantas membolehkan pengalaman dan keperluan akar umbi di secara langsung dalam laporan ini.

Dokumen ini disediakan sebagai sumber rujukan komprehensif untuk pertubuhan sosial, pemimpin komuniti, agensi kerajaan dan organisasi lain yang terlibat dalam pembangunan komuniti. Ia menggariskan cabaran-cabaran sosioekonomi, alam sekitar, tadbir urus dan tuntutan pembangunan tempatan yang memerlukan perhatian intervensi bersasar. Laporan-laporan ini juga memberikan cadangan awal bagi langkah-langkah program dan dasar yang berkesan dan mampan, berakar pada realiti lapangan dan pandangan masyarakat.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 menitikberatkan kepentingan penggunaan data yang sesuai, penglibatan komuniti dalam proses perancangan, dan fokus kepada intervensi yang inklusif serta mampan. Dengan penulisan yang teliti dan pembentangan suara rakyat, siri ini berfungsi bukan sahaja sebagai laporan tetapi juga sebagai sarana praktikal untuk merancang tindakan yang memberi impak.

Siri ini diharap dapat memberi sumbangan yang bernilai dalam usaha memahami realiti akar umbi dan membentuk pembangunan komuniti yang inklusif serta mampan. Ia juga merupakan buku pegangan bagi individu-individu, pertubuhan dan pembuat dasar yang berhasrat membawa perubahan bermakna dalam komuniti pada masa hadapan.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-12-9

9 786297 752129